

SIRI MENJELAJAH ALKITAB

LUKAS

ANAK MANUSIA DATANG UNTUK MENCARI
DAN MENYELAMATKAN YANG HILANG



**WAWASAN
PENABUR**

Siri Menjelajah Alkitab Lukas

Penulis : Goh Kim Guat
Penterjemah : Steffisley Mosingki
Penyunting : Randy Singkee
Reka Letak : Randy Singkee
Penelitian Pruf : Veronica Moliun & Samuel Louis Tan
Kulit buku : Chiang Juat Chin

Cetakan Pertama: September 2013

Hakcipta © 2005 Edisi Bahasa Inggeris
Issachar Sdn Bhd

Hakcipta © 2013 Edisi Bahasa Malaysia
Wawasan Penabur Sdn. Bhd.

Petikan Alkitab diambil dari:
Alkitab Berita Baik, Edisi Kedua © 2001 The Bible Society of Malaysia

Diterbitkan oleh:
Wawasan Penabur Sdn. Bhd.
P.O.Box: 8327, Kelana Jaya
46787 Petaling Jaya, Selangor
wawasan.penabur@gmail.com

Wawasan Penabur bekerja rapat dengan gereja-gereja berbahasa Malaysia untuk mengembang, menerbit dan menyebarkan bahan-bahan sumber Kristian dalam Bahasa Malaysia yang berasaskan Alkitabiah bagi kegunaan gereja dan umat Tuhan. Diilhamkan oleh pemimpin-pemimpin Kristian lintas-denominasi, Wawasan Penabur adalah satu organisasi bukan untuk keuntungan yang komited untuk melayani umat Kristian berbahasa Malaysia di Malaysia.

Hak Cipta terpelihara.

Tidak dibenarkan mengeluarkan mana-mana bahagian artikel, ilustrasi, dan isi kandungan buku ini dalam apa jua bentuk dan dengan cara apa jua sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Penerbit.

Daftar Isi

1	Prakata
2	Sebelum Anda Bermula
3	Pengenalan
3	Pengenalan Kepada Injil Lukas
7	Tokoh-Tokoh Dalam Injil Lukas
9	Latar Belakang Agama Dalam Perjanjian Baru
16	Latar Belakang Kebudayaan Dalam Perjanjian Baru
21	Injil Lukas
22	Bab 1
26	Bab 2
31	Bab 3
34	Bab 4
39	Bab 5
44	Bab 6
49	Bab 7
53	Bab 8
58	Bab 9
62	Bab 10
65	Bab 11
70	Bab 12
74	Bab 13
77	Bab 14
80	Bab 15
82	Bab 16
85	Bab 17
88	Bab 18
92	Bab 19
95	Bab 20
100	Bab 21
102	Bab 22
107	Bab 23
112	Bab 24
117	Senarai Rujukan

Prakata

Siri Menjelajah Alkitab merintis kepada satu komentari ringkas untuk buku-buku yang terdapat dalam Alkitab, khusus untuk para remaja dan belia yang mempunyai kerinduan untuk menghayati dan mempelajari Alkitab secara berseorangan ataupun berkumpulan. Siri ini diilhamkan oleh adanya keperluan bagi para pelajar Tingkatan 4 dan 5 (khususnya dari Sabah dan Sarawak) yang memilih dan mempersiapkan diri untuk mengambil mata pelajaran pilihan Bible Knowledge bagi peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia.

Ramai pelajar Kristian yang tidak sedar bahawa ada mata pelajaran yang dikenali sebagai Kertas 9221 Bible Knowledge, yang ditawarkan dalam peperiksaan SPM. Dengan rahmat Tuhan, mata pelajaran ini masih lagi bertahan sejak tahun 1960-an, walaupun telah beberapa kali cuba ditiadakan oleh Kementerian Pendidikan dengan alasan tidak mendapat sambutan daripada para pelajar.

Kertas 9221 Bible Knowledge adalah dalam Bahasa Inggeris. Sukatan pelajarannya merangkumi dua bahagian:

- (1) Kehidupan dan ajaran Yesus Kristus berdasarkan Injil Lukas, dan
- (2) Pertumbuhan Gereja Awal berdasarkan Kisah Rasul-Rasul.

Siri Menjelajah Alkitab ini akan menjadi panduan kepada mereka yang berhasrat untuk mengambil Bible Knowledge sebagai mata pelajaran pilihan SPM, atau bagi individu yang mahu mendalami Firman Tuhan. Ada beberapa sebab mengapa kita harus menggalakkan para pelajar Kristian mengambil mata pelajaran pilihan Bible Knowledge, walaupun harus menjawabnya di dalam Bahasa Inggeris:

1. Pelajar-pelajar Kristian harus mengetahui Firman Tuhan sama seperti mereka memahami mata pelajaran akademik yang lain.
2. Mengambil mata pelajaran ini merupakan satu pelaburan masa untuk kekekalan.
3. Firman Tuhan adalah sauh yang diperlukan oleh para pelajar semasa melalui masa-masa sukar dalam hidup, khususnya dalam menghadapi cabaran ganggu-gugat iman yang mereka percayai.
4. Ia akan menjadi satu landasan keakhlakan dalam semua tindakan dan keputusan dalam kehidupan seharian mereka.
5. Gereja di Malaysia memerlukan para pemimpin hari esok yang benar-benar takut akan Tuhan.
6. Ia juga akan membantu meningkatkan penguasaan para pelajar terhadap Bahasa Inggeris.

Bermula dengan Injil Lukas dan Kisah Rasul-Rasul, Siri Menjelajah Alkitab ini akan dikembangkan untuk meliputi buku-buku lain yang ada di dalam Alkitab.

Semoga angkatan pelapis Gereja di Malaysia akan dikuatkan dan diteguhkan iman mereka dalam menghadapi pelbagai cabaran yang mengganggu-gugat kepercayaan mereka di dalam ajaran dan keilahian Tuhan Yesus Kristus. Dan semoga para remaja dan belia kita akan lebih mengenal, mencintai dan meneladani Yesus Kristus yang adalah Jalan, Kebenaran dan Hidup. Amen!



Sebelum Anda Bermula

Sebelum anda memulakan penjelajahan anda dalam mengenal dan menghayati Lukas, ada beberapa petunjuk yang akan membantu anda sepanjang pengembaraan anda:

1. Baca bahagian Pengenalan Kepada Injil Lukas terlebih dahulu.
2. Baca Injil Lukas paling kurang sekali sebelum anda memulakan pembelajaran dengan mendalam untuk setiap bab.
3. Nota-nota di bahagian bawah setiap halaman (bahagian Teropong) menyediakan beberapa maklumat latar belakang untuk membantu anda memahami Firman Tuhan yang dibaca.
4. Sepanjang penjelajahan anda, anda akan berhenti untuk berfikir sejenak Firman Tuhan yang telah dibaca, mengambil prinsip dan pengajaran untuk dijadikan pegangan dalam hidup, berdoa dan menghafal Firman Tuhan

Dalam buku ini, anda akan bertemu dengan simbol-simbol berikut:



Teropong

Perkara-perkara menarik untuk diketahui - ini adalah nota-nota yang akan membantu anda memahami ayat atau petikan Alkitab tersebut



Mari Fikir Sejenak

Sesuatu untuk difikirkan - ini adalah soalan-soalan yang akan membantu anda untuk membuat refleksi dan renungan, serta bagaimana kebenaran Firman Tuhan itu dapat diterapkan di dalam hidup anda.



Suatu Pegangan Hidup

Untuk pegangan hidup - ini adalah komentar-komentar yang boleh membantu anda dalam kehidupan sehari-harian anda dengan Tuhan.



Waktu Untuk Berdoa

Berhenti sejenak untuk berdoa - ini menunjukkan bahawa anda mungkin mahu berhenti sejenak untuk berdoa kepada Tuhan tentang apa yang anda telah baca dan pelajari. Ingatlah bahawa Roh Kuduslah guru anda yang terbaik.



Ayat Hafalan

Ayat Firman Tuhan yang menjadi pendorong kepada anda - ini adalah ayat-ayat Firman Tuhan untuk anda hafal dan simpan di dalam hati anda.

Pengenalan Kepada Injil Lukas

Penulis

Secara umum, adalah dipersetujui bahawa pengarang Injil Lukas juga merupakan pengarang kepada buku Kisah Rasul-Rasul. Kedua-dua buku ini ditujukan kepada individu yang sama iaitu Teofilus. Bahasa dan struktur kedua-dua buku tersebut adalah sama dan ini menunjukkan bahawa mereka ditulis oleh orang yang sama. Terdapat beberapa petikan di dalam buku Kisah Rasul-Rasul dan juga hasil tulisan-tulisan awal Kristian yang menunjukkan bahawa Lukas adalah penulis kepada Injil ini. Lukas adalah sahabat kepada Paulus (Kol 4:14) dan rakan sepelayanannya (Flm 24).

Lukas dilahirkan dalam sebuah keluarga bukan Yahudi, berpendidikan dalam budaya Yunani dan berprofesi sebagai seorang doktor (Kol 4:14). Dia pernah mengembara bersama Paulus beberapa kali, bermula dari perjalanan misi kedua Paulus sehingga Paulus dipenjarakan untuk kali pertama di Roma. Lukas adalah seorang sahabat setia yang tetap bersama dengan Paulus walaupun orang lain telah meninggalkannya (2 Tim 4:11). Tradisi gereja awal mencadangkan bahawa Lukas mungkin berasal dari Antiokhia di Siria ataupun dari Filipi di Makedonia.

Tempat dan Tarikh Buku Ditulis

Terdapat dua tarikh penulisan yang secara umumnya diterima oleh para sarjana: sekitar awal tahun ke-60 M (59-63 M), dan akhir 70 M ataupun awal 80 M (75-85 M).

Lukas mungkin telah menulis Injilnya di Roma, walaupun terdapat juga lokasi-lokasi lain yang telah dicadangkan seperti Akhaya, Efesus, dan Kaisarea.

Tujuan Penulisan

Injil Lukas merupakan sebuah catatan kehidupan dan pelayanan Yesus Kristus yang telah ditulis dengan tersusun berdasarkan kajian yang teliti untuk seorang lelaki bernama Teofilus. 'Teofilus' bermaksud 'seseorang yang mengasihi Allah' (1:3). Teofilus mungkin adalah seorang pegawai Roma ataupun seorang kaya yang memiliki status sosial yang tinggi. Dia mungkin adalah penaung kepada Lukas, bertanggungjawab untuk memastikan tulisan Lukas disalin dan diedarkan. Walaupun tujuan asal Lukas menulis Injil ini adalah untuk memberikan panduan kepada Teofilus dan juga para pembaca yang lain, dia juga turut mempunyai tujuan-tujuan bermotifkan teologi.

Injil Lukas dan Kisah Rasul-Rasul berpusat kepada tema penyelamatan Allah dan pengisytiharan Berita Baik Yesus Kristus kepada seluruh dunia. Salah satu tujuan Lukas menulis adalah untuk menunjukkan bahawa Injil adalah untuk semua orang, bahawa Yesus telah menghancurkan pemisah di antara orang Yahudi dan bukan Yahudi, serta mewujudkan komuniti seantero dunia di mana ketidaksetaraan di antara Yahudi dan bukan Yahudi, hamba dan bukan hamba, lelaki dan perempuan tidak lagi wujud. Lukas menulis buku ini untuk dibaca oleh orang bukan Yahudi.

'Injil'

Istilah 'Injil' diambil daripada perkataan Yunani *euangelion* yang bermaksud 'berita baik'. Ia digunakan oleh Yesus dan para pengikut terawal-Nya untuk merujuk kepada Berita Baik bahawa Allah telah mengutus Yesus bagi memenuhi janji-janji-Nya dan mendirikan Kerajaan Allah melalui kematian dan kebangkitan Yesus. Oleh itu, menginjil bermaksud 'membawa berita baik'.

Gereja kemudiannya mula menggunakan kata 'Injil' untuk empat tulisan – Matius, Markus, Lukas dan Yohanes – yang menceritakan tentang kehidupan, pelayanan, kematian dan kebangkitan Yesus.

Tiga daripada empat buku Injil (iaitu Matius, Markus dan Lukas) membentuk satu kumpulan istimewa yang dipanggil sebagai Injil-Injil Sinoptik. Istilah 'sinoptik' bermaksud 'memberi satu pandangan yang sama' ataupun 'melihat bersama-sama'. Walaupun ketiga-tiga tulisan ini mempunyai isi kandungan, rangka dan gaya penulisan yang unik, tetapi kebanyakan daripada kata-kata, kisah dan susunan kandungan yang diceritakan adalah serupa.



Injil Lukas adalah injil yang paling terperinci di antara ketiga-tiga Injil Sinoptik. Ia juga adalah buku yang terpanjang di dalam Perjanjian Baru.

Bahasa dan Gaya Penulisan

Lukas menulis buku ini dalam bahasa Yunani. Dia mempunyai kepetahan yang baik di dalam menggunakan bahasa tersebut. Dengan kosa kata yang kaya lagi luas, bahasa Yunani Lukas adalah yang terbaik di dalam Perjanjian Baru.

Tema-Tema Khusus Lukas

Setiap Injil yang ditulis di dalam Perjanjian Baru memiliki tema dan penekanan yang tersendiri meskipun mereka membincangkan bahan-bahan yang serupa. Injil Lukas adalah Injil yang terpanjang (kepanjangan tulisan dan bukan bilangan bab) serta mempunyai catatan kehidupan dan pelayanan Yesus yang paling lengkap.

Berikut adalah tema-tema yang didapati di dalam Injil Lukas:

1. Allah dan Keselamatan yang Ditawarkan Oleh-Nya Melalui Yesus Kristus

Tema ini adalah tema utama di dalam Lukas dan Kisah Rasul-Rasul. Lukas membentangkan pekerjaan-pekerjaan dan ajaran-ajaran Yesus yang amat penting di dalam memahami maksud keselamatan yang sebenar.

2. Kedudukan Orang Yahudi dan Bukan Yahudi di Dalam Rancangan Keselamatan Allah.

Injil Lukas terkenal dengan 'faham sarwajagat/universalisme' bahawa pesanan injil itu adalah untuk semua orang, bukan hanya untuk orang Yahudi. Terdapat banyak petunjuk yang menunjukkan Lukas memikirkan tentang orang-orang bukan Yahudi sebagai pembacanya ketika dia menulis Injil ini.

3. Keprihatinan Allah yang Khusus Terhadap Golongan-Golongan Tertentu

Kita boleh mendapati terdapatnya penekanan yang berat di seluruh Injil Lukas berkenaan dengan minat dan keprihatinan Yesus terhadap mereka yang dipinggirkan oleh masyarakat; diasingkan kerana tidak dianggap penting – golongan wanita dan kanak-kanak yang tidak dianggap penting pada waktu itu, orang miskin dan 'pelaku dosa' (golongan yang dianggap sebagai sampah masyarakat) seperti para pemungut cukai. Orang Samaria yang dibenci oleh orang Yahudi turut menerima belas kasihan daripada Yesus.

4. Doa

Terdapat penekanan yang kuat ke atas doa di dalam Injil Lukas. Kita melihat catatan-catatan tentang doa Yesus dan ajaran-Nya berkenaan dengan doa. Tujuh daripada sembilan doa yang dicatatkan di dalam Injil Lukas tidak didapati di dalam Injil-Injil yang lain. Catatan-catatan tersebut menunjukkan Yesus berdoa sebelum berhadapan dengan setiap krisis yang menimpa-Nya. Dua perumpamaan yang hanya boleh didapati di dalam Injil Lukas juga membincangkan tentang doa.

5. Pujian, Kesyukuran dan Kegembiraan

Injil Lukas bermula dan berakhir dengan kegembiraan dan penyembahan. Dia mencatatkan beberapa lagu-lagu termasyhur Kristian – nyanyian malaikat sewaktu kelahiran Yesus, Magnificat Maria (Nyanyian Pujian Maria) dan Benedictus Zakharia. Terdapat banyak rujukan kepada memuji, memberkati ataupun memuliakan Allah. Kata kerja 'bergembira' dan kata nama 'gembira' juga sering didapati di dalam Injil ini. Terdapat kegembiraan ketika Zakheus menerima Yesus; kegembiraan di bumi wujud ketika domba dan syiling yang hilang dijumpai; dan ada kegembiraan di syurga ketika orang-orang berdosa yang sesat dijumpai kembali.

6. Roh Allah

Peribadi dan pekerjaan Roh Allah juga turut diberi penekanan khusus di dalam Injil Lukas. Ulasannya tentang Roh Allah adalah lebih banyak daripada penulis-penulis Injil yang lain. Terdapat 17 rujukan tentang Roh Allah di dalam Injil Lukas, sama dengan jumlah hasil gabungan rujukan yang di dapati di dalam Matius dan Markus.

Roh Allah amat menonjol sejak dari awal Injil ini. Terdapat beberapa rujukan tentang Roh Allah ketika Yesus memulakan pelayanan-Nya. Selepas peristiwa kebangkitan Yesus diceritakan, kedatangan Roh Allah disebutkan sekali lagi untuk memenuhi murid-murid Yesus dengan kuasa-Nya. Di dalam buku Kisah Rasul-Rasul, kita disajikan dengan penekanan Lukas tentang Roh Allah kerana buku tersebut dipenuhi dengan pekerjaan-pekerjaan Roh Kudus.

7. Penekanan-Penekanan yang Lain

Lukas juga mempunyai beberapa kisah yang hanya boleh didapati di dalam Injilnya. Dialah satu-satunya penulis yang mencatatkan kisah yang membawa kepada peristiwa-peristiwa konsepsi dan kelahiran Yohanes Pembaptis dan Yesus. Lukas juga merupakan satu-satunya penulis yang memberikan kita imbasan tentang apa yang berlaku terhadap Yesus selepas kelahiran-Nya dan juga zaman kanak-kanak -Nya.

Di dalam bahagian yang menceritakan perjalanan Yesus ke Yerusalem (9:51-19:27), Lukas memberikan kita perumpamaan-perumpamaan terkenal yang tidak didapati di dalam Injil-Injil yang lain (Orang Samaria yang Baik Hati, Anak yang Hilang, dan lain-lain). Akhir sekali, bahan yang digunakan oleh Lukas untuk menceritakan kebangkitan Yesus juga berlainan daripada Injil-Injil yang lain. Dialah satu-satunya penulis Injil yang menghuraikan peristiwa kebangkitan Yesus.

Garis Kasar Injil Lukas	
Injil Lukas boleh dibahagikan kepada enam bahagian utama:	
I. Prolog (1:1-4)	II. Kelahiran dan Zaman Kanak-kanak Yesus (1:5-2:52)
III. Persediaan dan Pelayanan Umum Yesus (3:1-4:13)	IV. Pelayanan Yesus di Galilee (4:14-9:50)
V. Perjalanan Yesus ke Jerusalem (9:51-19:27)	VI. Yesus di Jerusalem: Kematian dan Kebangkitan Nya (19:28-24:53)

Yesus dan Doa

A. Doa-doa Yesus

- 1. Sewaktu Dia dibaptis 3:21
- 2. Selepas menyembuhkan lelaki berpenyakit kulit 5:16
- 3. Sebelum memanggil 12 orang rasul-Nya 6:12
- 4. Sewaktu dimuliakan di atas bukit 9:28-29
- 5. Di Taman Getsemani 22:41-45
- 6. Di atas salib untuk pembunuh-pembunuh-Nya 23:34
- 7. Di atas salib, sewaktu Dia menyerahkan roh-Nya kepada Allah 23:46

B. Ajaran Yesus tentang Doa

- 1. Doa Bapa Kami 11:2-4
- 2. Perumpamaan Seorang Sahabat di Tengah Malam 11:5-13
- 3. Perumpamaan tentang Seorang Balu dan Seorang Hakim 18:1-8
- 4. Perumpamaan tentang Orang Farisi dan Pemungut Cukai 18:10-14

Perumpamaan-perumpamaan Yesus

- 1. Menampal Pakaian Lama dengan Kain yang Baru 5:36
- 2. Wain Baru di dalam Kirbat Kulit yang Lama 5:37-38
- 3. Pembina Rumah yang Pandai dan yang Bodoh 6:47-49
- 4. Peminjam Wang dan Dua Orang yang Berhutang* 7:41-42
- 5. Perumpamaan tentang Seorang Penabur 8:4-8
- 6. Orang Samaria yang Baik Hati* 10:30-37
- 7. Sahabat di Tengah Malam* 11:5-8
- 8. Orang Kaya yang Bodoh* 12:16-21



9. Hamba yang Berjaga-jaga	12:35-38
10. Hamba yang Setia dan Hamba yang Tidak Setia	12:42-48
11. Pokok Ara yang Tidak Berbuah*	13:6-9
12. Biji Sawi	13:18-19
13. Ragi	13:20-21
14. Majlis Jamuan Perkahwinan	14:8-11
15. Perjamuan Besar	14:16-24
16. Lelaki yang Membina Menara	14:28-30
17. Raja yang Pergi Berperang	14:31-32
18. Domba yang Hilang	15:3-7
19. Syiling yang Hilang*	15:8-10
20. Anak yang Hilang*	15:11-32
21. Pengurus yang Licik*	16:1-8
22. Orang Kaya dan Lazurus*	16:19-31
23. Balu dan Hakim*	18:1-8
24. Orang Farisi dan Pemungut Cukai*	18:10-14
25. Syiling Emas	19:12-27
26. Penyewa yang Jahat	20:9-16

Perumpamaan yang bertanda * (11 buah perumpamaan) hanya boleh didapati di dalam Injil Lukas.

Kemunculan-kemunculan Malaikat

1. Malaikat Gabriel menampakkan diri kepada Zakharia di Rumah Tuhan	1:11
2. Malaikat Gabriel berjumpa dengan Maria di Nasaret	1:29
3. Malaikat menampakkan diri kepada gembala-gembala di Betlehem	2:9, 13
4. Malaikat menguatkan Yesus di Taman Getsemani.	22:43
5. Malaikat menampakkan diri kepada wanita-wanita di kubur.	24:4

Peristiwa-Peristiwa Minggu Suci

(Minggu Penderitaan)

'Minggu Suci' atau 'Minggu Penderitaan' merujuk kepada minggu penderitaan Kristus yang membawa kepada kematian-Nya.

1. Hari Pertama – Ahad (19:28-44)

- Yesus masuk ke Yerusalem dengan menunggang seekor keldai.

2. Hari Kedua – Isnin (19:45-48)

- Yesus membersihkan Rumah Tuhan

3. Hari Ketiga – Selasa (20:1-21:36)

- Yesus mengajar di dalam Rumah Tuhan.

4. Hari Keempat – Rabu

- Hari berehat. Alkitab tidak menyentuh tentang hari ini.

5. Hari Kelima – Khamis (22:7-53)

- Yesus merayakan Paska bersama dengan murid-murid-Nya.
- Yesus berdoa dengan penuh derita di Taman Getsemani.
- Ditahan oleh musuh-musuh-Nya (lewat malam Khamis atau awal pagi Jumaat).

6. Hari Keenam – Jumaat (22: 54 – 23:56)

- Perbicaraan dan penyaliban Yesus.
- Jenazah Yesus diletakkan di dalam kubur sebelum pukul 6 petang. Ini adalah kerana Hari Sabat bermula pada waktu tersebut dan semua kegiatan bekerja harus dihentikan.

7. Hari Ketujuh - Sabat


- a. Jenazah Yesus berada di dalam kubur.

8. Hari Kelapan – Ahad (24:1-49)

- a. Yesus telah bangkit. Tubuh-Nya tidak lagi berada di dalam kubur.
- b. Para malaikat memberitahu wanita-wanita di kubur bahawa Yesus telah bangkit.
- c. Yesus menampakkan diri kepada Maria Magdalena di taman (20:11-18), kepada Petrus dan dua pengikut-Nya yang sedang dalam perjalanan ke Emaus, dan kepada semua pengikut-Nya kecuali Tomas di akhir hari tersebut.

Tokoh-Tokoh Dalam Injil Lukas

I. Kerabat Diraja Herodes Agung



A. Herodes Agung

Herodes Agung adalah anak kepada Antipater, seorang lelaki berbangsa Idumea ('Idumea' adalah panggilan yang digunakan oleh orang Yunani dan Roma untuk Edom). Dia menjadi gabenor pertama di Galilea dan kemudian dilantik sebagai raja kepada Palestinia oleh Kerajaan Roma. Dia merupakan seorang pakar politik, pahlawan yang tidak berbelas kasihan, dan juga seorang yang amat licik. Dia terkenal dengan kekejamannya. Selama 34 tahun dia memerintah ke atas orang Yahudi yang sangat membencinya. Orang Yahudi membenci dasar-dasar Herodes yang pro-Roma dan Hellenisme (dikaitkan dengan ketamadunan Yunani), malah tidak pernah memaafkannya kerana dia berdarah Edom.

Dia mencuba untuk mengambil hati orang Yahudi dengan membina semula Rumah Tuhan di Yerusalem. Pembinaan tersebut mengambil masa selama 46 tahun untuk disiapkan. Dia juga berkahwin dengan



seorang wanita Yahudi bernama Mariamne yang datang daripada keluarga bangsawan. Seperti kebanyakan pemimpin-pemimpin pada waktu itu, Herodes adalah seorang yang sangat zalim. Dia membunuh isterinya, tiga orang anak lelaki, ibu mertua, saudara ipar, bapa saudara dan ramai lagi.

Herodes adalah raja yang memerintah ketika Yesus dilahirkan. Rasa cemburunya terhadap 'raja saingan' ini membuatkan dia mengeluarkan titah untuk membunuh semua kanak-kanak yang ada di Betlehem. Terdapat prasangka dan rasa cemburu yang keterlaluan di dalam keluarganya sehingga dia membunuh salah seorang daripada anak lelakinya sendiri. Herodes Agung meninggal dunia pada 4 SM.

Dia membahagikan kerajaannya kepada tiga bahagian:

1. Arkhelous (anak lelaki yang dilahirkan oleh Malthase, seorang wanita Samaria) mendapat bahagian yang terbesar – Yudea, Samaria dan Idumea
2. Herodes Antipas (anak lelaki Malthase) menerima Galilea dan Perea.
3. Filipus (Herodes Filipus II, anak yang dilahirkan oleh seorang wanita Yahudi bernama Cleopatra) mengambil kawasan Iturea dan Trakonis.

B. Arkhelous

Dia mewarisi kekejaman ayahnya tetapi tidak mewarisi kebolehan Raja Herodes Agung. Dia menghentikan rusuhan yang berlaku di Yerusalem dengan kejam. Ini menyebabkan pemberontakan yang lebih besar berlaku sehingga pihak berkuasa Roma terpaksa campur tangan. Pada tahun 6 M, jawatan Arkhelous dilucutkan akibat daripada tentangan orang Yahudi. Selepas itu, Yudea diserahkan kepada pengawasan seorang peguam cara, iaitu seorang gabenor yang bertanggungjawab langsung kepada Kerajaan Roma. Pontius Pilatus merupakan salah seorang peguam cara yang memerintah pada waktu Yesus.

C. Herodes Antipas

Herodes Antipas merupakan seorang pemerintah yang cekap seperti ayahnya, Herodes Agung. Dia adalah tetraka di atas Galilea dan Perea. Seorang tetraka adalah pemerintah bagi sebahagian besar kerajaan ataupun daerah empayar Roma. Secara lokal, dia memiliki kuasa yang serupa dengan seorang raja. Oleh itu, dia sering menerima panggilan 'raja'. Herodes Antipas selalunya dipanggil sebagai Herodes. Oleh itu, kita harus berhati-hati agar tidak tersilap dengan ayahnya yang telah meninggal dunia pada 4 SM, ketika Yesus masih lagi kecil.

Herodes Antipas adalah Herodes yang mengarahkan Yohanes Pembaptis untuk dipancung (Mat 14:1-12) dan dia adalah Herodes yang berkata-kata kepada Yesus sebelum Dia disalibkan (23:7-12).

II. Tokoh-Tokoh Lain

A. Pontius Pilatus

Pilatus ialah peguam cara ataupun gabenor empayar Roma di Palestina yang kelima (26-36 M) sewaktu pemerintahan Kaisar Tiberius. Kawasan pemerintahannya meliputi Yudea, Samaria dan Idumea. Sebagai seorang gabenor, dia memiliki kuasa yang luas, terutamanya di dalam bidang ketenteraan dan kewangan. Akan tetapi, oleh kerana Palestina sangat sukar untuk dipeintah, gabenor bertanggungjawab secara langsung kepada Kaisar.

Pilatus digambarkan sebagai seorang lelaki yang kasar dan busuk hati. Dia tidak pernah faham akan orang Yahudi. Malah, dia menaikkan kemarahan mereka sejurus selepas pemerintahannya bermula. Dia melakukan banyak perkara yang menyinggung mereka. Dia pernah menggantungkan perisai emas yang berukiran nama dan gambaran dewa-dewa Roma di dalam Rumah Tuhan. Lukas mengatakan di dalam 13:1 tentang tindakan Pilatus membunuh orang Yahudi ketika mereka sedang mempersembahkan korban kepada Allah. Orang Yahudi mempunyai pilihan untuk melaporkannya kepada Kaisar ataupun mengadakan satu bantahan besar-besaran menentang Pilatus. Rasa gementar kepada jumlah peningkatan aduan ke Roma mungkin menjelaskan mengapa dia mencuba untuk menyenangkan hati orang Yahudi sewaktu perbicaraan Yesus.

Menurut Yosefus, seorang sejarawan Yahudi, kerjaya politik Pilatus berakhir enam tahun kemudian apabila dia menghantar angkatan tenteranya ke Samaria untuk menahan sebuah kumpulan keagamaan

yang tidak berbahaya. Orang-orang yang tidak bersalah turut terbunuh di dalam operasi tersebut. Orang-orang Samaria membuat aduan kepada Kaisar dan Pilatus pun dihantar ke Roma. Selepas itu, tidak ada khabar tentang apa yang berlaku kepadanya di sana. Nama Pilatus kemudian lenyap dari sejarah rasmi Roma. Ada laporan yang mengatakan bahawa dia membunuh diri.

B. Kaisar

Terdapat dua orang Kaisar yang memerintah Roma di sepanjang hidup Yesus. Kaisar Agustus ialah Kaisar yang memerintah sewaktu Yesus dilahirkan. Dia ialah pemerintah yang mengeluarkan titah supaya banci dilakukan untuk tujuan cukai (2:1). Kaisar Tiberius ialah Kaisar yang memerintah di tahun-tahun pelayanan Yesus (3:1).

Latar Belakang Agama Dalam Perjanjian Baru

Gereja orang Kristian bermula di Palestina dengan orang Yahudi sebagai jemaat pertamanya. Oleh itu, pengetahuan tentang agama Yahudi sangat penting untuk lebih memahami latar belakang agama dalam Perjanjian Baru.

I. Kitab Suci dan Tradisi

A. Perjanjian Lama

Orang Yahudi menyebut Kitab Suci mereka sebagai *Tanakh*, iaitu akronim (perkataan yang berasal dari gabungan huruf awal beberapa perkataan) kepada tiga perkataan: *Torah* (Hukum), *Neviim* (Nabi-nabi) dan *Ketuvim* (Tulisan-tulisan). Ia merupakan tiga bahagian Perjanjian Lama yang digunakan pada zaman Yesus. Kitab-kitab yang digunakan adalah sama dengan Perjanjian Lama Alkitab orang Kristian tetapi disusun secara berbeza.

Bahagian pertama dan yang paling tua ialah Taurat atau Hukum. Ia mengandungi lima buku awal dalam Alkitab (yang juga dipanggil Pentateuch) dan merupakan catatan tentang arahan dan perintah yang diberikan oleh TUHAN Allah kepada Israel untuk mengajar mereka cara hidup dalam komuniti umat Allah. Bahagian ini menjadi sumber utama kepercayaan dan adat orang Yahudi.

Bahagian yang kedua ialah *Neviim* atau Nabi-nabi. Mereka dibahagikan kepada nabi yang terawal dan nabi yang kemudian. Nabi-nabi awal termasuk Yosua, Hakim-Hakim, Samuel dan Raja-Raja. Ia menjadi garis panduan sejarah dari permulaan penempatan di Kanaan sehingga ke pembuangan. Nabi-nabi yang kemudian termasuklah Yesaya, Yeremia, Yehezkiel dan dua belas buku kecil dari Hosea sehingga Maleakhi. Mereka meringkaskan ajaran dari semua nabi-nabi mereka kecuali buku Daniel yang dimasukkan ke dalam Tulisan-tulisan.

Bahagian yang ketiga ialah *Ketuvim* atau Tulisan-tulisan. Bahagian ini mengandungi karya-karya hikmat dan berbentuk puisi seperti Mazmur, Amsal, Ayub, Pengkhotbah, Kidung Agung dan Ratapan. Kebanyakan buku-buku ini ditulis selepas nabi-nabi tersebut. Mereka juga memasukkan buku-buku seperti Rut, Ezra, Nehemiah, Ester, Daniel dan Tawarikh (buku terakhir dalam *Tanakh*).

Taurat dan Nabi-nabi selalu dibaca di hadapan orang ramai sewaktu kebaktian pada zaman Yesus. Tulisan-tulisan tidak diguna dengan kerap walaupun ia adalah sebahagian daripada Kitab Suci.

B. Tradisi Pemimpin Agama

Dari Hukum Bertulis kepada Hukum Lisan

Walaupun Hukum Taurat menjadi sumber kepercayaan dan amalan orang Yahudi, masih terdapat beberapa perkara yang harus dijelaskan. Contohnya, Taurat memerintahkan untuk bersuka ria semasa perayaan Pondok Daun dengan daun palma, willow, buah dan dahan berdaun. Orang Yahudi akan mempersoalkan apa jenis buah dan dahan berdaun yang dimaksudkan dan bagaimana mereka harus bersuka ria dengannya.

Untuk menjawab persoalan yang timbul, satu badan penjelasan dan tradisi lisan yang berkaitan dengan Hukum telah diwujudkan. Tidak lama selepas itu, Hukum Lisan ini menjadi sesuatu yang harus dipatuhi



melebihi Hukum Bertulis. Ketika sejarah orang Israel berjalan, Hukum Lisan juga bertambah, seiring dengan sejarah bangsa tersebut. Lelaki-lelaki yang mempunyai daya ingatan kuat mengabdikan diri untuk mempelajari, menghafal dan mengajar Hukum itu.

Tradisi Lisan yang sangat banyak ini akhirnya ditulis dan disiapkan pada 200 M dan ia dikenali sebagai Mishnah. Mishnah menerangkan perkara-perkara yang selalunya timbul dalam buku Imamat, seperti persembahan korban, hukum tentang makanan, upacara penyucian, zina dan sebagainya. Ia menerangkan tradisi para pemimpin agama dan bagaimana hal agama ditangani. Ia menunjukkan dan menjelaskan banyak konteks agama dan budaya pada zaman Yesus.

C. Harapan Mesias

Orang Yahudi menantikan Mesias yang akan datang. Ramai tokoh-tokoh yang bercirikan mesias dalam Perjanjian Lama telah mengakar dalam kepercayaan mereka: seorang nabi yang seperti Musa, Elia yang akan kembali; dan yang paling penting adalah Anak Daud, seorang raja dan perwira yang hebat, di mana misinya ialah untuk membawa kemenangan, damai sejahtera dan kemuliaan kepada Israel. Ini menyebabkan mereka menanti-nantikan mesias dalam pelbagai bentuk: nabi besar, imam besar dan keturunan diraja. Ada yang menjangkakan itu sebagai satu pemulihan rohani, terutamanya kemenangan ke atas Roma.

Setiap kali nama 'Mesias' (Kristus dalam bahasa Yunani) disebut, harapan untuk kemerdekaan politik tidak dapat dielakkan. Sebab itu Yesus berhati-hati apabila orang memanggil-Nya 'Kristus'. Dia datang kepada sekumpulan orang yang jika tidak bersetuju dengan yang apa yang diharapkan, sekurang-kurangnya mereka bersama-sama dengan penuh kesungguhan 'menantikan Israel untuk diselamatkan' (Luk 2:25).

Tetapi tidak seorang pun yang akan menjangkakan harapan itu datang dengan salib. Tiada yang pernah terfikir bahawa Mesias itu seorang yang ilahi dan juga manusia pada masa yang sama, yang harus menderita sengsara, mati dan bangkit dari maut untuk menyelamatkan mereka dari dosa. Mereka berfikir Allah akan menggunakan seorang manusia biasa untuk membebaskan mereka dari Roma atau Allah sendiri yang akan berbuat demikian dan kemudiannya memperkenalkan Mesias sebagai pemerintah-Nya.

D. Nazar Orang Nazir

Nazir ialah orang Israel yang mengasingkan dirinya bagi Tuhan dan bernazar untuk menjauhkan diri dari beberapa perkara (dari 30 hari sehinggalah sepanjang hidup) untuk tujuan beberapa upacara yang istimewa. Seorang Nazir yang sedang bernazar tidak boleh:

1. Meminum minuman keras
2. Mencukur bulu atau rambut yang ada di badannya
3. Menyentuh atau mendekati mayat

Samson dan Samuel adalah Nazir seumur hidup yang terdapat dalam Alkitab. Tidak dapat dipastikan sama ada Yohanes Pembaptis adalah seorang Nazir seumur hidup kerana tidak ada rujukan tentang rambutnya.

Terdapat dua lagi contoh Nazir (dari kenyataan tentang mereka mencukur kepala di kemudian hari) dalam Kisah Rasul-Rasul:

1. Paulus dikatakan telah mencukur rambutnya di Kengkrea kerana telah bernazar (18:18)
2. Paulus menyertai empat orang lain di Yerusalem yang telah bernazar (21:24)

II. Beberapa Institusi Penting Agama Yahudi

A. Rumah Tuhan (Bait Allah)


Ada tiga Rumah Tuhan yang pernah berdiri megah di Yerusalem. Rumah Tuhan pertama dibina oleh Salomo, kedua dibina oleh Zerubabel selepas pembuangan dan yang ketiga dibina oleh Herodes Agung. Rumah Tuhan yang ringkas yang dibina oleh orang Yahudi di bawah pimpinan Zerubabel telah digantikan oleh sebuah struktur yang hebat yang telah dibina oleh Herodes Agung bermula pada 19 SM. Ia belum sempat disiapkan ketika Yesus ada di dunia. Struktur itu disempurnakan pada 64 M, enam tahun sebelum ia dimusnahkan oleh orang Roma.



Ia merupakan sebuah struktur yang amat besar dan diperbuat daripada batu, marmar dan emas dan ia berjaya menarik perhatian pengikut-pengikut Yesus (Luk 21:5). Rumah Tuhan itu terletak di tengah-tengah kawasan yang mempunyai keluasan kira-kira 26 ekar. Orang bukan Yahudi boleh menjejakkan kaki di bahagian luar bangunan sahaja, tempat di mana Yesus mengusir para pedagang yang sedang menjual barang mereka di sana (Luk 19:25-46). Terdapat tulisan dalam bahasa Yunani dan Latin yang memberi amaran kepada orang-orang bukan Yahudi tentang kesakitan maut, supaya mereka tidak memasuki ruang dalam Rumah Tuhan kerana ia dihaskan untuk orang Yahudi sahaja. Orang ramai juga berkumpul di kawasan ini untuk mendengar ajaran yang diajarkan oleh pengajar-pengajar yang berani mempertahankan pengetahuannya. Mungkin Yesus telah mendengar guru-guru agama mengajar di tempat ini ketika Dia dijumpai oleh ibu bapa-Nya (Luk 2:46) dan Dia kemudiannya mengajar di dalam Rumah Tuhan.

Di luar Rumah Tuhan ada sebuah mezbah yang didirikan untuk membakar korban, dan sebuah bejana atau kolah yang penuh dengan air yang digunakan oleh para imam untuk membasuh. Di dalam ruangan pertama yang dipisahkan dengan sebuah kain yang berat terdapat: (i) sebuah kaki lilin emas bercabang tujuh yang membakar minyak zaitun dan dicampur dengan bahan-bahan lain (ii) sebuah meja yang mengandungi roti mewakili hadirat Allah (iii) satu mezbah kecil untuk membakar kemenyan.

Satu lagi kain tebal memisahkan ruang yang paling dalam. Ruang ini dipanggil Tempat Maha Suci, di mana Imam Besar akan masuk setahun sekali tanpa ditemani oleh sesiapa pun pada Hari Pengampunan Dosa, untuk menebus dosa-dosa Israel. Tabut perjanjian yang merupakan satu-satunya benda terletak di dalam Tempat Maha Suci ketika zaman Perjanjian Lama, telah lama hilang ketika zaman perang, huru-hara dan penawan.



(i) Pelayanan Harian di Rumah Tuhan

Selain daripada korban peribadi, persembahan korban harian untuk bangsa juga dipersembahkan pada lewat pagi (jam ketiga) dan tengah hari (jam kesembilan). Seekor kambing biri-biri akan dikorbankan, diikuti dengan doa, pembacaan hukum-hukum dan pembakaran kemenyan di atas mezbah di dalam ruang pertama (Tempat Kudus). Setelah kemenyan dibakar, imam yang menyempurnakan korban tersebut akan keluar dari ruang itu dan melafazkan berkat ke atas orang ramai yang berdoa di



tempat itu. Daging dan minuman dari persembahan korban harian akan diberikan dan upacara itu diakhiri dengan sekumpulan orang Lewi yang menyanyikan pujian, berhenti seketika apabila sangkakala dibunyikan dan orang ramai akan menyembah.

Tugas para imam pada waktu tengah hari ialah mempersembahkan korban dari orang ramai, yang mempunyai pelbagai jumlah berdasarkan keadaan dan selalunya sangat ramai sewaktu perayaan. Pada hari Sabat, mereka akan mengadakan upacara pujian tambahan.

Masa berdoa yang ditetapkan ialah: (i) pada jam ketiga, kira-kira pukul 9 pagi, selepas persembahan korban pada waktu pagi (ii) pada jam kesembilan, kira-kira pukul 3 petang, selepas persembahan korban petang (Kis 3:1) (iii) ketika matahari terbenam.

Perayaan-perayaan dan hari-hari suci yang lain akan dirayakan dengan mengadakan upacara khusus di Rumah Tuhan. Semua perkara ini dilakukan di bawah pengawasan tentera Roma di Kubu Antonia yang menghadap tempat ibadah tersebut.

ii) Pelayan-Pelayan di Rumah Tuhan

a. Orang-Orang Lewi

- Menyebarkan ajaran moral dan agama di seluruh negara
- Mengendalikan rekod orang ramai
- Bertugas sebagai pengangkut barang, pengawal, penyanyi dan pemusik di Rumah Tuhan
- Membantu imam untuk menyembelih korban

b. Para Imam (keturunan Harun)

- Mempersembahkan korban
- Menjaga api di atas mezbah
- Mematikan api pada kaki lilin emas
- Imam Besar akan masuk ke Tempat Maha Suci sekali setahun pada Hari Pengampunan Dosa untuk menebus dosa bangsa itu

c. Kapten Pengawal

- Mengawasi penjaga (imam) Rumah Tuhan serta orang-orang Lewi yang bertugas.
- Bertindak seperti pasukan polis untuk memastikan Rumah Tuhan sentiasa teratur.
- Orang kedua terpenting selepas Imam Besar

B. Perayaan-Perayaan

Perayaan yang berkaitan dengan penyembahan di Rumah Tuhan merupakan perayaan keagamaan dan hari yang suci bagi orang Yahudi. Ada yang diaturkan untuk mengikut perubahan musim, mengingatkan mereka tentang berkat TUHAN yang tidak pernah berakhir, serta memberikan mereka peluang untuk mengembalikan hasil yang mereka ada kepada TUHAN. Perayaan yang lain diadakan sempena memperingati peristiwa-peristiwa penting dalam sejarah Israel, peristiwa di mana TUHAN campur tangan dan membebaskan umat-Nya dengan penuh keajaiban.

Perayaan-perayaan tersebut tidak dirayakan semata-mata sebagai kewajipan atau upacara kosong. Tujuan perayaan ini lebih rohani. Allah akan menemui umat-Nya dengan penuh kemuliaan pada waktu tersebut.

Ada tiga perayaan penting di mana semua kaum lelaki Yahudi yang sihat tubuh badan serta bersih wajib untuk menghadiri diri. Ia dikenali sebagai perayaan ziarah dan dirayakan di Yerusalem.

1. Perayaan Paska dan Perayaan Roti Tidak Beragi

Paska merupakan perayaan tahunan yang pertama, dan ia merupakan perayaan yang paling penting dalam sejarah dan agama orang Yahudi. Ia dirayakan pada hari ke-14 bulan pertama (Nisan) menurut kalendar agama dan ia memperingati pembebasan orang-orang Yahudi dari Mesir dan juga penetapan Israel sebagai satu bangsa melalui penebusan TUHAN.

Perayaan Roti Tidak Beragi bermula sehari selepas Paska dan berterusan selama tujuh hari. Di



zaman Yesus, kedua-dua nama perayaan ini telah digunakan berselang-seli untuk merujuk kepada satu perayaan tersebut.

2. Perayaan Menuai / Hasil Pertama

Perayaan ini kemudiannya dikenali sebagai **Pentakosta** (bermaksud kelima puluh) dan dirayakan 50 hari selepas Paska bermula. Pada mulanya, ia merayakan hasil tanaman iaitu semasa buah pertama dipersembahkan kepada TUHAN.

3. Perayaan Pondok Daun

Perayaan ini bermula lima hari selepas Hari Pengampunan Dosa (untuk menebus dosa bangsa Israel) dan berlangsung selama tujuh hari. Ia merupakan perayaan musim luruh apabila semua buah-buahan telah dipetik. Orang ramai akan tinggal di dalam khemah yang dibuat daripada dahan pokok. Perayaan ini diraikan untuk mengucap syukur terhadap hasil tanaman dan juga memperingati hidup mereka ketika berada di padang gurun.

Perayaan yang lain adalah Hari Sabat, Perayaan Tahun Baru (trumpet), Hari Pengampunan Dosa, Perayaan Pentahabisan Rumah Tuhan, dan Perayaan Purim.

C. Rumah Ibadat

Hanya terdapat satu Rumah Tuhan tetapi setiap komuniti mempunyai rumah ibadat masing-masing. Hal ini dipercayai telah bermula sejak raja Babilonia, Nebukadnezar memusnahkan Rumah Tuhan yang pertama yang dibina oleh Salomo. Raja Nebukadnezar juga telah membuang kebanyakan orang Yahudi dari Yudea. Orang Yahudi biasanya menubuhkan satu pusat ibadah tempatan yang dipanggil sebagai rumah ibadat ('persekutuan') setiap kali terdapat sepuluh orang Yahudi. Setelah ia disahkan sebagai satu institusi, rumah ibadat ini diteruskan dan bertambah banyak walaupun setelah Rumah Tuhan dibina semula oleh Zerubabel.

Di rumah ibadat, tidak ada sebarang upacara korban yang dilakukan. Ia merupakan pusat pembelajaran Hukum Taurat dan penyembahan bagi orang tempatan. Pada hari Sabat, masyarakat di tempat itu berkumpul di rumah ibadat, lelaki dan wanita duduk berasingan, untuk mendengar penjelasan firman di bahagian tertentu dari naskah yang mengandungi tulisan Hukum Taurat dan Nabi-nabi (Luk 4:16), dan untuk berdoa bersama-sama. Sesuatu yang sangat sederhana, rumah ibadat yang biasa merupakan ruang yang berbentuk empat segi, mempunyai pentas kecil untuk pembaca firman di belakang peti yang mengandungi naskah Perjanjian Lama. Orang yang datang akan duduk di atas kerusi batu yang dibina selari dengan dinding rumah ibadat tersebut, dan juga di atas tikar dan kerusi yang diletakkan di tengah-tengah ruangan itu. Duduk berhadapan dengan orang ramai adalah ketua rumah ibadat serta pemimpin-pemimpin agama.

Pembaca akan berdiri untuk membaca firman dari naskah Perjanjian Lama (Luk 4:16-21). Untuk berkhotbah, dia akan duduk. Semua orang akan berdiri ketika berdoa. Orang yang berkuasa akan mengetuai pertemuan itu, memperkenalkan orang baru, memilih beberapa orang untuk membaca Firman Allah dan berkhotbah. Pelawat yang layak akan dijemput untuk berkhotbah, satu kebiasaan yang memberi banyak kesempatan kepada Yesus dan Paulus untuk memberitakan injil di rumah ibadat.

Rumah ibadat bukan sekadar pusat penyembahan pada hari Sabat. Pada hari-hari biasa, ia akan berfungsi sebagai pusat komuniti, pusat kerajaan tempatan dan tempat pembelajaran bagi kanak-kanak Yahudi serta tempat Perjanjian Lama diajar. Pengajaran itu sedikit sebanyak mengabaikan kepentingan persembahan korban di Rumah Tuhan. Akibatnya, para guru agama menjadi lebih penting daripada para imam.

D. Majlis Agama (Sanhedrin)

Ia merupakan sidang yang paling tinggi di Yerusalem. Mereka memegang kuasa politik dan juga keagamaan. Ia terdiri daripada orang-orang yang memegang jawatan tertinggi di kalangan masyarakat, dari kelas imam ataupun orang biasa.

Pemerintah Roma mengizinkan orang Yahudi untuk mengendalikan kebanyakan hal-hal tempatan dan keagamaan. Oleh itu, banyak sidang tempatan yang ditubuhkan. Majlis Agama, sidang Yahudi yang tertinggi berada di atas sidang-sidang tersebut. Mereka akan bertemu setiap hari kecuali pada hari Sabat dan hari suci yang lain di Yerusalem. Semasa pemerintahan Roma, pemerintahan kerajaan



dalam Palestina berada di tangan mereka. Selepas kematian Herodes Agung, kuasa mereka dihadkan kepada Yudea sahaja. Sebab itulah kemungkinan mengapa mereka tidak boleh menghukum Yesus memandangkan Yesus berasal dari Galilea. Walau bagaimanapun, Majlis Agama mempunyai kuasa mutlak dalam hal undang-undang Yahudi. Di zaman Yesus, mereka boleh mencadangkan hukuman mati tetapi mereka tidak berkuasa untuk melaksanakannya. Itulah sebabnya mengapa Yesus dipaksa untuk membela diri bukan sahaja di hadapan Majlis Agama, tetapi juga di hadapan Pilatus, seorang gabenor Roma.

Terdapat 70 ahli Majlis Agama (tidak termasuk imam besar). Mereka berasal dari tiga golongan masyarakat Yahudi: ketua-ketua imam, pemimpin agama dan guru-guru Taurat. Para 'ketua imam' adalah mereka yang dari golongan imam besar, mereka yang pernah menjadi imam besar dan ahli keluarga istimewa iaitu keluarga kepada mereka yang pernah menjadi imam besar. Pemerintah golongan imam terdiri daripada ketua-ketua masyarakat dan menjadi ahli imam dalam sidang Majlis Agama. Imam besar akan mengetuai Majlis Agama.

Guru-guru Taurat atau penulis kebanyakannya dari golongan Farisi. Walau pun begitu, tidak semua orang Farisi merupakan penulis yang profesional. Pemimpin agama berasal dari keluarga berpengaruh di Yerusalem, kebanyakannya ketua bagi suku-suku dan kerabat. Hampir semua dari mereka adalah orang Saduki, seperti ketua imam.

III. Mahzab dan Aliran Dalam Agama Yahudi

A. Orang Farisi

Nama 'Farisi' bermaksud 'yang diasingkan'. Mereka merupakan sebuah mahzab atau aliran agama yang tumbuh keluar dari Hasidim semasa abad kedua SM. Orang-orang Hasidim ('umat Allah yang setia') adalah sekumpulan orang Yahudi alim yang dengan teguh mengekalkan Taurat daripada dipengaruhi oleh Hellenisme atau kebudayaan dan pemikiran Yunani. Mereka merupakan ketua-ketua agama Yahudi dan bukan satu parti politik seperti Saduki. Kebanyakan daripada mereka berasal dari golongan kelas menengah. Orang Farisi merupakan di antara mahzab agama Yahudi yang paling besar. Walau bagaimanapun, jumlah mereka menjadi 6,000 orang sahaja semasa pemerintahan Herodes Agung dan mereka ada di setiap tempat di Palestina.

Ramai orang Farisi yang menjadi pengajar di rumah ibadat, menjadi contoh agama kepada orang ramai dan menganggap diri mereka sebagai penjaga Taurat. Mereka sangat mementingkan keaslian Taurat dan tradisi-tradisinya. Mereka menganggap tafsiran-tafsiran dan hukum-hakam yang diwarisi sejak turun-temurun mempunyai kepentingan yang sama dengan Kitab Suci. Mereka berikrar untuk mematuhi semua tradisi dan Hukum secara terperinci dan oleh itu mementingkan kesucian setiap upacara. Kesannya, mereka menjauhkan diri dari orang biasa. Mereka tidak boleh makan bersama dengan orang bukan Farisi kerana takut makanan tersebut mungkin belum dipersempuluhkan, iaitu sepersepuluh harus dipersembahkan kepada TUHAN. Mereka menjadi satu kelompok yang teratur, sangat setia kepada sesama mereka dan masyarakat, tetapi terasing dari satu sama lain.

Ini menyebabkan mereka mempunyai sikap "lebih suci daripada kamu" sehingga menyebabkan mereka memandang rendah terhadap orang yang tidak hidup menurut Hukum seperti mereka. Kesombongan mereka yang digabungkan dengan ketegasan dalam hal hukum yang lebih mementingkan peraturan daripada rahmat dan kasih menyebabkan mereka selalu berselisih dengan Yesus. Yesus tidak mengecam tindakan mereka yang cuba untuk mengikut Hukum tersebut, sebaliknya Dia menegur mereka kerana keangkuhan dan perilaku mereka yang tidak menunjukkan kasih dalam melaksanakan Hukum mereka. Walaupun begitu, golongan Farisi tetap dipandang tinggi oleh orang biasa Yahudi dan menjadi model kealiman dan pengabdian. Adalah penting untuk dinyatakan di sini bahawa tidak semua orang Farisi bersikap sedemikian. Ramai Farisi seperti Paulus, Nikodemus (Yoh 3:1) dan Gamaliel (KRR 5:34) yang setia dan ikhlas dalam melakukan Hukum tersebut.

B. Para Penulis/ Pnyalin

Para penulis atau guru-guru Taurat bukan dari mana-mana mahzab agama atau parti politik, tetapi adalah golongan profesional. 'Hakim', 'orang bijak' dan 'guru Taurat' adalah istilah yang biasa digunakan dalam Perjanjian Baru bagi golongan mereka ini. Istilah 'rabbi' merupakan istilah kehormatan bagi seorang guru Taurat. Bermula dari Ezra, para penulis mentafsir dan mengajar Hukum Perjanjian Lama dan membuat keputusan sah bagi kes-kes yang dibawa kepada mereka.



Mereka mengkaji, mentafsir dan mengajar Taurat secara lisan dan bertulis. Mereka berperanan mentafsir Taurat dan penerapannya dalam kehidupan seharian. Murid-murid ('pelajar') golongan penulis ini mengikut di belakang mereka di mana sahaja guru mereka pergi dan belajar melalui pemerhatian dan menghafal setiap perkara dalam Perjanjian Lama dan tradisi guru Taurat.

Pada zaman Yesus, kebanyakan dari golongan penulis mungkin terdiri daripada orang Farisi, meskipun tidak semua orang Farisi mempunyai pengetahuan agama yang diperlukan oleh seorang penulis. Pekerjaan para penulis ini tidak dibayar dan mereka bergantung kepada perniagaan mereka untuk menyara kehidupan. Contohnya, Paulus telah dilatih dalam hal-hal Taurat, tetapi dia membuat khemah untuk menyara hidup. Walaupun Yesus tidak mendapat pendidikan Hukum Taurat secara rasmi, Dia tetap digelar sebagai rabbi dan mengambil murid untuk bersama-Nya. Ajaran-Nya berasal dari kewibawaan-Nya sendiri manakala para penulis hanya bergantung kepada pendapat dan pemikiran rabbi-rabbi yang lepas.

C. Orang Saduki

Sama seperti orang Farisi, orang Saduki juga merupakan sekumpulan orang Yahudi pada masa Yesus, walaupun pengaruh mereka pada masa itu semakin berkurangan. Kebanyakan mereka terdiri daripada orang atasan dan orang kaya yang memiliki tanah, yang telah mendapat kedudukan dominan dalam masyarakat mereka. Walaupun jumlah mereka lebih sedikit berbanding orang Farisi, mereka mempunyai kuasa yang lebih besar dari segi politik dan mereka mengawal para imam. Ramai ketua imam adalah Saduki atau mempunyai kerjasama yang rapat dengan mereka. Mereka masih menguasai separuh dari sidang Majlis Agama pada zaman Yesus. Orang Farisi memperolehi kuasa mereka dari pendidikan agama mereka manakala orang Saduki mendapatnya melalui kedudukan.

Mereka tidak sealim Farisi. Tidak seperti Farisi, mereka hanya mengambil kira lima buku pertama dalam Perjanjian Lama, iaitu Hukum Taurat atau Torah. Mereka menolak sebarang pewahyuan selain dari lima buah buku Musa. Oleh itu, mereka tidak menerima Hukum Lisan dari rabbi yang bukan dari golongan imam, dan menolak kepercayaan yang baru seperti keabadian jiwa, kebangkitan, malaikat dan iblis. Meskipun sangat tegas, orang Farisi tetap bersifat progresif dalam mengaplikasikan Hukum menurut perubahan keadaan semasa. Tetapi orang Saduki pula mahu mengekalkan apa yang ada. Mereka tidak akan berganjak dari Taurat kerana mereka tidak mahu kehilangan kedudukan kuasa dan kekayaan mereka.

Mereka kurang mendapat sokongan kerana mereka adalah golongan aristokratik kecil. Apabila Rumah Tuhan yang menjadi pusat kuasa imam-imam dimusnahkan oleh orang Roma pada 70M, orang-orang Saduki mula berpecah dan berkurangan. Sebaliknya, orang Farisi terselamat dari kejadian yang menimpa orang Saduki dan menjadi asas kepada agama Yahudi pada abad-abad yang seterusnya.

4. Golongan Herodes

Golongan Herodes bukan sebuah parti politik ataupun mazhab agama. Mereka adalah segelintir orang Yahudi yang menyokong dinasti Herodes. Ini bermaksud, mereka juga menyokong kerajaan Roma secara tidak langsung kerana Roma yang bertanggungjawab menempatkan kerabat Herodes pada kedudukan sebagai pemerintah. Mereka mungkin berpusat di Galilea di bawah pemerintahan Herodes Antipas I. Mereka menentang Yesus bersama-sama dengan orang Farisi.

5. Zelot

Sementara orang Saduki dan Farisi memanfaatkan kuasa pemerintah Roma, ramai orang Yahudi lain yang tetap berjuang demi kebebasan orang Yahudi. Mereka dikenali sebagai Zelot. Mereka memperjuangkan kemerdekaan, satu revolusi untuk menumpaskan kerajaan Roma. Mereka tidak mahu membayar cukai, menganggap kesetiaan kepada Kaisar sebagai satu dosa, dan telah melakukan beberapa kekacauan, termasuk pemberontakan Yahudi yang mengakibatkan kemusnahan Yerusalem pada 70 M.

Pada zaman Yesus, mereka sudah melakukan banyak pemberontakan yang tidak berjaya (Barabas terlibat dalam salah satu pemberontakan) dan mereka sudah bersedia untuk menjatuhkan pemerintah Roma. Mempunyai semangat patriotik yang melampau, mereka berasaskan kepada kepercayaan bahawa penundukan kepada Roma adalah satu pengkhianatan terhadap TUHAN, Raja Israel yang sebenar. Simon adalah seorang murid Yesus yang datang dari golongan Zelot.



6. Penganut Agama Baru dan Orang yang Takut Akan Tuhan

Walaupun dengan semangat kebangsaan yang kuat, agama Yahudi menarik ramai orang bukan Yahudi. Sukar bagi seseorang yang bukan Yahudi untuk menerima ajaran agama Yahudi. Dia harus disunat jika dia seorang lelaki, dan dibaptis serta mesti berjanji untuk mengikut semua Hukum Taurat Musa. Orang itu juga harus meninggalkan identiti bangsanya. Orang ramai yang mengambil langkah ini dipanggil sebagai penganut agama baru atau orang bangsa lain yang menganut agama Yahudi (2:11).

Ramai yang tertarik dengan ajaran monoisme (satu Tuhan) serta ajaran moral Yahudi yang ketat, berbeza dengan agama Roma yang mengamalkan politisme (banyak tuhan). Mereka bersedia untuk mengenali iman dan kepercayaan orang Yahudi tetapi kurang komitmen penuh sebagai penganut yang baru. Ramai orang bukan Yahudi yang kaya dan berpengaruh menganut agama Yahudi, dan mereka dikenali sebagai 'orang yang takut akan Tuhan', 'penyembah Tuhan', atau 'penganut' dalam Perjanjian Baru.

7. Orang Samaria

Orang Samaria merupakan keturunan Israel dari Kerajaan Selatan. Mereka berkahwin campur dengan orang-orang dari negara asing yang dibawa masuk oleh kerajaan Asyur selepas kejatuhan Samaria yang merupakan ibu kota pada waktu itu. Hasilnya, agama mereka bercampur. Orang Samaria melandaskan kepercayaan mereka kepada lima buku pertama Perjanjian Lama sahaja. Setelah orang Yahudi di bawah pimpinan Ezra dan Nehemia kembali dari pembuangan, timbul satu kebencian di antara orang Yahudi dan orang Samaria. Keadaan ini berlanjutan sehingga zaman Yesus.

Bangunan ibadat orang Samaria di atas Gunung Gerizim yang berhadapan dengan Sikhem (Yoh 4:20) menjadi tanda penolakan orang Yahudi terhadap mazhab agama ini. Akan tetapi, orang Samaria menyembah TUHAN Allah yang sama seperti orang Yahudi. Hukum-hukum mereka diambil dari lima buku Musa, iaitu lima buku pertama Perjanjian Lama, yang lebih kurang sama dengan versi orang Yahudi. Seperti orang Yahudi, mereka juga menanti-nantikan kedatangan seorang nabi seperti Musa. Punca utama kebencian orang Yahudi dan cemuan orang Samaria dicetuskan oleh sejarah dan perbezaan bangsa dan sedikit daripada perbezaan asas agama mereka. Meskipun begitu, Yesus tidak melihat perbezaan tersebut dan Dia menjangkau mereka sama seperti orang Yahudi.

Latar Belakang Kebudayaan Dalam Perjanjian Baru

A. Diaspora (Penyebaran)

Dianggarkan ada kira-kira empat juta orang Yahudi yang hidup di bawah empayar Roma semasa zaman Perjanjian Baru, iaitu tujuh peratus daripada jumlah keseluruhan penduduknya. Walau bagaimanapun, kurang dari tujuh ratus ribu orang Yahudi yang tinggal di Palestin. Lebih ramai yang menetap di Aleksandria, Mesir, dan Siria berbanding di Palestin. Di bahagian-bahagian Palestin, contohnya Galilea di mana Yesus membesar, orang-orang bukan Yahudi adalah lebih ramai daripada orang Yahudi.

'Penyebaran' ialah istilah yang digunakan untuk orang-orang Yahudi yang tinggal di luar Palestin tetapi masih mengamalkan hukum-hukum agama dan adat Yahudi. 'Diaspora' adalah perkataan Yunani yang digunakan untuk istilah ini. Mereka yang tinggal di luar Palestin dikenali sebagai Yahudi Diaspora. Mereka adalah keturunan Yahudi yang tersebar di seluruh kawasan Timur Tengah dan Laut Tengah selepas dibuang oleh orang Asyur dan Babilonia pada abad keenam SM.

Pada waktu pemerintahan Aleksander Agung, beribu-ribu orang Yahudi pergi meninggalkan Palestin untuk tujuan perdagangan dan perniagaan ke negara-negara jiran, terutamanya di kota-kota utama. Menjelang zaman Yesus, penyebaran tersebut telah berkembang menjadi beberapa kali ganda dari penduduk Palestin. Rumah-rumah ibadat di setiap kawasan yang dikenali telah banyak membantu dalam penyebaran agama Kristian, dan Paulus telah melawat semua rumah ibadat di setiap kota yang dikunjunginya.


Ramai di antara mereka yang kembali ke Yerusalem untuk menyambut perayaan-perayaan. Orang-



orang Yahudi ini terbahagi kepada dua kelas: (1) Hebrais, atau Hebraic atau orang Yahudi yang bertutur dalam bahasa Ibrani, yang bukan sahaja mengekalkan iman mereka tetapi juga adat serta bahasa Yahudi. Mereka biasanya tidak disukai oleh orang bukan Yahudi kerana keangkuhan mereka, (2) Hellenis, atau Hellenistic atau orang Yahudi yang bertutur dalam bahasa Yunani dan menggunakan bahasa Yunani, pakaian dan adat, sementara masih mengamalkan iman agama Yahudi dalam pelbagai tahap. Kira-kira 250 SM, ramai orang Yahudi yang tinggal di Mesir bertutur dalam bahasa Yunani sehingga bermulanya penterjemahan Perjanjian Lama. Tradisi mengatakan bahawa seramai tujuh puluh penterjemah Yahudi telah melakukannya dan mereka dikenali sebagai Septuagint (LXX atau 70).

Orang Yahudi yang tersebar di merata tempat dengan terbuka membenarkan orang bukan Yahudi untuk membaca dan menerangkan Kitab Suci Perjanjian Lama di rumah ibadat mereka. Oleh itu, terdapat beberapa orang Yahudi yang sudah lazim dengan Perjanjian Lama, terutamanya di bahagian nubuatan dan apabila Paulus menerangkan tentang penggenapan nubuatan-nubuatan tersebut, mereka menerimanya dengan fikiran yang terbuka. Salah satu contoh ialah bagaimana orang bukan Yahudi di Antiokhia, Pisidia memberi respon kepada mesej Paulus yang diambil sepenuhnya dari Perjanjian Lama.

Ramai dari orang Yahudi Diaspora yang hadir ketika perayaan Pentakosta (Kis 2:1-41) menjadi Kristian dan mungkin telah menyebarkan injil apabila mereka kembali ke tempat asal mereka. Mereka mungkin telah mempersiapkan jalan untuk Paulus dan Barnabas ketika mereka pergi untuk memberitakn injil ke kota-kota di luar Palestin yang mempunyai ramai penduduk Yahudi. Walaupun ada orang Yahudi yang menerima injil tersebut, lebih ramai lagi orang bukan Yahudi yang berbuat demikian.



B. Bahasa

Bahasa Latin merupakan bahasa rasmi empayar Roma tetapi ia lebih banyak digunakan di bahagian Barat empayar tersebut. Di bahagian timur, bahasa yang banyak digunakan ialah Yunani. Selain daripada Yunani, orang Palestin bertutur dalam bahasa Aramia dan Ibrani. Jadi besar kemungkinan, Yesus dan murid-murid-Nya boleh bertutur dalam tiga bahasa. Dipercayai bahawa bahasa Aramia digunakan lebih meluas di Palestin berbanding bahasa Ibrani.

C. Tempat Kediaman

Rumah-rumah di bahagian barat empayar Roma dibina menggunakan batu-bata atau konkrit, terutamanya di kota-kota. Di bahagian timur, rumah biasanya dibina dengan bahan-bahan seperti bata yang dikeringkan dengan matahari dan plaster. Bumbungnya diperbuat daripada genting atau jerami.



Walau bagaimanapun, rumah kediaman dan pekan-pekan di Palestina berlainan dari Roma dan lebih kuno.

Orang akan masuk ke dalam kawasan pekan melalui pintu gerbang di tembok. Di dalamnya, sebuah kawasan lapang yang berbentuk segi empat disediakan bagi orang ramai untuk bersosial dan berniaga. Yesus biasanya berkhotbah di kawasan seperti ini. Rumah-rumah dibina rendah dengan atap yang rata. Tempat kediaman mereka biasanya dibina dengan bata yang diperbuat daripada tanah dan jerami yang dibakar (dikeraskan) dengan bahang matahari. Ramai penduduk hidup di dalam rumah yang hanya mempunyai satu bilik. Sebahagian dari bilik tersebut dibina agak tinggi untuk dijadikan tempat memasak dan tempat tidur. Rumah berlantaikan tanah dan sesetengah rumah beralaskan batu. Penghuni rumah biasanya tidur di atas sehelai tikar nipis dan akan digulung pada siang hari. Binatang ternakan dan binatang tempatan hidup di kawasan yang lebih rendah.

Sebuah tangga di luar rumah dibina untuk menaiki bumbung. Bumbung rumah dijadikan tempat tidur ketika cuaca panas, tempat mengeringkan sayuran, buah-buahan dan tempat berdoa. Di atas bumbung seperti inilah Petrus berdoa apabila dia mendapat penglihatan dari syurga (10:9-16). Satu tembok rendah di sekeliling bumbung dibina untuk mengelak orang daripada terjatuh.

D. Pakaian

Golongan lelaki memakai sehelai pakaian labuh sehingga ke lutut. Tali pinggang diikat di bahagian pinggang. Mereka memakai kasut kasar ataupun sandal sebagai alas kaki dan topi ataupun skaf sebagai pelindung kepala. Pada musim sejuk, jubah yang tebal akan dikenakan untuk memanaskan badan.

Golongan wanita memakai pakaian pendek sebagai pakaian dalam. Kadang-kadang pakaian panjang sehingga ke pergelangan kaki yang berwarna terang juga akan dipakai. Mereka yang lebih berfesyen akan mengenakan kosmetik. Tudung digunakan untuk menutup kepala sambil membiarkan muka terdedah.

E. Mata Wang

Pada zaman Perjanjian Baru, terdapat tiga jenis mata wang yang digunakan di Palestina. Duit rasmi yang digunakan di seluruh empayar Roma; duit Yunani yang dikeluarkan di Antiokha dan Tirus dan duit tempatan Yahudi yang dikeluarkan di Kaisarea. Oleh itu, para penukar wang mempunyai perniagaan yang sangat lumayan. Wang digunakan dalam bentuk syiling emas, perak, tembaga, gangsa, ataupun loyang.

1. Wang Yahudi

- a. Lepton – adalah matawang terkecil Yahudi. Ia diperbuat daripada gangsa. Dua Lepton bersamaan dengan satu quadran Roma (mata wang terkecil Roma). Ia bernilai kurang dari satu sen. Rujuk 12:59, 21:2.
- b. Syekel – setiap lelaki Yahudi yang berumur 20 tahun ke atas dimestikan untuk membayar setengah syekel sebagai persembahan kepada Tuhan. Pada zaman Perjanjian Baru, ia dibayar sebagai cukai kepada Rumah Tuhan. Cukai tersebut bernilai dua drachma (wang Yunani), satu syekel bersamaan dengan empat drachma. Rujuk Mat 17:24.

2. Wang Roma

Terdapat tiga jenis syiling Roma yang disebut di dalam Perjanjian Baru:

- a. Quadran – ini adalah syiling terkecil Roma, diperbuat daripada gangsa dan mempunyai nilai satu sen. Empat quadran bersamaan dengan satu as.
- b. As – 16 as bersamaan dengan satu dinar. Rujuk 12:6.
- c. Dinar/denarius – wang perak ini adalah syiling paling lazim digunakan pada zaman tersebut. Ia adalah gaji harian seorang buruh. Permukaan syiling tersebut diukir dengan wajah Kaisar Roma. Rujuk 7:41, 10:35, 20:24.

3. Wang Yunani

- a. Drachma – syiling perak Yunani ini bersamaan dengan satu Denarius Roma. Satu Denarius adalah gaji harian seorang pekerja buruh. Rujuk 15:8.
- b. Mina – syiling emas ini bernilai lebih kurang 100 Drachma dan juga Denarius. Ia bersamaan dengan gaji untuk 3-4 bulan. Rujuk 19:13.



F. Golongan Sosial

Dalam masyarakat pagan, perbezaan sosial di antara golongan-golongan masyarakat adalah sangat jelas. Pengaruh agama Yahudi menjadikan orang Yahudi tidak dibahagikan kepada kelas-kelas sosial. Walau bagaimanapun, **ketua-ketua imam** dan **guru-guru Taurat** masih tergolong dalam kelas yang tinggi. **Petani, tukang-tukang, peniaga kecil** dan keluarga mereka menjadi golongan masyarakat yang sebahagianya.

Di kalangan orang Yahudi, **pemungut cukai** ataupun pemungut tol yang dikenali secara tradisi sebagai **orang-orang awam**, merupakan golongan khusus yang dibenci oleh masyarakat. Orang Roma memungut banyak jenis cukai dan tol yang tidak langsung. Ini termasuklah cukai yang dikenakan di pelabuhan, jambatan, persimpangan jalan, tempat-tempat berniaga, dan jualan barangan yang dikeluarkan dari daerah mereka. Cukai-cukai yang dikenakan secara langsung seperti cukai tanah, dipungut oleh para pegawai mereka sendiri. Orang-orang kaya (pemungut cukai) selalunya orang asing, akan melakukan kontrak untuk memungut cukai-cukai tidak langsung bagi Kerajaan Roma. Kemudian, mereka akan mengupah orang lain daripada masyarakat tempatan, dalam kes ini orang Yahudi, untuk memungut cukai. Orang-orang Yahudi inilah yang dimaksudkan sebagai pemungut cukai di dalam Alkitab.

Para pemungut cukai dipandang hina kerana (i) mereka memungut wang untuk kuasa luar yang telah menduduki tanah mereka dan secara tidak langsung telah memberikan sokongan kepada penjajah (ii) para pemungut cukai memungut lebih daripada yang ditetapkan untuk kepentingan diri, lantas menjadi kaya dengan menggunakan wang orang Yahudi sendiri, (iii) pekerjaan mereka melibatkan perjumpaan secara berkala dengan orang bukan Yahudi. Ini menjadikan diri mereka tidak suci. Oleh itu, golongan ini dianggap tidak berbeza daripada perompak ataupun pencuri. Mereka juga sering dikaitkan dengan kumpulan 'pelaku dosa' di dalam Alkitab.


Belas kasihan Yesus terhadap pemungut cukai merupakan salah satu fakta menakjubkan di dalam pelayanan-Nya. Berita Baik Kerajaan Allah membolehkan semua orang untuk merasakan kasih kurnia Allah. Lukas menekankan mesej ini lebih daripada penulis-penulis Injil yang lain. Dia juga memberikan jaminan yang paling positif terhadap mereka. Tindakan Yesus di dalam memilih Lewi si pemungut cukai sebagai salah seorang daripada dua belas pengikut terdekat-Nya adalah sesuatu yang mengejutkan dan menyinggung orang Yahudi, terutamanya pihak penguasa keagamaan mereka.

Jumlah **hamba abdi** mungkin melebihi jumlah penduduk di dalam empayar Roma. Adalah menjadi kebiasaan bagi penjenayah, orang berhutang dan tawanan perang untuk dijadikan hamba sebagai hukuman. Banyak perumpamaan dan perkataan Yesus menunjukkan bahawa perhambaan masih wujud dalam budaya Yahudi ketika itu. Ramai daripada hamba-hamba tersebut lebih terpelajar daripada tuan mereka. Pada asalnya, hamba abdi yang melakukan jenayah sahaja yang akan disalibkan. Walau bagaimanapun, selepas beberapa waktu, hukuman salib ini turut dijatuhkan kepada orang bebas yang melakukan jenayah berat.



Peta Palestina Pada Zaman Yesus





Injil Lukas

**I. Pendahuluan (ay. 1-4)**

1 Tuan Teofilus^a yang terhormat, Banyak orang telah berusaha membuat laporan tentang peristiwa yang berlaku^b di kalangan kami. ²Mereka menulis sesuai dengan apa yang diceritakan^c kepada kami oleh mereka yang menyaksikan peristiwa itu dari permulaan dan kemudian mengisytihar berita itu. ³Tetapi sekarang, Tuan Teofilus yang terhormat,^d saya sendiri telah menyelidiki semua peristiwa itu dari permulaannya, maka ada baiknya saya juga menulis satu laporan yang teratur untuk tuan. ⁴Saya berbuat demikian supaya tuan dapat tahu dengan selengkap-bahawa apa yang telah diajarkan kepada tuan memang benar.

II. Kelahiran Yohanes Pembaptis Diumumkan (ay. 5-25)

⁵Ketika Herodes^e menjadi raja negeri Yudea,^f ada seorang imam bernama Zakharia. Dia termasuk golongan imam Abia.^g Isterinya bernama Elisabet dan dia juga keturunan imam. ⁶ Kehidupan suami isteri itu

menyenangkan hati Allah. Mereka mentaati semua hukum dan perintah Tuhan. ⁷ Mereka tidak mempunyai anak kerana Elisabet mandul dan kedua-duanya sudah lanjut usia.

⁸Pada suatu hari, Zakharia dan rakan-rakan segolongannya mendapat giliran untuk bertugas di Rumah Tuhan.^h ⁹ Seperti biasa para imam membuang undiⁱ dan Zakharia terpilih untuk masuk ke dalam Rumah Tuhan dan membakar kemenyanⁱ di atas mazbah. ¹⁰Sementara upacara pembakaran kemenyan berlangsung, orang ramai berdoa di luar. ¹¹Pada waktu itu malaikat Tuhan menampakkan diri kepada Zakharia. Malaikat itu berdiri di sebelah kanan mazbah tempat membakar kemenyan. ¹²Ketika Zakharia nampak malaikat itu, dia cemas dan takut. ¹³Tetapi malaikat itu berkata kepadanya, "Janganlah takut, Zakharia! Allah sudah mendengar doamu. Isterimu Elisabet akan melahirkan seorang anak lelaki. Hendaklah engkau menamakan dia Yohanes.^k ¹⁴Engkau akan sangat ber-sukacita dan bergembira, dan banyak orang akan

**Teropong**

- ^a 'Teofilus' bermaksud 'seseorang yang mengasihi Allah'.
- ^b Merujuk kepada nubuat di dalam Perjanjian Lama yang telah menjadi kenyataan.
- ^c Frasa yang digunakan di dalam terjemahan lain ialah 'disampaikan'. Frasa ini ialah sebuah istilah teknikal yang merujuk kepada pemberian maklumat yang dianggap berwibawa.
- ^d Penggunaan istilah 'terhormat' mencadangkan Teofilus adalah seorang pegawai Roma ataupun seorang yang berada. Paulus juga menggunakan istilah ini untuk merujuk kepada Gabenor Feliks (Kisah Rasul-Rasul 24:2) dan Festus (Kisah Rasul-Rasul 26:25).
- ^e Herodes yang dimaksudkan ialah Herodes Agung (*rujuk 'Keluarga Herodes Agung, ms. 7)* yang memerintah pada 37 – 4 SM.
- ^f Yudea merujuk kepada seluruh tanah Palestin (*rujuk Peta di ms. 20*). Selalunya Yudea merujuk kepada daerah selatan Palestin di mana terletakinya Yerusalem.
- ^g Kedua-dua Zakharia dan Elisabet datang daripada keturunan keluarga imam. Mereka adalah keturunan Harun (saudara kepada Musa), Imam Agung pertama yang dipilih Allah. Bermula daripada pemerintahan Raja Daud, para imam dibahagikan kepada 24 kumpulan. Mereka bergilir-gilir untuk berkhidmat di dalam Rumah Allah selama seminggu, dua kali setahun. Abia merupakan salah seorang ketua di dalam keluarga imam.

^h Rumah Tuhan ini terletak di dalam Yerusalem di mana orang Israel datang untuk menyembah Allah serta mempersembahkan korban-korban mereka. Ia dibina oleh Herodes Agung (*rujuk 'Rumah Tuhan', ms 10*).

ⁱ Membuang undi adalah sebuah amalan lazim bagi kebanyakan bangsa pada waktu itu. Ia digunakan untuk menentukan kehendak Allah di dalam perkara-perkara khusus, walaupun kita tidak mengetahui kaedah buang undi yang mereka gunakan. Undi dibuang kerana terdapat jumlah imam melebihi tanggungjawab yang ada, ia dilakukan untuk menentukan siapa yang akan memikul tugas tersebut.

^j Salah satu daripada tanggungjawab seorang imam adalah untuk memastikan kemenyan sentiasa dibakar di atas mazbah di dalam Tempat Kudus. Ia terletak di hadapan langsir yang memisahkan Tempat Kudus daripada Tempat Maha Kudus (*rujuk pelan Rumah Tuhan, ms. 11*). Tempat Maha Kudus adalah ruang di mana kemuliaan Allah berada dan ia hanya boleh dimasuki oleh Imam Agung sekali di dalam setahun, pada Hari Pengampunan Dosa.

Imam yang bertugas akan membakar kemenyan yang baru sebanyak dua kali; sebelum korban pagi dan selepas korban petang. Khidmat mempersembahkan kemenyan dianggap sebagai sebuah kehormatan yang besar. Seorang imam tidak dibenarkan untuk mempersembahkan kemenyan lebih dari sekali di dalam hidup. Ada juga yang tidak berkesempatan untuk melakukannya kerana bilangan imam yang terlalu ramai.

bersukacita apabila dia dilahirkan! ¹⁵Dia akan menjadi orang besar di sisi Tuhan. Dia tidak boleh minum wain atau minuman keras. ¹ Sejak di dalam rahim ibunya dia akan dikuasai oleh Roh Allah. ¹⁶Dia akan memimpin banyak orang Israel kembali kepada Tuhan, Allah mereka. ¹⁷Dia akan menjadi utusan Tuhan yang kuat dan berkuasa seperti Elia.^m Dia akan mendamaikan bapa dengan anak, serta memimpin orang yang tidak taat kembali ke jalan fikiran yang benar. Dia juga akan mempersiapkan suatu umat untuk Tuhan.”

¹⁸Zakharia berkata kepada malaikat itu, “Bagaimana aku boleh tahu bahawa perkara ini akan berlaku? Aku sudah tua dan isteriku pun sudah tua.”

¹⁹Malaikat itu menjawab, “Aku ini Gabrielⁿ yang sentiasa siap melakukan suruhan Allah.^o Dia sendiri mengutus aku kepadamu supaya menyampaikan

berita baik ini. ²⁰Apa yang aku katakan akan berlaku pada waktunya. Tetapi kerana engkau tidak percaya, engkau akan menjadi bisu sehingga apa yang aku katakan berlaku.”

²¹ Sementara itu, orang ramai sedang menantikan^p Zakharia. Mereka hairan kerana dia begitu lama di dalam Rumah Tuhan. ²² Ketika Zakharia keluar, dia tidak dapat bercakap kepada mereka. Dia memberikan isyarat dengan tangan kerana dia bisu. Lalu orang di situ tahu bahawa Zakharia sudah nampak satu penglihatan di dalam Rumah Tuhan.

²³ Setelah habis masa Zakharia bertugas di Rumah Tuhan, dia pulang ke rumah. ²⁴ Tidak lama kemudian Elisabet, isterinya mengandung, dan dia tidak keluar dari rumah selama lima bulan. ²⁵ Elisabet berkata, “Akhirnya Tuhan menolong aku. Dia telah menghapus keaibanku.”^q



Teropong

k Di dalam bahasa Ibrani, ‘Yohanes’ bermaksud ‘Allah Maha Pengasih’.

l Ada pendapat yang mengatakan bahawa Yohanes harus menjadi seorang Nazir kerana dia tidak dibenarkan untuk mengambil sebarang minuman keras (*rujuk Bilangan 6:1-4*). Seorang Nazir ialah orang Israel yang mengkhaskan dirinya untuk Allah dan bernazar untuk berpantang (dari 30 hari hingga seumur hidup) bagi tujuan khidmat yang khusus.

Tiga tanda utama seorang Nazir adalah: tidak mengambil minuman keras, tidak memotong rambut dan tidak menyentuh mayat. Tidak ada bukti-bukti yang jelas sekiranya Yohanes menjadi Nazir seumur hidup kerana tidak ada maklumat tentang rambutnya disertakan. Simson dan Samuel ialah mereka yang dicatatkan oleh Alkitab sebagai Nazir seumur hidup.

m Nabi Maleakhi bernubuat (Mal 4:5-6) bahawa Elia akan membawa orang tua dan anak-anak bersatu kembali serta menyediakan jalan bagi kedatangan Penyelamat. Yohanes bukanlah jelmaan jasmani Elia tetapi peranan beliau adalah untuk menggenapi nubuat tersebut dengan menjadi seperti Elia; dipenuhi oleh Roh dan kuasa Allah, menyediakan umat Allah bagi kedatangan Tuhan, Yesus sendiri.

n Nama ‘Gabriel’ boleh diertikan sebagai ‘Allah penyelamatku’ ataupun ‘orang kuat Allah’. Hanya dua malaikat yang dikenali dengan nama di dalam Alkitab: Gabriel (Da 8:16; 9:21) dan Mikhael (Da 10:13, 21;

Yudas 9; Wahyu 12:7).

o Pangkat Gabriel sebagai seorang suruhan Allah menunjukkan martabat dan kepentingannya.

p Orang ramai menantikan Zakharia untuk keluar dan melafazkan berkat Harun (*rujuk Bil 6:22-27*).

q Orang Yahudi mempercayai bahawa sekiranya satu pasangan suami isteri tidak mempunyai cahaya mata, ia adalah suatu tanda tidak mendapat perkenan daripada Allah. Pasangan sedemikian dipandang rendah oleh masyarakat Yahudi.



Adakah seperti Zakharia, anda juga pernah tergoda untuk meragui Allah sama ada Dia akan menunaikan apa yang Dia janjikan di dalam Firman-Nya?

Tidak seperti Zakharia, bagaimanakah anda boleh mempercayai apa yang dikatakan oleh Allah?

**III. Kelahiran Yesus Diumumkan (ay. 26-38)**

²⁶Setelah Elisabet mengandung enam bulan, Allah mengutus malaikat Gabriel ke Nasaret, sebuah kota di negeri Galilea. ²⁷Gabriel membawa berita untuk seorang gadis bernama Maria. Dia telah bertunang^r dengan seorang lelaki bernama Yusuf, keturunan Raja Daud. ²⁸Malaikat itu datang kepada Maria dan berkata, "Salam sejahtera, hai engkau yang sangat diberkati oleh Tuhan! Tuhan menyertai engkau!"

²⁹Maria gelisah mendengar kata-kata malaikat itu dan dia bertanya-tanya tentang makna salam itu. ³⁰Malaikat itu berkata kepadanya, "Janganlah takut, Maria, kerana Allah berkenan kepada engkau. ³¹Engkau akan mengandung, lalu melahirkan seorang anak lelaki. Hendaklah engkau menamakan Dia Yesus.^s ³²Dia akan menjadi agung dan akan disebut Anak Allah Yang Maha Tinggi.^t Tuhan Allah akan menjadikan Dia raja seperti Daud,^u nenek moyang-Nya. ³³Dia akan memerintah sebagai raja keturunan Yakub untuk selama-lamanya. Kerajaan-Nya tidak akan berakhir."

³⁴Maria berkata kepada malaikat itu, "Aku masih dara. Bagaimanakah perkara ini boleh berlaku?"^v

³⁵Malaikat itu menjawab, "Roh Allah akan datang kepadamu, dan kuasa Allah akan menaungi

engkau. Itulah sebabnya Anak yang akan lahir itu disebut Suci, Anak Allah. ³⁶Ketahuilah, sanakmu Elisabet yang dikatakan mandul, sudah mengandung enam bulan, walaupun umurnya sudah lanjut. ³⁷Bagi Allah tiada perkara yang mustahil."

³⁸Maria berkata, "Aku hamba Tuhan; biarlah berlaku kepadaku seperti yang engkau katakan." Lalu malaikat itu meninggalkan Maria.

IV. Maria Melawat Elisabet (ay. 39-56)

³⁹Tidak lama kemudian, Maria segera berangkat ke sebuah kota di Yudea, di kawasan pergunungan. ⁴⁰Dia pergi ke rumah Zakharia lalu memberikan salam kepada Elisabet. ⁴¹Ketika Elisabet mendengar salam Maria, anak dalam kandungannya bergerak.^w Elisabet dikuasai oleh Roh Allah, ⁴²lalu dia berseru, "Berbahagialah kamu antara semua wanita! Berbahagialah anak yang akan kamu lahirkan itu! ⁴³Mengapakah penghormatan yang sebesar ini diberikan kepadaku, sehingga ibu Tuhanku datang melawat aku? ⁴⁴Sebaik sahaja aku mendengar salammu, anak dalam kandunganku bergerak kerana bersukacita. ⁴⁵Alangkah bahagiannya kamu kerana percaya bahawa apa yang dikatakan oleh Tuhan kepadamu akan berlaku!"

Ayat Hafalan

TUHAN setia kepada umat-Nya dan menepati janji-Nya; Dia berbelas kasihan dalam segala perbuatan-Nya.
(Mazmur 145:13b)

Teropong

^r Pertunangan ataupun ikrar kahwin orang Yahudi lebih mengikat pada waktu itu jika dibandingkan dengan hari ini. Ia selalunya dilakukan setahun sebelum perkahwinan dan hanya boleh dipatahkan dengan penceraian.

^s Nama 'Yesus' datang daripada nama Ibrani 'Yosua' yang bermaksud 'TUHAN adalah keselamatan' ataupun 'TUHAN menyelamatkan'.

^t Panggilan ini mempunyai dua maksud: (i) Anak ilahi Allah (ii) Penyelamat, Mesias. 'Maha Tinggi' adalah panggilan lazim yang digunakan untuk merujuk kepada Allah di dalam Perjanjian Lama dan Baru.

^u Maria adalah keturunan Daud, begitu juga dengan Yusuf. Oleh itu, Yesus layak dipanggil anak ataupun keturunan Daud.

^v Maria tidak bertanya di dalam ketidakpercayaan ataupun dengan ragu-ragu seperti Zakharia. *Rujuk ayat 45.* Dia hanya bertanya-tanya bagaimana ia akan terlaksana nanti.

^w Versi lain menterjemahkan frasa ini sebagai "meloncat keriang". Dengan cara yang penuh misteri, Roh Kudus menghasilkan tindak balas luar biasa di dalam bayi yang masih belum lahir ini.

Waktu Untuk Berdoa

Mahukah anda berhenti sejenak dan meminta Allah untuk memberikan anda hati dan sikap yang sama seperti Maria?





⁴⁶Maria berkata,^x “Hatiku menyanjung Tuhan;
⁴⁷jiwaku bersukacita kerana Allah, Penyelamatku,
⁴⁸Dia ingat akan daku, hamba-Nya yang hina! Mulai
 sekarang semua orang akan mengatakan aku ber-
 bahagia,
⁴⁹kerana Allah Maha Kuasa sudah melakukan
 perkara yang besar untukku. Sucilah nama-Nya.
⁵⁰Dia merahmati orang yang menghormati-Nya,
 keturunan demi keturunan.
⁵¹Dengan tangan-Nya yang berkuasa Dia mencerai-
 beraikan mereka yang sombong, dan mengacau-
 kan rancangan mereka.
⁵²Dia menurunkan raja dari takhta lalu meninggikan
 orang hina.
⁵³Dia memuaskn orang lapar dengan segala yang
 baik, tetapi orang kaya diusir-Nya sehingga pergi
 dengan berhampa tangan.
⁵⁴Dia menepati janji-Nya kepada nenek moyang
 kita; Dia datang untuk menyelamatkan Israel
 hamba-Nya.
⁵⁵Dia tidak lupa merahmati Abraham dan keturun-
 annya selama-lamanya!”
⁵⁶Maria tinggal dengan Elisabet kira-kira tiga
 bulan^z lamanya, lalu pulang ke rumah.

V. Kelahiran Yohanes Pembaptis (ay. 57-80)

⁵⁷Apabila tiba masanya Elisabet bersalin, dia
 melahirkan seorang anak lelaki. ⁵⁸Semua jiran dan
 sanak saudaranya mendengar betapa baiknya Tuhan

terhadap Elisabet, dan mereka ikut bersukacita
 dengan dia.

⁵⁹Setelah bayi itu berumur lapan hari, mereka
 datang untuk menyunat^a dia. Mereka hendak mena-
 makan bayi itu Zakharia menurut nama bapanya.^b
⁶⁰Tetapi ibunya berkata, “Jangan! Dia harus di-
 namakan Yohanes.”

⁶¹Mereka berkata kepadanya, “Tetapi tidak
 seorang pun antara sanak saudaramu bernama
 begitu.” ⁶²Lalu dengan isyarat, mereka bertanya
 kepada bapa^c bayi itu nama yang hendak diberikan
 kepada anaknya.

⁶³Zakharia meminta sebuah papan tulis^d lalu
 menulis, “Namanya Yohanes.” Mereka semua hairan.
⁶⁴Pada masa itu juga Zakharia dapat bercakap
 semula lalu mula memuji-muji Allah. ⁶⁵Semua jirannya
 ketakutan dan berita ini tersebar ke seluruh pergu-
 nungan Yudea. ⁶⁶Semua orang yang mendengar
 perkara itu berkata dalam hati, “Anak ini tentu akan
 menjadi orang besar.” Mereka berkata demikian
 kerana nyata sekali kuasa Tuhan menyertainya.

⁶⁷Zakharia, bapa Yohanes, dikuasai oleh Roh
 Allah,^e lalu menyampaikan berita daripada Allah. Dia
 berkata,^f

⁶⁸ “Marilah kita memuji Tuhan, Allah bangsa Israel! Dia
 sudah datang untuk menyelamatkan umat-Nya dan
 membebaskan mereka.

⁶⁹ Dia mengurniakan kita Penyelamat yang berkuasa,
 seorang keturunan Daud, hamba-Nya.



Teropong

^x Lagu pujian Maria dikenali sebagai ‘Magnificat’. Ini
 kerana di dalam Alkitab terjemahan bahasa Latin, lagu
 tersebut bermula dengan *magnificat* yang bermaksud
 ‘membesarkan’. Lagu ini adalah salah satu daripada empat
 lagu (ayat 68-79; 2:14; 2:29-32) yang telah dicatatkan di
 dalam Lukas Bab 1-2. Terdapat beberapa persamaan di
 antara lagu ini dan lagu yang dinyanyikan oleh Hana (1
 Samuel 2:1-10).

^y Ini adalah suatu kata bidalan untuk menunjukkan
 kekuasaan Allah. Allah tidak mempunyai tubuh kerana
 Dia adalah roh.

^z Berkemungkinan besar Maria tinggal bersama dengan
 Elisabet sehingga kelahiran Yohanes sebelum dia kembali
 ke Nasaret.

^a Menurut hukum adat Yahudi, anak lelaki harus disunat
 pada hari kelapan bermula dari kelahirannya (Kejadian
 17:11-12; Imamat 12:3). Amalan bersunat diterapkan oleh
 Allah sebagai tanda bagi perjanjian di antara diri-Nya dan
 Abraham serta keturunan beliau bahawa Dia akan menjadi
 Tuhan mereka dan mereka akan menjadi umat-Nya.

^b Amalan ini diterima umum pada waktu tersebut.

^c Oleh kerana teruja, mereka terlupa bahawa Zakharia hanya
 bisu, bukan pekak. Penjelasan sampingan yang boleh
 dipertimbangkan adalah perkataan yang digunakan untuk
 menjelaskan kejadian yang menimpa Zakharia di ayat 22
 boleh diertikan sebagai ‘pekak dan bisu’.

^d Papan tulis ini mungkin adalah sebuah kepingan kayu
 yang diselaputi lilin.

^e Kedua-dua Zakharia dan Elisabet dipenuhi oleh Roh Allah
 oleh itu mereka dimampukan untuk meluahkan diri di
 dalam lagu dan nubuat (menyampaikan pesanan Allah
 untuk detik tersebut dan juga di masa hadapan), tindakan
 yang tidak selalunya mereka lakukan.

^f Lagu pujian Zakharia dikenali sebagai ‘Benedictus’,
 sempena perkataan ‘diberkati’ di dalam Alkitab bahasa
 Latin. Lagu Magnificat Maria lebih menyerupai Mazmur
 manakala Benedictus milik Zakharia lebih menyerupai
 sebuah nubuat.



- ⁷⁰ Dahulu kala melalui nabi-nabi yang dipilih-Nya, Tuhan telah berjanji
- ⁷¹ akan menyelamatkan kita daripada musuh, dan daripada kuasa orang yang membenci kita.
- ⁷² Dia berjanji akan merahmati nenek moyang kita, serta ingat akan janji-Nya yang suci itu.
- ⁷³ Dia bersumpah kepada nenek moyang kita Abraham, dan berjanji akan menyelamatkan kita daripada musuh, serta membolehkan kita mengabdikan diri kepada-Nya tanpa takut,
- ⁷⁴ (1:73)
- ⁷⁵ supaya kita menjadi suci dan menyenangkan hati-Nya sepanjang hidup kita.
- ⁷⁶ Engkau, hai anakku, akan disebut nabi Allah Yang Maha Tinggi. ^g Engkau diutus terlebih dahulu daripada Tuhan supaya merintis jalan untuk-Nya,
- ⁷⁷ supaya memberitahu umat-Nya bahawa mereka akan diselamatkan, apabila Allah mengampunkan dosa mereka.
- ⁷⁸ Allah kita pengasih dan penyayang. Bagi menyelamatkan kita Dia akan datang bagaikan fajar terang yang menyinari semua orang yang hidup dalam kegelapan dan di bawah bayang maut.^h Dia akan memimpin kita ke jalan yang menuju kedamaian.”
- ⁷⁹ (1:78)
- ⁸⁰Anak Zakharia membesar dan semakin kuat kerohaniannya. Dia tinggal di padang gurunⁱ sehingga tiba masanya dia menampilkan diri kepada umat Israel.

^g Yohanes akan dikenali sebagai nabi kepada Allah yang Maha Tinggi, manakala Yesus akan dipanggil Anak Allah yang Maha Tinggi.

^h Oleh kerana belas kasihan Allah, keselamatan-nya juga ditawarkan kepada mereka yang bukan sebahagian daripada Israel dan sesat (di dalam kegelapan).

ⁱ Padang gurun ini terletak di antara Yerusalem dan Laut Mati (*rujuk 'Peta Palestina', ms. 20*). Kemungkinan besar ibu bapa Yohanes, yang telah berumur sewaktu dia dilahirkan, meninggal dunia ketika dia masih kecil. Dia kemudian membesar di padang gurun. Yohanes berada dalam lingkungan 30 tahun ketika dia memulakan pelayanannya, berkhutbah tentang pertaubatan dan mengumumkan ketibaan Mesias (*rujuk 3:23 – jurang umur di antara Yesus dan Yohanes adalah lebih kurang enam bulan*).



Teropong

^a Lukas adalah satu-satunya penulis Injil yang mengaitkan tulisannya dengan peristiwa-peristiwa bersejarah yang terjadi pada waktu itu. Kaisar Agustus merupakan kaisar pertama dan teragung empayar Roma menurut beberapa sumber. Dia memerintah pada 31 SM sehingga 14 M.

I. Kelahiran Yesus (ay. 1-7)

2 Pada masa itu Kaisar Agustus^a menitahkan semua penduduk Empayar Roma mendaftarkan diri untuk dibanci.^b ²Pembancian yang pertama dijalankan sewaktu Kirenus menjadi gabenor negeri Siria.^c ³Semua orang pergi ke kota^d masing-masing untuk mendaftarkan diri.

⁴Yusuf berangkat dari Nasaret^e di Galilea, lalu pergi ke Betlehem^f di Yudea,^g tempat lahir Raja Daud. Yusuf pergi ke sana kerana dia keturunan Raja Daud. ⁵Dia mendaftarkan diri bersama-sama Maria,^h tunangannya yang sedang mengandung. ⁶Ketika mereka di Betlehem, tibalah masanya bagi Maria untuk bersalin. ⁷Dia melahirkan seorang anak lelaki, anaknya yang sulung. Anak itu dibedungnyaⁱ lalu diletakkan di dalam palungi, kerana mereka tidak mendapat tempat untuk menumpang.^k

II. Gembala dan Malaikat (ay. 18-20)

⁸Pada malam itu, beberapa orang gembala^l sedang menjaga domba^m di padang. ⁹Tiba-tiba malaikat Tuhanⁿ menampakkan diri kepada mereka dan cahaya kemuliaan Tuhan menerangi mereka sehingga mereka ketakutan. ¹⁰Tetapi malaikat itu berkata, “Janganlah takut!^o Aku datang membawa Berita Baik untuk kamu, berita yang akan menggembirakan semua orang.^p ¹¹Pada hari ini di kota Daud^q telah lahir Penyelamat^r kamu, Kristus,^s Tuhan.¹² Inilah tandanya: Kamu akan menemui seorang bayi yang dibedung dengan kain dan berbaring di dalam palungi.”

^b Banci dilakukan untuk tujuan memungut cukai dan menentukan siapa yang layak untuk berkhidmat di dalam ketenteraan Roma. Walau bagaimanapun, orang Yahudi terkecuali daripada khidmat ketenteraan. Banci ini mungkin dijalankan di sekitar 4 SM.

^c Yudea, Samaria dan Galilea terletak di daerah Roma di Siria.

^d Merujuk kepada tempat asal leluhur. Oleh kerana Yusuf adalah keturunan Daud, dia terpaksa kembali ke Betlehem, kota di mana Daud dilahirkan.

^e Nasaret ialah sebuah kota yang terletak di kawasan selatan Galilea. Ia adalah kampung asal Yusuf dan tempat di mana Yesus membesar (*rujuk 4:23*).

^f Betlehem bermaksud ‘rumah roti’. Ia terletak lebih kurang sepuluh kilometer (enam batu) di selatan Yerusalem. Allah menggunakan banci yang diperintahkan oleh seorang emperor pagan untuk memenuhi nubuat di dalam Mikha 5:2 bahawa Mesias akan dilahirkan di Betlehem.

^g Yudea digunakan di sini untuk merujuk kepada daerah selatan Palestina (*rujuk 'Peta Palestina', ms 20*)

^h Maria juga berasal daripada keturunan Daud. Kemung-



¹³Tiba-tiba malaikat itu disertai oleh sepasukan besar malaikat syurga, yang memuji-muji Allah,¹

¹⁴“Termulia Allah di langit yang tertinggi! Dan di atas bumi, sejahteralah manusia yang menyenangkan hati-Nya!”

¹⁵Setelah para malaikat itu meninggalkan mereka dan kembali ke syurga, gembala-gembala itu bercakap sesama mereka, “Marilah kita pergi ke Betlehem dan melihat perkara yang berlaku itu, yang sudah diberitahukan oleh Tuhan kepada kita.”

kinan dia juga diharuskan untuk mendaftar. Di Siria, perempuan berumur 12 tahun ke atas dikehendaki untuk mendaftar dan membayar cukai.

ⁱ Sehelai kain yang panjang selalunya digunakan untuk membungkus tubuh bayi yang baru lahir untuk melindungi dan memanaskan mereka.

^j Palungan ialah sebuah bekas panjang yang tidak mempunyai penutup. Ia digunakan sebagai bekas makanan haiwan ternakan.

^k Kemungkinan Betlehem sesak dengan orang yang datang untuk mendaftar. Satu-satunya tempat kosong bagi Maria dan Yusuf adalah ruang untuk haiwan. Tradisi mencadangkan bahawa mereka menginap di dalam sebuah gua yang digunakan sebagai kandang. Ada kemungkinan yang ia adalah sebahagian daripada rumah tumpangan. Kandang haiwan selalunya terletak di dalam bangunan yang sama dengan penginapan keluarga.



Bayangkan Anak Allah dilahirkan di tempat yang dipenuhi dengan haiwan dan bukannya di dalam istana serta dikerumuni orang-orang kenamaan! Dilahirkan di dalam keadaan serba kekurangan, kepada ibu bapa yang miskin dan disaksikan oleh gembala-gembala yang tidak berpangkat – begitulah bagaimana Allah telah membawa Anak-Nya ke dalam dunia.

Apakah yang ditunjukkan kepada anda tentang cara Allah melihat kepada benda dan manusia?



Walaupun Engkau begitu agung,
Engkau memperhatikan orang yang
hina, dan orang sombong tidak dapat
bersembunyi daripada-Mu.
(Mazmur 138:6)

Teropong

¹ Pekerjaan sebagai seorang gembala adalah sesuatu yang tidak berpangkat. Para gembala selalunya dipandang rendah. Pekerjaan menghalang mereka daripada hukum-hukum istiadat. Mereka dianggap sebagai insan yang tidak boleh dipercayai. Mereka juga tidak dibenarkan untuk menjadi saksi di dalam mahkamah. Namun Allah menghantar malaikat-Nya untuk membawa berita baik kepada mereka.

^m Para gembala harus berjaga pada waktu malam. Mereka harus mengawasi domba-domba daripada pencuri dan serangan binatang buas seperti singa dan beruang. Kawanan domba yang dijaga berkemungkinan disimpan untuk dijadikan korban di Rumah Tuhan. Ini kerana domba-domba yang dikhaskan untuk kegunaan tersebut disimpan di dalam padang berdekatan dengan Betlehem sepanjang tahun.

ⁿ Adalah dipercayai bahawa malaikat ini adalah Gabriel.

^o Rasa takut adalah reaksi lazim kepada kemunculan para malaikat. Oleh itu dorongan harus diberikan. Ucapan salam penuh jaminan ini juga diberikan kepada Zacharia dan Maria.

^p “Semua orang” merujuk kepada umat Israel dan bukannya umat manusia secara umum. Walaupun berita baik penyelamatan Allah adalah untuk semua orang, ia datang kepada umat Allah terlebih dahulu.

^q Kota ini merujuk kepada Betlehem.

^r Ramai orang Yahudi menantikan seorang penyelamat politikal untuk membebaskan mereka daripada jajahan Roma. Ada juga yang menantikan penyelamat yang akan mengeluarkan mereka daripada kesusahan dan sakit penyakit. Tetapi Penyelamat yang Allah utus akan membebaskan mereka daripada dosa dan maut.

^s Istilah ‘Kristus’ datang daripada perkataan Yunani *Christos* yang bermaksud ‘yang diurapi’. Ia ialah istilah yang mempunyai maksud serupa dengan perkataan Ibrani *Mesias*. Menurut kebiasaan Israel purba, benda dan insan (misalnya imam dan raja) yang dikhaskan untuk khidmat istimewa ataupun suci, akan diurapi dengan minyak. Orang Yahudi menjangkakan bahawa Allah akan mengutus seorang Penyelamat yang istimewa satu hari nanti untuk



¹⁶Mereka segera pergi, lalu menjumpai Maria, Yusuf, dan bayi yang sedang berbaring di dalam palung.

¹⁷Apabila para gembala melihat bayi itu, mereka memberitahu semua orang di situ apa yang dikatakan oleh malaikat tentang bayi itu. ¹⁸Semua orang yang mendengarnya hairan akan apa yang dikatakan oleh para gembala itu. ¹⁹Tetapi Maria menyimpan semua perkara itu di dalam hati dan merenungkannya. ²⁰Semua gembala itu kembali ke padang sambil memuji-muji Allah bagi segala yang sudah didengar dan dilihat oleh mereka, kerana semuanya tepat seperti yang dikatakan oleh malaikat.

menghalau penjajah serta mendirikan kembali kerajaan Israel seperti yang dimiliki oleh Daud. Dia bukan sahaja diurapi, malah dia adalah ‘yang’ diurapi – Kristus ataupun Mesias.

[‘] Lagu yang dinyanyikan oleh para malaikat biasanya dipanggil sebagai *Gloria in Excelsis Deo*, sempena terjemahan Latin bagi ‘Termulialah Allah di langit yang tertinggi!’ Para malaikat menunjukkan kemuliaan dan kebesaran Allah dengan memberikan Dia pujian.

[“] Pada waktu itu, empayar Roma berada di dalam keadaan yang aman. Akan tetapi, malaikat-malaikat mengumumkan sebuah keamanan yang lebih dalam, damai bagi minda dan jiwa yang hanya mampu diberikan oleh Sang Penyelamat. Oleh itu, mereka yang mempercayai Yesus Kristus akan menerima damai tersebut. Mereka ialah umat yang disenangi oleh Allah.



Mari Fikir Sejenak

Sekali lagi, Allah melakukan sesuatu yang luar biasa. Dia memilih golongan yang dipandang remeh oleh masyarakat untuk mendengar berita baik-Nya.

- Jika Allah menganggap golongan sedemikian penting untuk-Nya, bagaimanakah Dia memandang anda?



Suatu Pegangan Hidup

Di dalam Yesaya 43:4, Allah berfirman bahawa anda berharga dan bernilai di mata-Nya. Dia menyayangi anda. Ingatlah kebenaran tersebut terutamanya apabila anda berada di dalam keadaan yang sukar serta berasa tidak pasti akan pandangan Allah kepada diri anda.



III. Yesus Dibawa ke Rumah Tuhan (ay. 21-40)

²¹Sesudah berumur lapan hari, tibalah masanya anak itu disunat. Dia dinamakan Yesus, nama yang diberikan oleh malaikat kepada-Nya sebelum Dia dikandung oleh ibu-Nya.

²²Tibalah masanya Yusuf dan Maria menjalankan upacara penyucian^y menurut Taurat Musa. Oleh itu, mereka membawa anak itu ke Yerusalem untuk diserahkan kepada Tuhan. ²³Di dalam hukum Tuhan tertulis, “Tiap-tiap anak lelaki sulung harus diserahkan kepada Tuhan.”^w ²⁴Mereka juga mempersembahkan korban menurut hukum Tuhan, iaitu sepasang burung dara atau dua ekor burung merpati muda.^x



Teropong

^y Menurut Hukum adat-istiadat Yahudi, seorang wanita akan menjadi tidak suci selepas melahirkan anak (*rujuk Imamat 12:1-8*). Jika dia melahirkan seorang anak lelaki, dia akan menjadi tidak suci selama tujuh hari. Pada hari yang kelapan, anak lelaki tersebut harus disunat. Selepas itu, dia harus menunggu selama 33 hari untuk disucikan daripada pendarahannya.

Pada hari yang ke 40, dia harus membawa seekor kambing biri-biri yang berumur satu tahun kepada imam sebagai korban bakaran dan seekor burung merpati sebagai korban dosa. Jika dia tidak berkemampuan, dia harus membawa dua ekor burung merpati ataupun burung dara. Imam yang bertugas akan mempersembahkan korban itu kepada Allah untuk menebus wanita tersebut. Selepas itu barulah dia akan menjadi suci daripada pendarahannya.

^w Anak lelaki pertama bagi manusia dan haiwan harus dipersembahkan kepada Tuhan (Kel 34:19-20). Haiwan akan dikorbankan tetapi bayi manusia akan ditebus ataupun dibeli semula. Orang-orang Lewi dipanggil oleh Allah untuk melayani Dia di pihak semua anak-anak lelaki sulung umat Israel (Bil 3:11-13).

Oleh itu, terdapat dua upacara yang terlibat di sini: persembahan bayi dan juga penyucian si ibu.

^x Oleh kerana miskin, Yusuf dan Maria hanya mampu mempersembahkan dua ekor burung (Imamat 12:8).

^y Salah satu tema yang ditekankan oleh Lukas untuk para pembacanya yang berbangsa bukan Yahudi ialah menawarkan keselamatan kepada orang Yahudi dan juga kepada orang ukan Yahudi. Kata-kata Simeon menggemakan nubuat Yesaya di dalam bab 40-66.

^z Selepas memberkati ibu bapa Yesus, Simeon memberikan amaran kepada Maria bahawa oleh disebabkan Yesus, umat Israel akan sama ada diselamatkan ataupun dihakimi Allah. Semuanya bergantung sama ada mereka menerima ataupun menolak-Nya.

²⁵Pada masa itu di Yerusalem ada seorang lelaki bernama Simeon. Dia seorang yang baik dan takut akan Allah. Dia menantikan masanya Allah menyelamatkan Israel. Roh Allah menyertai Simeon ²⁶dan memberitahu dia bahawa dia tidak akan meninggal sebelum melihat Penyelamat yang dijanjikan oleh Tuhan. ²⁷Dengan pimpinan Roh Allah Simeon masuk ke Rumah Tuhan. Pada waktu itu Yusuf dan Maria membawa Yesus yang masih kecil itu ke Rumah Tuhan untuk melakukan apa yang diperintahkan Taurat bagi-Nya. ²⁸Simeon mengambil anak itu lalu mendukung-Nya sambil memuji Allah,

²⁹ “Sekarang, ya Tuhan, Engkau telah menepati janji-Mu. Biarlah hamba-Mu meninggal dengan tenteram.

³⁰ Dengan matakul sendiri aku sudah melihat Penyelamat yang datang daripada-Mu.

³¹ Penyelamat yang telah Engkau sediakan di hadapan semua bangsa;

³² bagaikan cahaya yang menunjukkan kehendak-Mu bagi bangsa-bangsa lain^c dan cahaya yang mendatangkan kemuliaan bagi umat-Mu Israel.”

³³Ibu bapa anak itu hairan mendengar apa yang

dikatakan oleh Simeon tentang anak itu. ³⁴Simeon memberkati mereka dan berkata kepada Maria, ibu anak itu, “Anak ini sudah dipilih oleh Allah untuk membinasakan dan menyelamatkan banyak orang Israel. Dia akan menjadi tanda daripada Allah, yang akan dilawan oleh banyak orang,^d ³⁵ dan dengan demikian terdedahlah rahsia fikiran mereka. Seperti pedang yang tajam, kesedihan akan menikam hatimu.”^b

³⁶Ada pula seorang nabi wanita bernama Hana^c anak Fanuel, daripada suku Asyer. Dia balu dan umurnya sudah lanjut. Dia berkahwin selama tujuh tahun, ³⁷dan sekarang umurnya lapan puluh empat tahun. Dia tidak pernah meninggalkan Rumah Tuhan.^d Siang malam dia beribadat kepada Allah dengan berdoa dan berpuasa. ³⁸Tepat pada waktu itu dia datang, lalu bersyukur kepada Allah. Dia bercakap tentang anak itu kepada semua orang yang menantikan masanya Allah membebaskan Yerusalem.

³⁹Setelah Yusuf dan Maria melakukan segala yang diwajibkan oleh hukum Tuhan, mereka kembali ke kampung mereka di Nasaret, di daerah Galilea. ⁴⁰Demikianlah anak itu bertambah besar dan kuat. Dia sangat bijaksana dan Allah berkenan kepada-Nya.

^a Maria tidak dapat menerima kenyataan bahawa Allah akan mengutus Penyelamat sedemikian, seorang penyelamat yang harus mati di kayu salib, di mana orang ramai akan menolak-Nya dan juga semua yang dilakukan oleh Allah melalui Dia.

^b Penolakan kepada Yesus akan turut membawa penderitaan yang besar kepada Maria. (Di dalam terjemahan lain, perkataan ‘juga’ muncul selepas perkataan ‘hatimu’).

^c Nama ini sama seperti ‘Hannah’ yang bermaksud ‘pemurah’.

^d Rumah Tuhan yang dibina oleh Herodes adalah sangat megah. Ia mempunyai banyak bilik untuk pelbagai kegunaan. Anna mungkin dibenarkan tinggal di dalam salah sebuah bilik yang ada.

**IV. Yesus di Rumah Tuhan (ay. 41-52)**

⁴¹Tiap-tiap tahun ibu bapa Yesus pergi ke Yerusalem untuk merayakan Perayaan Paska.^{e'} ⁴²Ketika Yesus berumur dua belas tahun,^{f'} mereka pergi ke perayaan itu seperti biasa. ⁴³Sehabis perayaan itu mereka pulang, tetapi Yesus, anak itu, masih di Yerusalem. Ibu bapa-Nya tidak tahu. ⁴⁴Mereka menyangka Dia bersama-sama rombongan itu.^{g'} Setelah mereka berjalan sejauh sehari, barulah mereka mencari Dia antara sanak saudara dan kawan mereka. ⁴⁵Tetapi mereka tidak menjumpai Yesus. Lalu mereka kembali ke Yerusalem untuk mencari Dia. ⁴⁶Pada hari ketiga^{h'} mereka mendapati Yesus di dalam Rumah Tuhan. Dia sedang duduk mendengarkan guru-

guru agama Yahudi^{i'} dan mengajukan soalan. ⁴⁷Semua orang yang mendengar Yesus hairan kerana jawapan-Nya bijak. ⁴⁸Ibu bapa-Nya pun hairan melihat Dia. Ibu-Nya berkata kepada Dia, "Nak, mengapa berbuat seperti ini terhadap ayah dan emak? Cemas hati ayah dan emak mencari-Mu!"

⁴⁹Yesus menjawab, "Mengapa mencari Aku? Tidakkah Aku harus di rumah Bapa-Ku?"^{i'} ⁵⁰Tetapi mereka tidak memahami jawapan Yesus.

⁵¹Setelah itu Yesus pulang bersama-sama mereka ke Nasaret dan taat kepada mereka. Ibu-Nya menyimpan semua perkara ini di dalam hati. ⁵²Yesus bertambah besar dan bijaksana, dan Dia menyenangkan hati Allah mahupun manusia.^{k'}

**Teropong**

^{e'} Semua lelaki Yahudi dimestikan untuk mengunjungi Yerusalem sebanyak tiga kali setahun untuk menyambut tiga perayaan utama – Paska, Pentakosta dan Khemah. Oleh kerana jarak perjalanan, ramai yang tidak mampu menghadiri ketiga-tiga perayaan tersebut. Akan tetapi, kebanyakan daripada mereka akan berusaha untuk hadir sewaktu perayaan Paska. Paska mengingatkan orang Yahudi bagaimana Allah membebaskan mereka daripada perhambaan di Mesir.

^{f'} Pada umur 13 tahun, seorang anak lelaki Yahudi akan menjadi 'anak hukum taurat' ataupun ahli penuh kepada rumah ibadat. Mereka diberikan tanggungjawab orang dewasa. Bukan itu sahaja, menurut hukum Yahudi, mereka kini bertanggungjawab akan tindakan, kerohanian dan moral masing-masing. Pada umur 12 tahun, kanak-kanak lelaki mula menyediakan diri untuk mengambil tempat di dalam komuniti keagamaan di tahun yang berikutnya.

Adalah dianggap sangat membantu bagi seorang kanak-kanak lelaki untuk mengikuti perayaan Yahudi satu atau dua tahun lebih awal untuk menyediakan mereka bagi tanggungjawab seorang dewasa di dalam komuniti. Tidak jelas jika kunjungan Yesus disebabkan oleh tujuan ini ataupun Dia sekadar mengikuti ibu bapa-Nya setiap tahun.

^{g'} Orang ramai bergerak di dalam kumpulan yang besar ataupun di dalam karavan. Pada umur sedemikian, Yesus mungkin berjalan bersama para perempuan dan kanak-kanak ataupun dengan lelaki dewasa dan yang lebih tua daripadanya. Adalah mudah bagi Maria dan Yusuf untuk tidak mengetahui di mana Yesus berada di dalam kumpulan yang sangat besar. Mereka mungkin menyangka yang Dia ada bersama-sama dengan yang lain.

^{h'} Hari pertama mungkin hari meninggalkan Yerusalem. Hari kedua pula adalah hari untuk kembali ke sana. Hari ketiga mungkin adalah hari untuk mencari Yesus.

^{i'} Adalah lazim bagi para guru ataupun rabbi untuk mengadakan kelas mereka di dalam Rumah Tuhan (*rujuk 'Rumah Tuhan', ms.10*). Yesus mungkin telah mengikuti salah satu daripada kelas tersebut. Cara mereka mengajar adalah untuk mendorong perbincangan masalah. Ini mungkin membuka peluang kepada pelajar pintar untuk bertanya dan memberikan jawapan. Inilah perkara yang Yesus sedang lakukan.

^{j'} Jawapan Yesus menunjukkan bahawa sejak daripada usia yang begitu muda, Dia telah mengetahui bahawa Dia harus berada di dalam Rumah Tuhan, dan Dia mempunyai hubungan yang istimewa bersama Allah. Tidak ada catatan lain yang menunjukkan orang Yahudi menggunakan frasa peribadi 'Bapa-Ku' selain daripada Yesus.

^{k'} Walaupun Yesus adalah Tuhan, tidak ada tanda-tanda bahawa Dia mempunyai semua kebijaksanaan dan ilmu pengetahuan sejak dari lahir. Lukas mencatatkan bahawa Dia menjadi matang sama seperti kanak-kanak yang lain. Dia taat kepada ibu-bapa-Nya, dan kasih kurnia serta rahmat Allah menyertai Dia.

**Mari Fikir Sejenak**

Perhatikan walaupun Yesus adalah Anak Allah, Dia tidak pernah menganggap diri-Nya lebih hebat daripada ibu bapa-Nya. Dia mentaati mereka sewaktu Dia meningkat dewasa. Rahmat Allah menyertai-Nya.

- Bagaimanakah hubungan di antara anda dan ibu bapa?
- Dalam perkara apakah anda tidak mentaati mereka?
- Bagaimanakah anda mampu berubah di dalam perkara-perkara tersebut?



I. Perkhabaran Yohanes Pembaptis (ay. 1-20)

3 Pada tahun kelima belas pemerintahan Kaisar Tiberius, ^aPontius Pilatus ialah gabenor negeri Yudea^b dan Herodes^c memerintah negeri Galilea. Filipus, saudara Herodes, menguasai kawasan Iturea dan Trakhonitis; dan Lisanius^d memerintah di Abilene. ²Pada masa itu, Hanas dan Kayafas menjabat kedudukan Imam Agung.^e Itulah masanya Allah berfirman kepada Yohanes anak Zakharía di padang gurun. ³Lalu Yohanes menjelajah seluruh kawasan Sungai Yordan dan mengisytiharkan berita daripada Allah. Yohanes berseru, “Bertaubatlah daripada dosa kamu dan hendaklah kamu dibaptis, supaya Allah mengampunkan dosa kamu.” ⁴Seperti yang tertulis di dalam kitab Nabi Yesaya,

“Seorang berseru di padang gurun, ‘Sediakanlah jalan untuk Tuhan,^f luruskanlah jalan bagi-Nya!

⁵ Tiap-tiap lembah hendaklah ditimbus, tiap-tiap gunung dan bukit diratakan. Jalan yang berkeluk-luk hendaklah diluruskan, dan jalan yang lekak-lekuk diratakan.

⁶ Lalu setiap orang akan melihat Allah menyelamatkan manusia!”

⁷Banyak orang datang kepada Yohanes supaya dibaptis olehnya. “Kamu orang jahat!” kata Yohanes kepada mereka. “Siapakah yang memberitahu kamu bahawa kamu dapat melepaskan diri daripada hukuman^g Allah yang akan datang? ⁸Lakukanlah perkara-perkara yang menunjukkan bahawa kamu sudah bertaubat daripada dosa! Janganlah mula berkata sesama sendiri, ‘Abraham nenek moyang kami.’ Ketahuilah, Allah dapat membuat batu-batu ini menjadi keturunan untuk Abraham! ⁹Lihatlah, kapak sudah tersedia untuk menebang pokok sehingga ke akarnya. Tiap-tiap pokok yang tidak menghasilkan buah yang baik akan ditebang lalu dibuang ke dalam api.”^h

¹⁰Orang ramai bertanya kepada Yohanes, “Apakah yang harus kami lakukan?”

¹¹Yohanes menjawab, “Sesiapa yang mempunyai dua helai baju, harus memberikan sehelai kepada orang yang tidak mempunyai baju; dan sesiapa yang mempunyai makanan, harus berkongsi makanan



Ayat Hafalan

Anak-anak, sebagai orang Kristian kamu wajib mentaati ibu bapa kamu, kerana hal itulah yang menyenangkan hati Allah.
(Kolose 3:20)



Teropong

^a Kaisar Tiberius mengambil alih kerajaan Roma selepas kematian Kaisar Agustus pada 19 Ogos, 14 M. Tahun kelima belas pemerintahan Tiberius berada di lingkungan 28-29 M. Ahli sejarah selalunya menandakan tarikh dengan memberikan tahun pemerintahan raja apabila kejadian tersebut mengambil tempat.

^b Yudea merupakan sebahagian daripada kawasan yang diberikan oleh Herodes Agung (*rujuk ‘Kerabat Diraja Herodes Agung’, ms. 7*) kepada anaknya Archelaus. Archelaus memerintah dengan zalim sehinggakan para rakyat meminta pemerintah Roma untuk menurunkan dia. Mereka berbuat demikian untuk mendudukkan gabenor ataupun peguam cara pilihan mereka sendiri pada 6 M. Pontius Pilatus memegang jawatan ini sejak dari 26 M hingga 36 M (*rujuk ‘Pontius Pilatus’, ms. 8*).

^c Herodes yang dimaksudkan adalah Herodes Antipas, anak kepada Herodes Agung. Dia menjadi pemerintah Galilea dan Perea sewaktu kematian ayahnya pada 4 S.M. sehingga 39 M. Dia memerintah Galilea sewaktu Yesus hidup di sana.

^d Tidak banyak yang diketahui tentang Lisanius.

^e Hanas menjadi imam agung sejak 6-15 M tetapi dilucutkan daripada jawatannya oleh Gratus, gabenor Roma. Dia diikuti oleh salah seorang daripada anaknya. Kemudian Kayafas, menantu Hanas mengambil alih jawatan tersebut pada 18-36 M. Walaupun Kayafas merupakan imam agung yang sah, sebagai ketua keluarga, Hanas ialah imam yang paling berpengaruh dan dia masih memegang panggilan tersebut. Dia mungkin dianggap oleh orang ramai sebagai imam agung yang sebenar. Oleh itu, Lukas menyertakan namanya dengan Kayafas yang dipilih oleh kerajaan Roma.

^f Gambaran yang digunakan di sini adalah untuk menyediakan jalan yang akan dilalui oleh pengunjung diraja apabila dia menziarahi negara yang jauh. Setiap penghalang harus dihapuskan untuk menyediakan jalan tersebut. Untuk menyediakan jalan bagi Penyelamat yang diutus oleh Allah, dosa umat-Nya harus dihapuskan dan inilah tujuan yang ingin Yohanes lakukan – untuk mengkhabarkan pertaubatan dan pengampunan dosa.

^g Ini adalah rujukan kepada kehancuran Yerusalem (21:20-24) yang terjadi pada 70 M dan juga penghakiman terakhir.

^h Ini adalah cara simbolik untuk mengatakan bahawa penghakiman sudah dekat bagi mereka yang tidak menunjukkan bukti ataupun hasil kepada pertaubatan di dalam hidup. Api digunakan sebagai simbol penghakiman.

ⁱ ‘Baju’ merujuk kepada baju pendek ataupun pakaian dalam pendek yang digunakan sebelum jubah luaran dikenakan (*rujuk ‘Pakaian’, ms. 18*). Lazimnya, hanya sehelai yang akan dipakai. ‘Baju’ tambahan akan dipakai



dengan yang berkekurangan.”

¹²Beberapa orang pemungut cukai datang dan minta dibaptis. Mereka bertanya kepada Yohanes, “Guru, apakah yang harus kami lakukan?” ¹³Yohanes berkata, “Janganlah minta lebih daripada apa yang telah ditetapkan.”

¹⁴Askar-askar^k juga bertanya kepadanya, “Bagaimana dengan kami? Apakah yang harus kami lakukan?” Yohanes menjawab, “Janganlah peras duit daripada sesiapa pun, dan jangan rampas wang dengan mengajukan tuduhan palsu. Berpuas hatilah dengan gaji kamu!”

¹⁵Harapan orang ramai mula timbul. Mereka tertanya-tanya sama ada Yohanes itu Penyelamat yang diutus oleh Allah. ¹⁶Yohanes berkata kepada mereka, “Aku membaptis kamu dengan air, tetapi Dia

yang lebih besar daripadaku akan datang. Aku pun tidak layak mengurai tali kasut-Nya. Dia akan membaptis kamu dengan Roh Allah dan api^m. ¹⁷Tangan-Nya memegang nyiru untuk menampi. Dia akan mengumpulkan gandum yang bersih di dalam jelapang, tetapi Dia akan membakar sekam di dalam api yang tidak dapat padam!”ⁿ

¹⁸Demikianlah Yohanes menasihati orang dengan berbagai-bagai cara, pada waktu dia mengisytiharkan Berita Baik. ¹⁹Tetapi Yohanes menegur Gabenor Herodes tentang perkahwinannya dengan Herodias,^o isteri saudaranya, dan tentang semua kejahatan lain yang telah dilakukannya. ²⁰Kemudian Herodes melakukan perbuatan yang lebih jahat lagi; dia memenjarakan^p Yohanes.

untuk tujuan memanaskan badan ataupun sebagai pakaian ganti. Memandangkan pemakaian dua helai baju adalah tidak diperlukan, helaian kedua seharusnya diberikan kepada mereka yang lebih memerlukan.

^j Kerajaan Roma mengenakan cukai kepada rakyatnya. Cukai tersebut dipungut oleh ejen Yahudi di Israel yang juga dipanggil sebagai pemungut cukai (*rujuk ‘Golongan Sosial’, ms.19*). Mereka dibenci ramai kerana membantu pemerintah pagan dan juga menipu rakyat sendiri dengan memungut lebih daripada yang sepatutnya untuk kegunaan sendiri.

^k Askar-askar ini mungkin ialah askar Yahudi yang ditugaskan untuk hal ehwal dalaman Yahudi, contohnya pengawal Rumah Tuhan, pelindung untuk pemungut cukai, dll. Kerajaan Roma membenarkan kuasa keten-teraan Yahudi untuk beberapa individu dan istitusi Yahudi. Apa yang dikutuk oleh orang ramai bukanlah pekerjaan pemungut cukai dan askar, tetapi amalan tidak beretika yang dilakukan oleh mereka.

^l Terdapat satu bidalan di kalangan para rabbi yang mengatakan sama seperti sebarang khidmat yang dilakukan oleh seorang hamba kepada tuannya, begitu juga seorang murid harus lakukan terhadap gurunya, kecuali untuk membuka tali kasutnya. Para rabbi tidak dibayar tetapi murid-murid harus menunjukkan penghargaan mereka dengan memberikan pelbagai perkhidmatan kepada guru. Yohanes mengatakan bahawa dia tidak layak untuk melakukan bahkan tugas yang rendah untuk Yesus.

^m Api ialah simbol purba untuk penghakiman, penyucian dan pembersihan. Yohanes membaptis dengan air. Yesus yang lebih besar daripada Yohanes akan membaptis dengan Roh Allah dan akan membersihkan serta menyucikan dengan api. Perkara ini dipenuhi pada hari Pentakosta (Kis 1:5, 2:4).

ⁿ Yohanes meneruskan tema penghakiman. Menampi adalah sebuah proses untuk membuang gandum yang telah longgar daripada sekam kerana diinjak oleh kerbau ke udara melawan tiupan angin. Angin akan membawa jerami (sekam yang kosong) pergi, tetapi gandum akan jatuh lurus ke bawah. Garpu penampi ataupun penyodok digunakan untuk melambung gandum ke udara. Gandum akan dibawa ke dalam gudang manakala jerami akan dibakar.

Yohanes menggunakan gambaran ini untuk menunjukkan bahawa apabila Yesus datang, mereka yang menerima Dia akan menjadi seperti gandum tetapi mereka yang tidak bertaubat dan menolak Dia, meskipun berbangsa Yahudi, akan menjadi seperti jerami. Mereka akan berhadapan dengan penghakiman Allah. Ramai orang Yahudi yang berfikir bahawa hanya orang pagan akan dihakimi dan dihukum apabila Mesias tiba. Akan tetapi, Yohanesewartakan bahawa penghakiman akan menimpa semua orang yang tidak bertaubat, termasuklah orang Yahudi sendiri.

^o Herodias ialah isteri kepada Filipus, saudara Herodes Antipas. Dia meninggalkan Filipus untuk berkahwin dengan Herodes setelah Herodes menceraikan isterinya untuk berkahwin dengannya. Herodias juga ialah anak buah kandung Herodes Antipas (*rujuk ‘Kerabat Diraja Herodes Agung’ ms. 7*)

^p Perkara ini tidak mengambil tempat sehinggalah di awal pelayanan Yesus. Lukas menyentuhnya di sini kerana dia ingin menutup bahagian pelayanan Yohanes sebelum memulakan kisah pelayanan Yesus.



Apakah tindak balas anda apabila melihat sesuatu perkara yang salah?



II. Yesus Dibaptis (ay. 21-22)

²¹Setelah semua orang itu dibaptis, Yesus juga dibaptis.^q Ketika Dia berdoa,^r langit terbuka,^s ²²dan Roh Allah berwujud^t burung merpati turun ke atas-Nya. Lalu terdengar suara dari syurga mengatakan, “Engkaulah Anak-Ku yang Aku kasihi. Engkaulah^u menyenangkan hati-Ku.”

- Adakah anda akan bersuara walaupun ia akan menjadikan anda tidak terkenal ataupun akan membawa masalah? Beri alasan anda.



Suatu Pegangan Hidup

Bukan mudah untuk berdiri bagi apa yang benar, tetapi anda sentiasa boleh meminta Allah untuk memberikan anda keberanian untuk berbuat demikian, dan Dia pasti akan melakukannya.



Teropong

- ^q Yesus tidak dibaptis kerana berdosa ataupun memerlukan pertaubatan. Dia berbuat demikian untuk menyerupakan diri-Nya kepada mereka yang ingin diselamatkan-Nya.
- ^r Hanya Lukas yang mencatatkan bahawa Yesus berdoa sewaktu dibaptis.
- ^s Di dalam Alkitab, ‘langit terbuka’ menunjukkan kepada pewahyuan Allah yang mendatang (*rujuk Yehezkiel 1:1; Wahyu 4:1*). Dalam peristiwa ini, Roh Allah turun dan terdengar suatu suara dari syurga.
- ^t Roh Allah turun secara fizikal menunjukkan itu bukan sebuah bayangan tetapi suatu realiti objektif. Burung merpati dikira sebagai lambang kepada Roh Allah. Semuanya berlaku sewaktu Yesus berdoa selepas dibaptis.
- ^u Pemberian Roh Allah diikuti dengan suara Allah dari syurga untuk mengesahkan pengiktirafan Bapa Syurgawi akan Yesus. “Engkaulah menyenangkan hati-Ku” bermaksud rahmat dan nikmat Allah beserta Yesus. Semua kejadian menandakan panggilan Yesus kepada pelayanan umum-Nya, sebuah panggilan yang disertai dengan pemberian Roh Allah dan pengesahan suara Bapa-Nya dari syurga.

Lukas juga turut mencatatkan sebuah kejadian lain di mana suara dari syurga menjawab Yesus. Ia terjadi di atas bukit di mana Yesus dimuliakan (9:35). Di dalam injil Yohanes, terdapat sebuah insiden lain di mana suara Allah kedengaran dari syurga. Ia terjadi di dalam ruang Rumah Tuhan sewaktu minggu terakhir Yesus di Yerusalem (Yohanes 12:28).

III. Senarai Nenek Moyang Yesus (ay. 23-38)

²³Ketika Yesus memulakan pelayanan-Nya, Dia berumur kira-kira tiga puluh tahun.^v Menurut pendapat orang, Dia anak Yusuf^w anak Eli, ²⁴anak Matat, anak Lewi, anak Malkhi, anak Yanai, anak Yusuf, ²⁵anak Matica, anak Amos, anak Nahum, anak Hesli, anak Nagai, ²⁶anak Maat, anak Matica, anak Simei, anak



Teropong

^v Lukas adalah satu-satunya penulis Injil yang memberikan kita umur Yesus ketika Dia memulakan pelayanan-Nya. Ini adalah umur di mana orang Yahudi memasuki ‘khidmat awam’, contohnya, umur ketika orang Lewi memulakan khidmat mereka (Bil 4:3), Yusuf memasuki khidmat kepada Firaun (Kej 41:46), dll. Ia mungkin dipandang sebagai umur di mana seorang lelaki menjadi benar-benar matang.

^w Lukas telah mengesahkan kelahiran Yesus tanpa persetujuan sebelum ini. Kini dia kembali menjelaskan bahawa Yusuf hanyalah ayah angkat kepada Yesus.

^x Pokok keluarga Yesus yang dilakarkan oleh Lukas berbeza daripada yang terdapat di dalam Injil Matius (*lihat Mat 1: 1-17*). Matius bermula dengan Abraham. Lukas bermula dengan Yusuf kemudian berundur melalui Daud, Abraham, Adam dan kepada Allah. Rujukan kepada Adam sebagai anak Allah menunjukkan asal usul keilahan bagi bangsa manusia. Lukas mungkin ingin menekankan bahawa Yesus menyerupakan diri-Nya dengan seluruh umat manusia.

Sebilangan sarjana mencadangkan bahawa Matius mengikuti jalur keluarga Yusuf manakala Lukas mengikuti Maria.



Mari Fikir Sejenak

Pernahkan anda mempertimbangkan fakta bahawa Allah mempunyai panggilan untuk setiap anak-Nya, termasuk anda? Ia mungkin bukan untuk melayani Dia secara sepenuh masa tetapi ia sudah pasti untuk melayani Dia dengan taat di mana jua anda ditempatkan.

- Pernahkan anda berdoa tentang perkara yang Allah ingin anda lakukan di dalam hidup?



Yoseh, anak Yoda, ²⁷anak Yohanan, anak Resa, anak Zerubabel, anak Sealtiel, anak Neri, ²⁸anak Malkhi, anak Adi, anak Kosam, anak Elmadam, anak Er, ²⁹anak Yosua, anak Eliezer, anak Yorim, anak Matat, anak Lewi, ³⁰anak Simeon, anak Yehuda, anak Yusuf, anak Yonam, anak Eliakim, ³¹anak Melea, anak Mina, anak Matata, anak Natan, anak Daud, ³²anak Isai, anak Obed, anak Boas, anak Salmon, anak Nahason, ³³anak Aminadab, anak Admin, anak Arni, anak Hezron, anak Peres, anak Yehuda, ³⁴anak Yakub, anak Ishak, anak Abraham, anak Terah, anak Nahor, ³⁵anak Serug, anak Rehu, anak Peleg, anak Eber, anak Selah, ³⁶anak Kenan, anak Arpaksad, anak Sem, anak Nuh, anak Lamekh, ³⁷anak Metuselah, anak Henokh, anak Yared, anak Mahalaleel, anak Kenan, ³⁸anak Enos, anak Set, anak Adam, anak Allah.^x

- Adakah anda akan berkata “Ya” kepada apa jua panggilan Allah untuk anda?
- Bagaimana pula waktu ini? Menurut anda, apakah yang Allah inginkan anda lakukan sekarang?
- Jika anda tidak pasti, mengapakah anda tidak berdoa dan meminta Dia untuk menunjukkan kepada anda?



Ayat Hafalan

Aku sendiri tahu akan rancangan-Ku untuk kamu. Rancangan itu bukan untuk mencelakakan kamu, tetapi untuk kemakmuran kamu dan untuk memberikan masa depan yang kamu harap-harapkan.
(Yeremia 29:11)

I. Yesus Dicurai oleh Iblis (ay. 1-13)

4 Yesus yang dikuasai oleh Roh Allah, kembali dari kawasan Sungai Yordan.^a Yesus dipimpin oleh Roh Allah ke padang gurun.^b Di situ Dia dicubai oleh Iblis^c selama empat puluh hari.^d Sepanjang masa itu, Yesus tidak makan apa-apa,^e sehingga Dia lapar.

³Iblis berkata kepada-Nya, “Jika Engkau Anak Allah,^f perintahkanlah batu ini menjadi roti.”

⁴Yesus menjawab, “Di dalam Alkitab tertulis, ‘Manusia tidak dapat hidup dengan roti sahaja.’”^g

⁵Lalu Iblis membawa Yesus ke tempat yang tinggi, dan dalam sekelip mata Iblis menunjukkan segala kerajaan di dunia kepada-Nya. ⁶“Aku akan memberikan segala kekuasaan dan kekayaan ini kepada-Mu,” kata Iblis kepada Yesus. “Semuanya ini telah diberikan kepadaku, dan aku berhak memberikannya kepada sesiapa sahaja yang aku suka.



Teropong

- ^a Merujuk kepada Sungai Yordan di mana Yesus telah dibaptiskan oleh Yohanes.
- ^b Kawasan ini terletak di antara pusat Yudea yang dikelilingi oleh banyak kota dengan Laut Mati. Ia ialah tempat yang dipenuhi dengan bukit berdebu, batu kapur dan bukit batu.
- ^c Nama Iblis adalah salah satu daripada panggilan untuk Syaitan, musuh utama Allah dan manusia. Adalah dipercayai bahawa suatu ketika dahulu, Syaitan merupakan salah seorang daripada malaikat Allah. Akan tetapi dia memberontak melawan Allah dan membawa sekumpulan malaikat untuk memberontak bersamanya. Walaupun Iblis kelihatan seperti berada di mana-mana, dia tidaklah maha hadir seperti Allah. Dia menggunakan roh jahat ataupun syaitan-syaitan untuk melaksanakan rancangannya. Alkitab mempunyai banyak nama untuknya – ‘Beelzebub, putera syaitan’ ‘ular purba’, ‘ilah zaman ini’, ‘penguasa kerajaan di langit’, dll.
- ^d 40 hari di sini mungkin digunakan untuk menyerupai 40 tahun perjalanan Israel di padang gurun selepas dibebaskan dari Mesir. Terdapat banyak insiden di dalam Alkitab yang melibatkan jangka masa 40 hari – Musa berpuasa selama 40 hari di atas Gunung Sinai sementara dia menunggu pemberian Sepuluh Hukum (Ul 9:9); Elia berjalan selama 40 hari untuk tiba di Gunung Horeb (1 Raja-Raja 19:8); Allah menghantar hujan selama 40 hari dan 40 malam pada zaman Nuh (Kej 7:4); dsbnya.
- ^e Lukas mengatakan bahawa Yesus digoda selama 40 hari sewaktu Dia berpuasa. Ketiga-tiga godaan yang dicatatkan di dalam Matius dan Lukas mungkin terjadi ketika di akhir jangka masa tersebut, apabila Yesus sangat kelaparan dan daya tahan-Nya menjadi paling lemah.
- ^f Iblis bukan ingin membuat Yesus meragui identiti diri-Nya

⁷ Semua ini akan menjadi milik-Mu, jika Engkau sujud menyembah aku.^h”

⁸ Yesus menjawab, “Di dalam Alkitab tertulis, ‘Sembahlah Tuhan Allahmu dan abdikan diri kepada Dia sahaja!’”

⁹ Lalu Iblis membawa Yesus ke Yerusalem dan menaruh Dia di puncak Rumah Tuhan dan berkata kepada-Nya, “Jika Engkau Anak Allah, terjunlah ke bawah,ⁱ ¹⁰ kerana di dalam Alkitab tertulis, ‘Allah akan memerintah para malaikat-Nya menjaga Engkau baik-baik.’ ¹¹ Juga tertulis, ‘Malaikat akan menyambut Engkau dengan tangan, supaya kaki-Mu tidak terhantuk pada batu.’”

¹² Yesus menjawab, “Di dalam Alkitab tertulis, ‘Janganlah cubai Tuhan Allahmu!’”

¹³ Apabila Iblis selesai mencubai Yesus dengan segala upaya, dia meninggalkan Yesus untuk sementara waktu.^m

II. Yesus Tidak Diterima di Nasaret (ay. 14-30)

¹⁴ Yesus kembali ke Galilea dan kuasa Roh Allah menyertai Dia. Berita tentang Yesus tersebar ke seluruh daerah itu. ¹⁵ Yesus mengajar di rumah ibadatⁿ dan Dia dipuji oleh semua orang.

¹⁶ Kemudian Yesus pergi ke Nasaret, tempat Dia dibesarkan. Pada hari Sabat, seperti biasa Yesus pergi ke rumah ibadat. Dia berdiri untuk membaca Alkitab^o, ¹⁷ lalu Dia diberikan gulungan naskah^p yang berisi perkhabaran daripada Nabi Yesaya. Yesus membuka gulungan naskah itu, lalu mendapatkan bahagian yang tertulis,

¹⁸ “Roh Tuhan ada pada-Ku. Dia telah melantik Aku supaya mengkhabarkan Berita Baik kepada orang miskin.

Dia mengutus Aku supaya mengumumkan pembebasan kepada orang tawanan, kesembuhan bagi orang buta; dan kemerdekaan bagi orang yang

sebagai Anak Allah tetapi ingin menggoda Dia untuk menggunakan kuasa luar biasa-Nya sebagai Anak Allah untuk kepentingan diri sendiri.

^g Ini ialah petikan daripada Ulangan 8:3. Musa mengingatkan orang Israel bagaimana Allah telah menguji mereka selama 40 tahun di padang gurun. Dia tidak pernah gagal memenuhi janji-Nya untuk menampung mereka, dan Dia telah memberikan mereka manna untuk dimakan.

^h Iblis menggoda Yesus untuk mengelak penderitaan di kayu salib. Godaan ditawarkan sebagai satu jalan pintas untuk menguasai dunia.

ⁱ Dipetik daripada Ulangan 6:13.

^j Iblis menggoda Yesus untuk menguji kesetiaan Allah.

^k Iblis memetik Maz 91:1-11-12 di luar konteks. Kita tidak boleh mengambil ayat-ayat Alkitab di luar konteks untuk memberikan mereka maksud yang kita inginkan.

^l Yesus memetik Ulangan 6:16 di mana Musa mengingatkan umat Israel untuk tidak menguji Allah seperti yang mereka lakukan di padang gurun.

^m Iblis tidak henti-henti menguji Yesus di sepanjang pelayanan-Nya (*rujuk Markus 8:33*), dan itu memuncak di dalam ujian terakhir di Taman Getsemani.

Apakah godaan yang anda sedang hadapi sekarang?

Apakah yang boleh anda pelajari daripada teladan Yesus untuk membantu anda mengatasi godaan-godaan tersebut?

Teropong

ⁿ Rumah ibadat (istilah Yunani *synagogue* yang bermaksud ‘ruang berkumpul’) adalah sangat penting untuk institusi Yahudi pada waktu tersebut (*rujuk ‘Rumah Ibadat’, ms. 13*). Ia mungkin berasal dari amalan sewaktu orang Yahudi dibuang negara apabila mereka dihalau dari Yerusalem dan ditempatkan di Babilonia. Ia adalah sebuah tempat di mana orang Yahudi mempelajari Firman Allah dan juga ruang awam untuk kegiatan menyembah Allah.

Ia dimulakan dengan lafaz pengakuan iman Yahudi, diikuti dengan doa. Seterusnya adalah Bacaan Firman yang boleh dilakukan oleh sesiapa sahaja dan ia mestilah dilakukan dengan posisi berdiri. Sebuah khotbah akan menyusul dan pengkhotbah mengajar sambil duduk. Sesiapa sahaja yang mampu mengajar akan dijemput untuk memberikan khotbah harian. Inilah yang dilakukan oleh Yesus sewaktu Dia mengajar di rumah ibadat.

^o Ini ialah petikan bacaan Firman Tuhan untuk hari tersebut dan ia dilakukan dengan posisi berdiri.

^p Kitab-kitab di dalam Perjanjian Lama ditulis di atas skrol,



Godaan ada di mana-mana. Tidak ada sesiapa yang mampu melarikan diri daripadanya. Yesus tidak dan begitu juga akan anda



tertindas,

¹⁹ serta mengisytiharkan masanya Tuhan menyelamatkan umat-Nya.⁹”

²⁰Yesus menggulung gulungan naskah itu semula dan mengembalikannya kepada petugas, lalu duduk.^f Mata semua orang di dalam rumah ibadat itu tertumpu kepada Yesus. ²¹Yesus mula berkata kepada mereka, “Pada hari ini ayat-ayat Alkitab ini sudah berlaku pada masa kamu mendengarnya.”

²²Kata-kata yang diucapkan oleh Yesus baik sekali sehingga para pendengar-Nya kagum. Mereka berkata, “Bukankah dia anak Yusuf?”

²³Tetapi Yesus berkata, “Tentu kamu akan menyebut peribahasa ini kepada-Ku, ‘Hai doktor, sembahkanlah dirimu sendiri.’ Kamu juga akan berkata, ‘Kami mendengar tentang semua perkara yang sudah berlaku di Kapernaum, lakukanlah semuanya di kampung halamanmu^g juga.’” ²⁴Yesus berkata lagi, “Ketahuilah^h, seorang nabi tidak pernah dihormati di

kampung halamannya sendiri. ²⁵Dengarkan kata-kata-Ku: Memang ada banyak balu di Israel pada zaman Nabi Elia. Pada masa itu musim kemarau berlanjutan, kerana hujan tidak turun selama tiga tahun setengah sehingga bencana kebuluran yang dahsyat berlaku di negeri itu. ²⁶Tetapi Allah tidak menyuruh Elia pergi kepada salah seorang balu itu. Dia disuruh pergi kepada seorang balu yang tinggal di Sarafat di daerah Sidon.^u ²⁷Demikian juga ada banyak orang berpenyakit kulit yang mengerikan di Israel pada zaman Nabi Elisa. Tetapi tidak seorang pun daripada mereka disembuhkan, kecuali Naaman orang Siria^v itu.”

²⁸Semua orang di rumah ibadat itu sangat marah apabila mereka mendengar hal itu. ²⁹Mereka bangkit lalu menyeret Yesus ke luar bandar dan membawa-Nya ke puncak bukit tempat kota mereka dibina. Mereka bermaksud menolak Yesus ke dalam jurang. ³⁰ Tetapi Yesus terus berjalan antara orang ramai^w lalu pergi dari situ.

dan disimpan di tempat khas di dalam rumah ibadat. Ia diberikan kepada si pembaca oleh pembantu khusus. Petikan yang dibaca oleh Yesus mungkin telah diberikan kepada-Nya pada hari tersebut ataupun dipilih oleh-Nya sendiri.

⁹ Di dalam terjemahan yang lain, ayat ini diterjemahkan ‘untuk memberitakan tahun rahmat Tuhan’. Ia dipetik daripada Yesaya 61:1-2. Tahun tersebut merujuk kepada tahun Yobel (Imamat 25:8-55), di mana sekali di dalam 50 tahun para hamba akan dibebaskan, hutang dihapuskan dan harta benda keluarga dikembalikan kepada pemilik asal. Yesaya menjangkakan pembebasan Israel daripada jajahan Babilonia. Tetapi Yesus merujuk kepada pembebasan daripada dosa dan kesan-kesannya.

^f Yesus duduk, menunjukkan postur untuk berkhotbah.

^g Walaupun Yesus dilahirkan di Betlehem, Dia dibesarkan di Nasaret dan orang ramai mungkin menginginkan Dia untuk hidup setaraf dengan reputasi-Nya. Oleh kerana mereka tidak percaya (Markus 6:5), Yesus tidak mampu melakukan sebarang keajaiban di sana. Dia kemudian memetik dua contoh untuk menunjukkan bahawa Allah mengutus nabi-Nya kepada dua individu bukan Israel.

^u Di dalam beberapa terjemahan yang lain, Yesus menggunakan frasa ‘Sesungguhnya, Aku berkata kepadamu’ sebelum memetik bidalan tersebut. Frasa ini digunakan sebanyak enam kali di dalam Lukas tetapi ia sering digunakan oleh Yesus di dalam Injil Matius dan Yohanes. Yesus ingin menekankan bahawa kata-kata-Nya yang menyusul adalah sangat penting.

^v Rujuk 1 Raja-Raja 17:1-16 untuk kisah penuh.

^w Rujuk 2 Raja-Raja 5:1-5 untuk kisah penuh.

^x Lukas tidak menjelaskan sama ada Yesus melepaskan diri secara ajaib ataupun hanya dengan aura-Nya yang berkuasa. Walau apapun, ia bukan masanya bagi Yesus untuk mati.

III. Yesus Menghalau Roh Jahat (ay. 31-37)

³¹Lalu Yesus pergi ke Kapernaum^x, sebuah kota di Galilea. Di situ Dia mengajar orang pada hari Sabat. ³²Orang kagum melihat cara Yesus mengajar, kerana Dia berkata-kata dengan wibawa^y. ³³Di rumah ibadat itu ada seorang yang dirasuk roh jahat.^z Orang itu memekik dengan suara kuat, ³⁴“Engkau mahu berbuat apa dengan kami, hai Yesus, orang Nasaret? Adakah Engkau mahu membinasakan kami? Aku tahu siapa Engkau: Engkau utusan suci daripada Allah!”

³⁵Yesus memerintah roh itu, “Diam^a’, dan keluarlah daripada orang ini!” Kemudian roh jahat itu membanting orang itu di hadapan mereka, lalu keluar daripada orang itu tanpa menyakitinya.

³⁶Semua orang hairan dan bercakap sesama sendiri, “Alangkah hebat kata-katanya. Dengan wibawa dan kuasa, dia memerintah roh-roh jahat keluar lalu roh-roh itu pun keluar!” ³⁷Laporan tentang Yesus tersebar di seluruh kawasan itu.



Teropong

^x Kapernaum ialah sebuah perkampungan nelayan di tepi Tasik ataupun Laut Galilea. Ia juga merupakan kampung yang dipilih oleh Yesus sebagai pusat pelayanan-Nya ke serata kawasan Galilea. Ia ialah sebuah kota yang agak besar yang dipenuhi dengan pengaruh-pengaruh Yunani.

^y Kebanyakan daripada rabbi mengasaskan ajaran mereka di atas tradisi dan didikan rabbi-rabbi sebelumnya. Walau bagaimanapun, Yesus mangagumkan orang ramai kerana Dia bukan sahaja seorang rabbi tetapi Dia juga berkata-kata di atas kewibawaan-Nya sendiri.

^z Kerasukan syaitan kelihatan seperti fenomena yang lazim berlaku pada waktu itu. Berita baik yang dikhotbahkan oleh Yesus dan kehadiran-Nya mencetuskan perbalahan dengan kuasa jahat. Syaitan kenal akan Yesus dan mereka mengetahui kuasa dan kewibawaan-Nya ke atas mereka. di dalam terjemahan lain, syaitan dijelaskan sebagai roh kotor ataupun tidak suci. Ia tidak suci dibandingkan dengan Allah yang Maha Kudus.

^a Yesus mengarahkan syaitan untuk berdiam. Kita boleh melihat corak di mana Yesus tidak mahu orang ramai mengetahui identiti sebenar-Nya di peringkat awal pelayanan-Nya. Ini mungkin disebabkan untuk mengelakkan daripada kesalah-fahaman orang ramai ke atas Diri-Nya dan tidak mencuba untuk menjadikan Dia sebagai seorang Mesias politikal. Alasan lain adalah ia mungkin disebabkan kerana Dia mahu menunjukkan siapa diri-nya yang sebenar kepada para murid melalui pekerjaan-Nya.



Mari Fikir Sejenak

Pertembungan di antara Yesus dan roh jahat menunjukkan kuasa dan kewibawaan-Nya ke atas mereka. Adakah anda gentar setiap kali anda mendengar tentang roh jahat?

Sekiranya anda mempunyai rasa takut terhadap roh-roh atau pun kegelapan, adalah baik bagi anda untuk mengongsikan perasaan takut tersebut kepada mereka yang lebih tua dan mintalah mereka untuk mendoakan anda.



Suatu Pegangan Hidup

Ketahui bahawa Yesus adalah lebih besar daripada roh jahat dan anda tidak harus takut akan mereka. Yesus hidup di dalam anda melalui Roh Kudus-Nya dan anda boleh mempercayai Dia untuk melindungi anda.



**IV. Yesus Menyembuhkan Banyak Orang (ay. 38-44)**

³⁸Yesus meninggalkan rumah ibadat itu, lalu pergi ke rumah Simon. Ibu mentua Simon sakit; dia demam. Orang di situ memberitahukan hal itu kepada Yesus. ³⁹Yesus mendekati katil ibu itu, lalu mengusir demamnya. Demam ibu mentua Simon hilang, lalu dia segera bangun untuk melayani mereka.

⁴⁰Ketika matahari terbenam^b, semua orang yang mempunyai kawan yang menderita berbagai-bagai penyakit membawa mereka kepada Yesus. Yesus meletakkan tangan-Nya ke atas tiap-tiap orang dan menyembuhkan mereka semua. ⁴¹Roh-roh jahat pun keluar daripada banyak orang, sambil berseru, "Engkau Anak Allah!"

Yesus menengking roh-roh itu dan berkata, "Diam!" Dia berkata demikian kerana roh-roh itu tahu bahawa Dia Penyelamat^c yang diutus oleh Allah.

⁴²Apabila fajar menyingsing, Yesus meninggalkan kota itu lalu pergi ke tempat yang sunyi^d. Orang ramai mula mencari Dia. Apabila mereka menjumpai Dia, mereka cuba menghalang Dia meninggalkan kota itu. ⁴³Tetapi Yesus berkata kepada mereka, "Berita Baik tentang bagaimana Allah memerintah^e harus Aku khabarkan juga di kota-kota lain, kerana Allah mengutus Aku untuk melakukan tugas itu."

⁴⁴Demikianlah Dia menyampaikan Berita Baik itu di rumah ibadat di seluruh Yudea.

**Teropong**

^b Sabat berakhir sewaktu matahari terbenam. Sebelum Sabat berakhir, orang Yahudi tidak boleh berjalan lebih daripada dua pertiga batu ataupun memikul apa saja jenis barang. Oleh itu, mereka hanya boleh membawa orang sakit untuk berjumpa Yesus selepas matahari terbenam. Perhatikan bahawa Yesus sangat prihatin sehingga Dia meletakkan tangan-Nya ke atas setiap orang yang datang untuk disembuhkan oleh-Nya.

^c Orang-orang Galilea mungkin menganggap Yesus sebagai seorang manusia tetapi roh jahat tidak melakukan kesilapan tersebut. Mereka mengenali ketuhanan Yesus dari awal lagi meskipun para murid Yesus mengambil masa yang panjang untuk mengetahui kebenaran ini. Alasan Yesus mengarahkan mereka untuk tidak membocorkan identiti-Nya mungkin disebabkan Dia tidak ingin diri-Nya disalah anggap sebagai Mesias yang salah oleh orang lain.

^d Markus (Mk 1:35) memberitahu kita bahawa Yesus berdoa sendirian.

^e Ini adalah kali pertama Lukas menyentuh istilah 'Kerajaan Allah'. Ia muncul sebanyak 30 kali di dalam injil tulisannya. Ia adalah salah satu daripada tema kegemaran Yesus di dalam ajaran-Nya dan merujuk kepada pemerintahan Allah di mana kasih kurnia-Nya dapat dilihat. Orang Yahudi menanti-nantikan masa di mana Allah akan duduk bertakhta sebagai Raja di atas semua bangsa.

Yesus mengajar bahawa Kerajaan Allah telah datang melalui dan di dalam-Nya – hadirat dan pemerintahan Allah telah datang kepada umat-Nya melalui peribadi Yesus.

**Mari Fikir Sejenak**

Perhatikan belas kasihan Yesus ke atas semua orang yang datang kepada-Nya untuk disembuhkan. Dia tidak pernah menolak atau berpaling daripada sesiapa yang datang kepada-Nya.

- Apakah perasaan anda setelah mengetahui bahawa dengan cara yang sama, Yesus juga sangat prihatin terhadap anda, dan Dia tidak akan menolak setiap kali anda datang kepada-Nya?

**Suatu Pegangan Hidup**

Janglah takut untuk membawa masalah anda, tidak kira besar ataupun kecil, kepada Allah kerana Dia sangat menyayangi anda. Tidak ada pada dirimu yang tidak penting bagi-Nya.



I. Yesus Memanggil Pengikut Terawal-Nya (ay. 1-11)

5 Pada suatu waktu, sedang Yesus berdiri di pantai Tasik Genesaret^a, orang ramai beresak-asak hendak mendengar berita daripada Allah. ²Yesus nampak dua buah perahu di pantai itu, tetapi nelayan sudah meninggalkan perahu dan sedang mencuci jala. ³Yesus menaiki salah sebuah perahu itu, iaitu perahu Simon. Lalu Dia menyuruh Simon menolak perahu itu sedikit jauh dari pantai. Yesus duduk^b di perahu itu, lalu mengajar orang ramai.

⁴Setelah selesai mengajar, Dia berkata kepada Simon, “Dayunglah perahu ke tempat yang dalam lalu tebarkanlah jala untuk menangkap ikan.”

⁵“Guru^c,” jawab Simon, “sepanjang malam kami berjerih tetapi tidak menangkap apa-apa pun! Tetapi kerana guru yang menyuruh, baiklah, saya akan menebarkan jala.” ⁶Mereka menebarkan jala, lalu mendapat sedemikian banyak ikan sehingga jala itu

hampir koyak. ⁷Oleh itu mereka minta pertolongan rakan-rakan di perahu lain. Mereka memenuhi kedua-dua buah perahu itu dengan ikan sehingga perahu hampir tenggelam. ⁸Apabila Simon nampak apa yang telah berlaku, dia berlutut di hadapan Yesus sambil berkata, “Tinggalkanlah aku, ya Tuhan! Aku orang berdosa!^d”

⁹Simon dan semua orang yang bersama-sama dia kagum melihat banyaknya ikan yang dijala oleh mereka. ¹⁰Demikian juga halnya dengan rakan Simon yang lain, iaitu Yakobus dan Yohanes, anak-anak Zebedeus. Yesus berkata kepada Simon, “Jangan takut! Mulai sekarang kamu akan menjala^e orang supaya menjadi pengikut-Ku.”

¹¹Mereka menarik perahu-perahu itu ke pantai dan meninggalkan segala-galanya, lalu mengikut Yesus^f.



Teropong

^a Lukas adalah satu-satunya penulis Injil yang memanggilnya sebagai tasik. Ia juga dikenali sebagai dua nama yang lain – Laut Galilea dan Laut Tiberias. Ia mempunyai ukuran seluas 21 km (13 batu) kali 11 km (7 batu). Ia terletak kira-kira 213 meter (700 kaki) di bawah aras laut.

^b Posisi duduk adalah postur lazim sewaktu mengajar (*rujuk Bab 4, nota n*). Bot yang ada menyediakan susunan yang baik kerana ia terpisah daripada kelompok orang ramai yang lalu-lalang, tetapi cukup dekat untuk dilihat dan didengar.

^c Dalam versi lain, Petrus memanggil Yesus sebagai ‘Tuan’, suatu panggilan bukan khusus seperti ‘rabbi’ (panggilan yang tidak pernah Lukas gunakan terhadap Yesus) tetapi tetap menunjukkan tentang seseorang yang berwibawa dan berkuasa.

^d Petrus adalah seorang nelayan. Dia sedia maklum akan masa terbaik untuk memancing menggunakan pukat adalah pada waktu malam dan bukannya pada waktu siang. Ini kerana ikan mampu melihat jala (yang dibuat daripada linen) dan mengelaknya. Petrus melihat perkara yang terjadi sebagai suatu keajaiban. Dia melihat tangan Allah di dalam hidup Yesus dan itu mendorong Petrus untuk mengenali perbezaan di antara dirinya dengan Yesus. Dia bertindak balas dengan tersungkur di kaki Yesus dengan rendah diri serta mengakui dirinya sebagai seorang yang berdosa.

^e Kata kerja ‘menangkap’ secara harafiah bermaksud ‘tangkap hidup-hidup’ ataupun ‘menyelamatkan nyawa’. Murid-muid Yesus tidak lagi menangkap ikan-ikan yang telah mati untuk dijual di pasaran tetapi menangkap manusia dan memberikan mereka kebebasan.

^f Ini bukanlah kali yang pertama di mana mereka bersama-sama dengan Yesus (*rujuk Yohanes 1:40-42*). Tetapi ini adalah kali pertama mereka meninggalkan semuanya untuk menjalinkan persahabatan intim dengan Yesus sebagai Tuan mereka.



Perhatikan bagaimana Petrus mentaati Yesus walaupun dia berfikir bahawa dia lebih berpengalaman kerana dia adalah seorang nelayan. Perhatikan hasil yang terjadi disebabkan ketaatannya di dalam mengikut Yesus.

Pernahkah anda melalui masa di mana semuanya kelihatan menhadapi jalan buntu dan Allah seakan-akan meminta anda untuk mempercayai Dia, namun anda mendapati sangat susah untuk berbuat demikian?

Apakah yang Allah ingin katakan kepada anda melalui petikan Firman ini?



I. Yesus Menyembuhkan Seorang Lelaki Berpenyakit Kulit (ay. 12-16)

¹²Pada suatu hari, Yesus berada di sebuah kota. Di situ ada seorang lelaki berpenyakit kulit^g yang mengerikan. Ketika dia nampak Yesus, dia bersujud di hadapan Yesus dan memohon, "Tuan, jika tuan mahu^h, tuan boleh menyembuhkan saya!"

¹³Yesus menghulurkan tangan-Nya lalu menjamahⁱ dia. "Aku mahu," kata-Nya, "sembuhlah!" Seketika itu juga penyakitnya tiada lagi. ¹⁴Yesus

memerintah dia, "Jangan beritahukan hal ini kepada sesiapa pun. Pergilah temu imam supaya dia mengesahkan kesembuhanmu. Lalu persembahkanlah korban sebagaimana yang diperintahkan oleh Musa, sebagai bukti kepada semua orang bahawa kamu sudah sembuh."

¹⁵Tetapi berita tentang Yesus semakin tersebar luas. Banyak orang datang untuk mendengar Dia dan untuk disembuhkan daripada penyakit mereka.

¹⁶Tetapi Yesus pergi ke tempat yang sunyi dan berdoa.^k



Teropong

^g Di dalam terjemahan lain, istilah 'kusta' digunakan. Kusta ialah nama yang diberikan kepada pelbagai jenis penyakit kulit di dalam Alkitab. Ada yang boleh dirawat, ada juga yang sebaliknya. Di dalam keadaan yang paling buruk, ia boleh membawa maut. Ia adalah penyakit sosial yang paling utama. Ini kerana mereka yang menghidap penyakit tersebut dilabelkan sebagai tidak suci dan harus dipisahkan daripada orang lain. Mereka dihalang daripada mendekati orang lain.

Untuk mengelakkan daripada sentuhan yang tidak disengajakan, mereka dimestikan untuk berteriak 'tidak suci, tidak suci'. Mereka tidak mempunyai cara untuk mendapatkan pekerjaan dan terpaksa bergantung kepada kebajikan. 'Orang berpenyakit kusta' adalah golongan yang dipinggirkan oleh masyarakat dan mereka menderita kerana rasa malu dan ditolak. Mereka juga tidak dialu-alukan untuk memasuki kota.

^h 'Jika tuan mahu' mungkin menunjukkan rasa tidak layak dan bukannya keraguan ke atas Yesus di dalam kebolehan ataupun kemahuan-Nya untuk memberikan kesembuhan. Perhatikan bahawa dia tidak meminta untuk disembuhkan tetapi untuk disucikan. Penyakit kusta dianggap oleh orang ramai sebagai penyakit yang kotor kerana ia menjadikan mereka yang menghidap penyakit tersebut sebagai tidak suci, sama ada secara fizikal dan dari segi hukum istiadat.

ⁱ Yesus menunjukkan belas kasihan-Nya ke atas lelaki tersebut dengan melawan semua hukum sosial dan istiadat dengan menyentuhnya. Penghidap kusta dijauhi oleh orang ramai dan kemungkinan besar lelaki ini sudah tidak pernah disentuh oleh orang lain selama bertahun-tahun. Mereka yang menyentuh penghidap kusta akan mengotorkan diri sendiri, iaitu menjadikan dirinya tidak suci secara istiadat. Dan seorang yang kotor secara istiadat akan menjadikan semua benda yang disentuh menjadi tidak suci. Mereka diharamkan untuk beribadah di dalam Rumah Tuhan sebelum melalui upacara penyucian.

Akan tetapi, dengan menyentuh lelaki tersebut, Yesus tidak menjadikan Diri-Nya tercemar malahan memberikan

kesembuhan dan pemulihan kepadanya. Penyakit tersebut meninggalkannya dan dia menjadi tahir.

^j Sekali lagi, Yesus menghalang lelaki tersebut daripada mengkhabarkan kesembuhannya kepada orang ramai. Dia diminta untuk mematuhi hukum dengan berjumpa dengan imam. Hukum Musa memestikan mereka yang telah sembuh daripada penyakit kusta untuk berjumpa dengan seorang imam untuk diperiksa. Jika imam tersebut berpuas hati, korban akan diberikan, kemudian barulah mereka dibenarkan untuk bergaul di dalam komuniti kembali.

^k Sekali lagi kita diberitahu bahawa Yesus mengasingkan diri untuk berdoa. Di tengah-tengah semua aktiviti dan orang ramai yang mengerumuni-Nya, Yesus mendapati adalah penting bagi-Nya untuk berseorangan dan berdoa kepada Allah.



Mari Fikir Sejenak

Bagaimanakah perasaan anda sekiranya anda sering dikerumuni oleh orang ramai yang meminta perhatian di mana juga anda berada?

Itulah keadaan yang dialami oleh penyanyi pop terkenal dengan peminat mereka! Perhatikan apa yang dilakukan oleh Yesus, untuk mengekalkan kewarasan, tenaga, kesabaran dan belas kasihan – Dia mengasingkin diri untuk berdoa!

Apakah yang akan anda lakukan apabila anda menghadapi dan mengalami tekanan?



Suatu Pegangan Hidup

Mungkin seperti Yesus, anda harus mencari masa untuk mendapatkan pertolongan daripada Allah di dalam doa.





III. Yesus Menyembuhkan Seorang Lumpuh (ay. 17-26)

¹⁷Pada suatu hari ketika Yesus sedang mengajar, beberapa orang Farisi dan guru Taurat^l duduk di situ. Mereka datang dari Yerusalem, dari semua kota di Galilea dan Yudea. Kuasa Tuhan ada pada Yesus untuk menyembuhkan orang sakit. ¹⁸Pada waktu itu, beberapa orang datang membawa seorang lumpuh yang berbaring di atas tikar. Mereka cuba membawa dia ke dalam rumah supaya dapat meletakkannya di hadapan Yesus. ¹⁹Tetapi kerana orang di situ terlalu banyak, mereka tidak dapat membawa dia masuk. Oleh itu mereka membawa dia ke atas bumbung rumah.^m Kemudian mereka membuka bumbung rumahⁿ itu dan menurunkan dia dengan tikarnya di hadapan Yesus di tengah-tengah orang ramai itu. ²⁰Apabila Yesus melihat betapa besarnya iman mereka, Dia berkata kepada orang itu, "Hai kawan, dosamu sudah diampunkan."

²¹Semua guru Taurat dan orang Farisi di situ

mula bercakap sesama sendiri, "Siapakah orang ini? Dia mengukuri^o Allah! Tidak seorang pun dapat mengampunkan dosa, kecuali Allah!"

²²Yesus mengetahui apa yang difikirkan mereka, lalu Dia berkata, "Mengapa kamu berfikir demikian? ²³Manakah yang lebih mudah, mengatakan, 'Dosamu sudah diampunkan' atau 'Bangunlah dan berjalan'?^p ²⁴Tetapi kepada kamu Aku akan membuktikan^q bahawa di atas bumi ini Anak Manusia^r berkuasa untuk mengampunkan dosa." Lalu Yesus berkata kepada orang lumpuh itu, "Aku berkata kepadamu, bangunlah, angkatlah tikarmu, dan pulanglah!"

²⁵Dengan segera orang itu bangun di hadapan mereka semua, lalu mengangkat tikarnya dan pulang sambil memuji Allah. ²⁶Orang ramai kehairanan lalu memuji Allah. Dengan perasaan takut mereka berkata, "Sungguh menghairankan perkara yang kita saksikan hari ini!"



Teropong

^l Ini adalah kali pertama orang Farisi dan guru-guru Taurat (rujuk 'Orang Farisi' ms.14) disebut di dalam Lukas. Golongan Farisi adalah kumpulah keagamaan yang mementingkan kesucian Hukum Taurat dan juga tradisi. Mereka sangat tegas di dalam mengikuti segala perincian di dalam Hukum, malah mengasingkan diri daripada mereka yang tidak berbuat demikian. Mereka ialah pemimpin agama tidak rasmi dan menerajui tentangan terhadap Yesus.

Guru Taurat pula ialah mereka yang mempelajari, mentafsir, mengajar hukum Taurat dan juga tradisi. Kebanyakan daripada mereka ialah orang Farisi. Kemungkinan besar reputasi Yesus telah menarik perhatian dan tentangan daripada badan keagamaan ini. Oleh itu, orang Farisi dan guru Taurat dari serata kampung termasuk Yersalem, datang untuk memerhatikan segala tingkah laku-Nya dengan teliti.

^m Reka bentuk rumah di Palestin mempunyai atap rata serta anak tangga di tepi rumah untuk tujuan naik ke atas bumbung rumah. Ia diperbuat daripada alang kayu dengan ranting-ranting kayu yang diselaputi dengan lumpur serta dicampurkan dengan jerami.

ⁿ Oleh kerana kebanyakan bumbung rumah di tanah Palestin diperbuat daripada lumpur, terdapat para sarjana yang beranggapan bahawa Lukas mungkin menjelaskan bumbung rumah Yunani yang berjubin kerana ia lebih dikenali oleh pembacanya yang bukan berbangsa Yahudi

^o Orang Farisi menganggap kata-kata kufur sebagai dosa paling serius yang boleh dilakukan oleh manusia. Menurut teologi Yahudi, bahkan Mesias juga tidak mampu

mengampuni dosa. Oleh itu mereka melihat tindakan Yesus mengampunkan dosa sebagai dakwaan untuk menjadi setaraf dengan Allah dan ini adalah sangat kufur bagi mereka.

^p Soalan yang Yesus berikan bukan bertujuan untuk meminta pendengar-Nya menilai mana yang lebih sukar: mengampunkan dosa ataupun menyembuhkan orang yang lumpuh. Dia ingin menunjukkan kepada mereka bahawa kuasa untuk mengampunkan dosa serta menyembuhkan penyakit adalah sejajar dan Dia membuktikannya kepada mereka dengan meminta lelaki tersebut untuk berdiri. Lelaki tersebut kemudian menjadi sembuh. Dengan menunjukkan kewibawaan dan kuasa di dalam alam fizikal, Dia membuktikan kepada mereka bahawa Dia juga turut mempunyai kewibawaan dan kuasa di dalam alam rohani untuk mengampunkan dosa.

^q Orang Yahudi pada waktu tersebut menganggap semua sakit-penyakit sebagai kesan daripada dosa dan orang yang sakit akan sembuh sehingga semua dosanya diampuni. Kuasa Yesus untuk menyembuhkan memberikan pengakuan jelas kepada mereka akan kuasa-Nya di dalam mengampunkan dosa.

^r Ini adalah kali pertama Lukas menggunakan istilah 'Anak Manusia'. Dia menggunakannya sebanyak 26 kali di dalam injil tulisannya. Panggilan ini tidak pernah digunakan oleh sesiapa pun selain daripada Yesus. Di dalam buku Daniel, Anak Manusia digambarkan sebagai seorang individu syurgawi yang menerima kewibawaan, kemuliaan dan kuasa agung di akhir zaman. Yesus menggunakannya di sini untuk merujuk kepada kemasehian-Nya di dalam konteks mengampunkan dosa.

**IV. Yesus Memanggil Lewi (ay. 27-32)**

²⁷Setelah itu Yesus keluar dan nampak seorang pemungut cukai bernama Lewi^s sedang duduk di tempat memungut cukai.^f Yesus berkata kepadanya, “Ikutlah Aku.” ²⁸Lewi berdiri, meninggalkan semuanya, lalu mengikut Yesus^u.

²⁹Kemudian Lewi mengadakan jamuan besar di rumahnya untuk Yesus. Banyak pemungut cukai dan orang lain makan bersama-sama mereka. ³⁰Beberapa

orang Farisi dan guru Taurat bersungut-sungut kepada pengikut-pengikut Yesus. Mereka bertanya, “Mengapa kamu makan dan minum bersama-sama pemungut cukai dan orang yang dihina masyarakat?”^v

³¹Yesus menjawab, “Orang sihat tidak memerlukan doktor, hanya orang sakit.”^w ³²Aku datang bukan untuk memanggil orang yang menganggap diri mereka baik, tetapi orang yang berdosa supaya mereka bertaubat daripada dosa.”

**Teropong**

^s Lewi juga dikenali sebagai Matusi (Matusi 9:9)

^f Istilah ini mungkin merujuk kepada pondok tol ataupun bangunan kastam di mana barangan yang diangkut akan dikenakan cukai.

^u Oleh kerana Yesus telah melayani di Kapernaum untuk beberapa ketika, kemungkinan besar Lewi sedia maklum akan Yesus ataupun telah mengenali-Nya.

^v Orang-orang ini adalah merupakan golongan yang ditolak oleh masyarakat seperti para pemungut cukai. Mereka mungkin tidak bermoral ataupun terlibat di dalam pekerjaan yang dipandang bercanggah dengan Hukum Taurat, misalnya pelacur, pencuri, dsbnya.

^w Yesus tidak bermaksud bahawa orang Farisi adalah lebih sihat secara fizikal. Setiap orang harus menyedari bahawa mereka adalah orang berdosa sebelum mampu melihat kepentingan Allah untuk menyelamatkan mereka daripada dosa.

**Mari Fikir Sejenak**

Siapakah ‘pemungut cukai’ di sekolah anda, iaitu mereka yang dipandang rendah serta dipulaukan oleh orang ramai?

Apakah perasaan anda terhadap orang sedemikian? Apakah yang boleh anda pelajari daripada Yesus berkenaan dengan cara melayan mereka?



V. Pertanyaan Tentang Puasa (ay. 33-39)

³³Beberapa orang berkata kepada Yesus, “Pengikut Yohanes dan pengikut orang Farisi kerap kali berpuasa dan berdoa.^x Tetapi pengikut-Mu makan dan minum.”

³⁴Yesus menjawab, “Dapatkah kamu menyuruh tetamu di jamuan perkahwinan^y berpuasa selama pengantin lelaki^z bersama-sama mereka? Tentu tidak! ³⁵Tetapi akan tiba masanya pengantin lelaki itu akan diambil daripada mereka. Pada masa itulah mereka akan berpuasa.”^a

³⁶Yesus menceritakan perumpamaan ini kepada

mereka, “Tidak ada orang yang menampal pakaian lama dengan secebis kain daripada pakaian baru. Jika dia berbuat demikian, dia akan merosakkan pakaian baru itu; lagi pula kain penampal yang baru itu tidak berpadan dengan pakaian lama.^b ³⁷Demikian juga tiada seorang pun menuang wain baru ke dalam kirbat kulit lama.^c Jika dia berbuat demikian, wain baru itu akan memecahkan kirbat itu. Wain itu terbuang dan kirbat itu pun rosak. ³⁸Wain baru mesti dituang ke dalam kirbat kulit baru! ³⁹Tidak seorang pun mahu minum wain baru setelah minum wain tua.^d “Wain tua lebih baik,^e” katanya.”



Teropong

^x Yohanes Pembaptis membesar di padang gurun serta mengamalkan gaya hidup yang ringkas dan tegas. Dia memakai pakaian yang dibuat daripada bulu unta dan hidup dengan diet belalang dan juga madu liar (*rujuk Markus 1:6*). Orang Farisi juga turut mempunyai gaya hidup yang tegas. Akan tetapi, Yesus melibatkan diri di dalam pesta dan murid-murid-Nya menikmati kebebasan yang tidak dialami oleh orang Farisi.

^y Perkahwinan Yahudi adalah suatu keramaian yang paling meriah. Perayaan yang berkaitan dengannya selalu berlanjutan selama seminggu.

^z Yesus membandingkan diri-Nya dengan pengantin lelaki dan para murid-Nya sebagai para jemputan pengantin lelaki tersebut. Adalah tidak masuk akal untuk berpuasa sewaktu pesta perkahwinan berlangsung kerana puasa lazimnya dikaitkan dengan rasa sedih semasa berkabung.

^a Di dalam Perjanjian Lama, puasa hanya dimestikan pada Hari Penebusan. Akan tetapi ia juga diamalkan secara sukarela sebagai tanda berkabung, sewaktu berlaku bencana dan malapetaka nasional. Ia juga dikaitkan sebagai tanda pertaubatan. Akan tetapi, beredar dengan waktu, ia kehilangan inti keagamaan. Ia telah menjadi amalan tetap orang Farisi pada waktu Yesus. Orang ramai juga berpuasa dua kali seminggu dengan tujuan hanya untuk menunjuk-nunjuk dan penuh dengan kemunafikan.

Apabila Yesus, si pangantin lelaki diambil daripada mereka melalui maut, barulah puasa wajar dilakukan. Meskipun Yesus menolak puasa dengan tujuan pameran legalistik, Dia sendiri berpuasa secara diam-diam (*Matius 4:2*) dan mengajar tentangnya (*Matius 6:16-18*).

^b Tindakan menampal kain lama dengan cebisan kain yang baru akan merosakkan kedua-dua helai kain tersebut. Ini kerana kain yang baru akan dikoyakkan manakala yang lama tidak akan kelihatan padan dengan tampalan tersebut.

^c Kirbat kulit dihasilkan daripada kulit haiwan, terutamanya kulit kambing. Kulit akan disiat daripada isi dan tulang haiwan tersebut. Ia akan digunakan sebagai bekas untuk wain ataupun cecair lain. Pada mulanya, mereka adalah lebih anjal. Akan tetapi mengikut perjalanan masa, ia akan kehilangan kualiti ini, malah, akan menjadi mudah bocor. Wain baru akan menapai dan mengembang. Oleh itu jika ia dimasukkan di dalam kirbat kulit yang lama, bekas tersebut akan pecah.

^d Ayat ini hanya boleh didapati di dalam Injil Lukas. Ia mungkin merupakan sebuah bidalan Yahudi. Ia menjelaskan satu sikap yang tidak ingin berubah dan sangat berpuas hati dengan cara yang lama.

^e Yesus menunjukkan ketidak-inginan sesetengah orang untuk meninggalkan cara keagamaan tradisional dan mempertimbangkan cara Injil yang baru.

**I. Pertanyaan Tentang Hari Sabat (ay. 1-11)****(i) Yesus adalah Tuhan ke atas Sabat (ay. 1-5)**

6 Pada suatu hari Sabat, ketika Yesus sedang melewati ladang gandum, pengikut-pengikut-Nya memetik bulir gandum^a. Mereka menggosoknya dengan tangan, lalu memakannya. ²Beberapa orang Farisi berkata, “Mengapa kamu melakukan apa yang dilarang oleh Taurat kita pada hari Sabat?”

³Yesus menjawab, “Belum pernahkah kamu baca apa yang dilakukan oleh Daud ketika dia dan anak buahnya lapar?^b ⁴ Dia masuk ke dalam Khemah Allah dan mengambil roti yang telah dipersembahkan kepada Allah, lalu memakannya. Kemudian dia juga memberikan roti itu kepada anak buahnya. Tetapi menurut Taurat kita, tidak sesiapa pun boleh makan roti^c itu kecuali para imam.”

⁵Lalu Yesus berkata, “Anak Manusia berkuasa atas hari Sabat!”^d

(ii) Yesus Menyembuhkan Orang pada Hari Sabat (ay. 6-11)

⁶Pada hari Sabat yang lain, Yesus pergi mengajar di rumah ibadat. Di situ ada seorang yang tangannya lumpuh sebelah.^e ⁷Beberapa orang guru Taurat dan orang Farisi sedang mencari kesalahan Yesus supaya mereka dapat mengajukan tuduhan terhadap Dia. Oleh itu mereka mengawasi Dia baik-baik sama ada Dia akan menyembuhkan orang pada hari Sabat. ⁸Yesus mengetahui apa yang difikirkan mereka. Dia berkata kepada orang yang tangannya lumpuh sebelah, “Berdirilah dan marilah ke depan.”^f Orang itu bangun lalu berdiri di situ. ⁹Lalu Yesus berkata kepada mereka, “Aku hendak bertanya: Menurut Taurat apakah yang boleh kita lakukan pada hari Sabat?^g Berbuat baik atau berbuat jahat? Menyelamatkan orang atau membinasakannya?” ¹⁰Yesus memandang mereka semua, lalu berkata kepada orang itu, “Hulurkanlah tanganmu.” Orang itu menghulurkan tangannya, lalu tangannya pun sembuh.

¹¹Tetapi mereka sangat marah^h dan mula berunding sesama sendiriⁱ tentang apa yang boleh dilakukan oleh mereka terhadap Yesus.

**Teropong**

^a Menurut Hukum Taurat, orang Yahudi dibenarkan untuk memetik gandum dengan tangan serta memakannya apabila mereka melalui mana-mana padang gandum (Ul 23:25). Akan tetapi, orang Farisi menganggap tindakan memetik sebagai ‘menuai’ dan menggeserkan gandum di tapak tangan untuk menanggalkan sekam sebagai ‘membanting’. Menurut tradisi Yahudi di dalam Misnah, menuai adalah dilarang pada hari Sabat. Murid-murid Yesus dikira sebagai telah melanggar hukum Sabat dengan bekerja pada hari tersebut. Pada waktu itu, amalan ketat untuk mengekalkan Sabat adalah salah satu daripada komponen utama agama Yahudi.

^b Yesus merujuk kepada insiden yang terjadi di dalam 1 Samuel 21:1-6. Daud sedang melarikan diri daripada Saul apabila dia dan pengikutnya mengunjungi kota Nob di mana Khemah Tuhan berada. Daud meminta makanan daripada imam Ahimelekh. Di dalam kedua-dua insiden ini, orang-orang yang saleh telah melakukan perkara yang dilarang.

^c Pada setiap hari sabat, 12 buku roti yang segar diletakkan di atas meja di dalam Ruang Suci untuk menggantikan roti yang lama (Imamat 24:5-9). Roti tersebut dikhaskan untuk Allah dan hanya imam yang boleh memakannya. Oleh kerana Ahimelekh tidak mempunyai makanan lain untuk diberikan kepada Daud, dia memberikan roti-roti tersebut. Menurut Yesus, tindakan Daud di dalam ‘melanggar’ hukum Taurat menunjukkan ada masanya di mana hukum kepentingan menjadi lebih penting.

^d Tradisi Yahudi telah mencipta banyak peraturan di dalam amalan mengekalkan Sabat sehinggalah ia menjadi beban yang tidak boleh ditanggung. Yesus melangkahi tradisi-tradisi ini dan menekankan bahawa Allah mencipta Sabat untuk pemulihan rohani, mental dan fizikal manusia. Sebagai Anak Allah yang diutus sebagai Penyelamat, Dia mempunyai kewibawaan untuk melangkahi hukum Sabat yang membebankan serta mengongkong umat Allah.

Yesus mendakwa bahawa Dia mempunyai kewibawaan ke atas Sabat. Menurut Yesus, tidak salah bagi murid-murid-Nya untuk memetik gandum walaupun ia dikira sebagai satu bentuk pekerjaan kerana mereka harus makan. Tindakan bekerja untuk keperluan ataupun belas kasihan harus dibenarkan pada hari sabat.

^e Terjemahan yang lain mengatakan ‘mati’. Ini bermaksud bahawa otot tangan lelaki tersebut mungkin telah buruk dan reput.

^f Yesus mungkin memintanya untuk berdiri di hadapan agar penyembuhannya tidak akan dipersoalkan.

^g Menurut tradisi orang Yahudi, rawatan dibenarkan pada hari Sabat hanya jika ia menjadi satu ancaman kepada nyawa seseorang. Dalam kes ini, tangan yang telah lumpuh bukanlah sesuatu yang disifatkan sebagai ancaman maut. Akan tetapi, Yesus ingin menyedarkan mereka bahawa pekerjaan belas kasihan harus dibenarkan pada hari Sabat.

Yesus telah menahan soalan dan tentangan daripada orang Farisi dan kini Dia mengambil inisiatif untuk bertanya kepada semua orang yang berada di Rumah Ibadat.



II. Yesus Memilih Dua Belas Orang Rasul (ay. 12-16)

¹²Pada masa itu Yesus naik ke sebuah bukit untuk berdoa. Di situ Dia berdoa kepada Allah semalam-malaman. ¹³Apabila hari sudah terang, Dia memanggil pengikut-pengikut-Nya lalu memilih dua belas orang daripada mereka. Yesus menamakan dua belas orang

itu rasul.^k Mereka terdiri daripada ¹⁴Simon (yang juga disebut-Nya Petrus) dan adiknya Andreas; Yakobus dan Yohanes, Filipus dan Bartolomeus, ¹⁵Matius^l dan Tomas, Yakobus anak Alfeus dan Simon (yang disebut Patriot), ¹⁶Yudas anak Yakobus dan Yudas Iskariot yang kelak menjadi pengkhianat.^m

^h Mereka menjadi geram kerana tidak dapat menahan rasional Yesus dan tidak mampu menjawab-Nya.

ⁱ Di dalam Markus 3;1-6, kita diberitahu bahawa orang Fariisi berkomplot bersama dengan golongan Herodes, orang Yahudi yang menyokong pemerintahan keturunan Herodes Agung (*rujuk 'Golongan Herodes', ms. 15*). Mereka telah merancang untuk mengambil nyawa Yesus.



Perhatikan apa yang dilakukan oleh Yesus ketika Dia harus melakukan keputusan yang amat penting – Dia menghabiskan satu malam untuk berdoa! Dia memerlukan panduan daripada Allah di dalam membuat pilihan-Nya.



^j Seorang murid adalah seorang pelajar. Pada kurun yang pertama, seorang pelajar tidak hanya sekadar mempelajari suatu subjek pelajaran, mereka juga diserahkan di bawah bimbingan seorang guru. Murid-murid Yesus ialah golongan yang sentiasa bersama serta berdedikasi kepada didikan-Nya. Terdapat lebih kurang 72 orang daripada mereka kerana adalah dilaporkan bahawa sejumlah demikian dihantar keluar untuk berkhotbah (10:1).

^k Istilah 'Rasul' diambil daripada kata kerja 'mengutus' dan ia bermaksud 'seorang utusan'. Daripada sejumlah besar murid-murid yang ada, Yesus kini memilih 12 orang pengikut yang akan 'diutus dengan kuasa dan kewibawaan yang istimewa daripada-Nya'. Kita akan melihat perkara ini mengambil tempat di akhir Injil ini. Jumlah 12 bersamaan dengan 12 suku orang Israel.

^l Matius adalah nama lain bagi Lewi si pemungut cukai (*rujuk 5:27-28*).

^m Terdapat senarai rasul yang lain di dalam Injil Matius, Markus dan Kisah Rasul-Rasul. Walaupun susunan nama adalah berlainan, nama Petrus selalunya disebut dahulu manakala Yudas Iskariot disebut terakhir.



Ingatlah bahawa apabila anda berada di simpang untuk melakukan pilihan, carilah masa untuk berdiam dan berdoa kepada Allah. Tanyalah Dia apakah rancangan-Nya untuk anda.



**III. Khotbah di Kawasan Lapangan (ay. 17-49)****(i) Kegembiraan dan Kesedihan (ay. 17-26)**

¹⁷Apabila Yesus turun dari bukit bersama-sama rasul-rasul itu, Dia berdiri di tempat yang rataⁿ dengan sebilangan besar pengikut-Nya. Di situ juga ada orang ramai yang datang dari seluruh Yudea, Yerusalem, kota Tirus dan Sidon yang di tepi laut. ¹⁸Mereka datang untuk mendengar^o Yesus dan untuk disembuhkan daripada penyakit mereka. Orang yang dirasuk roh jahat juga datang dan disembuhkan. ¹⁹Semua orang cuba menyentuh Yesus, kerana kuasa keluar daripada-Nya dan menyembuhkan mereka semua.

²⁰Yesus memandang semua pengikut-Nya lalu berkata,

“Berbahagialah^p kamu yang miskin^q; kerana kamu menikmati Pemerintahan Allah!

²¹Berbahagialah kamu yang lapar^r sekarang; kamu akan dikenyangkan! Berbahagialah kamu

yang menangis^s sekarang; kamu akan tertawa!

²²Berbahagialah kamu apabila orang membenci, menolak, dan menghina kamu, serta memburukkan nama kamu kerana Anak Manusia! ²³Demikian jugalah nenek moyang mereka memperlakukan nabi-nabi. Bersukacitalah apabila hal itu berlaku, dan menarilah dengan gembira, kerana pahala yang besar tersedia untuk kamu di syurga.

²⁴Tetapi malanglah^t kamu yang kaya sekarang ini, kerana kamu telah mengalami kenikmatan hidup!

²⁵ Malanglah kamu yang kenyang sekarang ini, kerana kamu akan kelaparan! Malanglah kamu yang tertawa sekarang ini, kerana kamu akan berdukacita dan menangis!

²⁶Malanglah kamu jika semua orang memuji kamu, kerana demikian juga nenek moyang mereka memuji nabi-nabi palsu.”

**Teropong**

ⁿ Tempat ini mungkin adalah sebuah dataran rata ataupun dataran tinggi di kawasan pergunungan seperti yang disebut di dalam Matius 5:1. Injil Matius memiliki bahagian yang serupa dengan bahagian ini dan ia dipanggil ‘Khotbah di atas Bukit’ (Bab 5-7). ‘Khotbah di kawasan lapang’ yang ditulis oleh Lukas mempunyai ajaran yang serupa tetapi ia jauh lebih pendek. Akan tetapi, keduanya bermula dengan Ucapan Bahagia (dalam Bahasa Inggeris disebut sebagai *Beatitudes*) dan diakhiri dengan ajaran tentang seorang pembina.

^o Perhatikan penekanan Lukas bahawa orang ramai datang untuk mendengar ajaran Yesus dan bukan sekadar meminta rawatan daripada-Nya.

^p Terjemahan tradisional bagi perkataan ini adalah ‘diberkatilah’. Istilah Yunani digunakan untuk meluahkan keadaan dewa-dewi yang gembira serta tanpa masalah. Ia juga bermaksud kegembiraan orang kaya yang tidak mempunyai masalah. Oleh itu, ia boleh difahami sebagai ‘Bergembiralah...’, ‘bertuahlah...’ atau ‘berbahagialah’... diikuti dengan sebabnya.

Perhatikan bahawa Yesus sedang berkata-kata kepada murid-murid-Nya, kepada mereka yang datang kepada Dia untuk keselamatan; mereka ialah golongan yang akan menerima kegembiraan ataupun rahmat tersebut. Kumpulan ajaran ini dikenali sebagai ‘Ucapan Bahagia’, istilah tersebut diambil daripada perkataan Latin *beatus* yang bermaksud ‘diberkati’.

^q Perkataan Yunani bermaksud ‘orang miskin yang terpaksa meminta sedekah’, iaitu mereka yang papa kedana. Orang miskin tahu bahawa mereka tidak mempunyai sumber sendiri dan terpaksa bergantung kepada Allah. Bukan sekadar kemiskinan fizikal sahaja, Matius (Mat 5:3) menyentuh tentang menjadi miskin secara rohani. Yesus tidak mengatakan kemiskinan adalah sumber kebahagiaan. Kebahagiaan tersebut datang daripada janji yang diberikan kepada orang miskin bahawa mereka memiliki Kerajaan Allah – berkat daripada pemerintahan Allah diberikan kepada orang yang miskin.

^r Kelaparan selalunya dikaitkan dengan orang miskin. Walaupun idea menjadi lapar secara fizikal kelihatan seperti maksud utama di sini, kelaparan juga boleh diambil untuk bermaksud sebagai keinginan untuk dipuaskan secara rohani, untuk Allah memenuhi kerinduan mendalam jiwa manusia.

^s Perkataan ‘menangis’ menjelaskan pelbagai jenis kesedihan.

^t Terjemahan tradisional ialah ‘celakalah’. Ia adalah luahan mengasihani mereka yang berada di bawah penghakiman Allah. Keempat-empat ‘celaka’ ini adalah perbandingan terus kepada empat ‘berkat’ sebelum ini dari segi susunan dan juga isi kandungan.



(ii) Mengasihi Musuh (ay.27-36)

²⁷“Tetapi Aku berkata kepada kamu yang mendengarkan Aku: Kasihilah musuh kamu dan berbuatlah baik kepada mereka yang membenci kamu. ²⁸Berkatilah mereka yang mengutuk kamu, dan berdoalah untuk mereka yang menganiaya kamu. ²⁹Jika seseorang menampar pipi kamu yang sebelah, biarkan dia menampar pipi kamu yang sebelah lagi. Jika seseorang merampas jubah^u kamu, berikanlah baju^v kamu juga. ³⁰Jika seseorang meminta sesuatu daripada kamu, berikan apa yang dimintanya; jika seseorang merampas milik kamu, janganlah minta kembali barang itu. ³¹Apa yang kamu ingin orang lain lakukan untuk kamu, lakukanlah hal itu untuk mereka.

³²Jika kamu hanya mengasihi orang yang mengasihi kamu, patutkah kamu menerima pujian? Tentu tidak! Orang berdosa pun mengasihi orang yang

mengasihi mereka! ³³Jika kamu berbuat baik hanya kepada mereka yang berbuat baik kepada kamu, patutkah kamu menerima pujian? Orang berdosa pun berbuat demikian! ³⁴Jika kamu memberikan pinjaman kepada orang yang dapat mengembalikannya, patutkah kamu menerima pujian? Orang berdosa pun memberikan pinjaman kepada orang berdosa, lalu memintanya kembali! ³⁵Bukan demikian! Hendaklah kamu mengasihi musuh kamu dan berbuat baik kepada mereka. Berikan pinjaman dan jangan harap pinjaman itu dikembalikan. Lalu kamu akan mendapat pahala besar dan kamu akan menjadi anak-anak Allah Yang Maha Tinggi. Allah baik kepada orang yang tidak tahu berterima kasih dan orang jahat. ³⁶Hendaklah kamu berbelas kasihan seperti Bapa kamu berbelas kasihan juga!”



Teropong

^u Jubah merujuk kepada pakaian luaran yang dikenakan oleh orang Yahudi (*rujuk 'Pakaian', ms.18*). Jubah terbaik dijahit daripada bulu kambing ataupun unta. Walaupun ia tidak dipakai apabila cuaca panas, jubah akan digunakan sebagai cadar tilam sewaktu musim panas di kawasan gurun ataupun di tanah tinggi di mana keadaan adalah sangat sejuk pada waktu malam. Ramai orang miskin yang memerlukananya sepanjang tahun.

^v Baju ataupun baju pendek (*rujuk 'Pakaian', ms.18*) merupakan pakaian asas. Ia mempunyai panjang ukuran sehingga ke buku lali kaki dengan lengan yang panjang serta diikat dengan bengkung ataupun tali pinggang. Bahan yang digunakan adalah kain kapas yang dijahit dengan tangan untuk orang miskin ataupun sutera bagi yang kaya.



Mari Fikir Sejenak

‘Musuh’ kita mungkin bukan orang yang membenci ataupun ingin mengancam kita. Mereka mungkin orang yang tidak melayan kita dengan baik, ataupun telah melukakan kita tetapi tidak meminta maaf, ataupun mereka yang telah mengambil kesempatan ke atas kita.

- Adakah anda mempunyai ‘musuh’ pada waktu ini?
- Apakah perasaan anda terhadap mereka?
- Apakah perubahan yang Yesus inginkan di atas sikap dan tindakan anda kepada mereka?



Ayat Hafalan

Janganlah biarkan diri kamu dikalahkan oleh kejahatan, tetapi kalahkanlah kejahatan dengan kebaikan.

(Roma 12:21)

**(iii) Menghakimi Orang Lain (ay. 37-42)**

³⁷“Janganlah hakimi orang lain, supaya Allah tidak menghakimi kamu juga. Janganlah hukum orang lain, supaya Allah tidak menghukum kamu juga. Ampunilah orang lain, supaya Allah mengampuni kamu juga. ³⁸Apa yang kamu berikan kepada orang lain, Allah juga akan memberikannya kepada kamu^w. Allah akan mencurahi kamu^x pemberian yang berlimpah-limpah. Sukatan yang kamu gunakan untuk orang lain akan digunakan oleh Allah untuk kamu.”

³⁹Kemudian Yesus menceritakan perumpamaan^y ini kepada mereka, “Jika seorang buta memimpin seorang buta yang lain, maka kedua-duanya akan

jatuh ke dalam longkang. ⁴⁰Tidak ada murid yang lebih besar daripada gurunya. Apabila murid itu selesai belajar, dia menjadi sama seperti gurunya.

⁴¹Mengapakah kamu memperhatikan selumbar^z di dalam mata saudara kamu, tetapi tidak memperhatikan kayu balak di dalam mata kamu sendiri? ⁴²Bagaimana mungkin kamu berkata kepada saudara kamu, ‘Maaf, saudara, biarlah saya keluarkan selumbar dari mata saudara,’ sedangkan kayu balak di dalam mata kamu sendiri tidak kamu lihat? Hai munafik! Keluarkanlah dahulu kayu balak dari mata kamu sendiri. Barulah kamu dapat melihat dengan jelas dan mengeluarkan selumbar dari mata saudara kamu.”

**Teropong**

^w Apabila seorang Yahudi membeli gandum daripada seorang penjual bijirin di pasar, sebuah bekas kayu bulat yang dalam untuk menyukat jumlah gandum yang diminta oleh pembeli akan digunakan. Selalunya, seorang penjual akan menceduk gandum dengan tangannya kemudian mengukurnya di dalam bekas. Pada kebanyakan waktu, si pembeli akan menentukan sukatan dan menggoncang keluar gandum yang berlebihan. Dia kemudian akan memampatkan gandum tersebut dengan tangan sehingga ia membentuk sebuah kon yang keras. Apabila ia sudah tidak boleh ditambah, pembeli akan membuat sebuah lubang di atas mampatan tersebut untuk memasukkan gandum tambahan sehingga ia melimpah. Inilah yang dimaksudkan sebagai sukatan penuh, digoncang dan dimampatkan sehingga melimpah (seperti yang diterjemahkan di dalam versi Alkitab yang lain).

^x Versi lain menterjemahkannya sebagai ‘paha’. Ia mungkin merujuk kepada sebuah lipatan di pakaian luar yang bergantung di luar tali pinggang. Ia juga digunakan sebagai sebuah kocek.

^y Istilah ‘perumpamaan’ datang daripada perkataan Yunani yang bermaksud ‘maksud tersirat’. Ia juga dijumpai di dalam Perjanjian Lama. Ia mempunyai maksud yang luas – perbandingan, bidalan terkenal ataupun kata-kata hikmat, metafor ataupun simili kepada cereka pendek. Teknik mengajar menggunakan perumpamaan adalah lazim di kalangan rabbi pada waktu itu.

Yesus adalah pakar di dalam seni menceritakan perumpamaan sehinggalah Dia adalah satu-satunya insan di dalam Perjanjian Baru yang berkata-kata dengan menggunakan perumpamaan. Ia adalah sebuah kaedah efektif di dalam mengatakan kebenaran kepada mereka yang terbuka secara rohani dan pada masa yang sama menyembunyikannya kepada orang lain. Ia sangat efektif dan mudah untuk diingat kerana Yesus menggunakan latar kehidupan sehari-

harian yang boleh difahami oleh orang ramai.

^z ‘Selumbar... kayu balak’, Yesus menggunakan hiperbola (kiasan bahasa yang menambah-nambah untuk tujuan penekanan) untuk menguatkan perbandingan dan penekanan betapa bodoh dan hipokrit bagi kita untuk mengkritik orang lain akan kesalahan kecil mereka namun buta kepada kesalahan sendiri yang jauh lebih besar.



- Apakah reaksi anda apabila melihat perkara yang tidak menyenangkan di dalam orang Kristian yang lain?
- Apakah yang Yesus ingin katakan kepada anda tentang sikap terhadap orang tersebut?



(iv) Pokok dan Buahnya (ay. 43-45)

⁴³“Pokok yang subur tidak menghasilkan buah yang buruk. Demikian juga pokok yang tidak subur tidak akan menghasilkan buah yang baik. ⁴⁴Setiap pokok dikenal daripada buahnya. Kamu tidak memetik buah ara dari belukar berduri, ataupun buah anggur dari semak-semak. ⁴⁵Orang baik mengeluarkan perkara-perkara baik kerana hati mereka berlimpah-limpah dengan kebaikan. Tetapi orang jahat mengeluarkan perkara-perkara jahat, kerana hati mereka penuh kejahatan. Orang mengucapkan perkara yang terkandung di dalam hati.”

(v) Kisah Dua orang Pembina Rumah (ay. 46-49)

⁴⁶ “Mengapa kamu memanggil Aku, ‘Tuhan, Tuhan,’ tetapi tidak menurut kata-kata-Ku? ⁴⁷Beginilah keadaan setiap orang yang datang kepada-Ku dan mendengar kata-kata-Ku serta melakukannya. ⁴⁸Dia seperti pembina rumah yang menggali lubang dalam-dalam lalu meletakkan asas rumah pada batu. Air sungai melimpah dan melanda rumah itu, tetapi tidak dapat menggoncangkannya, kerana asas rumah itu dibina dengan teguh. ⁴⁹Tetapi orang yang mendengar kata-kata-Ku dan tidak melakukannya, seperti orang yang membina rumah tanpa asas. Ketika banjir melanda, rumah itu roboh. Alangkah dahsyatnya kerosakan itu!”

I. Yesus Menyembuhkan Seorang Hamba Ketua Askar Roma (ay. 1-10)

7 Setelah Yesus mengatakan segala perkara itu kepada orang ramai, Dia pergi ke Kapernaum. ²Di situ ada seorang ketua askar Roma^a yang mempunyai seorang hamba yang sangat dikasihinya. Hamba itu sakit dan hampir meninggal. ³Ketika ketua askar itu mendengar tentang Yesus, dia menyuruh beberapa orang pemimpin masyarakat Yahudi^b pergi kepada Yesus untuk meminta Dia datang dan menyembuhkan hambanya. ⁴Mereka pergi kepada Yesus lalu memohon dengan sungguh-sungguh, “Orang ini layak tuan tolong. ⁵Dia mengasahi bangsa kita, dan bahkan membina rumah ibadat untuk kami.”

⁶Yesus pergi bersama-sama mereka. Ketika Dia hampir tiba di rumah itu, ketua askar itu mengutus sahabat-sahabatnya supaya berkata kepada Yesus, “Tuan, janganlah bersusah-susah ke rumah saya.^c Saya tidak layak menyambut tuan ke rumah saya. ⁷Saya sendiri pun tidak layak menghadap tuan. Perintahkanlah sahaja, tentu hamba saya akan sembuh. ⁸Saya pun di bawah perintah perwira atasan, dan di bawah saya juga ada askar-askar lain. Apabila saya menyuruh seorang askar, ‘Pergi!’ dia pun pergi; dan apabila saya menyuruh seorang askar lain, ‘Ke mari!’ dia pun datang. Apabila saya menyuruh hamba saya, ‘Buatlah ini!’ dia pun melakukannya.”



**Mari
Fikir
Sejenak**

- Adakah anda menganggap diri sebagai sebuah pokok yang sihat ataupun sebaliknya berdasarkan buah yang anda hasilkan di dalam hidup?
- Mengapa?
- Apakah perkara baik yang boleh anda simpan di dalam hati agar anda mempunyai harta kebaikan di dalam diri?



Teropong

- ^a Terjemahan tradisional ialah ‘perwira’. Perwira ialah seorang pegawai yang mengetuai seratus orang askar, akan tetapi bilangan tersebut menjadi tidak tetap selepas beberapa ketika. Lelaki yang berani dan berintegriti selalunya dipilih untuk mejadi perwira. Perjanjian Baru menunjukkan bahawa perwira Roma mempunyai perwatakan yang terpuji. Perwira ini menunjukkan keprihatinan kepada hambanya dan dia dipandang tinggi oleh orang Yahudi meskipun dia tidak sebangsa mereka.
- ^b Golongan ini ialah orang Yahudi yang paling dihormati di dalam masyarakat, akan tetapi mereka tidak semestinya pemimpin di Rumah Ibadat.
- ^c Menurut hukum-hukum rabbi, seorang Yahudi akan mengotorkan dirinya secara istiadat sekiranya mereka memasuki rumah orang bukan Yahudi. Ketua askar tersebut mungkin berasa tidak layak untuk berada di hadapan Yesus.



⁹Yesus hairan mendengar hal itu. Dia berpaling lalu berkata kepada orang ramai yang sedang mengikuti-Nya, “Belum pernah Aku jumpai orang yang beriman sebesar ini, bahkan di kalangan orang Israel pun tidak!”

¹⁰Ketika orang yang disuruh itu kembali ke rumah ketua askar, mereka mendapati hamba itu sudah sembuh.

II. Yesus Membangkitkan Anak Seorang Balu Dari Kematian (ay. 11-17)

¹¹Tidak lama kemudian, Yesus pergi ke kota Nain.^d Pengikut-pengikut-Nya dan orang ramai pergi dengan Dia. ¹²Ketika Dia tiba di pintu gerbang kota itu, penduduk kota sedang menghantar jenazah^e ke

luar kota. Yang mati itu anak lelaki tunggal seorang balu. Banyak penduduk kota menyertai ibu itu.

¹³Apabila Tuhan melihat wanita itu, Dia kasihan^f kepadanya lalu berkata, “Janganlah menangis.” ¹⁴Setelah itu Dia menghampiri dan menyentuh usungan^g itu, lalu para pengusung pun berhenti. Yesus berkata, “Hai anak muda, Aku menyuruh kamu bangun!” ¹⁵Pemuda yang dihidupkan semula itu duduk^h dan mula bercakap. Lalu pemuda itu diserahkan oleh Yesus kepada ibunya.

¹⁶Semua orang takut lalu memuji Allah. Mereka berkata, “Seorang nabi yang besar telah datang di kalangan kita!ⁱ Allah sudah datang untuk menyelamatkan umat-Nya!”

¹⁷Berita tentang Yesus tersebar di seluruh negeri dan di daerah sekitarnya.



Teropong

^d Nain merupakan sebuah kota di Galilea. Ia terletak beberapa kilometer di arah tenggara dari kampung halaman Yesus, Nasaret. Orang ramai yang mengikuti Yesus menunjukkan betapa terkenalnya Dia pada ketika ini. Orang ramai mengikuti-Nya dari satu kota ke kota yang lain.

^e Perarakan pengebumian telahpun meninggalkan kota dan kini sedang berada di dalam perjalanan ke kawasan perkuburan. Kawasan tersebut selalunya berada di luar kota.

^f Sebagai seorang balu, dan kini tanpa anak lelaki, wanita tersebut ditinggalkan sendirian. Tanpa seorang lelaki sebagai pelindung dan pemberi nafkah, dia akan berhadapan dengan banyak cabaran. Hanya terdapat beberapa ruang bagi seorang wanita untuk menampung kehidupan di kurun yang pertama. Di samping kesunyian dan kepayahan, penyambung zuriat keturunan juga kini telah berakhir. Orang ramai yang menemani wanita tersebut menunjukkan orang ramai turut bersimpati terhadapnya.

^g Sudah menjadi kebiasaan bagi amalan orang Yahudi untuk menggunakan keranda tidak bertutup serta membungkus mayat dengan sehelai kain. Dengan menyentuh keranda, Yesus melawan hukum istiadat untuk kekal bersih. Akan tetapi, bagi Yesus keperluan manusia adalah lebih penting daripada hukum ritual.

^h Ini ialah kali pertama daripada dua kejadian yang dicatatkan di dalam Injil Lukas di mana Yesus membangkitkan orang yang telah mati. Insiden yang kedua ialah anak perempuan Yairus (8:40-56). Catatan lain ialah Lazarus di dalam Injil Yohanes (Yoh 11:38-44).

ⁱ Orang ramai mengenali tangan Allah di dalam apa yang terjadi dan mereka melihat Yesus sebagai salah seorang daripada nabi Allah. Mereka mungkin terfikir akan dua orang nabi yang pernah membangkitkan orang daripada kematian – Elia dan Elisa.



Mari Fikir Sejenak

Kita sering berpendapat bahawa kita sentiasa keseorangan dan tidak ada orang lain yang memahami penderitaan dan pergelutan kita. Adakah anda melihat hati Yesus terhadap balu tersebut dan membantu dia meskipun dia tidak meminta?



Suatu Pegangan Hidup

Yakinlah bahawa Allah penuh dengan belas kasihan dan kasih sayang. Dia tahu apa yang anda sedang lalui dan akan sentiasa bersama anda untuk memberikan bantuan.





III. Utusan daripada Yohanes Pembaptis (ay. 18-35)

¹⁸Pengikut Yohanes memberitahu Yohanes segala perkara ini. Yohanes memanggil dua orang pengikutnya ¹⁹lalu menyuruh mereka bertanya kepada Tuhan Yesus, "Adakah tuan orang yang dikatakan akan datang menurut janji Allah atau adakah kami harus menantikan seorang lain?"^j

²⁰Apabila mereka bertemu dengan Yesus, mereka berkata, "Yohanes Pembaptis menyuruh kami bertanya kepada tuan, 'Adakah tuan orang yang dikatakan akan datang menurut janji Allah, atau adakah kami harus menantikan seorang lain?'"

²¹Kebetulan pada masa itu, Yesus menyembuhkan banyak orang sakit. Dia mengusir roh-roh jahat dan mencelikkan mata orang buta. ²²Oleh itu Yesus menjawab utusan-utusan Yohanes, "Pulanglah, beritahu Yohanes apa yang telah kamu lihat dan dengar:^k orang buta melihat, orang lumpuh berjalan, orang berpenyakit kulit yang mengerikan menjadi sembuh, orang tuli mendengar, orang mati dibangkitkan semula, dan Berita Baik daripada Allah dikhabarkan kepada orang miskin. ²³Berbahagialah orang yang tidak mempunyai keraguan terhadap Aku!"

²⁴Setelah utusan-utusan Yohanes pergi, Yesus mula bercakap tentang Yohanes kepada orang ramai. Dia berkata, "Apabila kamu pergi kepada Yohanes di padang gurun, apakah yang mahu kamu lihat? Sehelai rumput yang ditiup anginkah?^l ²⁵Kamu keluar mahu melihat apa? Seorang yang berpakaian indahkah? Orang yang berpakaian demikian dan yang hidup mewah tinggal di istana! ²⁶Katakanlah, kamu keluar

mahu melihat apa? Seorang nabikah? Betul, bahkan lebih daripada seorang nabi.^m ²⁷Yohanes itulah yang dikatakan dalam ayat Alkitab, 'Allah berfirman: Inilah utusan-Ku. Aku akan mengutus dia terlebih dahulu daripada-Mu supaya menyediakan jalan bagi-Mu.'" ²⁸Yesus berkata pula, "Hendaklah kamu tahu bahawa di dunia ini tidak ada orang yang lebih besar daripada Yohanes Pembaptis. Tetapi orang terkecil antara mereka yang menikmati Pemerintahan Allah, lebih besar daripada Yohanes."

²⁹Orang ramai termasuk para pemungut cukai mendengar Yesus mengatakan hal itu. Merekalah yang mentaati perintah Allah dan mahu dibaptis oleh Yohanes. ³⁰Tetapi orang Farisi dan guru Taurat tidak mahu menerima apa yang dikehendaki oleh Allah bagi diri mereka, dan tidak mahu dibaptis oleh Yohanes.

³¹Yesus berkata, "Dengan apakah dapat Aku bandingkan orang zaman ini? Seperti apakah mereka? ³²Mereka seperti anak-anak yang duduk di pasar.ⁿ Kumpulan yang satu berseru kepada yang lain, 'Kami memainkan lagu perkahwinan untuk kamu, tetapi kamu tidak mahu menari! Kami meratap, tetapi kamu tidak mahu menangis!' ³³Yohanes Pembaptis datang, dia berpuasa dan tidak minum wain; lalu kamu berkata, 'Dia dirasuk syaitan!' ³⁴Anak Manusia datang, Dia makan dan minum, lalu kamu berkata, 'Lihatlah orang ini! Dia rakus, pemabuk, sahabat pemungut cukai, dan kawan orang yang dihina masyarakat!' ³⁵Walaupun demikian, kebijaksanaan Allah dibuktikan benar oleh perbuatan semua orang yang menerima^o kebijaksanaan itu."



Teropong

^j Yohanes sendiri pernah mengumumkan kedatangan Kristus. Tetapi kini dia menderita di dalam penjara selama berbulan-bulan. Dan pekerjaan Yesus tidak membawa hasil seperti apa yang dia harapkan. Kecewa yang Yohanes alami adalah suatu perkara yang normal. Dia mungkin ingin mendapatkan jaminan semula bahawa Yesus adalah peribadi yang diumumkan kepada orang lain.

^k Sebagai jawapan kepada murid-murid Yohanes, Yesus mengarahkan mereka kepada keajaiban dan penyembuhan yang dilakukan-Nya. Mereka adalah bukti yang mencerminkan pelayanan Penyelamat seperti dinubuatkan di dalam Perjanjian Lama.

^l Yohanes bukanlah seorang yang lemah dan mudah terumbang-ambing akibat daripada tekanan-tekanan pandangan orang lain.

^m Yohanes merupakan seorang nabi unik yang diutuskan bagi menyediakan jalan bagi Mesias.

ⁿ Yesus kemudian membangkitkan ketidak-warasan orang ramai dengan menunjuk kepada penolakan mereka terhadap Yohanes Pembaptis dan juga diri-Nya sendiri dengan alasan-alasan yang bertentangan. Penolakan mereka dijelaskan seperti ketidak-tetapan seorang kanak-kanak yang enggan ikut serta bermain dalam permainan yang menggembarakan ataupun yang sebaliknya. Yesus memetik dendangan yang digunakan kanak-kanak apabila rakan mereka tidak ingin turut serta di dalam permainan. Mereka menolak Yohanes kerana dia mengikuti peraturan dengan ketat. Yesus pula ditolak kerana dia bebas bergaul dengan orang ramai.

^o Sebagai perbandingan kepada mereka yang mengkritik dengan bodoh, mereka yang terbuka kepada rancangan Allah mampu melihat pelayanan Yohanes dan Yesus datang daripada Allah, meskipun kedua-dua mereka memimpin dengan gaya yang berbeza.

**IV. Yesus Makan di Rumah Simon (ay. 36-50)**

³⁶Seorang Farisi bernama Simon menjemput Yesus makan di rumahnya. Yesus pergi ke rumahnya lalu mulai makan.³⁷Di kota itu ada pula seorang wanita yang hidup dalam dosa.³⁸Dia mendengar bahawa Yesus sedang makan di rumah orang Farisi itu, lalu dia pergi ke situ sambil membawa sebotol minyak wangi. ³⁸Dia berdiri di belakang Yesus dekat kakinya; dia menangis dan membasahi kaki Yesus dengan air matanya.³⁹Kemudian kaki Yesus dikeringkan oleh wanita itu dengan rambutnya, lalu kaki Yesus diciumnya dan dituangi minyak wangi.⁴⁰Apabila orang Farisi yang menjemput Yesus melihat kejadian ini, dia berkata dalam hati, "Jika dia ini benar-benar seorang nabi, tentu dia tahu bahawa wanita yang menyentuhnya itu hidup dalam dosa!"

⁴⁰Yesus berkata kepadanya, "Simon, ada yang hendak Aku katakan kepadamu." Simon menjawab, "Katakanlah guru."

⁴¹Yesus berkata, "Ada dua orang lelaki berhutang kepada seorang peminjam wang. Yang seorang berhutang lima ratus keping wang perak dan yang seorang lagi lima puluh keping wang perak."

⁴²Kedua-duanya tidak dapat membayar hutang. Oleh itu orang yang meminjamkan wang menghapuskan hutang mereka. Yang manakah akan lebih mengasihani

dia?"

⁴³Simon menjawab, "Pada pendapat saya orang yang berhutang lebih banyak!"

"Pendapatmu benar," jawab Yesus.

⁴⁴Lalu Yesus berpaling kepada wanita itu dan berkata kepada Simon, "Kamu nampak perempuan ini? Aku datang ke rumahmu dan kamu tidak menyediakan air untuk membersihkan kaki-Ku". Tetapi wanita ini membasuh kaki-Ku dengan air matanya, dan mengeringkannya dengan rambutnya. ⁴⁵Kamu tidak menyambut Aku dengan ciuman," tetapi wanita ini tidak henti-henti mencium kaki-Ku sejak Aku tiba. ⁴⁶Kamu tidak menyediakan minyak untuk kepala-Ku," tetapi wanita ini telah menuang minyak wangi pada kaki-Ku. ⁴⁷Sesungguhnya, kasihnya yang besar itu menunjukkan bahawa dosanya yang banyak sudah diampunkan! Jika seseorang menunjukkan kasih yang sedikit, hal itu bererti dia menerima pengampunan yang sedikit juga."

⁴⁸Lalu Yesus berkata kepada wanita itu, "Dosamu sudah diampunkan."

⁴⁹Mereka yang makan bersama-sama Yesus mula bertanya sesama sendiri, "Siapakah dia ini sehingga dapat mengampunkan dosa?"

⁵⁰Tetapi Yesus berkata kepada wanita itu, "Oleh sebab kamu percaya kepada-Ku, kamu diselamatkan. Pergilah dengan sejahtera!"

**Teropong**

^p Oleh kerana pengaruh budaya Roma, orang Yahudi tidak makan menggunakan meja, tetapi duduk di atas kerusi yang rendah sambil bersandar di atas tangan kiri dengan kepala terarah ke meja dan tubuh di dalam posisi jauh daripadanya. Selipar harus dibuka sebelum bersandar. Wanita tersebut mampu mendekati kaki Yesus tanpa sebarang kesusahan. Hidangan makanan yang dihadiri oleh Yesus ini bukan bersifat tertutup. Pintu rumah terbuka agar orang ramai dapat turut serta.

^q Wanita tersebut mungkin seorang pelacur. Walaupun rumah tersebut dibuka untuk orang ramai, seorang pelacur adalah tidak dialu-alukan. Wanita itu mesti sangat berani untuk datang. Dia pasti pernah mendengar Yesus berkhotbah dan di dalam pertaubatan, dia datang untuk menunjukkan kasih sayang dan rasa bersyukur.

^r Istilah 'sebotol minyak wangi' merujuk kepada sebuah bekas berbentuk bundar. Ia mempunyai leher yang panjang tetapi tidak dilengkapi dengan pemegang. Leher botol akan dipatahkan apabila isinya ingin digunakan. Bukan semua bekas diperbuat daripada alabaster, sejenis batu yang berasal daripada Alabastron di Mesir. Oleh itu, minyak tersebut dianggarkan berharga sangat mahal.

^s Wanita tersebut mungkin bertujuan untuk mengurapi kaki Yesus dengan minyak. Tetapi dia tercegak dan perasaannya membuatkan dia tersungkur menangis di kaki Yesus.

^t Dengan spontan dia mengeringkan kaki Yesus dengan rambutnya. Wanita Yahudi tidak membuka ikatan rambut apabila berada di kawasan umum. Dia pasti tidak peduli dengan pandangan orang lain terhadapnya kerana dipaut emosi. Ini juga menjelaskan mengapa dia mencium kaki Yesus. Terdapat contoh lain di mana kaki para rabbi terkemuka dicium tetapi ia amat jarang berlaku. Minyak wangi selalunya dituangkan di atas kepala. Tindakannya untuk menuang minyak ke atas kaki Yesus mungkin menunjukkan rasa rendah diri. Tugas membersihkan kaki adalah milik seorang hamba.

^u Terjemahan tradisional adalah 'dinar', wang syiling Roma. Satu dinar adalah gaji harian seorang buruh. Jumlah hutang yang dimaksudkan melebihi gaji setahun seorang buruh.

^v Meskipun Simon menjemput Yesus ke rumahnya, dia tidak memberikan layanan yang berpatutan kepada seorang tetamu kehormat. Tuan rumah harus membekalkan air untuk mencuci kaki tetamu kerana ia dikotorkan oleh jalan yang berdebu. Ini adalah tindakan hospitaliti paling remeh yang boleh dilakukan oleh Simon terhadap Yesus.

^w Ciuman ialah satu tanda salam hormat yang selalunya diberikan tuan rumah.

^x Untuk mengurapi kepala dengan minyak (alternatif yang lebih murah daripada minyak wangi) adalah tanda hormat bagi tetamu.



I. Wanita-Wanita yang Membantu Yesus (ay. 1-3)

8 Tidak berapa lama kemudian, Yesus menjelajah kota dan pekan untuk mengkhabarkan Berita Baik bahawa Allah mula memerintah.^a Dua belas orang pengikut-Nya menyertai Dia, ²dan juga beberapa orang wanita^b yang sudah disembuhkan daripada kerasukan roh jahat dan penyakit. Antara mereka termasuk Maria yang disebut Magdalena (tujuh roh jahat sudah diusir daripada dirinya); ³Yohana, isteri Khuza, pegawai istana Herodes;^c Susana dan banyak lagi wanita lain. Mereka menggunakan harta mereka untuk membantu Yesus dan pengikut-pengikut-Nya.^d



Mari Fikir Sejenak

- Yesus berkata bahawa mereka yang menerima pengampunan yang sedikit akan menunjukkan kasih sayang yang kecil. Tahukah anda betapa besarnya pengampunan Allah terhadap anda?
- Luangkan masa untuk memikirkan kembali semua perkara yang telah Allah lakukan untuk anda. Senaraikan mereka dan berterima kasihlah kepada Allah untuk setiap perkara tersebut.



Ayat Hafalan

Bersyukurlah kepada TUHAN
kerana Dia baik; kasih-Nya kekal!
(Mazmur 107:1)



Teropong

- ^a Pelayanan Yesus sebelum ini berpusat di Kapernaum. Kini Dia kembali menjelajah dari kota ke kota di dalam kunjungan kedua-Nya di kawasan perkampungan Galilea. (Untuk kunjungan pertama, rujuk Luk 4:43-44).
- ^b Para rabbi pada waktu itu menganggap taraf wanita adalah lebih rendah daripada lelaki dan enggan mengajar mereka. Akan tetapi, Yesus tidak memandang rendah kepada mereka, malah melayani mereka dengan penuh martabat. Dia membenarkan mereka untuk bersekutu serta menerima khidmat dan layanan yang diberikan kepada-Nya.
- ^c Oleh kerana Khuza bekerja sebagai pegawai di dalam istana Herodes, dia mungkin adalah seorang yang

II. Perumpamaan Tentang Seorang Penabur (ay. 4-15)

⁴Orang terus-menerus datang kepada Yesus dari berbagai-bagai kota. Apabila orang yang berkumpul di situ banyak sekali, Yesus menceritakan perumpamaan^e ini kepada mereka. ⁵Dia berkata, "Seorang peladang pergi menabur benih.^f Ketika dia menabur benih, ada yang jatuh di jalan. Benih itu dipijak-pijak orang dan dimakan burung. ⁶Ada juga yang jatuh di tempat berbatu.^g Apabila benih bertunas, tanaman itu segera layu kerana tanahnya kering. ⁷Ada juga yang jatuh di tengah-tengah semak berduri. Apabila benih bertunas, semak berduri yang tumbuh bersama-

penting. Akan tetapi, sifat pekerjaannya adalah tidak jelas.

- ^d Perkara ini memberikan kita gambaran bagaimana keperluan Yesus dicukupkan di dalam pelayanan-Nya. Yesus dan para murid-Nya tidak mendapat nafkah secara ajaib tetapi mereka dibantu oleh sumber-sumber dari orang ramai seperti wanita-wanita ini.

Di dalam Yohanes 13:29, kita membaca golongan rasul mempunyai tabung umum untuk membeli makanan serta memberikan bantuan kepada orang miskin. Tidak ada disebutkan dari mana wang tersebut datang tetapi ini mungkin salah satu daripada sumber mereka. Kita mempelajari di sini bahawa wanita-wanita tersebut berterima kasih kepada Yesus atas apa yang dilakukan-Nya kepada mereka. Ada kemungkinan bahawa adalah tidak lazim di mana golongan wanita salih akan membantu guru-guru agama. Apa yang menarik adalah kesemua tulisan Injil tidak mencatatkan kaum wanita menentang Yesus. Musuh-musuh-Nya terdiri daripada kaum lelaki.



Teropong

- ^e Sejak daripada detik ini, Yesus menggunakan perumpamaan dengan lebih kerap sebagai cara mengajar. Walaupun perumpamaan memudahkan ajaran Yesus, ia juga memiliki maksud tersirat yang memerlukan penjelasan lanjut. Mereka yang dengan tulus ingin mencari kebenaran akan datang untuk mendapatkan penjelasan. Dengan itu, mereka yang tidak percaya akan terlepas daripada mengetahui kebenaran yang tersirat kerana mereka tidak peduli untuk mengkaji dengan lebih dalam. Hanya pencari kebenaran yang tulus yang akan mendapatkan ajaran lengkap daripada Yesus.
- ^f Penuai tersebut tidak prihatin akan jenis tanah yang digunakan. Menurut amalan kawasan Timur Tengah, biji benih selalunya ditabur terlebih dahulu. Sesudah itu barulah tanah akan dibajak. Laluan pejalan kaki sering melintasi kebanyakan ladang tanaman. Oleh kerana aktiviti membajak menyusul selepas proses menabur benih, laluan jalan



samanya membantutkan tumbuhan itu. ⁸Tetapi ada juga benih yang jatuh di tanah subur, lalu tumbuh dan menghasilkan buah seratus kali ganda.^h

Setelah Yesus menceritakan perumpamaan itu, Dia berkata, “Jika kamu bertelinga,ⁱ dengarlah baik-baik!”

⁹Pengikut-pengikut Yesus bertanya kepada-Nya makna perumpamaan itu. ¹⁰Yesus menjawab, “Kamu telah diberikan anugerah untuk mengetahui rahsia tentang bagaimana Allah memerintah.^j Tetapi yang lain diberitahukan hal itu melalui perumpamaan, supaya mereka melihat tetapi tidak nampak dan mereka mendengar tetapi tidak faham.^k”

¹¹“Inilah makna perumpamaan itu: Benih itu firman Allah. ¹²Benih^l yang jatuh di jalan bagaikan orang yang mendengar perkhabaran Allah, tetapi Iblis datang dan mengambil perkhabaran itu dari hati mereka, supaya mereka tidak percaya ataupun diselamatkan. ¹³Benih yang jatuh di tempat berbatu bagaikan orang yang mendengar perkhabaran itu dan menerimanya dengan sukacita. Tetapi perkhabaran itu tidak berakar di dalam hati. Mereka percaya sekejap sahaja dan ketika cubaan datang mereka tidak lagi

percaya kepada perkhabaran itu.^m ¹⁴Benih yang jatuh di tengah semak berduri bagaikan orang yang mendengar perkhabaran itu, tetapi kekhawatiran, kekayaan, dan kemewahan hidup membantutkan perkhabaran itu sehingga mereka tidak menghasilkan buah yang matang. ¹⁵Benih yang jatuh di tanah subur bagaikan orang yang mendengar perkhabaran itu serta menyimpannya di dalam hati yang baik dan jujur. Mereka bertekun sehingga menghasilkan buah.”

III. Pelita di bawah Pasu (ay. 16-18)

¹⁶“Tiada seorang pun memasang pelitaⁿ lalu menaruhnya di bawah pasu, ataupun meletakkannya di bawah katil. Dia akan meletakkan pelita itu di atas kaki pelita, supaya orang yang masuk ke dalam rumah dapat melihat cahayanya. ¹⁷Apa yang tersembunyi akan dinyatakan, dan apa yang dirahsiakan akan diketahui dan didedahkan.

¹⁸Oleh itu perhatikanlah apa yang kamu dengar. Seseorang yang mempunyai sesuatu akan diberi lebih banyak lagi, tetapi seseorang yang tidak mempunyai apa-apa, sedikit yang disangka ada padanya akan diambil juga.”

akan turut dibajak bersama-sama dengan bijih benih. Dengan itu semua benih yang ditabur akan ditimbus tanah.

^g Ia merujuk kepada batu keras yang diliputi oleh lapisan tanah yang nipis. Sewaktu proses menabur benih, batu tersebut mungkin tidak kelihatan. Sebarang mendapan yang jatuh ke atas lapisan tanah yang nipis akan menjadi wap dengan serta merta dan biji benih yang sedang bertunas akan layu ataupun mati.

^h Versi lain menterjemahkannya sebagai ‘beratus kali ganda’ ataupun seratus kali ganda lebih daripada yang ditanam. Maksudnya ialah jumlah tuai bergantung kepada kualiti tanah yang digunakan.

ⁱ Ini adalah satu cabaran kepada para pendengar untuk memahami pesanan serta mengaplikasikannya kepada diri sendiri.

^j Rahsia Kerajaan Allah merujuk kepada tujuan dan rancangan Allah yang dilakukannya secara berperingkat di dalam gereja dan sejarah manusia. Semua ini adalah kebenaran yang hanya boleh diketahui melalui pewahyuan daripada Allah.

^k Yesus membandingkan murid-murid-Nya dengan orang lain di luar Kerajaan Allah. Dia memetik Yesaya 6:9 untuk menunjukkan bahawa mereka yang gagal untuk memberi respon kepada Firman Allah akan berada di bawah penghakiman Allah kerana menolak-Nya. Mereka juga tidak mampu untuk memahami dengan lebih mendalam. Bagi golongan ini, perumpamaan yang digunakan akan menyembunyikan kebenaran yang dikhaskan bagi

mereka yang benar-benar mencari jalan Allah. ini kerana perumpamaan menyembunyikan dan menyatakan kebenaran; ia membongkarkan kebenaran kepada pencari yang sanggup meredah kesulitan menggali lebih dalam untuk mendapatkan maksud; tetapi ia juga menyembunyikan kebenaran daripada mereka yang hanya ingin mendengar cerita.

^l Versi lain menterjemahkannya sebagai ‘benih-benih’.

^m Kepercayaan seperti ini adalah tidak memadai dan tidak mampu menyelamatkan manusia daripada dosanya.



Tanah jenis apakah yang menyerupai diri anda? Mengapa?

Jika anda ingin untuk menjadi tanah yang baik, apakah perubahan yang perlu anda minta Allah lakukan di dalam hidup anda?



ⁿ Tujuan menyalakan lampu adalah untuk mendapatkan cahaya. Oleh itu lampu tidak seharusnya disembunyikan di bawah sebarang objek supaya cahayanya dapat bersinar.



IV. Ibu dan Saudara-Saudara Yesus (ay. 19-21)

¹⁹Ibu dan saudara-saudara^o Yesus datang kepada Yesus, tetapi mereka tidak dapat menghampiri Dia kerana orang di situ terlalu banyak. ²⁰Lalu seorang berkata kepada Yesus, "Tuan, ibu dan saudara-saudara tuan di luar. Mereka hendak berjumpa dengan tuan."

²¹Tetapi Yesus berkata kepada mereka semua, "Orang yang mendengar firman Allah serta mentaatinya,^p merekalah ibu dan saudara-saudara-Ku."

V. Yesus Meredakan Angin Ribut (ay. 22-25)

²²Pada suatu hari Yesus dengan pengikut-pengikut-Nya menaiki sebuah perahu. Dia berkata

kepada mereka, "Marilah kita menyeberang tasik."^q Mereka pun bertolak. ²³Sedang mereka belayar, Yesus tidur. Tiba-tiba angin kencang melanda tasik itu.^s Air mula masuk ke dalam perahu sehingga membahayakan mereka semua. ²⁴Pengikut-pengikut Yesus pergi kepada Yesus lalu membangunkan Dia. Mereka berkata, "Guru, Guru, kita hampir tenggelam!" Yesus bangun lalu menengking angin dan ombak yang bergelora. Angin dan ombak pun teduh dan tasik menjadi tenang sekali.

²⁵Lalu Yesus berkata kepada pengikut-pengikut-Nya, "Mengapa kamu tidak percaya kepada-Ku?" Tetapi mereka hairan dan takut serta bercakap sesama sendiri, "Siapakah orang ini,^t sehingga angin dan ombak taat kepada perintahnya?"



Teropong

^o Markus 6:3 memberikan kita empat nama saudara lelaki Yesus: Yakobus, Yoses, Yudas dan Simon. Dia juga menyebut kehadiran adik perempuan Yesus. Oleh kerana ayah Yesus tidak disebut langsung, kebanyakan sarjana berpendapat bahawa Yusuf telah meninggal dunia pada waktu ini. Markus menjelaskan dengan lebih lanjut tujuan keluarga Yesus datang menjenguk-Nya (Markus 3:20-21,31). Orang ramai mengatakan bahawa Yesus telah gila dan keluarga-Nya datang untuk membawa Yesus pulang bagi meninggalkan jadual-Nya yang sungguh sibuk.

^p Jawapan Yesus bukan bermaksud untuk menolak keluarga kandung-Nya. Ia adalah untuk menekankan kepentingan hubungan rohani bersama mereka yang mempercayai Dia.



Teropong

^q Tasik ini merujuk kepada Laut Galilea. Mereka mungkin berada di kawasan barat tasik daerah Galilea.

^r Yesus mungkin penat disebabkan mengajar dan melayani orang ramai sepanjang hari.

^s Oleh kerana dikelilingi oleh gunung, Laut Galilea sering dilanda ribut yang ganas. Udara sejuk dari timur ditarik melalui laluan sempit di kawasan gunung dan bertembung dengan udara panas di atas tasik sehingga menyebabkan ribut.

^t Melihat kepada apa yang telah dilakukan oleh Yesus, satu-satunya jawapan bagi soalan ini ialah kerana Dia adalah Anak Allah. Hadirat dan kuasa Allah jelas di dalam semua tindakan-Nya. Dengan kejadian tersebut, iman para murid terhadap ketuhanan Yesus pasti meningkat.



Mari Fikir Sejenak

Bagaimanakah pengetahuan akan Yesus sebagai Tuhan di atas semua perkara membantu anda ketika berada di dalam masalah dan kesulitan?



Suatu Pegangan Hidup

Yakinlah bahawa Yesus bersama-sama anda dan Dia sentiasa mengawal semua perkara di dalam hidup anda. Percayalah kepada-Nya bahawa Dia akan menjaga anda.





VI. Yesus Menyembuhkan Orang yang Dirasuk Roh Jahat (ay. 26-39)

²⁶Mereka terus belayar ke daerah Gerasa^u di seberang Tasik Galilea. ²⁷Sedang Yesus naik ke darat, Dia didatangi seorang lelaki dari bandar. Orang itu dirasuk roh jahat. Sudah lama orang itu tidak berpakaian dan tidak mahu tinggal di rumah. Dia tinggal di gua kubur.^v ²⁸Apabila dia melihat Yesus, dia berteriak serta sujud di hadapan Yesus, dan berseru, "Hai Yesus, Anak Allah Yang Maha Tinggi!"^w Apakah yang akan Engkau lakukan terhadap aku? Aku mohon, janganlah seksa aku!" ²⁹Orang itu berkata demikian kerana Yesus telah memerintah roh jahat itu keluar daripadanya. Banyak kali roh jahat itu menguasai orang itu. Walaupun dia dijaga dengan ketat dan kaki tangannya dirantai, dia dapat memutuskan rantai itu, lalu roh jahat membawa dia ke padang gurun.

³⁰Yesus bertanya kepadanya, "Siapa namamu?"^x Dia menjawab, "'Legiun'"^y -- kerana banyak roh jahat sudah masuk ke dalam dirinya. ³¹Roh-roh jahat itu memohon supaya Yesus tidak menghalau roh-roh itu ke Jurang Maut.^z

³²Dekat tempat itu ada kawan babi^a sedang mencari makan di lereng bukit. Roh-roh jahat itu memohon supaya Yesus membenarkan roh-roh itu masuk ke dalam kawan babi itu. Yesus bersetuju.

³³Begitulah roh-roh jahat itu keluar daripada orang itu lalu masuk ke dalam kawan babi. Kemudian kawan babi itu lari ke tepi jurang dan terjun ke dalam tasik lalu tenggelam.

³⁴Penjaga-penjaga babi itu nampak apa yang sudah berlaku. Mereka lari dari situ lalu menyebarkan berita itu di bandar dan di kampung-kampung sekitarnya. ³⁵Lalu orang ramai keluar hendak melihat apa yang sudah berlaku. Mereka datang kepada Yesus dan mendapati orang yang telah dibebaskan daripada roh jahat duduk dekat kaki Yesus. Orang itu sudah berpakaian dan waras fikirannya. Mereka semua ketakutan. ³⁶Semua orang yang telah melihat kejadian itu memberitahu orang ramai bagaimana orang itu disembuhkan. ³⁷Lalu penduduk daerah Gerasa memohon supaya Yesus meninggalkan tempat itu, kerana mereka semua sangat takut.^b Oleh itu Yesus menaiki perahu lalu pergi dari situ. ³⁸Orang yang telah dibebaskan daripada roh jahat memohon kepada Yesus supaya dibenarkan mengikut Yesus.

Tetapi Yesus menyuruh dia pergi, ³⁹"Pulanglah ke rumah, dan ceritakan apa yang telah dilakukan oleh Allah untukmu." Orang itu pergi ke seluruh pelosok bandar dan menceritakan apa yang telah dilakukan oleh Yesus untuknya.



Teropong

^u Tempat ini ialah kawasan yang dipenuhi dengan orang bukan Yahudi. Ia terletak di bahagian tenggara Laut Galilea. Terdapat beberapa manuskrip yang memberikan variasi nama untuk kawasan ini: Gadara, Gergesa ataupun kawasan orang Gerasa.

^v Mayat selalunya dikuburkan di dalam gua yang dikorek dari kawasan berbatu.

^w Panggilan 'Allah Maha Tinggi' selalunya digunakan oleh orang bukan Yahudi.

^x Yesus bertanya kepada lelaki tersebut akan tetapi syaitan yang merasuknya pula yang menyahut, menunjukkan bahawa mereka sedang mengawal lelaki tersebut.

^y Kebanyakan versi lain menterjemahkan perkataan ini sebagai 'Legiun atau Legion'. Satu legiun tentera Roma mempunyai lebih kurang 6000 orang askar. Inilah cara syaitan tersebut mengatakan bahawa terdapat seangkatan syaitan di dalam lelaki tersebut.

^z Di dalam Alkitab, 'Jurang Maut' merujuk kepada tempat di mana syaitan dikurung. Perkataan Yunani yang digunakan bermaksud 'tiada penghujung' ataupun 'sangat dalam'.

^a Babi adalah binatang kotor kepada orang Yahudi. Mereka tidak dibenarkan untuk memelihara ataupun menyantap dagingnya. Oleh itu, golongan yang menetap di kawasan ini adalah orang bukan Yahudi.

^b Rasa takut mereka mungkin adalah reaksi ketahyulan kepada kuasa luar biasa Yesus. Ia juga mungkin disebabkan kerugian yang dialami disebabkan kematian kawan babi tersebut. Jika ya, mereka pasti tidak senang dengan kehadiran Yesus. Oleh itu, mereka menghalau-Nya keluar dan tidak menyambut Yesus sebagai penyelamat yang membebaskan lelaki tersebut daripada cengkaman syaitan.



VII. Anak Yairus dan Wanita yang Menyentuh Jubah Yesus (ay. 40-56)

⁴⁰Apabila Yesus kembali ke seberang tasik, orang ramai menyambut Dia kerana mereka sedang menanti-nantikan Dia. ⁴¹Lalu datanglah seorang bernama Yairus. Dia ketua rumah ibadat^c tempatan.

Dia sujud di hadapan Yesus dan memohon supaya Yesus datang ke rumahnya, ⁴²kerana anak perempuannya yang tunggal, yang berumur dua belas tahun, hampir meninggal.

Sedang Yesus berjalan ke rumah Yairus, orang mengasak Dia dari semua sisi. ⁴³Di situ ada seorang wanita yang menderita penyakit pendarahan^d selama dua belas tahun. Dia telah menghabiskan segala miliknya untuk rawatan doktor, tetapi tiada seorang pun dapat menyembuhkan dia. ⁴⁴Wanita itu mendekati Yesus dari belakang, lalu menyentuh hujung^e jubah-Nya, dan dengan segera pendarahannya berhenti. ⁴⁵Yesus bertanya, "Siapa menyentuh Aku?"^f Tiada orang yang mahu mengaku. Petrus berkata, "Guru, orang di sini banyak sekali; mereka berasak-asakan!"

⁴⁶Tetapi Yesus berkata, "Ada orang yang menyentuh Aku. Aku tahu kerana kuasa telah keluar daripada-Ku." ⁴⁷Wanita itu sedar bahawa perbuatannya sudah diketahui oleh Yesus. Dia datang dengan gemetar lalu sujud pada kaki Yesus. Di hadapan semua orang, dia memberitahu Yesus mengapa dia

menyentuh Yesus dan bagaimana penyakitnya sembuh dengan serta-merta. ⁴⁸Yesus berkata kepadanya, "Anak-Ku,^g kerana kamu percaya kepada-Ku, kamu sembuh." Pergilah dengan sejahtera."

⁴⁹Sedang Yesus berkata demikian, seorang pesuruh datang dari rumah Yairus. Dia berkata kepada Yairus, "Anak perempuan tuan sudah meninggal. Janganlah susahkan guru lagi."

⁵⁰Yesus mendengar kata-kata itu. Dia berkata kepada Yairus. "Jangan takut. Percayalah sahaja dan anakmu akan sembuh."

⁵¹Apabila Yesus tiba di rumah itu, Dia tidak membenarkan sesiapa pun masuk dengan Dia kecuali Petrus, Yohanes, Yakobus, dan ibu bapa anak itu.

⁵²Semua orang sedang menangisi dan meratapi kematian anak itu. Yesus berkata, "Janganlah menangis. Anak ini tidak meninggal, dia hanya tidur!"

⁵³Semua orang mentertawakan Yesus, kerana mereka tahu bahawa anak itu sudah meninggal.

⁵⁴Tetapi Yesus memegang tangan anak itu, lalu berkata, "Bangunlah, nak!" ⁵⁵Nyawa anak itu kembali dan seketika itu juga dia bangun. Lalu Yesus menyuruh mereka memberikan makanan kepada anak itu. ⁵⁶Ibu bapa anak itu sangat hairan, tetapi Yesus melarang mereka memberitahuⁱ sesiapa pun apa yang sudah berlaku.



Teropong

^c Versi lain menterjemahkannya sebagai 'kepala rumah' bagi Rumah Ibadat. Dia adalah seorang pegawai yang bertanggungjawab di dalam menyusun persekutuan Rumah Ibadat. Dia akan memilih, contohnya, orang yang akan membaca Firman Allah dan berkhotbah, berdoa, dsbnya. Oleh itu, dia adalah seorang yang penting di dalam masyarakat.

^d Sifat sebenar penyakitnya adalah tidak diketahui selain daripada fakta bahawa dia telah menghidapnya selama 12 tahun. Perkara ini bukan sahaja membawa tekanan tetapi ia juga mempunyai implikasi sosial kepada wanita tersebut. Ini kerana pendarahan tersebut akan menjadikan dirinya 'kotor' (Imamat 15:25-28) dan mereka yang disentuhnya akan turut menjadi kotor. Dia tidak dibenarkan untuk mengikuti penyembahan di Rumah Tuhan ataupun yang berkaitan dengannya. Oleh yang demikian, hidup wanita tersebut pasti sangat sukar.

Ini mungkin menjelaskan mengapa dia mendekati Yesus dari belakang secara senyap-senyap. Jika dia datang dengan terbuka, orang ramai mungkin akan menghalangnya daripada mendekati Yesus. Kedua, dia mungkin terpaksa menjelaskan keadaannya di hadapan semua orang dan ini akan mengakibatkan aib yang besar ke atas dirinya.

^e Dia menyentuh sudut ataupun hujung jubah Yesus. Ini mungkin merujuk kepada jumbai (uraian benang ataupun jahitan di hujung kain) di hujung jubah yang dipakai di bahu kiri ataupun digantung dari belakang. Sekiranya jumbai yang dijahit adalah lebih panjang, ia mungkin menjalar di belakang. Mungkin wujud elemen karut bahawa sentuhan ke atas jubah seorang penyembuh boleh mendatangkan kesembuhan.

^f Yesus mungkin mendesak keajaiban tersebut diketahui ramai untuk kebaikan wanita tersebut ataupun sebagai sebuah kesaksian kepada orang ramai.

^g Yesus memanggil wanita tersebut sebagai 'Anak-Ku'. Di dalam semua tulisan Injil, dia adalah satu-satunya yang dipanggil sedemikian rupa.

^h Yesus menginginkan wanita tersebut tahu bahawa bukan sentuhan yang memberikannya kesembuhan tetapi iman.

ⁱ Adalah tidak jelas siapakah yang menangisi kematian anak tersebut. Mereka mungkin adalah sanak-saudara, jiran tetangga dan juga penangis profesional yang diupah untuk menangisi di majlis pengebumian.

^j Yesus tidak menginginkan publisiti berkenaan keajaiban yang dilakukan-Nya terutama sekali jika ia berkaitan dengan membangkitan orang daripada kematian. Ia mungkin menghalang pelayanannya kerana orang ramai akan mencari-Nya untuk tujuan yang salah.

**I. Yesus Mengutus Dua Belas Orang Pengikut-Nya (ay. 1-9)**

9 Yesus memanggil dua belas orang pengikut-Nya, lalu Dia memberi mereka kuasa dan wibawa untuk mengusir roh jahat serta menyembuhkan penyakit. ²Setelah itu Dia mengutus mereka pergi menyembuhkan orang sakit dan mengkhabarkan berita tentang bagaimana Allah memerintah. ³Yesus berkata kepada mereka, "Janganlah bawa apa-apa^a untuk perjalanan kamu, baik tongkat, beg sedekah,^b makanan, wang, mahupun dua helai pakaian. ⁴Di mana sahaja kamu disambut, tinggallah di rumah^c itu sehingga kamu meninggalkan kota itu. ⁵Di tempat kamu tidak disambut orang, tinggalkan kota itu dan kebasanlah debu daripada telapak kaki^d kamu sebagai amaran kepada mereka."

⁶Pengikut-pengikut-Nya berangkat, lalu pergi ke semua pekan untuk mengkhabarkan Berita Baik itu dan menyembuhkan orang sakit di mana-mana.

⁷Ketika Herodes^e yang memerintah Galilea, mendengar segala perkara yang sedang berlaku itu, dia bingung kerana ada yang berkata, "Yohanes Pembaptis hidup semula!" ⁸Yang lain berkata bahawa Elia sudah kembali,^f sedangkan ada juga yang berkata bahawa seorang daripada nabi-nabi dahulu kala

sudah hidup semula. ⁹Herodes berkata, "Aku sudah menyuruh orang memancung kepala Yohanes. Tetapi siapakah orang ini? Banyak perkara tentang orang ini sudah aku dengar." Herodes tetap berusaha untuk berjumpa dengan Yesus.

II. Yesus Memberi Makan Lima Ribu Orang (ay. 10-17)

¹⁰Rasul-rasul Yesus kembali kepada Yesus dan menceritakan segala yang sudah dilakukan oleh mereka. Lalu Yesus membawa mereka ke kota Betsaida.^g ¹¹Apabila orang ramai mengetahui hal itu, mereka mengikut Yesus. Yesus menyambut mereka, lalu mengajar mereka tentang Pemerintahan Allah, dan menyembuhkan orang yang minta disembuhkan.

¹²Apabila hari mula senja, dua belas orang pengikut itu datang kepada Yesus dan berkata, "Suruhlah semua orang ini pulang, supaya mereka dapat pergi ke pekan dan kampung di sekitar tempat ini untuk mendapatkan makanan dan mencari tempat bermalam. Tempat ini terpencil."

¹³Tetapi Yesus berkata kepada mereka, "Sebaiknya kamu beri mereka makanan." Mereka menjawab, "Kami hanya mempunyai lima ketul roti dan

**Teropong**

^a Mereka diminta untuk tidak membawa barangan berlebihan (termasuklah bekalan asas) yang mungkin akan menghalang perjalanan. Mereka harus bergantung kepada orang yang akan membuka rumah kepada mereka. Markus 6:7 mengatakan mereka diutus secara berpasangan.

^b Ini adalah sebuah beg yang digunakan untuk membawa bekal dan juga keperluan asas di dalam perjalanan.

^c Yesus mengarahkan murid-murid-Nya untuk menerima hospitaliti dengan terbuka. Hospitaliti adalah sangat penting malah dimestikan pada waktu itu kerana keadaan perjalanan yang buruk dan kurangnya tempat penginapan. Apabila mereka diterima untuk memasuki rumah, mereka harus menetap di sana sehingga mereka meninggalkan kota meskipun sekiranya tempat penginapan yang lebih selesa ditawarkan.

^d Yesus juga mengetahui bahawa misi mereka tidak akan berjalan dengan lancar. Oleh itu Dia mengarahkan mereka bagaimana untuk bertindak sekiranya ia berlaku. Tindakan megebas debu dari telapak kaki diambil daripada idea para rabbi bahawa debu orang bukan Yahudi mampu mengotorkan mereka. Orang Yahudi yang tegas diminta untuk menanggalkan debu di kasut apabila mereka kembali ke Palestin. Para murid Yesus diarahkan untuk megebas debu sebagai kesaksian menentang orang yang menolak mereka. Ia adalah tanda untuk mengumumkan bahawa mereka yang menolak pesanan Allah dianggap sebagai orang luar Kerajaan Allah.

^e Herodes ini adalah Herodes Antipas, anak kepada Herodes Agung (*rujuk Bab 3, nota c*). Dia adalah pemerintah di kawasan Galilea di mana Yesus melakukan kebanyakan daripada pelayanan-Nya. Herodes tertarik dengan laporan yang sampai kepadanya. Tetapi dia bingung akan identiti sebenar Yesus.

^f Terdapat orang Yahudi yang menjangkakan nabi Elia untuk kembali sebelum Mesias untuk menyediakan jalan untuknya (*rujuk Mal 4:5*). Ada juga yang beranggapan bahawa nabi lain akan turut muncul semula.

**Teropong**

^g Terdapat dua Betsaida yang disebut di dalam Alkitab. Salah satu daripadanya adalah sebuah perkampungan di Galilea, di Laut Galilea, rumah kepada Filipus, Andreas dan Petrus (Yohanes 1:44). Betsaida yang dimaksudkan di sini terletak di barat laut persisiran pantai Laut Galilea.

^h Bilangan sebenar adalah lebih daripada 5000 orang kerana wanita dan kanak-kanak tidak disertakan di dalam kiraan.

ⁱ Bakul-bakul ini bersaiz kecil dan digunakan oleh orang Yahudi untuk membawa makanan harian mereka.

dua ekor ikan. Adakah Guru mahu kami pergi membeli makanan untuk orang sebanyak ini?" ¹⁴(Ada kira-kira lima ribu orang lelaki di situ.)^h

Yesus berkata kepada pengikut-pengikut-Nya, "Suruhlah mereka duduk dalam kelompok, kira-kira lima puluh orang sekelompok."

¹⁵Pengikut-pengikut Yesus melakukan suruhan Yesus lalu semua orang pun duduk. ¹⁶Yesus mengambil lima ketul roti dan dua ekor ikan itu. Dia menengadahkan ke langit dan mengucapkan syukur kepada Allah. Kemudian Dia membahagikan roti dan ikan itu, lalu menyerahkannya kepada para pengikut-Nya supaya diberikan kepada orang ramai itu. ¹⁷Semua orang makan sampai kenyang. Setelah itu pengikut-pengikut Yesus mengumpulkan lebih makanan sebanyak dua belas buah bakul.ⁱ

II. Pengakuan Petrus tentang Yesus (ay. 18-27)

¹⁸Pada suatu hari, ketika Yesus sedang berdoa sendirian, pengikut-pengikut-Nya datang kepada-Nya. Yesus bertanya kepada mereka, "Menurut orang ramai, siapakah Aku ini?"

¹⁹Mereka menjawab, "Ada yang berkata Yohanes Pembaptis.^j Ada juga yang berkata Elia.^k Tetapi yang lain berkata salah seorang nabi dahulu kala yang sudah hidup semula."

²⁰"Tetapi menurut kamu siapakah Aku ini?" tanya Yesus. Petrus menjawab, "Guru ialah Kristus, Penyelamat^l yang diutus oleh Allah." ²¹Dengan tegas Yesus berkata kepada pengikut-pengikut-Nya, "Jangan ceritakan hal itu kepada sesiapa pun."^m ²²Dia berkata juga, "Anak Manusia mesti mengalami banyak penderitaan, serta ditentang oleh para pemimpin masyarakat,ⁿ ketua imam,^o dan guru Taurat.^p Dia akan dibunuh, tetapi pada hari ketiga Dia akan dibangkitkan."^q

²³Setelah itu Dia berkata kepada orang ramai, "Sesiapa yang hendak mengikut Aku mesti melupakan kepentingan sendiri, memikul salib^r tiap-tiap hari dan mengikut Aku. ²⁴Sesiapa yang mempertahankan hidupnya akan kehilangan hidup yang sejati, tetapi sesiapa yang mengorbankan hidup untuk-Ku, akan mendapat hidup yang sejati. ²⁵Apa gunanya jika seorang memiliki seluruh dunia ini, tetapi kehilangan hidup yang sejati ataupun dihukum? ²⁶Jika seseorang malu mengakui Aku dan ajaran-Ku, maka Anak Manusia juga akan malu mengakui orang itu apabila Dia datang kelak dengan kemuliaan-Nya dan dengan kemuliaan Bapa serta kemuliaan malaikat-malaikat yang suci! ²⁷Ketahuilah, ada beberapa orang di sini yang tidak akan meninggal, sebelum melihat Allah memerintah."



Mari Fikir Sejenak

Kita sering berfikir yang kita tidak mempunyai banyak perkara untuk dipersembahkan kepada Allah, bukan? Ada yang menganggap diri tidak cukup pintar, berbakat, dsbnya.

Murid-murid Yesus juga tidak mempunyai banyak untuk dipersembahkan. Apa yang mereka miliki hanyalah lima buku roti dan dua ekor ikan. Akan tetapi, apabila mereka menyerahkannya kepada Yesus, Dia mampu menggandakannya untuk memberkati ramai orang.



Suatu Pegangan Hidup

Tidak penting betapa banyak ataupun sedikit milik anda. Bawalah semuanya kepada Allah dan lihatlah keajaiban yang Dia mampu lakukan dengan persembahan anda!




^j Laporan yang dibawa oleh para murid menyerupai laporan yang sampai kepada Herodes (*rujuk ayat 7-8*).

^k *Rujuk nota f.*

^l Petrus adalah jurucakap bagi murid-murid Yesus. Di

dalam terjemahan lain, ia ditulis sebagai 'Kristus Allah'. Ia merujuk kepada Penyelamat yang dinanti-nantikan oleh orang Yahudi selama berkurun lamanya. Dia akan mengembalikan kerjaan Daud dan menghalau penjajah, iaitu Roma. Perkataan 'Allah' menekankan bahawa Yesus diutus oleh Allah.

^m Orang ramai mempunyai idea yang salah tentang Mesias dan harus diajar dengan lebih lanjut sebelum Yesus mampu menunjukkan identiti sebenar kepada orang ramai. Yesus mempunyai jadual yang sangat genting dan ia tidak boleh diganggu oleh reaksi yang salah.

ⁿ Mereka adalah ahli kepada Majlis Agama, mahkamah agung Yahudi (*rujuk 'Majlis Agama', ms 13*). Mereka berasal daripada keluarga yang berpengaruh di Yerusalem. Kebanyakannya adalah ketua Rumah, ketua suku dan juga imam. Sebilangan besar daripada mereka, seperti ketua imam, adalah orang Saduki.

^o Ketua imam akan merujuk kepada Imam Agung yang sedang berkuasa, iaitu mereka yang pernah menjawat jawatan imam agung dan ahli kepada keturunan keluarga di mana imam-imam agung dilantik. Golongan bangsawan imamat adalah golongan pemimpin-pemimpin di dalam komuniti dan juga Majlis Agama. Imam Agung adalah orang yang berkuasa di atas Majlis Agama. Mereka semua mengetuai ibadat yang dilakukan di dalam Rumah Tuhan di Yerusalem (*rujuk 'Orang Saduki', ms. 15*). Mereka semua datang daripada golongan Saduki.

**IV. Yesus Dipermuliakan (ay. 28-36)**

²⁸Kira-kira seminggu setelah Yesus mengatakan perkara-perkara itu,⁵ Dia membawa Petrus, Yohanes, dan Yakobus⁶ ke sebuah bukit⁷ untuk berdoa. ²⁹Sedang Yesus berdoa, wajah-Nya berubah dan pakaian-Nya menjadi putih berkilauan.⁸ ³⁰Tiba-tiba dua orang bercakap dengan Dia; mereka Musa dan Elia.⁹ ³¹Mereka kelihatan bersinar-sinar dengan cahaya dari syurga. Mereka berkata-kata dengan Yesus tentang bagaimana Yesus akan segera memenuhi rancangan Allah dengan kematian-Nya di Yerusalem. ³²Pada waktu itu Petrus dan kawan-kawannya tidur nyenyak. Tetapi mereka terjaga dan nampak kemuliaan Yesus serta dua orang yang berdiri dengan-Nya. ³³Ketika dua orang itu hendak meninggalkan Yesus, Petrus

berkata kepada-Nya, “Guru, sungguh baik kami di sini. Kami akan mendirikan tiga buah khemah:^x satu untuk Guru, satu untuk Musa, dan satu lagi untuk Elia.” (Sebenarnya Petrus tidak mengetahui apa yang dikatakannya.)

³⁴Sementara Petrus berkata demikian, awan datang lalu meliputi mereka, sehingga mereka takut. ³⁵Dari awan itu terdengar suara berkata, “Inilah Anak-Ku yang telah Aku pilih. Dengarkan kata-kata-Nya!”

³⁶Apabila suara itu berhenti berkata-kata, mereka melihat Yesus seorang diri di situ. Pengikut-pengikut-Nya tidak berkata apa-apa tentang semuanya itu. Pada waktu itu mereka tidak memberitahu sesiapa pun apa yang telah dilihat oleh mereka.

^p Tiga golongan ini - ketua masyarakat, ketua imam dan guru Taurat membentuk Majlis Agama yang mewakili kepimpinan Yahudi di Yerusalem.

^q Setelah diakui sebagai Kristus oleh para murid-Nya, kini Yesus memberitahu mereka tentang penderitaan yang akan dilalui-Nya. Mereka harus mempelajari bahawa Dia adalah Mesias yang ‘menderita’ dan bukannya ‘menakluki’. Ini adalah kali pertama (daripada empat insiden) di mana Yesus mengatakan tentang penderitaan dan kematian-Nya yang sudah diramal dengan jelas – ia juga dikenali sebagai minggu penderitaan Kristus.

^r Orang Yahudi sedia maklum tentang penyaliban. Ini kerana kebanyakan daripada mereka pasti pernah melihat orang Yahudi lain disalibkan oleh kerajaan Roma. Mereka yang datang dari daerah Galilea telah menyaksikan penyaliban beratus kali di kawasan mereka. Orang Roma memaksa mereka yang disabit hukuman bunuh untuk memikul salib ke tempat penyaliban. Memikul salib setiap hari bermaksud untuk mati kepada keinginan sendiri dan menjalani hidup untuk Kristus.



Salib adalah lambang penderitaan dan kematian. Apakah maksudnya kepada anda untuk memikul salib setiap hari, iaitu mati kepada keinginan diri sendiri dan mengikuti Yesus?

**Teropong**

^s Lukas menekankan kepentingan kata-kata Yesus dan menunjukkan bahawa babak yang menyusul akan menjelaskan ajaran Yesus tentang misi-Nya sebagai Mesias yang menderita.

^t Ketiga-tiga orang murid ini turut bersama dengan Yesus sewaktu anak Yairus disembuhkan (rujuk 8:51).

^u Lukas tidak menamakan bukit (ataupun gunung, seperti yang diterjemahkan di dalam versi lain) tersebut. Para sarjana mempercayai bahawa bukit tersebut adalah Gunung Hermon di Siria. Apa yang lebih penting adalah gunung selalunya dikaitkan sebagai tempat perjumpaan di antara Allah dengan individu tertentu dan juga untuk menyatakan rancangan-Nya kepada mereka. Perhatikan juga rujukan kepada Yesus berdoa sebelum Allah menunjukkan Diri-Nya.

^v Silauan putih yang memancar dari pakaian Yesus adalah lambing kepada kemuliaan Syurga.

^w Musa adalah pemberi Hukum Taurat dan Elia adalah seorang nabi agung. Kedua-dua mereka muncul sebagai wakil kepada Hukum Taurat dan Kitab Nabi, Perjanjian Lama Allah. Yesus berbual-bual dengan mereka menunjukkan kesinambungan di antara pekerjaan mereka kepada Allah di masa yang lampau, misi Yesus untuk masa ini dan masa yang akan datang.

^x Versi lain mempunyai perkataan ‘khemah’. Ia merujuk kepada tempat berlindung ataupun pondok sementara, seperti khemah yang didirikan sewaktu Perayaan Pondok Daun. Cadangan Petrus adalah untuk memanjangkan ziarah kedua-dua figura tersebut.

IV. Yesus Menyembuhkan Seorang Anak yang Dirasuk Roh Jahat (ay. 37-45)

³⁷Keesokan harinya Yesus dan ketiga-tiga orang pengikut-Nya turun dari bukit dan orang ramai datang menjumpai Yesus. ³⁸Seorang lelaki dari tengah-tengah orang ramai itu berseru, "Guru, tolonglah lihat anak saya—anak tunggal saya!" ³⁹Apabila roh jahat merasuknya, dia tiba-tiba berteriak dan menderitanya penyakit gila babi sehingga mulutnya berbuih. Roh jahat itu terus-menerus menyakitinya dia dan tidak mahu melepaskannya! ⁴⁰Saya telah meminta pengikut-pengikut Guru mengusir roh jahat itu, tetapi mereka tidak dapat melakukannya."

⁴¹Yesus menjawab, "Hai kamu yang sesat dan tidak percaya! Berapa lamakah harus Aku tinggal bersama-sama kamu dan bersabar terhadap kamu?" Lalu Yesus berkata kepada orang itu, "Bawalah anakmu ke mari."

⁴²Ketika anak itu menghampiri Yesus, roh jahat membanting anak itu ke tanah lalu tubuhnya berkejang-kejang. Yesus mengusir roh jahat itu dan menyembuhkan anak itu, lalu menyerahkannya kembali kepada bapanya. ⁴³Semua orang hairan melihat kuasa Allah yang begitu besar!

Sementara mereka masih terhairan-hairan tentang segala perkara yang dilakukan-Nya, Yesus berkata kepada pengikut-pengikut-Nya, ⁴⁴"Janganlah lupa akan apa yang Aku katakan ini: Anak Manusia akan diserahkan ke dalam kekuasaan manusia."⁴⁵Tetapi pengikut-pengikut-Nya tidak memahami maksud kata-kata itu. Allah merahsiakan hal itu daripada mereka sehingga mereka tidak dapat memahaminya. Tetapi mereka takut bertanya kepada Yesus tentang perkara itu.

V. Siapakah yang Terbesar? (ay. 46-50)

⁴⁶Pertengkaran timbul antara pengikut-pengikut Yesus tentang siapa yang terbesar. ⁴⁷Yesus mengetahui apa yang difikirkan mereka. Oleh itu Dia menyuruh seorang kanak-kanak berdiri di sisi-Nya. ⁴⁸Lalu Dia berkata kepada mereka, "Sesiapa yang menyambut kanak-kanak ini kerana Aku, menyambut Aku. Dan sesiapa yang menyambut Aku, juga menyambut Dia yang mengutus Aku. Sesiapa yang terkecil antara kamu, dialah yang terbesar!"

⁴⁹Yohanes berkata, "Guru, kami nampak seorang mengusir roh jahat dengan nama Guru. Kami melarang dia, kerana dia tidak termasuk golongan kita."

⁵⁰Yesus berkata kepada Yohanes dan pengikut-Nya yang lain, "Jangan larang dia, kerana orang yang tidak melawan kamu berpihak kepada kamu."

VI. Pekan di Samaria Menolak Yesus (ay. 51-56)

⁵¹Apabila sudah dekat masanya Yesus diangkat ke syurga, Dia mengambil keputusan untuk pergi ke Yerusalem.^a ⁵²Dia menyuruh orang pergi terlebih dahulu daripada Dia. Mereka berangkat dan pergi ke sebuah pekan di Samaria^b untuk menyediakan tempat bermalam bagi Yesus. ⁵³Tetapi penduduk pekan itu tidak mahu menerima Yesus, kerana nyata sekali bahawa Yesus sedang menuju ke Yerusalem. ⁵⁴Ketika Yakobus dan Yohanes, pengikut Yesus mengetahui hal itu, mereka berkata, "Tuhan, adakah Tuhan mahu kami meminta api turun dari syurga untuk membinasakan mereka?"

⁵⁵Yesus berpaling lalu memarahi mereka. ⁵⁶Setelah itu Dia dan pengikut-pengikut-Nya pergi ke pekan lain.



Teropong

^y Simptom fizikal yang dijelaskan menyerupai penyakit epilepsi. Akan tetapi, ia tidak bermaksud bahawa semua epilepsi adalah disebabkan oleh kerasukan syaitan.

^z Murid-murid Yesus masih berpegang kepada konsep kerajaan duniawi dan kepentingan status serta posisi di dalamnya. Perbincangan tentang siapakah yang lebih hebat muncul beberapa kali.



Teropong

^a Lukas menekankan kesungguhan Yesus di dalam melengkapkan misi-Nya. Perjalanan ke Yerusalem pada kali ini tidak membawa kepada penyaliban. Ia menandakan permulaan bagi pelayanan Yesus di Yudea, di mana Yerusalem berdiri sebagai ibu kota. Yesus tidak lagi komited kepada pelayanan-Nya di daerah Galilea sebelum ini dan mula melihat ke arah Yerusalem dan juga kayu salib.

^b Orang Samaria sangat membenci dan tidak mesra terhadap orang Yahudi yang berlalu di negeri mereka untuk menghadiri perayaan di Yerusalem. Perjalanan dari Galilea ke Yerusalem memakan masa sekurang-kurangnya tiga hari. Laluan yang digunakan melalui daerah Samaria. Orang Samaria enggan memberikan tempat bermalam kepada orang Yahudi. Ini kerana mereka enggan mengakui bahawa Yerusalem adalah pusat yang sah untuk menyembah Allah. Disebabkan perkara ini, orang Yahudi selalunya mengikuti jalan di timur sungai Yordan.

**VII. Harga Mengikut Yesus (ay. 57-62)**

⁵⁷Sedang mereka meneruskan perjalanan, datanglah seseorang berkata kepada Yesus, “Saya bersedia mengikut tuan ke mana sahaja tuan pergi!”

⁵⁸Yesus menjawab, “Serigala mempunyai lubang dan burung mempunyai sarang, tetapi Anak Manusia tidak mempunyai tempat untuk berbaring dan berehat.” ⁵⁹Lalu Dia berkata pula kepada seorang lain, “Ikutlah Aku.” Tetapi orang itu berkata, “Tuan, benarkan saya balik untuk mengubumikan jenazah bapa saya dahulu.”

⁶⁰Yesus menjawab, “Biarlah orang mati^c menguburkan orang mati mereka sendiri. Tetapi kamu, pergilah khabarkan berita bahawa Allah sudah mula memerintah.”

⁶¹Seorang lain pula berkata, “Tuan, saya mahu mengikut tuan, tetapi benarkan saya balik dahulu untuk mengucapkan selamat tinggal kepada keluarga saya.”

⁶²Yesus berkata kepadanya, “Orang yang mula membajak,^d tetapi selalu menoleh ke belakang, tidak layak menikmati Pemerintahan Allah.”

I. Yesus Mengutus Tujuh Puluh Dua Pengikut (ay. 1-24)

10 Kemudian Yesus memilih tujuh puluh dua^a orang pengikut pula. Dia mengutus mereka berduadua, dan pergi mendahului Dia ke tiap-tiap kota dan tempat yang akan dikunjungi-Nya. ²Yesus berkata kepada mereka, “Tuaian sungguh banyak, tetapi yang menuai hanya sedikit. Berdoalah kepada Pemilik tuaian supaya Dia menghantar orang untuk menuai tuaian-Nya. ³Pergilah! Aku mengutus kamu seperti domba ke tengah-tengah serigala. ⁴Jangan bawa domet,^b atau beg sedekah, ataupun kasut.^c Jangan berhenti di tengah jalan^d untuk memberikan salam kepada sesiapa pun. ⁵Apabila kamu masuk ke dalam sebuah rumah, lebih dahulu katakanlah, ‘Semoga sejahteralah rumah ini.’ ⁶Jika orang yang tinggal di situ suka akan kedamaian, salam sejahtera kamu itu tetap padanya. Jika tidak, batallah salam sejahtera itu. ⁷Tinggallah di rumah itu dan makan minum apa sahaja yang dihidangkan, kerana seorang pekerja layak menerima upah. Jangan pindah dari satu rumah ke rumah yang lain. ⁸Apabila kamu masuk ke dalam

**Teropong**

^c Ia merujuk kepada ‘mereka yang mati secara rohani’ menguburkan mereka yang mati secara fizikal. Ini tidak bermaksud bahawa si ayah telah meninggal dunia, kerana dia pasti berada di rumah untuk membantu persiapan pengebumian. Dia mungkin bermaksud bahawa ayahnya sudah tua ataupun uzur dan dia ingin menunggu sehingga kematian ayahnya; mungkin bertahun lamanya lagi. Yesus berkata bahawa mereka yang hidup secara rohani akan sibuk mengistiharkan Kerajaan Allah.

^d Adalah penting bagi seorang petani yang sedang membajak tanah untuk memberikan perhatian kepada alur di hadapannya. Dia harus mengawal bajak dengan tangan kiri sambil memimpin kerbau dengan tangan kanan. Jika dia memalingkan perhatiannya, dia akan mendapat alur yang pincang.

**Mari Fikir Sejenak**

- Adakah anda mendapati diri anda juga memberikan pelbagai alasan untuk tidak mengikut Yesus dengan bersungguh-sungguh?
- Mengapakah anda mendapatinya sukar untuk mengikut Yesus (jika jawapan anda untuk soalan di atas adalah ‘Ya’)?
- Adakah anda ingin melakukan itu (mengikut Yesus) sekarang?

**Teropong**

^a Insiden ini hanya dicatatkan oleh Lukas. Panduan yang Yesus berikan menyerupai dengan yang diberikan-Nya kepada 12 orang Murid sewaktu mereka diutus untuk kali yang pertama (*rujuk 9:1-6*). Beberapa manuskrip mempunyai ‘70 orang lelaki’.

^b Ia adalah kantung wang (*rujuk Bab 9, nota b*). Mereka harus berjalan dengan ringan, tanpa barangan berat yang akan menghalang.

^c Ini bukan bermaksud bahawa mereka harus berkaki ayam tetapi mereka tidak harus membawa sepasang selipar tambahan, alas kaki yang lazim mereka pakai.

^d Kata salam yang diamalkan di kawasan ini adalah panjang. Yesus meminta mereka untuk tidak berhenti di sepanjang perjalanan bagi menziarahi dan berbalas kata salam yang panjang. Misi mereka adalah amat genting.

^e Sodom, bersama-sama dengan Gomorah, telah dimusnahkan kerana dosa penduduknya (Kej 18:20; 19:24). Walaupun Sodom dipenuhi dengan dosa sehingga ia dimusnahkan oleh Allah, mereka sepatutnya lebih bertanggungjawab kerana mendengar Injil Kerajaan Allah tetapi mereka menolaknya pula.

^f Korazin dan Betsaida (kampung halaman Andreas dan Petrus) terletak di utara Laut Galilea berdekatan dengan Kapernaum di mana Yesus menumpukan pelayanan-Nya.

^g Tirus dan Sidon adalah kota orang bukan Yahudi yang terletak di Fenisia, utara Galilea. Ia sering dikutuk oleh para nabi di dalam Perjanjian Lama kerana menyembah



sebuah kota lalu kamu disambut, makanlah apa yang dihidangkan. ⁹Sembuhkanlah orang sakit di kota itu, dan kepada penduduk di situ katakanlah, 'Tidak lama lagi Allah akan memerintah di tengah-tengah kamu.' ¹⁰Tetapi jika kamu masuk ke dalam sebuah kota lalu di situ kamu tidak disambut, pergilah ke jalan raya dan berkata, ¹¹'Bahkan debu kota kamu yang melekat pada kaki, kami bebaskan sebagai amaran kepada kamu. Tetapi ketahuilah bahawa tidak lama lagi Allah akan memerintah di tengah-tengah kamu!' ¹²Ingatlah bahawa pada Hari Pengadilan kelak, Allah akan lebih mengasihani penduduk kota Sodom^e daripada penduduk kota itu!"

¹³"Malanglah kamu, hai penduduk kota Korazin!^f Malanglah kamu, hai penduduk kota Betsaida! Jika semua mukjizat yang dilakukan di kalangan kamu itu telah dilakukan di Tirus dan Sidon,^g pasti penduduk di sana sudah lama mengenakan kain guni^h dan menaruh abu di atas kepala untuk membuktikan bahawa mereka sudah bertaubat daripada dosa! ¹⁴Pada Hari Pengadilan kelak Allah akan lebih mengasihani penduduk kota Tirus dan Sidon daripada kamu! ¹⁵Dan kamu, hai penduduk kota Kapernaum!ⁱ Kamu fikir kamu akan ditinggikan sampai ke syurga? Tidak! Kamu akan dibuang ke neraka!"

¹⁶Yesus berkata kepada pengikut-pengikut-Nya, "Orang yang mendengar kata-kata kamu, mendengar kata-kata-Ku juga. Tetapi orang yang menolak kamu, menolak Aku juga. Orang yang menolak Aku, juga menolak Dia yang mengutus Aku."

¹⁷Tujuh puluh dua orang pengikut itu kembali

dengan kegembiraan yang besar. "Tuhan," kata mereka, "roh-roh jahat pun taat kepada kami apabila kami memberikan perintah dengan nama Tuhan!"

¹⁸Yesus berkata kepada mereka, "Aku nampak Iblis jatuh dari langitⁱ seperti kilat. ¹⁹Dengarlah! Aku sudah memberikan kuasa kepada kamu supaya dapat memijak ular dan kala jengking^k serta mengalahkan segala kekuatan musuh. Tiada apa-apa pun dapat mencederakan kamu. ²⁰Tetapi janganlah bersukacita kerana roh-roh jahat taat kepada kamu, sebaliknya bersukacitalah kerana nama kamu tercatat di syurga."^l

²¹Pada waktu itu Yesus bersukacita kerana dipenuhi oleh Roh Allah, lalu berkata, "Ya Bapa, Tuhan langit dan bumi! Aku bersyukur kepada-Mu kerana kepada orang yang tidak terpelajar Engkau telah menunjukkan apa yang Engkau rahsiakan daripada orang yang bijak dan pandai. Ya Bapa, perkara itulah yang menyenangkan hati Bapa."

²²Bapa-Ku sudah menyerahkan segala sesuatu kepada-Ku. Tidak seorang pun mengenal Anak kecuali Bapa, dan tidak seorang pun mengenal Bapa kecuali Anak serta mereka yang diberitahukan oleh Anak tentang Bapa."

²³Lalu Yesus berpaling kepada pengikut-pengikut-Nya dan berkata kepada mereka, "Alangkah berbahagianya kamu kerana dapat melihat apa yang kamu lihat sekarang ini! ²⁴Ketahuilah bahawa banyak nabi dan raja mahu melihat apa yang kamu lihat sekarang ini tetapi tidak dapat, dan mahu mendengar apa yang kamu dengar sekarang ini tetapi juga tidak dapat."

Baal. Yesus mengatakan bahawa kedua-dua kota ini yang dahulunya menentang Allah dan umat-Nya dengan angkuh pasti akan bertaubat sekiranya melihat pekerjaan Yesus.

^h Kain guni adalah bahan kasar berwarna hitam yang diperbuat daripada bulu unta dan dipakai untuk meluahkan perasaan sedih, sebagai tanda kehilangan akibat kematian ataupun pertaubatan. Debu dijadikan simbol pertaubatan ataupun rasa sedih.

ⁱ Kapernaum bukan sahaja menjadi pangkalan pelayan Yesus tetapi Dia juga telah melakukan banyak keajaiban di sana. Oleh itu, penghakiman ke atas mereka disebabkan keangkuhan menolak Yesus akan menjadi lebih berat.

^j Apabila murid-murid Yesus menghalau syaitan, kuasa kejahatan digoncang, menunjukkan kekalahan bagi Iblis sendiri.

^k Perkataan 'ular dan kala jengking' tidak harus diambil secara bulat-bulat. Ia mungkin merujuk kepada roh jahat. Murid-murid Yesus diberikan kewibawaan ke atas roh jahat dan juga Iblis sendiri. Tidak ada yang mampu menyakiti mereka kerana Allah memberikan mereka perlindungan.

^l Idea yang mengatakan nama-nama umat Allah yang setia akan ditulis di dalam buku di syurga sering didapati di dalam tulisan Alkitab (Kel 32:32-33; Dan 12:1). Sebab sebenar bagi kegembiraan mereka tidak seharusnya disebabkan oleh kemenangan ke atas roh jahat tetapi kerana nama mereka dicatatkan di syurga. Keselamatan manusia adalah lebih penting daripada kuasa untuk mengalahkan si jahat.



II. Perumpamaan tentang Orang Samaria yang Baik Hati (ay. 25-37)

²⁵Kemudian seorang guru Taurat datang untuk memerangkap Yesus. Dia bertanya, “Guru, apakah yang harus saya lakukan supaya mendapat hidup sejati dan kekal?”

²⁶Yesus menjawab, “Apakah yang tertulis di dalam Alkitab? Bagaimana tafsiranmu?”

²⁷Orang itu menjawab, “Kasihilah Tuhan Allahmu dengan sepenuh hatimu, dengan segenap jiwamu, dengan segala kekuatanmu, dan dengan seluruh akalmu^m; dan ‘Kasihilah sesama manusia seperti kamu mengasihinya dirimu sendiri.’ⁿ”

²⁸Yesus berkata kepadanya, “Jawapanmu itu benar. Berbuatlah demikian, dan kamu akan mendapat hidup sejati dan kekal.”

²⁹Tetapi guru Taurat itu hendak membela diri, lalu bertanya, “Siapakah sesama saya?”

³⁰Yesus menjawab,^o “Seorang lelaki turun dari Yerusalem dan pergi ke Yerikho.^p Di tengah perjalanan, dia diserang penyamun. Mereka merompak dan memukul dia setengah mati, lalu meninggalkannya di tepi jalan. ³¹Kebetulan pada masa itu seorang imam^q lalu di situ. Apabila dia melihat orang itu, dia

menyeberang jalan dan meneruskan perjalanan.

³²Demikian juga seorang Lewi^r lalu di situ. Dia mendekati orang itu untuk melihatnya, lalu menyeberang jalan dan meneruskan perjalanan. ³³Tetapi seorang Samaria^s yang sedang lalu di situ, tiba di tempat orang itu terbaring. Ketika dia melihat orang itu, hatinya penuh belas kasihan. ³⁴Maka dia mendekatinya lalu membersihkan luka-lukanya dengan wain dan mengubatnya dengan minyak. Selepas itu dia membalut luka-lukanya dan menaikkan orang itu ke atas haiwan tunggangannya sendiri. Dia membawa orang itu ke rumah tumpangan dan merawat dia di situ. ³⁵Keesokan harinya orang Samaria itu memberikan dua keping wang perak^t kepada tuan rumah tumpangan itu dan berkata kepadanya, ‘Rawatlah dia, dan sekiranya wang ini tidak cukup, saya akan membayarnya apabila saya kembali ke sini.’”

³⁶Lalu Yesus mengakhiri ceritanya dengan bertanya, “Menurut pendapatmu, di antara ketiga-tiga orang itu, siapakah yang menjadi sesama orang yang dirompak^v itu?”

³⁷Guru Taurat itu menjawab, “Orang yang menunjukkan belas kasihan kepadanya.” Yesus berkata pula, “Pergilah dan berbuatlah demikian!”



Teropong

^m Kata-kata ini dipetik daripada Ulangan 6:5. Ia adalah petikan yang membentuk hidup asas orang Yahudi dan juga penyembahan mereka di dalam rumah, Rumah Ibadat dan juga Rumah Tuhan.

ⁿ Dipetik daripada Imamat 19:18.

^o Perumpamaan orang Samaria yang baik hanya terdapat di dalam Injil Lukas.

^p Jarak di antara Yerusalem ke Yerikho adalah lebih kurang 24 kilometer (15 batu). Ia terletak berdekatan dengan sungai Yordan di utara Laut Galilea. Jalanraya melalui kawasan berbatu yang berliku-liku di mana para perompak boleh bersembunyi dengan mudah dan menyerang para pengembara. Ia dianggap sebagai jalan yang sangat merbahaya.

^q Para imam berkhidmat di dalam Rumah Tuhan. Tugas utama mereka adalah untuk mempersembahkan korban.

^r Orang Lewi memberikan khidmat bantuan di dalam tata-tertib Rumah Tuhan.

^s Adalah penting untuk memerhatikan Yesus memuji orang asing yang dibenci dan bukan mereka yang melayani Allah. Orang Yahudi menganggap bangsa Samaria sebagai kacukan, sama ada secara fizikal dan juga rohani (*rujuk ‘Orang Samaria’, ms 16*). Orang Samaria bermusuhan dengan orang Yahudi. Bagi orang Yahudi, tidak wujud ‘orang Samaria yang baik’.

^t Ini merujuk kepada dinar Roma (*Rujuk Bab 7:41*). Ia adalah gaji untuk dua hari bekerja, ia mampu menampung seseorang untuk menginap selama dua bulan di dalam rumah tumpangan.

^v Soalan yang diajukan oleh guru Taurat kini diterbalikkan oleh Yesus dan menjadi “Siapakah yang membuktikan dirinya sebagai jiran yang baik?”



Siapakah ‘jiran’ anda?

Apakah cara untuk anda meluahkan kasih sayang kepada ‘jiran’ anda?



III. Yesus Melawat Marta dan Maria (ay. 38-42)

³⁸Kemudian Yesus dan pengikut-pengikut-Nya meneruskan perjalanan, lalu tiba di sebuah pekan.^v Di situ seorang wanita bernama Marta menjemput Yesus ke rumahnya. ³⁹Marta mempunyai seorang saudara perempuan bernama Maria.^w Maria duduk dekat kaki Tuhan untuk mendengarkan ajaran-Nya. ⁴⁰Tetapi Marta gelisah kerana banyak kerja yang harus dilakukannya. Marta menghampiri Yesus dan berkata, “Ya Tuhan, tidakkah Tuhan peduli bahawa Maria membiarkan aku sibuk seorang diri? Suruhlah dia tolong aku!”

⁴¹Tuhan menjawab, “Marta, Marta! Kamu sibuk serta khawatir akan banyak perkara, ⁴²tetapi hanya satu yang mustahak! Maria sudah memilih perkara baik, yang tidak akan diambil daripadanya.”

I. Ajaran Yesus tentang Doa (ay. 1-13)

11 Pada suatu hari, Yesus berdoa di suatu tempat. Setelah Dia berdoa, salah seorang pengikut-Nya berkata kepada-Nya, “Ya Tuhan, ajarlah kami berdoa sebagaimana Yohanes mengajar pengikutnya berdoa.”

²Yesus berkata kepada mereka,^a “Berdoalah demikian,

“Ya Bapa,^b Engkaulah Allah yang Esa.

Semoga Engkau disembah dan dihormati.^c

Engkaulah Raja kami.

Semoga Engkau memerintah di bumi.^d

³ Berilah kami makanan^e yang kami perlukan setiap hari.

⁴ Ampunkanlah dosa kami, kerana kami pun



Teropong

^v Tempat ini bernama Betania, kira-kira 3 kilometer (2 batu) dari Yerusalem (*Rujuk Yoh 11:1*).

^w Maria mengambil peranan sebagai seorang murid, duduk di kaki Yesus dan mendengar pengajaran-Nya. Adalah tidak lazim bagi seorang wanita Yahudi di kurun yang pertama untuk diterima sebagai murid oleh seorang guru. Kita melihat sekali lagi kedudukan kaum wanita di mata Yesus. Dia menghancurkan semua halangan sosial dengan membenarkan mereka menjadi murid-murid-Nya.



Mari Fikir Sejenak

Sangat mudah bagi kita untuk menjadi ‘Marta’ bukan? Hidup adalah sangat huru-hara bagi seorang remaja, dengan pelajaran, aktiviti sekolah, gereja, kelas tuition dan lain-lain!!

Adakah anda mengambil masa setiap hari untuk duduk di kaki Yesus dan belajar daripadanya, berbual ataupun berehat di dalam hadirat-Nya agar hubungan anda dengan Yesus mampu dikuatkan?

Jika ya, bagus! Teruskan! Jika tidak, anda boleh bermula hari ini. Pilih waktu yang sesuai untuk bertemu dengan Allah setiap hari dan catatkannya.



Suatu Pegangan Hidup

Carilah seorang kawan untuk mengawasi anda. Apabila anda meluangkan masa bersama Allah, anda akan menyedari betapa hebatnya perbezaan yang akan berlaku di dalam hidup anda!



Teropong

^a Sekali lagi kita dapat melihat Yesus mengasingkan diri untuk berdoa bersendirian. Amalan ini turut disedari oleh para murid-Nya. Oleh kerana kagum, salah seorang daripada mereka meminta agar Yesus mengajar cara berdoa yang betul. Para pemimpin agama pada zaman itu selalunya mengajar pengikut mereka bagaimana untuk berdoa. Murid-murid Yesus ingin mendapatkan sesuatu yang akan membezakan mereka daripada orang lain, seperti yang dilakukan oleh Yohanes kepada murid-muridnya.

^b Yesus baru sahaja menjelaskan kepada murid-murid-Nya (10:22) bahawa tidak ada seorang pun yang mengenali Allah kecuali Anak-Nya dan juga mereka yang dipilih oleh Anak Allah. Kini Dia mengajar mereka bahawa mereka harus memanggil Allah sebagai Bapa, dan demikianlah cara mereka mendekati-Nya di dalam doa.

Perkataan Yunani yang digunakan untuk ‘bapa’ sejajar dengan perkataan Aramia ‘Abba’. Ia adalah istilah yang digunakan oleh seorang kanak-kanak untuk memanggil ayah mereka. Istilah serupa yang kita miliki hari ini adalah ‘abah’, ‘daddy’ ataupun ‘papa’. Walaupun Perjanjian Lama rujuk kepada Allah sebagai Bapa kepada Israel (Ul 32:6; Yes 63:16), untuk memanggil Allah sebagai ‘Bapa’ secara langsung dan intim adalah sesuatu yang tidak akan dilakukan oleh seorang Yahudi. Bukan semua orang adalah anak Allah; hanya mereka yang dijadikan anak angkat melalui Yesus boleh memanggil-Nya Bapa.

^c Terjemahan lain menggunakan ‘dikuduskanlah nama-Mu’. Ia bermaksud ‘ditahbiskan’ ataupun ‘dimuliakan’. Bagi orang Yahudi, nama bukan hanya sekadar label. Ia merumuskan inti seseorang, perwatakan dan kesemua tentang dirinya. Nama Allah merujuk kepada keseluruhan Diri-Nya seperti yang telah dinyatakan. Doa ini meminta Allah untuk bertindak untuk memimpin manusia memuliakan



mengampuni setiap orang^f yang bersalah terhadap kami. Dan janganlah biarkan kami kehilangan iman ketika dicubai.^g”

⁵Yesus berkata kepada pengikut-pengikut-Nya, “Seandainya seorang daripada kamu pergi ke rumah kawannya pada tengah malam, lalu berkata, ‘Hai kawan, pinjami aku tiga ketul roti,^h kerana sahabatku yang sedang dalam perjalanan singgah di rumah, dan aku tidak mempunyai makanan untuk dial!’⁷Seandainya kawanmu itu menjawab dari dalam, ‘Janganlah susahkan aku! Pintu sudah dikunci dan aku dengan anak-anak sudah tidur.’ⁱ Aku tidak dapat bangun dan memberikan apa-apa kepada kamu.”⁸Yesus berkata, “Lalu bagaimana? Ketahuilah, meskipun kamu kawannya, dia tidak mahu bangun dan memberikan roti kepada kamu. Tetapi kerana kamu tidak segan untuk terus-menerus meminta,^j dia akan bangun lalu memberikan apa sahaja yang kamu

perlukan. ⁹Oleh itu Aku berkata kepada kamu: Mintalah^k sesuatu daripada Allah, maka kamu akan menerimanya. Carilah^k sesuatu daripada Allah, maka kamu akan mendapatnya. Ketuklah^k pintu, maka Allah akan membukanya bagi kamu. ¹⁰Hal itu demikian kerana setiap orang yang meminta sesuatu daripada Allah akan menerimanya; setiap orang yang mencari sesuatu daripada Allah akan mendapatnya, dan Allah akan membuka pintu bagi setiap orang yang mengetuknya. ¹¹Siapakah antara kamu selaku bapa akan memberikan ular kepada anaknya ketika dia meminta ikan? ¹²Atau adakah kamu akan memberikan kala jengking ketika dia meminta telur? ¹³Walaupun kamu jahat, kamu tahu memberikan apa yang baik kepada anak-anak kamu, lebih-lebih lagi Bapa yang di syurga! Dia akan memberikan Roh-Nya kepada mereka yang meminta daripada Bapa!”

dan menyembah Dia dan bukannya mengkufuri ataupun berdosa terhadap Dia. Kemuliaan Allah adalah tema bagi doa ini.

^d Umat Allah dipanggil untuk berdoa supaya Kerajaan Allah, subjek tetap di dalam ajaran Yesus akan didirikan. Kerajaan Allah telah didirikan sekarang di dalam hati umat Nya yang telah bertaubat serta menerima rancangan-Nya untuk hidup mereka. Akan tetapi, ia juga masih belum datang sehingga rancangan Allah disempurnakan di seluruh dunia.

^e Kebanyakan terjemahan lain menggunakan perkataan ‘roti’ ataupun ‘makanan’. Maksud bagi perkataan ‘setiap hari’ adalah tidak jelas. Maksud umum yang diterima adalah kita dipanggil untuk mencari Allah setiap masa (kata kerja waktu yang digunakan adalah ‘terus memberi’) dan mempercayai Dia untuk makanan yang mencukupi setiap hari.

^f Yesus bukan bermaksud bahawa dosa kita hanya boleh diampunkan apabila kita memaafkan mereka yang berdosa kepada kita. Perjanjian Baru dengan jelas mengajar bahawa pengampunan datang daripada kasih kurnia Allah, dan bukan ganjaran kepada manusia. Maksudnya adalah kita boleh meminta Allah untuk mengampunkan kita kerana kita juga mengampunkan orang yang berdosa kepada kita. Yesus merujuk kepada pengampunan setiap hari yang diperlukan untuk memulihkan hubungan bersama Allah yang rosak setiap kali kita melakukan dosa.

^g Kebanyakan terjemahan lain mempunyai ‘janganlah membawa kami kepada godaan’. Ini bukan bermaksud bahawa Allah menggoda kita. Firman Allah jelas mengajar (*rujuk Yakobus 1:13*) bahawa Allah tidak menggoda sesiapa. Maksudnya adalah untuk berdoa agar Allah akan melindungi kita daripada cubaan yang lebih parah.

^h Kisah ini berlatarkan sebuah perkampungan kecil yang tidak mempunyai kedai runcit. Setiap rumah akan membakar roti pada awal pagi. Lelaki tersebut mungkin telah menghabiskan bekalannya dan dia tidak mempunyai sebarang makanan untuk diberikan kepada tetamu. Lelaki tersebut harus menyediakan makanan untuk tetamunya kerana hospitaliti adalah satu peranan yang suci. Tiga buku roti kecil adalah sukatan yang mencukupi untuk seorang.

ⁱ Lelaki tersebut pasti sangat miskin. Rumahnya hanya mempunyai sebuah bilik. Seluruh keluarga akan tidur di atas pelantar yang tinggi di satu penjuru rumah manakala haiwan ternakan yang ada akan tidur di atas lantai. Dia tidak mampu berjaga tanpa mengejutkan seluruh ahli keluarganya.

^j Walaupun lelaki tersebut tidak akan membantu, tetapi disebabkan persahabatan mereka, dia tetap memberikan bantuan kerana keberanian dan kecekalan yang tidak kenal malu yang ditunjukkannya.

^k Ketiga-tiga kata kerja, ‘minta’, ‘mencari’, dan ‘mengetuk’ digunakan sebagai kata kerja waktu berterusan. Maksudnya, ia bukanlah tindakan yang dilakukan hanya sekali, tetapi aksi yang berterusan. Seluruh konteks mengajar bahawa Allah memang ingin memberi tetapi jika apa yang kita inginkan tidak membuatkan kita berani dan cekat, doa kita mungkin tidak akan dijawab.



Apakah sikap yang Allah inginkan sewaktu anda datang berjumpa dengan-Nya di dalam doa?



II. Yesus dan Beelzebul (ay. 14-28)

¹⁴Pada suatu hari Yesus mengusir roh jahat daripada seorang bisu.^l Setelah roh jahat itu keluar, orang itu mula bercakap. Orang ramai hairan,^m ¹⁵tetapi ada beberapa orang yang berkata, "Beelzebul,ⁿ ketua semua roh jahat telah memberikan kuasa kepada Yesus untuk mengusir roh jahat."

¹⁶Ada juga orang lain yang hendak memerangkap Yesus. Mereka meminta Yesus melakukan mukjizat untuk membuktikan bahawa Dia datang daripada Allah. ¹⁷Tetapi Yesus mengetahui apa yang difikirkan mereka. Lalu Dia berkata kepada mereka, "Negeri yang berpecah menjadi beberapa bahagian lalu saling bermusuhan, tidak akan tahan lama. Keluarga yang berpecah belah dan saling berlawanan akan hancur."^o ¹⁸Jika kerajaan Iblis mempunyai golongan yang saling berlawanan, bagaimanakah kerajaan itu dapat bertahan? Kamu berkata Aku mengusir roh jahat kerana Aku diberi kuasa oleh Beelzebul. ¹⁹Jika demikian, siapakah yang memberikan kuasa kepada pengikut kamu untuk mengusir roh jahat? Pengikut kamu sendiri membuktikan bahawa pendapat kamu itu salah! ²⁰Aku mengusir roh jahat dengan kuasa Allah dan hal ini membuktikan bahawa Allah sudah mula memerintah di tengah-tengah kamu.^p

²¹Apabila seorang kuat^q yang bersenjata

lengkap, menjaga rumahnya sendiri, semua miliknya akan selamat. ²²Tetapi jika seorang yang lebih kuat menyerang dan mengalahkan dia, orang itu akan merampas semua senjata yang digunakan pemilik itu, lalu membahagi-bahagikan apa yang dicurinya.

²³Orang yang tidak berpihak kepada-Ku sebenarnya melawan Aku, dan orang yang tidak menolong Aku, sebenarnya merosakkan pekerjaan-Ku!"

²⁴"Apabila roh jahat meninggalkan seseorang, roh itu menjelajah tempat yang kering untuk mencari tempat tinggal.^s Jika roh jahat itu tidak dapat menjumpai tempat tinggal, roh itu akan berkata, 'Aku akan balik ke rumah yang telah aku tinggalkan.' ²⁵Ketika roh itu kembali, roh itu mendapati rumah itu bersih dan teratur. ²⁶Lalu roh itu akan pergi memanggil tujuh roh jahat lain yang lebih jahat daripadanya. Kemudian semua roh itu akan memasuki orang itu lalu tinggal di situ.^t Akhirnya keadaan orang itu menjadi lebih buruk daripada dahulu."

²⁷Setelah Yesus berkata demikian, seorang wanita antara orang ramai itu berkata kepada Yesus, "Alangkah bahagianya wanita yang melahirkan dan menyusui kamu!"

²⁸Tetapi Yesus menjawab, "Lebih bahagia lagi orang yang mendengar firman Allah dan melakukannya!"^u



Teropong

^l Iblis yang merasuk menyebabkan lelaki tersebut tidak mampu untuk bercakap.

^m Sekali lagi orang ramai menjadi kagum kepada kuasa Yesus. Akan tetapi, kekaguman mereka tidak semestinya bermaksud mereka mempercayai Dia. Ada yang mengaitkan kuasa-Nya dengan Iblis. Terdapat juga yang menolak Yesus dan meminta Dia untuk menunjukkan keajaiban yang lebih hebat untuk memerangkap Dia.

ⁿ Asal istilah Beelzebul adalah tidak diketahui. Perjanjian Baru merujuk kepadanya sebagai putera syaitan dan selalunya dikaitkan kepada Iblis sendiri.

^o Maksud Yesus adalah jika Iblis memberi-Nya kuasa untuk melawan syaitan, ini bermakna Iblis merancang untuk melawan dirinya sendiri.

^p Yesus mengembalikan tuduhan yang dilemparkan kepada-Nya dengan berkata jika Dia menggunakan kuasa Iblis maka pengikut-Nya juga akan berbuat perkara yang sama. Akan tetapi mereka mendakwa untuk menggunakan kuasa Allah, dan begitu juga dengan Yesus. Keajaiban yang dilakukan-Nya di dalam menghalau roh jahat adalah satu tanda bahawa Kerajaan Allah telah datang ke atas mereka di dalam Yesus Kristus. Hadirat Kerajaan Allah boleh dilihat di dalam kuasa Yesus menghalau kuasa jahat. Mereka tidak memerlukan tanda-tanda yang lain. Penyembuhan orang yang bisu adalah sebuah tanda tetapi mereka tidak mengakuinya.

^q Yesus menekankan hujah-Nya dengan menggunakan sebuah perumpamaan tentang Iblis sebagai 'orang kuat' yang mengawal harta bendanya, iaitu lelaki yang dirasuknya. Apabila Yesus, orang yang lebih kuat mengalahkannya, seperti yang telah dilakukan-Nya, kuasa iblis di atas harta bendanya telah dihapuskan.

^r Tidak ada sesiapa pun yang boleh berdiri di atas pagar di dalam hal ini. Apabila seseorang melihat maksud Kerajaan Allah, dia harus turut serta ataupun menentanginya. Mereka yang tidak berada di sisi Yesus untuk menentang kejahatan adalah musuh. Gambaran 'menolong' dan 'merosakkan' adalah seperti mengumpulkan dan menceraikan kawan-kawan haiwan.

^s Padang gurun adalah tempat terkenal yang dikaitkan dengan kawasan roh jahat berkeliaran.

^t Rumah tersebut telah dibersihkan tetapi dibiarkan tidak berpenghuni. Apabila seseorang menghalau roh jahat tetapi tidak mengisi ruang kosong yang ada, dia berada di dalam bahaya akan lebih banyak kejahatan untuk memasuki hidupnya. Kemenangan ke atas kejahatan harus bermaksud bahawa kejahatan digantikan dengan hadirat Allah di dalam hidup seseorang.

^u Yesus tidak menolak berkat spontan yang diberikan untuk ibu-Nya kerana melahirkan dan membesarkan Dia. Tetapi dia menunjukkan mereka sesuatu yang lebih penting – bahawa mereka yang diberkati adalah mereka yang mempunyai sikap yang benar kepada Firman Allah, mendengar serta mematuhinya.

**III. Yesus Mencela Orang Farisi dan Guru Taurat (ay. 37-54)**

³⁷Setelah Yesus berkata demikian, seorang Farisi menjemput Yesus makan di rumahnya. Yesus pergi ke situ lalu mulai makan. ³⁸Orang Farisi itu hairan melihat Yesus makan dengan tidak membasuh tangan terlebih dahulu.^e ³⁹Oleh itu Tuhan berkata kepadanya, “Memang kamu orang Farisi biasanya membersihkan bahagian luar cawan dan pinggan, tetapi hati kamu penuh dengan kekerasan^f dan kejahatan. ⁴⁰Kamu bodoh! Bukankah Allah yang menjadikan bahagian luar, juga menjadikan bahagian dalam? ⁴¹Berikan apa yang ada di dalam cawan dan pinggan kamu kepada orang miskin. Jika kamu berbuat demikian, kamu dan milik kamu akan menjadi bersih.^g

⁴²Malanglah kamu orang Farisi!^h Kamu memberikan sepersepuluh daripada selasih, inggu, dan herba lainⁱ kepada Allah, tetapi kamu mengabaikan keadilan, dan kasih kepada Allah. Perkara-perkara itulah yang seharusnya kamu lakukan tanpa mengabaikan kewajipan yang lain.

⁴³Malanglah kamu orang Farisi! Kamu suka akan

tempat duduk khas di dalam rumah ibadat^j dan kamu suka dihormati di pasar.^k ⁴⁴Malanglah kamu! Kamu seperti kubur tidak bernisan,^l yang dipijak-pijak orang tanpa disedari.”

⁴⁵Salah seorang guru Taurat berkata kepada Yesus, “Guru, apabila guru berkata begitu, guru menghina kami juga!”

⁴⁶Yesus menjawab, “Malanglah kamu guru Taurat! Kamu meletakkan beban yang berat ke atas bahu orang lain,^m tetapi kamu sendiri tidak mahu menghulurkan satu jari pun untuk menolong mereka memikul beban itu. ⁴⁷Malanglah kamu! Kamu membina kubur yang elok-elok untuk para nabiⁿ yang dibunuh oleh nenek moyang kamu. ⁴⁸Dengan tindakan itu, kamu menyetujui perbuatan nenek moyang kamu. Mereka membunuh nabi-nabi itu dan kamu membuat kubur bagi para nabi itu. ⁴⁹Itulah sebabnya Kebijaksanaan Allah^o berkata, ‘Aku akan mengutus nabi dan utusan kepada mereka, tetapi ada yang akan dibunuh dan ada yang akan dianiaya!’ ⁵⁰Demikianlah orang zaman ini akan dihukum kerana pembunuhan semua nabi sejak dunia

**Teropong**

^e Perkara ini tidak berkaitan dengan kebersihan tetapi dengan kesucian secara istiadat. Sebelum menyantap makanan, orang Yahudi akan menuang air ke atas tangan untuk menanggalkan sebarang kekotoran yang diakibatkan daripada sentuhan dengan dunia yang berdosa. Kualiti air dan kaedah membasuh ditulis dengan sangat terperinci. Orang Farisi menjangkakan bahawa Yesus, seorang guru agama, akan mematuhi amalan ini.

^f Terjemahan lain menggunakan perkataan ‘tamak’, bukan ‘keras’.

^g Jika orang Farisi dapat melawan ketamakan mereka, iaitu bersih secara dalaman, maka mereka akan benar-benar menjadi bersih, dan penyucian ritual tidak lagi diperlukan.

^h Yesus kemudian menyentuh amalan lain orang Farisi yang menekankan penjagaan luaran semata-mata. Kebanyakan terjemahan mempunyai perkataan ‘celaka’ untuk ‘malang’.

‘Celaka’ adalah sebuah luahan untuk penyesalan dan bukan dendam. Yesus menunjukan tiga celaka buat orang Farisi secara umum, dan tiga lagi kepada guru Taurat. Celaka yang pertama ditujukan kepada orang Farisi untuk amalan memberikan sepersepuluh yang hanya berbentuk luaran.

ⁱ Amalan mengasingkan sepuluh peratus daripada tuaian adalah arahan yang diberikan oleh Hukum Taurat (Ul 14:22) tetapi ia tidak melibatkan proses penelitian yang sangat terperinci. Mereka mengambil amalan ini dan menokok-tambah sehinggalah ia yang asalnya adalah persembahan penuh gembira kerana kasih kepada Allah menjadi sebuah beban dan cemuhan.

Yesus tidak bermaksud bahawa amalan ini adalah salah. Tetapi semangat yang mereka gunakan untuk perkara yang remeh, membuatkan mereka terlupa akan perkara yang lebih penting – keadilan dan kasih kepada Allah.

^j Merujuk kepada tempat duduk hadapan, menghadap kepada orang ramai. Sesiapa yang duduk di tempat tersebut akan dilihat sebagai orang penting.

^k Ini ialah ucapan salam yang panjang di khalayak umum untuk menandakan penerima sebagai golongan yang harus diberikan hormat.

^l Kubur biasanya lubang yang dikorek di atas permukaan tanah. Kubur asli ataupun buatan selalunya adalah lubang yang dikorek ke dalam sebuah permukaan batu. Kepingan batu yang rata kemudian digunakan sebagai penanda untuk memberikan amaran kepada orang yang lalu lalang agar mereka tidak akan mengotorkan diri tanpa sengaja. Batu-batu tersebut akan dicat putih secara berkala (*rujuk Mat 23:27*) agar ia tidak akan disentuh terutamanya pada waktu malam. Yesus membandingkan orang Farisi yang sangat memandang tinggi akan diri sendiri kepada penanda kubur, menunjukkan bahawa orang ramai yang mengikuti ajaran dan jalan mereka akan menjadi kotor sama seperti menyentuh kubur.

^m Guru Taurat telah menambah banyak peraturan kepada Hukum Musa sehingga menjadi beban dan bukan menjelaskannya agar difahami orang ramai (*rujuk ‘Tradisi Pempimpin Agama’, ms. 9*). Mereka tidak ingin membantu orang ramai mengikuti Hukum Taurat padahal mereka mencipta peraturan untuk menyenangkan diri sendiri.

ⁿ Mereka mendakwa untuk memberikan hormat kepada para nabi yang dibunuh oleh nenek moyang mereka dengan



ini diciptakan, ⁵¹mulai daripada pembunuhan Habel^p sehingga pembunuhan Zakharia^q yang berlaku di antara mazbah dan Tempat Suci itu. Percayalah, orang zaman ini akan dihukum kerana pembunuhan semua nabi itu.

⁵²Malanglah kamu, guru Taurat! Kamu menyimpan kunci yang dapat membuka pintu pengetahuan^r tentang kehendak Allah, tetapi kamu tidak mahu masuk

ke dalam. Sebaliknya kamu menghalangi orang yang mahu masuk!”

⁵³Apabila Yesus meninggalkan tempat itu, guru Taurat dan orang Farisi mula mengecam Yesus. Mereka menyoal Yesus tentang banyak hal ⁵⁴dengan maksud untuk memerangkap Dia. Mereka berusaha untuk mencari kesalahan Yesus ketika Dia berkata-kata.

membina kubur yang indah untuk mereka. Walhal di dalam realitinya, Yesus berkata bahawa tindakan tersebut adalah simbol menyetujui jenayah yang dilakukan oleh nenek moyang mereka.

^o Yesus mungkin bermaksud bahawa Allah mengutus nabi-nabi-Nya di dalam hikmat-Nya yang agung walaupun Dia tahu mereka akan ditolak dan dibunuh. Oleh kerana orang-orang di zaman Yesus juga turut menolak rancangan Allah, maka bersama-sama dengan nenek moyang mereka yang membunuh nabi-nabi Allah, mereka akan dihukum untuk kematian para nabi.

^p *Rujuk Kej 4:8.* Kematian Habel di tangan abangnya adalah catatan kematian pertama di dalam Perjanjian Lama.

^q Kematian Zakharia adalah kematian bagi nabi terakhir yang disentuh di dalam Alkitab Ibrani (2 Taw 24:20-22). Buku Tawarikh adalah buku terakhir di dalam Alkitab Ibrani. Ekspresi ini menyerupai frasa “dari Kejadian sehingga ke Wahyu” yang kita gunakan. Yesus merumuskan sejarah kematian umat-umat Allah yang setia di dalam Perjanjian Lama.

^r Guru Taurat harus menjelaskan maksud Hukum Taurat dan menjadi guru kepada umat Allah. Tetapi oleh kerana mereka telah mengambil kunci yang akan membuka maksud Firman Allah dan membawa mereka kembali kepada pengetahuan akan-Nya, mereka telah menjadikan Firman Allah sebagai buku peraturan dan teka-teki yang sukar difahami. Hanya mereka yang mampu memahaminya. Mereka juga sangat gembira dan sibuk dengan misteri-misteri yang dicipta sehingga terlepas pandang perkara-perkara indah yang Allah firmankan. Mereka bukan sahaja tidak memahaminya, malah menghalang orang lain daripada berbuat demikian.



Mudah untuk memandang rendah kepada Orang Farisi dan guru Taurat kerana kemunafikan mereka bukan?

Adakah anda mendapati diri anda sekadar memaparkan iman luaran sahaja?

Fikirkan satu bahagian di dalam hidup anda di mana anda hanya sekadar melakukan perkara luaran untuk mendapatkan pengakuan orang lain padahal hati anda tidak sungguh-sungguh benar kepada Allah.



Bawalah perkara tersebut ke hadapan Allah untuk pengampunan. Mintalah Dia untuk memberikan anda hati yang baru dan hidup untuk pengakuan daripada-Nya seorang.

**I. Amaran untuk Orang Munafik (ay. 1-12)**

12 Sedang beribu-ribu orang berasak-asak sehingga kaki mereka saling terpijak, mula-mula Yesus berkata kepada para pengikut-Nya, "Berhati-hatilah dengan ragi^a orang Farisi, maksud-Ku kemunafikan^b mereka. ²Apa yang tersembunyi akan dinyatakannya dan tiap-tiap rahsia akan didedahkan^c. ³Apa yang kamu ucapkan pada waktu malam akan terdengar pada siang hari dan apa yang kamu bisikkan di telinga orang di dalam bilik yang tertutup^d akan diumumkan dari atas rumah."

⁴"Ingatlah, sahabat-sahabat-Ku! Janganlah takut akan mereka yang mengambil nyawa, tetapi kemudian tidak berkuasa berbuat apa-apa lagi. ⁵Biarlah Aku tunjukkan siapa yang mesti kamu takut. Takutlah^e akan Allah, kerana Dia berkuasa mengambil nyawa orang, dan Dia juga berkuasa membuang orang itu ke dalam neraka!^f Percayalah, Allah yang harus kamu takut!

⁶Bukankah lima ekor burung pipit dijual seharga dua sen?^g Meskipun demikian tidak seekor pun dilupa-

kan oleh Allah. ⁷Sebenarnya rambut di kepala kamu pun telah dihitung semuanya. Oleh itu, janganlah takut kerana bagi Allah kamu lebih berharga daripada burung pipit!"

⁸"Ingatlah bahawa sesiapa yang mengaku dirinya pengikut-Ku di hadapan umum, akan diakui juga oleh Anak Manusia di hadapan malaikat-malaikat Allah. ⁹Tetapi sesiapa yang tidak mengaku dirinya pengikut-Ku di hadapan umum, akan tidak diakui juga oleh Anak Manusia di hadapan malaikat-malaikat Allah.

¹⁰Sesiapa yang menentang Anak Manusia dengan kata-katanya, dapat diampuni; tetapi sesiapa yang mengkufuri^h Roh Allah tidak dapat diampuni.

¹¹Apabila kamu didakwa di rumah ibadat atau di hadapan gabenor atau penguasa, janganlah khuatir tentang bagaimana kamu harus membela diri atau apa yang harus kamu katakan. ¹²Roh Allah akan mengajar kamu apa yang harus kamu katakan pada waktu itu."

**Teropong**

^a Secara umumnya, ragi ditulis sebagai lambang kejahatan dan penyalah-lakuan di dalam Perjanjian Baru. Metafora yang digunakan di sini adalah tentang bilangan ragi yang kecil tetapi mampu menapaikan sebuah adunan roti yang besar. Ia bertindak balas dengan perlahan tetapi penuh bahaya sewaktu menembusi keseluruhan adunan.

^b Di dalam bab yang ke-11, kita melihat Yesus memarahi orang Farisi kerana kehipokritan mereka. Mereka menekankan aspek luaran di dalam keagamaan mereka tanpa mempunyai hati yang tulus kepada Allah. Yesus memberikan amaran kepada para murid-Nya supaya melawan kemunafikan mereka yang seperti ragi, mampu menular secara perlahan-lahan dan mempengaruhi orang lain untuk mempunyai tingkah laku yang sama.

^c Maksudnya adalah tidak ada benda yang tersembunyi walaupun kemunafikan tidak dapat diketahui.

^d Versi lain menterjemahkannya sebagai 'bilik dalaman'. Ia merujuk kepada bilik setor di dalam rumah yang dikelilingi oleh bilik-bilik lain supaya ia tidak dapat dimasuki dari luar.

^e 'Takutlah akan Allah' bermaksud untuk menghormati kuasa-Nya, untuk berdiri di dalam kekaguman akan keagungan-Nya dan mempercayai Dia. Di dalam ayat 6-7, Yesus memberikan asas kepada kepercayaan ini.

^f 'Neraka' di sini adalah terjemahan daripada perkataan 'Gehenna'. Ia tidak seharusnya disalah-anggap sebagai 'Hades' yang juga diterjemahkan sebagai neraka. Perjanjian Baru membezakan Hades sebagai nama umum untuk tempat orang yang telah meninggal dunia manakala

Gehenna sebagai tempat bagi hukuman terakhir untuk orang-orang jahat (*rujuk Bab 16, nota w*).

^g Di dalam Alkitab, terdapat tiga jenis duit syiling Roma yang disebut: dinar (selaras dengan gaji harian seorang buruh), as (*assarion* di dalam bahasa Yunani; 16 as bersamaan dengan satu dinar) dan quadran (empat quadran bersamaan dengan satu as). Quadran adalah matawang terkecil Roma, mungkin serupa dengan satu sen pada hari ini. Duit syiling yang disebut di sini adalah as. Maksud Yesus adalah jika Allah prihatin terhadap burung yang paling umum dan murah, Dia pasti lebih prihatin terhadap umat-Nya.

^h Kebanyakan terjemahan mempunyai perkataan 'kufur'. Yesus mengatakan bahawa ada dosa yang terlalu serius sehinggakan ia tidak boleh diampunkan. Dosa melawan Yesus boleh diampunkan kerana sebagai Anak Manusia, kemuliaan-Nya belum diperlihatkan dengan sempurna.

Mereka mungkin melihat-Nya sebagai seorang manusia biasa dan gagal untuk menyedari ketuhanan Yesus. Akan tetapi, tindakan menghujat Roh Allah bukan sahaja meluahkan kata-kata yang keji tetapi ia melibatkan sikap seseorang terhadap Allah, memanggil-Nya jahat dan datang daripada Iblis, contohnya dalam konflik Beelzebul. Mereka yang melakukan dosa tersebut adalah mereka yang telah mengeraskah hati terhadap Allah. Sikap demikian yang berterusan tanpa pertaubatan adalah dosa mutlak di mata Allah.

II. Perumpamaan tentang Hartawan yang Bodoh (ay. 13-21)

¹³Seorang daripada orang ramai berkata kepada Yesus, "Guru, suruhlah saudara saya berikan sebahagian daripada harta peninggalan' bapa kami kepada saya."

¹⁴Yesus berkata kepadanya, "Saudara, siapa memberikan kuasa kepada-Ku untuk menjadi hakim, ataupun membahagikan harta antara kamu berdua?"

¹⁵Seterusnya Yesus berkata kepada mereka semua, "Berjaga-jagalah dan berwaspadalah! Janganlah tamak! Hidup seseorang tidak terdiri daripada kekayaannya, walaupun hartanya banyak sekali."

¹⁶Kemudian Yesus menceritakan perumpamaan ini kepada mereka. Dia berkata, "Seorang hartawan mempunyai tanah yang menghasilkan tuaian yang banyak. ¹⁷Dia mula berfikir dalam hati, 'Aku tidak mempunyai tempat untuk menyimpan segala hasil tanahku. Apakah yang harus aku lakukan?' ¹⁸Nilah

yang akan aku lakukan,' katanya kepada dirinya sendiri, 'Aku akan merombak gudang-gudangku lalu mendirikan yang lebih besar. Dengan demikian aku dapat menyimpan hasil tanahku dan segala hartaku yang lain di situ. ¹⁹Setelah itu barulah aku berkata kepada diriku sendiri, kamu sungguh bertuah! Kamu mempunyai segala yang baik bagi keperluanmu selama bertahun-tahun. Nikmatilah hidup! Makan, minum, dan bersukacitalah!' ²⁰Tetapi Allah berkata kepadanya, 'Hai bodoh! Malam ini juga engkau mesti menyerahkan nyawamu! Lalu siapakah yang akan mendapat segala harta yang telah engkau kumpulkan untuk dirimu sendiri itu?'"

²¹Lalu Yesus mengakhiri cerita-Nya dengan berkata, "Demikianlah halnya dengan orang yang mengumpulkan harta untuk diri sendiri, padahal tidak kaya di sisi Allah. "



Adakah anda menyedari betapa berharganya anda kepada Allah sehinggalah dia mengetahui jumlah rambut di kepala anda? Yesus berkata janganlah takut kerana Allah akan menjaga anda. Anda sangat berharga bagi-Nya sehinggalah Dia mengutus Yesus untuk mati bagi anda.

- Tulis ayat berikut di atas sekeping kad atau kertas:

SAYA BERHARGA KEPADA ALLAH

dan letakkan ia di tempat yang boleh anda lihat setiap hari untuk mengingatkan anda betapa pentingnya diri anda kepada Allah.

ⁱ Menurut Hukum Taurat (Ul 21:17), anak lelaki sulung akan mendapat dua kali ganda bahagian daripada anak lelaki yang lebih muda. Para rabbi akan dipanggil untuk membuat keputusan apabila berlakunya ketidak-setujuan. Lelaki tersebut meminta Yesus untuk masuk campur di pihaknya. Akan tetapi, Yesus enggan untuk terlibat. Dia lebih prihatin terhadap sikap mereka yang terlibat, dan bukannya apa yang mereka akan peroleh. Yesus membalas dengan sebuah perumpamaan tentang akibat ketamakan.

^j Perkataan ini adalah perkataan yang sangat keras. Ia digunakan dengan fahaman Perjanjian Lama apabila seorang menolak tentang Allah dan jalan-Nya sebagai asas kehidupan.



- Adakah hidup anda hanya 'makan, minum dan bergembira'?

- Daripada terlalu memberikan perhatian terhadap keperluan sendiri, fikirkan cara bagi anda untuk menjadi kaya kepada Allah dan tuliskannya di bawah.

**III. Yesus Mengajar tentang Mencari Allah (ay. 22-34)**

²²Lalu Yesus berkata kepada pengikut-pengikut-Nya, "Itulah sebabnya Aku berkata kepada kamu: Janganlah khawatir tentang hidup kamu, tentang apa yang akan kamu makan, atau apa yang akan kamu pakai. ²³Hidup itu lebih berharga daripada makanan, dan tubuh lebih berharga daripada pakaian. ²⁴Perhatikanlah burung gagak^k yang tidak menanam benih, tidak menuai tuaian dan tidak mempunyai gudang atau jelapang, tetapi dipelihara oleh Allah! Kamu jauh lebih berharga daripada burung! ²⁵Siapakah antara kamu yang dengan kekhawatiran dapat memanjangkan umur walaupun sedikit? ²⁶Jika kamu tidak dapat menguasai perkara sekecil itu, mengapa kamu khawatir akan perkara-perkara lain? ²⁷Lihatlah bunga bakung yang tumbuh di padang; bunga itu tidak bekerja dan tidak menenun. Tetapi ketahuilah, Raja Salomo dengan segala kekayaannya tidak berpakaian seindah bunga itu! ²⁸Jika Allah menghiasi rumput di padang yang ada pada hari ini tetapi keesokan harinya dibakar di dapur, tidakkah Dia akan memastikan kamu berpakaian? Alangkah lemahnya iman kamu!

²⁹Oleh itu, janganlah khawatir dan janganlah selalu fikirkan apa yang hendak kamu makan dan

minum. ³⁰(Orang yang tidak mengenal Allah^l selalu memikirkan hal-hal itu.) Bapa kamu tahu bahawa kamu memerlukan semua itu. ³¹Sebaliknya, utamakanlah Pemerintahan Allah dengan melakukan apa yang dikehendaki oleh Allah, maka semua itu akan diberikan oleh Allah kepada kamu."

³²"Janganlah takut, hai kamu yang kecil bilangan, kerana Bapa kamu berkenan membenarkan kamu menikmati Pemerintahan-Nya. ³³Juallah segala milik kamu, dan berikan wangnya kepada orang miskin. Bagi diri kamu, buatlah dompet yang tidak dapat rosak dan simpanlah harta kamu di syurga. Di situ harta kamu tidak akan berkurang, kerana pencuri tidak dapat masuk dan gegat tidak dapat merosakkannya. ³⁴Lakukanlah hal itu, kerana perhatian kamu sentiasa tertumpu kepada harta kamu."

IV. Perumpamaan Hamba yang Setia dan Hamba yang Tidak Setia (ay. 35-48)

³⁵ "Bersiap-siaplah^m untuk menghadapi apa sahaja. Kamu harus sentiasa siap sedia dengan pelita yang menyala. ³⁶Hendaklah kamu seperti hamba yang sedang menantikan tuan mereka balik daripada jamuan perkahwinan. Apabila tuan itu balik dan mengetuk pintu, dengan segera mereka akan membuka

**Teropong**

^k Burung gagak mungkin digunakan untuk mewakili burung-burung yang tidak suci dan tidak layak untuk mendapat penjagaan Allah. Bahkan mereka tidak mampu untuk mengambil langkah berjaga-jaga di dalam menyimpan bekalan makanan mereka. Tetapi Yesus mengatakan bahawa Allah prihatin kepada burung-burung yang langsung tidak dipandang oleh manusia. Maksudnya adalah jika Allah menjaga burung-burung sedemikian, Dia pasti menjaga umat-Nya kerana mereka jauh lebih berharga.

^l Ia merujuk kepada dunia orang bukan Yahudi yang tidak mengenal Allah.

**Mari Fikir Sejenak**

- Adakah anda mempunyai banyak kerisauan di dalam hidup, masa depan dan keperluan anda...? Senaraikan beberapa perkara yang anda risaukan di bawah.

**Suatu Pegangan Hidup**

Yesus berkata bahawa Allah mengetahui semua keperluan anda. Letakkan hati anda di tempat yang tepat terlebih dahulu – pentingkan perkara yang menyenangkan Dia – dan percayalah bahawa Dia akan mencukupkan keperluan anda.

**Waktu Untuk Berdoa**

Bawalah setiap kerisauan anda kepada Allah dan mintalah Dia untuk membantu anda mempercayai bahawa Dia akan mencukupkan keperluan anda.

**Teropong**

^m Ini melibatkan mereka memasukkan jubah yang panjang ke dalam tali pinggang ataupun sash yang dipakai. Ia dilakukan sebagai persediaan untuk berjalan, bekerja ataupun berlawan.

ⁿ Terjemahan tradisional mempunyai 'suku kedua dan ketiga waktu malam'. Waktu malam dibahagikan kepada empat bahagian bagi orang Roma dan tiga bahagian bagi orang Yahudi. Jangka masa 12 jam untuk waktu malam bermula apabila matahari terbenam dan berakhir apabila matahari terbit keesokan harinya. Pesta mungkin bermula pada suku malam yang pertama. Yesus mungkin berkata-kata tentang hamba yang berjaga di sepanjang malam untuk kedatangan tuannya.



pintu. ³⁷Alangkah bahagianya hamba-hamba yang didapati berjaga dan siap sedia ketika tuan mereka kembali! Percayalah, tuan itu akan menanggalkan jubah, dan menyuruh hamba-hambanya duduk lalu melayani mereka. ³⁸Alangkah bahagianya hamba-hamba itu jika didapati bersiap sedia, meskipun tuan mereka balik pada tengah malamⁿ atau lebih lambat lagi! ³⁹Ingatlah! Jika tuan rumah mengetahui saatnya pencuri akan datang, dia tidak akan membiarkan pencuri masuk ke dalam rumahnya. ⁴⁰Kamu pun harus sentiasa bersiap sedia, kerana Anak Manusia akan datang pada saat yang tidak kamu sangka.” ⁴¹Petrus bertanya, “Adakah Tuhan menunjukan perumpamaan ini kepada kami^o atau kepada semua orang?”

⁴²Tuhan menjawab, “Siapakah hamba yang setia dan bijak?^p Dialah orang yang ditunjuk oleh tuannya menjadi pengurus rumah tangganya. Tuannya juga menyuruh dia memberikan makanan kepada hamba-hamba yang lain pada waktu yang ditentukan. ⁴³Alangkah bahagianya orang yang didapati sedang menjalankan tugas apabila tuannya kembali! ⁴⁴Ketahuilah bahawa tuan itu akan mempercayakan segala hartanya kepada hamba itu. ⁴⁵Tetapi jika hamba itu berkata dalam hati, ‘Masih lama lagi tuan saya akan kembali.’ Lalu dia mula memukul semua hamba yang lain, baik lelaki mahupun wanita, dan dia makan minum sehingga mabuk. ⁴⁶Pada hari dan masa yang tidak diduganya, tuannya kembali. Tuan itu akan mencengang^q hambanya dan membiarkan dia merasai

nasib orang yang tidak taat kepada Allah.

⁴⁷Hamba yang mengetahui kehendak tuannya, tetapi tidak bersiap sedia untuk melakukan kehendak tuannya, akan disebat dengan keras. ⁴⁸Tetapi hamba yang tidak mengetahui kehendak tuannya, lalu melakukan sesuatu yang salah sehingga dia mesti disebat, akan disebat dengan ringan sahaja. Kepada orang yang telah diberikan banyak, daripadanya akan dituntut banyak juga. Orang yang telah diberikan lebih banyak, daripadanya akan dituntut lebih banyak juga.”

V. Yesus Datang untuk Memisah-misahkan (ay. 49-53)

⁴⁹“Aku datang untuk membawa hukuman Allah yang seperti api^r akan membakar penduduk bumi. Alangkah baiknya jika api itu sudah menyala! ⁵⁰Masih ada penderitaan berat^s yang mesti Aku alami. Alangkah resahnya hati-Ku selagi perkara itu belum berakhir! ⁵¹Adakah kamu menyangka Aku datang ke dunia ini untuk membawa kedamaian? Tidak, bukan kedamaian, tetapi perpecahan.^t ⁵²Mulai dari sekarang, keluarga yang terdiri daripada lima orang akan berlawanan: tiga lawan dua dan dua lawan tiga. ⁵³Bapa akan melawan anak lelaki dan anak lelaki akan melawan bapa. Ibu akan melawan anak perempuan dan anak perempuan akan melawan ibu. Ibu mentua akan melawan menantu perempuan dan menantu perempuan akan melawan ibu mentua.”

^o Yesus menggunakan perumpamaan apabila mengajar orang ramai tetapi Dia akan menggunakan cara yang lebih jelas apabila mengajar murid-murid-Nya. Akan tetapi, Dia tidak memberikan amaran untuk berjaga khusus kepada para murid-Nya sahaja.

^p Seseengah terjemahan menggunakan ‘pengurus’ ataupun ‘pengelola’. Pengelola selalunya adalah seorang hamba yang diberikan tanggungjawab untuk mengurus estet tuannya.

^q Ini bermaksud yang dia akan dihukum dengan dahsyat ataupun dia akan dihalau keluar ke tempat di mana orang yang tidak mempercayai Yesus akan berakhir.



Teropong

^r Istilah ‘api’ mungkin merujuk kepada penghakiman. Yesus mengatakan bahawa rancangan Allah untuk umat manusia adalah keselamatan yang melibatkan penghakiman. Tetapi penghakiman tersebut akan ditanggung oleh Penyelamat untuk orang lain, bukan sesuatu yang akan dikenakan-Nya ke atas mereka. Dia menginginkan perkara tersebut untuk terjadi kerana hanya melalui itu sajalah rancangan Allah untuk umat-Nya akan terlaksana.

^s Baptisan ini merujuk kepada penderitaan yang akan ditampung Yesus di atas kayu salib. Bayang-bayang salib dan kematian-Nya akan menyelubungi-Nya. Ia adalah sebuah pengorbanan yang besar dari pihak Yesus – kerana itulah ia menjadikan Yesus sangat tertekan.

^t Yesus sememangnya membawa pendamaian: damai bersama Allah yang mendalam membawa kepada damai bersama umat manusia. Akan tetapi, pesanan Yesus juga membawa perbalahan. Ini kerana salib mencabar manusia untuk membuat keputusan. Mereka yang memilih untuk menolaknya akan menolak golongan yang menerimanya. Ia akan membawa kepada pemisahan bahkan dalam sesebuah keluarga.



Apakah pemberian daripada Allah yang telah anda terima dan harus dijaga agar anda mampu melayani Dia seperti seorang hamba yang setia?

**VI. Mengenali Tanda Zaman (ay. 54-59)**

⁵⁴Yesus juga berkata kepada orang ramai, “Apabila kamu melihat awan naik di sebelah barat,^u dengan segera kamu berkata, ‘Hari akan hujan,’ dan benar-benar hari hujan. ⁵⁵Apabila kamu berasa angin selatan bertiup, kamu berkata, ‘Hari akan panas,’ dan benar-benar hari panas. ⁵⁶Hai orang munafik! Kamu dapat meramal cuaca dengan melihat tanda-tanda di langit dan di bumi, tetapi mengapakah kamu tidak dapat memahami tanda zaman ini?”

⁵⁷“Mengapakah kamu tidak membuat keputusan sendiri tentang apa yang benar? ⁵⁸Jika ada orang hendak mendakwa kamu di mahkamah, berusaha sebaik-baiknya untuk menyelesaikan perkara itu sebelum kamu tiba di mahkamah. Jika tidak, orang itu akan menyeret kamu ke hadapan hakim, lalu hakim akan menyerahkan kamu kepada polis, dan polis akan memasukkan kamu ke dalam penjara. ⁵⁹Percayalah, kamu tidak akan keluar dari penjara sebelum kamu membayar denda” kamu.”

I. Yesus Menyeru Orang Ramai untuk Bertaubat (ay. 1-9)

13 Pada waktu itu beberapa orang di situ memberitahu Yesus perihal orang Galilea yang dibunuh oleh Pilatus ketika mereka mempersembahkan

korban kepada Allah.^a ²Yesus berkata kepada mereka, “Kerana beberapa orang Galilea dibunuh secara demikian, adakah hal itu membuktikan bahawa mereka lebih berdosa daripada orang Galilea lain?^b ³Tidak! Tetapi ingatlah, kecuali kamu bertaubat daripada dosa, kamu semua akan binasa seperti mereka. ⁴Bagaimanakah dengan lapan belas orang yang terbunuh di Siloam,^c ketika menara di sana menimpa mereka? Adakah hal itu membuktikan bahawa mereka lebih berdosa daripada semua orang lain yang tinggal di Yerusalem? ⁵Tidak! Sekali lagi Aku berkata, kecuali kamu bertaubat daripada dosa, kamu semua akan binasa seperti mereka.”

⁶Kemudian Yesus menceritakan perumpamaan ini kepada mereka. Dia berkata, “Seorang mempunyai pokok ara^d di kebun anggurnya. Pada suatu hari dia mencari buah ara pada pokok itu, tetapi tidak menjumpai apa-apa. ⁷Oleh itu dia berkata kepada pekebunnya, ‘Lihatlah, selama tiga tahun^e aku datang mencari buah ara pada pokok ini, tetapi tidak mendapat sebiji pun. Tebanglah sahaja, kerana pokok ini hanya menghabiskan kesuburan tanah.’ ⁸Tetapi pekebun itu menjawab, ‘Tuan, biarkanlah pokok ini tumbuh selama setahun lagi. Saya akan mencangkul tanah di sekelilingnya dan menaruh baja. ⁹Jika pokok ini berbuah pada tahun depan, baiklah. Jika tidak, tuan boleh menyuruh orang menebangnya.’”

**Teropong**

^u Angin dari barat datang dari Laut Tengah. Angin dari selatan datang dari padang gurun.

^v Walaupun mereka mampu meramal cuaca dengan mengkaji tanda-tanda seperti angin, mereka tidak mampu mengenali tanda-tanda daripada Allah berkenaan dengan kedatangan Mesias.

^w Ini adalah matawang terkecil Yahudi; lepton. Dua lepton bersamaan dengan satu quadran Roma.

**Teropong**

^a Ini adalah satu-satunya tempat di mana insiden ini dicatatkan. Akan tetapi, tindakan membunuh orang sewaktu mereka mempersembahkan korban sangat serupa dengan perwatakan Pilatus. Mereka mungkin telah melanggar peraturan Roma yang penting sehingga dihukum oleh Pilatus.

^b Adalah dipercayai ramai bahawa musibah akan menimpa mereka yang sangat berdosa. Yesus menunjukkan bahawa kematian mereka bukan disebabkan kerana mereka terlalu berdosa. Menurut Yesus, semua orang adalah pelaku dosa, dan Dia memberikan amaran kepada pendengar-Nya untuk bertaubat, jika tidak mereka juga akan turut binasa.

^c Ini adalah lagi satu kejadian yang tidak diketahui. Menara Siloam terletak di kawasan tenggara tembok Yerusalem. Yesus sekali lagi menunjukkan kepada pendengar-Nya bahawa mereka yang mati bukanlah pelaku dosa yang lebih keji daripada mereka. Yesus kemudian memberikan amaran tentang kepentingan untuk bertaubat.

^d Yesus mungkin merujuk kepada bangsa Yahudi walaupun Dia juga mungkin merujuk kepada orang Yahudi secara individu.

^e Ia kelihatan seperti menandakan bahawa pokok tersebut ditanam dengan baik dan mempunyai peluang yang cerah untuk berbuah.



II. Yesus Menyembuhkan pada Hari Sabat (ay. 10-17)

¹⁰Pada suatu hari Sabat Yesus mengajar di rumah ibadat.^f ¹¹Di situ ada seorang wanita yang sakit, kerana dirasuk roh jahat selama lapan belas tahun. Dia bongkok dan tidak dapat berdiri tegak. ¹²Ketika Yesus melihat dia, Yesus memanggil dia dan berkata kepadanya, “Mulai sekarang kamu sembuh!”^g ¹³Yesus meletakkan tangan-Nya pada wanita itu dan pada saat itu juga wanita itu berdiri tegak lalu memuji Allah.

¹⁴Ketua rumah ibadat^h marah kerana Yesus menyembuhkan orang pada hari Sabat. Ketua rumah ibadat berkata kepada semua orang di situ, “Ada enam hari untuk bekerja; datanglah pada masa itu untuk disembuhkan, tetapi jangan pada hari Sabat!”

¹⁵Tuhan menjawab ketua itu, “Kamu munafik! Pada hari Sabatⁱ orang melepaskan lembu atau keldai dari kandang lalu membawa haiwan itu keluar untuk diberikan minuman. ¹⁶Lihatlah, di sini ada seorang wanita keturunan Abraham yang telah diikat oleh Iblis

selama lapan belas tahun. Tidak patutkah dia dilepaskan daripada ikatannya pada hari Sabat?”^j ¹⁷Jawapan Yesus memalukan semua musuh-Nya, tetapi semua orang lain bersukacita kerana segala perbuatan ajaib yang dilakukan oleh Yesus.

III. Perumpamaan tentang Kerajaan Allah (ay. 18-21)

¹⁸Yesus bertanya, “Bagaimanakah keadaannya apabila Allah memerintah? Dengan apakah dapat Aku bandingkan keadaannya? ¹⁹Keadaannya seperti perumpamaan ini: Seorang mengambil sebiji benih sawi,^k lalu menanamnya di ladang. Benih itu tumbuh dan menjadi pokok, lalu burung membuat sarang pada cabang-cabangnya.”^l

²⁰Sekali lagi Yesus bertanya, “Dengan apakah dapat Aku bandingkan keadaannya apabila Allah memerintah? ²¹Keadaannya seperti ini: Seorang wanita mengambil ragi lalu mencampurnya dengan empat puluh liter tepung sehingga adonan itu naik!”^m



Teropong

^f Isu Sabat masih lagi menjadi punca konflik di antara Yesus dan para lawan-Nya. Konflik ini kembali terjadi di Rumah Ibadat.

^g Yesus mengambil inisiatif untuk menyembuhkan seorang wanita.

^h Juga dipanggil sebagai ketua Rumah Ibadat (*rujuk Bab 8, nota c*).

ⁱ Yesus menegur kemunafikan mereka yang menentang penyembuhan-Nya dengan menunjuk amalan Yahudi di dalam menjaga haiwan ternakan. Para rabbi sangat mementingkan agar haiwan ternakan dilayan dengan baik. Pada hari Sabat, haiwan boleh dibebaskan dengan ikatan rantai panjang asalkan mereka tidak memikul apa-apa. Air juga boleh diambil untuk mereka dan dituang ke dalam bekas, walaupun seorang penjaga tidak akan berpegang kepada sebuah baldi untuk memberikan haiwan ternakan minuman. Yesus menunjukkan bahawa mereka lebih mementingkan kepentingan haiwan daripada manusia yang keperluannya jauh lebih mendesak. Mereka berpura-pura untuk bersemangat mengamalkan Hukum Taurat tetapi motif mereka adalah untuk menyerang Yesus.

^j Keadaan wanita tersebut mungkin disebabkan oleh aktiviti Iblis. Oleh itu kuasa Iblis harus dihancurkan, walaupun hari tersebut adalah hari Sabat.



Teropong

^k Biji sesawi adalah biji benih terkecil yang digunakan oleh para petani di tanah Palestina. Jika keadaan cukup baik, pohon sesawi mampu membesar sehingga mencecah ketinggian tiga meter.

^l Burung-burung yang membuat sarang di atas ranting selalunya digunakan sebagai simbol di dalam Alkitab untuk merujuk kepada semua bangsa di muka bumi. Gambaran ini mencadangkan perkembangan Kerajaan Allah daripada permulaan yang kecil sehingga saiz yang meliputi seluruh dunia. Tujuan utama perumpamaan ini diceritakan bukan terletak di atas perkembangan tetapi kepastian bahawa perkara yang dianggap kecil dan tidak penting akan dibuktikan sebagai permulaan bagi sebuah kerajaan yang hebat. Buktinya mungkin tidak seberapa – insiden kecil di mana seorang wanita dibebaskan daripada cengkaman Iblis – tetapi permulaan kecil tersebut adalah bukti kemenangan Kerajaan Allah ke atas kuasa Iblis. Kemenangan di atas Iblis adalah tanda Kerajaan Allah diluaskan.

^m Perumpamaan kedua menekankan pengajaran yang terdapat di dalam perumpamaan yang pertama. Ragi selalunya dipakai di dalam Alkitab untuk menandakan pengaruh yang jahat tetapi ia digunakan di sini untuk merujuk kepada pengaruh kuat Kerajaan Allah.

**IV. Pintu yang Sempit (ay. 22-30)**

²²Dalam perjalanan ke Yerusalem, Yesus melalui beberapa buah kota dan pekan sambil mengajar. ²³Seorang bertanya kepada-Nya, "Tuan, sedikit sahajakah orang yang akan diselamatkan?"ⁿ

Yesus menjawab, ²⁴"Berusahalah sebaik-baiknya untuk masuk melalui pintu yang sempit,^o kerana banyak orang yang mencuba masuk, tetapi tidak dapat. ²⁵Pada waktu tuan rumah bangun dan menutup pintu, kamu yang berdiri di luar mula mengetuk pintu dan berkata, 'Tuan, bukalah pintu untuk kami!' Tuan itu akan menjawab, 'Aku tidak tahu dari mana kamu datang!' ²⁶Kamu akan menjawab, 'Kami sudah makan dan minum bersama-sama tuan, dan tuan juga mengajar di kota kami!'^p ²⁷Tetapi tuan itu akan berkata lagi, 'Aku tidak tahu dari mana kamu datang. Pergilah dari sini, kamu semua yang melakukan kejahatan!' ²⁸Pada

waktu kamu melihat Abraham, Ishak, dan Yakub serta semua nabi bersukacita di Dunia Baru Allah, kamu akan menangis dan menderita^q kerana kamu diusir ke luar! ²⁹Orang akan datang dari timur^r dan barat, dari utara dan selatan, untuk menikmati jamuan di Dunia Baru Allah.^s ³⁰Sesungguhnya orang yang sekarang terakhir akan menjadi yang pertama dan orang yang sekarang pertama akan menjadi yang terakhir."^t

V. Yesus Meratapi Yerusalem (ay. 31-35)

³¹Pada masa itu juga, beberapa orang Farisi datang kepada Yesus dan berkata kepada-Nya, "Tinggalkan tempat ini. Pergilah ke tempat lain, kerana Herodes^v hendak membunuh kamu."

³²Yesus menjawab, "Pergilah beritahu orang licik^w itu, 'Hari ini dan esok^x Aku mengusir roh jahat dan

**Teropong**

ⁿ Penyoal tersebut mungkin mendapati walaupun orang ramai sentiasa datang untuk mendengar Yesus berkhotbah dan disembuhkan, hanya segelintir daripada mereka yang menjadi pengikut yang setia.

^o Pintu yang sempit mungkin merujuk kepada pintu keselamatan. Yesus tidak menjawab secara langsung. Dia menggesa pendengar-Nya untuk bertindak serta merta dan berusaha untuk memasuki pintu tersebut kerana peluang yang ada tidak kekal lama. Apabila masa yang diperuntukkan untuk membuat pilihan tamat, pintu tersebut akan ditutup buat selamanya. Usaha untuk memasuki pintu tersebut selepas ia ditutup adalah sia-sia. Orang ramai yang tidak mampu memasuki pintu tersebut mungkin adalah mereka yang berlengah-lengah untuk berbuat demikian.

^p Mendakwa untuk mengenali Yesus tanpa berpaling kepada Allah di dalam pertaubatan adalah tidak berguna apabila masa untuk bertaubat telah tamat. Allah akan menolak orang sedemikian.

^q Ini menandakan kekecewaan dan tekanan mutlak.

^r Ini merujuk kepada empat penjuru di muka bumi, yang bermaksud semua orang di dunia, termasuklah orang bukan Yahudi.

^s Orang Yahudi mempercayai bahawa setiap orang Yahudi, kecuali yang terlalu berdosa, akan duduk dengan bapa-bapa leluhur dan para nabi di meja makan syurgawi bersama-sama dengan Mesias. Tragedi yang parah adalah untuk mengetahui bahawa mereka tidak dijemput dan melihat bangsa bukan Yahudi mengambil tempat mereka.

^t Ia mungkin bermaksud bahawa mereka yang menganggap dirinya sebagai tidak layak akan disertakan dibandingkan dengan mereka yang berfikir sangat layak. Ia mungkin

sebuah perbandingan di antara orang Yahudi sebagai penerima Injil yang pertama dan juga orang bukan Yahudi yang menerimanya kemudian.



Yesus berkata bahawa hanya dengan mengetahui perihal-Nya tidak memadai untuk membenarkan anda masuk ke dalam Kerajaan Allah dan hidup bersama-sama Allah untuk selama-lamanya. Anda harus bertaubat dan menjalani hidup yang baru di dalam mengikuti Yesus kini.

- Pernahkan anda meminta Yesus untuk menjadi Penyelamat serta menyerahkan hidup anda untuk menjadi murid-Nya?
- Jika ya, pertimbangkan sama ada anda telah menjalani hidup sebagai murid-Nya dengan setia ataupun anda sekadar mengamalkan bentuk luaran seorang Kristian.
- Jika tidak, mungkin ini adalah waktu yang sesuai untuk mempertimbangkan sama ada anda ingin membuat keputusan untuk meminta Yesus menjadi Penyelamat dan menyerahkan hidup anda untuk mengikuti Dia.



Tetapi kepada mereka yang menyambut Dia dan percaya kepada-Nya, mereka diberikan-Nya hak menjadi anak Allah.
(Yohanes 1:12)



menyembuhkan orang sakit, lalu pada hari ketiga, Aku akan menyelesaikan pekerjaan-Ku.^x ³³Meskipun demikian Aku harus meneruskan perjalanan hari ini, esok, dan lusa, kerana tidak semestinya seorang nabi dibunuh di tempat lain kecuali di Yerusalem.^y

³⁴Yerusalem, Yerusalem! Engkau membunuh nabi-nabi dan merejam para utusan Allah. Sudah beberapa kali Aku ingin memeluk semua pendudukmu seperti seekor induk ayam melindungi anak-anaknya di bawah sayapnya, tetapi engkau tidak mahu!^z ³⁵Yerusalem,^a engkau akan ditinggalkan oleh Allah dan engkau tidak akan melihat Aku lagi sehingga tiba masanya engkau berkata, 'Diberkatilah Dia yang datang dengan nama Tuhan.'^b'''

I. Yesus Menyembuhkan Seorang Sakit (ay. 1-6)

14 Pada suatu hari Sabat,^a Yesus pergi makan di rumah seorang Farisi^b yang terkenal. Orang di situ memerhati Yesus. ²Lalu seorang lelaki yang bengkak^c kaki dan lengannya datang kepada Yesus. ³Yesus bertanya kepada semua guru Taurat dan orang Farisi di situ, "Adakah Taurat membenarkan kita menyembuhkan orang sakit pada hari Sabat?"^d

⁴Mereka tidak mahu berkata apa-apa.^e Lalu Yesus memanggil orang itu dan menyembuhkan dia, kemudian menyuruh dia pergi. ⁵Setelah itu Yesus berkata kepada mereka, "Jika seorang di antara kamu mempunyai anak lelaki atau lembu yang jatuh ke dalam perigi pada hari Sabat, tidakkah kamu akan menariknya keluar pada hari itu juga?"^f

⁶Mereka tidak dapat menjawab Yesus tentang hal itu.



Teropong

^u Herodes yang dimaksudkan di sini ialah Herodes Antipas, anak kepada Herodes Agung (*rujuk Bab 3:1, nota c*). Yesus mungkin berada di daerah Perea iaitu kawasan pemerintahan Herodes. Orang Farisi ingin menakutkan Yesus supaya meninggalkan kawasan ini dan pergi ke Yudea.

^v Terjemahan lain menggunakan perkataan 'serigala'. Ia adalah sebuah simbol yang merujuk kepada mereka yang licik. Ia juga digunakan sebagai rujukan kepada mereka yang tidak penting. Herodes sangat dipandang rendah oleh orang Yahudi.

^w Frasa 'hari ini dan esok' mungkin merujuk kepada jangka masa yang tidak tentu tetapi terhad.

^x Yesus mengatakan bahawa Dia akan menyempurnakan misi-Nya. Tidak ada bahaya yang akan menimpa-Nya sehinggalah pekerjaan-Nya diselesaikan. Allah, bukan Herodes, adalah satu-satunya yang akan menentukan detik kematian Yesus.

^y Yerusalem adalah ibu kota dan nadi negara tersebut. Tempat itu telah menentukan nasib kebanyakan nabi-nabi. Dan ia adalah tempat di mana rancangan Allah untuk Penyelamat-Nya disempurnakan melalui kematian Yesus.

^z Yerusalem juga merupakan simbol kepada bangsa Israel. Yesus menyayangi umat Allah dengan semangat dan kasih sayang yang besar tetapi mereka enggan disayangi oleh-Nya.

^a Sesetengah versi menggunakan 'Maka Rumah Ibadatmu' atau 'Rumahmu'

^b Ada orang yang mempercayai kejadian ini merujuk kepada kedatangan Yesus untuk kali yang kedua.



Teropong

^a Lukas mencatatkan lima daripada tujuh keajaiban yang dilakukan oleh Yesus pada hari Sabat (4:31; 4:38; 6:6; 13:14; 14:1). Yang selebihnya terdapat di dalam Injil Yohanes.

^b Lelaki ini mungkin adalah salah seorang ahli Majlis Agama. Hidangan Sabat disediakan sehari sebelum Sabat menjelang.

^c Sesetengah versi menterjemahkan penyakit ini sebagai 'busung air', satu penyakit di mana tubuh badan menjadi bengkak kerana dipenuhi dengan cecair badan.

^d Sama seperti kes lelaki dengan tangan yang cacat (6:9), Yesus mengambil inisiatif untuk mengalihkan beban bukti kepada para pembangkang dengan bertanya kepada mereka adakah Taurat membenarkan mereka menyembuhkan orang sakit pada hari Sabat.

^e Jika mereka tidak bersetuju orang ramai akan menuduh mereka tidak kisah akan penderitaan manusia, walaupun di dalam kes ini, tidak ada nyawa yang diancam. Oleh kerana itulah mereka berdiam diri.

^f Yesus kemudian mempertahankan tindakan-Nya dengan merujuk kepada budaya Yahudi untuk melayan haiwan ternakan dengan baik. Jika mereka tidak membiarkan haiwan ternakan untuk menderita apabila terjatuh ke dalam perigi meskipun ia terjadi pada hari Sabat, mengapakah mereka membiarkan seorang manusia untuk menderita di dalam penyakitnya? Apabila dicabar, mereka terperangkap dan tidak mempunyai jawapan untuk diberikan.

**II. Perumpamaan tentang Perjamuan Perkahwinan (ay. 7-14)**

⁷Yesus memperhatikan beberapa orang tetamu yang memilih tempat terbaik.⁹ Oleh itu Dia menceritakan perumpamaan ini kepada mereka semua. ⁸Dia berkata, "Jika seseorang menjemput kamu ke majlis perkahwinan, janganlah duduk di tempat yang terbaik. Mungkin ada orang yang lebih penting daripada kamu telah dijemput juga. ⁹Lalu tuan rumah yang telah menjemput kamu berdua datang kepadamu dan berkata, 'Maaf, tempat ini telah disediakan untuk dia.' Tidakkah kamu akan berasa malu, lalu terpaksa duduk di tempat yang paling belakang? ¹⁰Oleh itu apabila kamu dijemput, pergilah duduk di tempat yang paling belakang, supaya tuan rumah akan datang dan berkata kepadamu, 'Marilah saudara, duduklah di tempat yang lebih baik.' Lalu kamu akan dihormati di hadapan semua tetamu lain. ¹¹Orang yang meninggikan diri akan direndahkan, tetapi orang yang merendahkan diri akan ditinggikan."

¹²Kemudian Yesus berkata pula kepada tuan rumah, "Apabila kamu menjemput orang makan siang atau makan malam, janganlah jemput sahabat, atau saudara, atau sanak keluarga, ataupun jiranmu yang

kaya. Kelak mereka akan menjemput kamu pula dan dengan demikian kamu menerima balasan perbuatanmu. ¹³Tetapi apabila kamu menjamu orang, jemputlah orang miskin, orang lumpuh, orang tempang, dan orang buta. ¹⁴Kamu akan diberkati kerana mereka tidak dapat membalas kebaikanmu. Kebaikanmu akan dibalas oleh Allah pada waktu orang baik dibangkitkan daripada kematian."

III. Perumpamaan tentang Perjamuan Besar (ay. 15-24)

¹⁵Salah seorang yang duduk bersama-sama Yesus mendengar kata-kata-Nya. Dia berkata kepada Yesus, "Alangkah bahagianya mereka yang akan dijamu oleh Allah di Dunia Baru Allah!"^h

¹⁶Yesus berkata kepada orang itu,ⁱ "Ada seorang yang sedang mengadakan jamuan besar. Dia menjemput banyak orang. ¹⁷Apabila tiba masanya perjamuan itu dimulakan, dia mengutus hambanya kepada semua tetamu dengan jemputan, 'Marilah, semuanya sudah siap!' ¹⁸Tetapi, seorang demi seorang mula memberikan alasan. Yang pertama berkata kepada hamba itu, 'Aku baru membeli sebidang tanah dan perlu memeriksanya.'^k Maafkanlah aku." ¹⁹Yang


**Teropong**

^g Perabot asas di dalam sebuah pesta makan adalah sofa untuk tiga orang. Kerusi sofa tersebut akan disusun dalam bentuk U. Tetamu akan bersandar di atas siku kiri mereka. Tempat terbaik adalah tempat duduk di tengah-tengah sofa yang membentuk lengcongan U. Tempat kedua dan ketiga terbaik adalah yang berada di sebelah kiri tetamu khas. Jika seorang tetamu penting datang lewat, orang yang duduk di tempat tersebut terpaksa dipindahkan untuknya. Pada pesta ini, terdapat kecurar-kaciran di dalam mendapatkan tempat terbaik dan Yesus memberikan komen-Nya.

**Mari Fikir Sejenak**

Pernahkah anda mendapati diri mencuba untuk tampil lebih penting daripada orang lain?

Bagaimanakah anda boleh mempelajari untuk mempunyai sikap yang lebih rendah diri, terutama sekali kepada mereka yang anda tidak sukai?

**Teropong**

^h Pesta ini merujuk kepada pesta makan yang akan disambut bersama dengan Mesias di syurga. Lelaki tersebut memberikan komen kepada Yesus tentang Hari Kebangkitan (ay. 14). Orang Yahudi mempercayai bahawa akan ada satu pesta makan yang akan diraihkan pada hari tersebut. Dia mungkin beranggapan bahawa dirinya dan juga rakan-rakannya termasuk di dalam senarai mereka yang diberkati untuk makan bersama pada perayaan tersebut.

ⁱ Yesus menggunakan komen lelaki ini untuk mengaitkan sebuah perumpamaan yang memberikan amaran bahawa bukan semua orang akan memasuki Kerajaan Allah. Semua tetamu di meja tersebut boleh memahami perumpamaan tersebut kerana ia berkaitan dengan satu pesta makan malam yang terbuka kepada orang ramai.

^j Pada waktu itu, jam dan pengukur masa masih belum dicipta. Oleh itu, susunan masa adalah lebih lentur. Persiapan untuk sebuah pesta memerlukan masa yang lama dan jemputan kedua adalah normal. Jemputan asal pasti telah diterima. Menurut kebiasaan orang Yahudi, jemputan terakhir bermaksud bahawa pesta sudah sedia. Apabila jemputan ini diberikan, perkara lain akan menjadi lebih penting. Semua alasan yang diberikan adalah tidak benar.

^k Orang ini mungkin sangat kaya. Seorang petani ataupun pemilik tanah tidak mungkin akan membeli sebidang tanah tanpa memeriksanya terlebih dahulu. Oleh itu, apa yang diberikan hanyalah sebuah alasan.

^l Lima pasang kerbau diperlukan untuk mengerjakan sebuah ladang yang berukuran seratus ekar. Ini bermaksud, lelaki tersebut adalah agak kaya. Selalunya, orang biasa tidak akan



lain berkata, 'Aku baru membeli lima pasang lembu dan hendak mencuba' haiwan itu. Maafkanlah aku.'²⁰Yang lain pula berkata, 'Aku baru sahaja berkahwin; itulah sebabnya aku tidak dapat datang.'²¹Hamba itu pulang dan memberitahu tuannya segala perkara itu. Tuan itu sangat marah, lalu berkata kepada hambanya, 'Cepatlah pergi ke jalan dan lorong di kota.^m Jemput orang miskin, orang lumpuh, orang buta, dan orang tempang.'²²Kemudian hamba itu berkata, 'Tuan, perintah tuan sudah dijalankan, tetapi masih banyak tempat yang kosong.'²³Lalu tuan itu berkata kepada hambanya, 'Pergilah ke jalan dan lorong di luar kota, dan suruh semua orang datangⁿ supaya rumahku penuh.'²⁴Ketahuilah, tidak seorang pun daripada tetamu yang aku jemput itu akan menikmati perjamuanku!^o

IV. Pengorbanan Seorang Pengikut (ay. 25-35)

²⁵Orang ramai berjalan bersama-sama Yesus; Dia berpaling dan berkata kepada mereka, ²⁶"Sesiapa yang datang kepada-Ku tetapi tidak dapat mengasih^p Aku lebih daripada ibunya, bapanya, isterinya, anak-anaknya, saudara lelakinya, dan saudara perempuannya, bahkan dirinya sendiri, tidak dapat menjadi pengikut-Ku. ²⁷Sesiapa yang tidak mahu memikul salibnya^q sendiri dan mengikut

Aku, tidak dapat menjadi pengikut-Ku. ²⁸Jika seorang daripada kamu hendak membina sebuah menara, dia akan duduk dahulu lalu mengira perbelanjaannya, supaya dia tahu sama ada wangnya cukup untuk menyudahkan pekerjaan itu. ²⁹Jika tidak, setelah meletakkan batu asasnya dia tidak dapat menyudahkan pekerjaan itu. Lalu semua orang yang melihat apa yang telah berlaku akan mentertawakan dia. ³⁰Mereka akan berkata, 'Lihatlah, orang ini memulakan kerja tetapi tidak dapat menyudahkannya!' ³¹Jika seorang raja yang mempunyai sepuluh ribu orang askar hendak berperang dengan raja lain yang mempunyai dua puluh ribu orang askar, raja itu akan duduk terlebih dahulu lalu mempertimbangkan sama ada dia cukup kuat untuk melawan musuhnya. ³²Jika dia tahu bahawa dia tidak kuat, dia akan mengirimi utusan untuk minta berdamai, semasa musuhnya masih jauh." ³³Akhirnya Yesus berkata, "Demikian juga dengan kamu. Tidak seorang pun daripada kamu dapat menjadi pengikut-Ku, kecuali dia meninggalkan segala miliknya."

³⁴"Garam sangat berguna, tetapi jika garam sudah menjadi tawar, garam itu tidak dapat menjadi masin lagi. ³⁵Garam yang tawar tidak lagi berguna untuk menyuburkan tanah ataupun untuk dijadikan baja; sebaiknya dibuang sahaja. Jika kamu bertelinga, dengarlah baik-baik!"

membeli kerbau tanpa mencubanya terlebih dahulu.

^m 'Jalan' adalah jalan besar yang digunakan oleh orang ramai, manakala 'lorong' pula adalah laluan kecil di mana golongan yang dipinggirkan oleh masyarakat boleh dijumpai. Yesus meminta tuan rumah untuk menjemput tetamu daripada tempat-tempat ini (ayat 13).

ⁿ Ini bukan bermaksud bahawa hamba tersebut harus menggunakan paksaan. Apa yang dimaksudkan adalah, hanya mereka yang miskin dan tidak suci akan tinggal di luar tembok kota. Golongan ini memerlukan usaha yang banyak untuk diyakinkan bahawa mereka benar-benar dijemput. Ini kerana mereka tidak mampu untuk menyediakan pesta sedemikian untuk menjemput kembali tuan rumah tersebut. Mereka juga datang daripada kelas sosial yang berlainan.



Teropong

^o Perumpamaan tersebut berakhir dengan amaran suram bahawa tidak ada peluang kedua bagi mereka yang telah mendapat jemputan pertama tetapi enggan untuk bertandang. Walaupun Yesus tidak mentafsirkan perumpamaan ini, tafsiran umum adalah Dia mungkin sedang memberikan amaran kepada orang Yahudi berkenaan dengan penolakan mereka untuk menerima jemputan Allah. Ia mungkin mengakibatkan Allah untuk menolak mereka dan menjemput orang bukan Yahudi.

^p Sesetengah terjemahan menyelitkan perkataan 'benci' di tempat 'menyayangi Aku lebih daripada...' Yesus bukan

bermaksud untuk kita membenci ahli keluarga kita, tetapi adalah kasih sayang para murid-Nya kepada Dia haruslah sangat besar sehingga kasih sayang dunia akan menjadi kebencian jika dibandingkan dengan-Nya. Ini adalah hiperbola, kiasan bahasa yang sering Yesus gunakan.

^q Yesus tidak menginginkan iman membuta tuli yang hanya menjangkakan berkat dan tidak mempertimbangkan kosnya terlebih dahulu. Pengikut Yesus harus mempertimbangkan jangkaan daripada Yesus sebelum melakukan komitmen seperti seorang pembina yang mengira kos ataupun raja yang menganggarkan kekuatan angkatan tenteranya (ayat 31).

^r Yesus bukan melawan pemuridan. Dia menginginkan orang ramai untuk mengira kos dan semua kerugian supaya mereka boleh mendapatkan kegembiraan sebenar seorang murid.



Mari Fikir Sejenak

- Adakah anda menganggap diri sebagai garam yang masin dan mampu memberikan rasa ataupun garam yang telah kehilangan rasa masinnya?
- Jika anda berfikir bahawa anda tidaklah semasin yang sepatutnya, apakah yang perlu anda lakukan untuk mendapatkan kembali rasa masin seorang murid Yesus?

**I. Perumpamaan Domba yang Hilang (ay. 1-7)**

15 Pada suatu hari banyak pemungut cukai dan orang yang dihina masyarakat datang mendengar Yesus. ²Lalu orang Farisi dan guru Taurat mula bersungut-sungut.^a Mereka berkata, "Lihatlah, orang ini menyambut orang yang dihina masyarakat, bahkan makan bersama-sama mereka!" ³Oleh itu Yesus menceritakan perumpamaan ini,

⁴"Andaikata seorang daripada kamu mempunyai seratus ekor domba,^b lalu kehilangan seekor, apakah yang akan dilakukannya? Tentu dia akan meninggalkan domba yang sembilan puluh sembilan ekor di padang rumput,^c lalu pergi mencari yang hilang itu sehingga dapat. ⁵Apabila dia menjumpai domba itu, dia memikulnya pada bahu.^d ⁶Dengan sukacita dia membawa domba itu pulang. Setelah itu dia memanggil kawan dan jirannya, lalu berkata kepada mereka, 'Marilah kita bergembira! Dombaku yang

hilang sudah aku jumpai semula!' ⁷Ketahuilah bahawa demikian juga di syurga ada kegembiraan yang lebih besar kerana seorang berdosa bertaubat,^e daripada kegembiraan kerana sembilan puluh sembilan orang berhormat^f yang berpendapat mereka tidak perlu bertaubat."

II. Perumpamaan Syiling yang Hilang (ay. 8-10)

⁸"Atau andaikata seorang wanita mempunyai sepuluh keping wang perak,^g lalu kehilangan sekeping, apakah yang akan dilakukannya? Dia akan memasang pelita, menyapu rumah lalu mencari wang itu dengan teliti^h sehingga dapat. ⁹Apabila dia menjumpai mata wang itu, dia memanggil kawan dan jirannya, lalu berkata kepada mereka, 'Mari kita bergembira! Wangku yang hilang sudah aku jumpai semula!' ¹⁰Percayalah, malaikat Allah juga bersukacita apabila seorang berdosa bertaubat."

**Teropong**

^a Orang Farisi dan guru Taurat menentang Yesus kerana menerima golongan sedemikian. Ini kerana peraturan mereka adalah untuk tidak melibatkan diri dengan orang yang tidak salih. Sikap ini sangat dipandang serius sehinggalah para rabbi langsung tidak akan mengajar Hukum Taurat kepada mereka. Makan bersama dengan golongan ini dipandang lebih buruk daripada melibatkan diri dengan mereka, kerana makan bersama menunjukkan penerimaan. Tetapi Yesus tidak membenarkan sikap ini daripada mempengaruhi pelayanan-Nya kepada golongan yang lapar akan Firman-Nya.

^b Situasi yang dijelaskan oleh Yesus adalah sesuatu yang lazim. Seratus ekor domba adalah saiz ternakan yang biasa, jumlah tersebut hanyalah satu anggaran.

^c 'Padang rumput' ataupun 'tempat terbuka' adalah ruang yang selamat untuk meninggalkan kawanan domba, walaupun mereka akan diserahkan kepada penjagaan orang lain.

^d Domba yang ketakutan, bingung dan terluka harus dipikul.

^e Keprihatinan dan kegembiraan Allah terhadap pertaubatan orang berdosa adalah sangat berbeza dengan sikap orang Farisi dan guru Taurat.

^f Golongan ini mungkin merujuk kepada orang Farisi dan guru Taurat yang menganggap diri mereka sebagai salih dan tidak memerlukan pertaubatan.

**Waktu Untuk Berdoa**

Ambil sedikit masa untuk berterima kasih dan memberikan pujian kepada Allah kerana sangat menyayangi anda.

**Teropong**

^g Duit syiling yang dimaksudkan adalah satu Dirham Yunani. Ia bersamaan dengan gaji sehari seorang buruh. Nilainya adalah lebih kurang sama dengan satu dinar Roma (*rujuk Bab 12, nota g*). Duit syiling ini mungkin adalah duit simpanan wanita tersebut. Ada kajian yang mengatakan biasanya duit seperti ini diikat bersama sebagai hiasan kepala. Kegunaan sebenar syiling tersebut adalah tidak penting, apa yang penting adalah ia sangat penting bagi wanita tersebut.

^h Reka bentuk rumah di Palestin tidak mempunyai tingkap menjadikan usaha pencarian sangat sukar. Dia memerlukan lampu walaupun di siang hari serta menyapu dengan penuh cermat untuk mencari syiling tersebut.

**Mari Fikir Sejenak**

- Pernahkah anda terfikir bahawa Allah dan syurga akan bergembira apabila anda mempercayai Yesus untuk menjadi anak Allah?



III. Perumpamaan Anak yang Hilang (ay. 11-32)

¹¹Yesus berkata lagi, “Ada seorang bapa mempunyai dua orang anak lelaki. ¹²Yang bongsu berkata kepada bapanya, ‘Ayah, berikanlah harta bahagianⁱ saya sekarang juga.’ Lalu bapanya membahagi hartanya antara kedua-dua orang anaknya. ¹³Beberapa hari kemudian, anak yang bongsu menjual bahagian hartanya, lalu meninggalkan rumah. Dia pergi ke negeri yang jauh, dan di sana dia memboroskan wangnya dengan hidup berfoya-foya. ¹⁴Dengan cepat wangnya habis. Pada masa itu kebuluran yang teruk melanda seluruh negeri itu, lalu hidupnya melarat kerana dia tidak mempunyai apa-apa. ¹⁵Oleh itu dia bekerja bagi seorang penduduk negeri itu, yang menyuruh dia menjaga babi^j di ladang. ¹⁶Dia begitu lapar sehingga ingin mengisi perut dengan makanan babi, tetapi tidak seorang pun memberikan makanan kepadanya. ¹⁷Akhirnya dia sedar dan berkata, ‘Semua orang gaji ayahku mendapat makanan yang berlebihan tetapi di sini aku hampir mati kelaparan!’ ¹⁸Aku akan berangkat dan pergi kepada ayahku lalu berkata begini: Ayah, saya sudah berdosa terhadap Allah dan terhadap ayah. ¹⁹Tidak layak lagi saya disebut anak ayah. Anggaplah saya sebagai orang gaji ayah.’ ²⁰Dia pun pulang kepada bapanya.

“Dia masih jauh dari rumah apabila bapanya nampak dia. Dengan penuh kasihan, bapanya lari menemui dia, lalu memeluk, dan menciumnya. ²¹‘Ayah,’ kata anak itu, ‘Saya sudah berdosa terhadap Allah dan terhadap ayah. Tidak layak lagi saya disebut anak ayah.’ ²²Tetapi bapanya memanggil hamba-

hambanya dan berkata, ‘Cepat, bawalah jubah yang terbaik dan pakailah pada dia. Kenakan cincin pada jarinya dan kasut pada kakinya.’ ²³Pilihlah anak lembu yang gemuk^k lalu sembelih. Marilah kita rayakan kepeluangannya dengan perjamuan. ²⁴Anakku ini sudah mati, tetapi sekarang hidup pula; dia sesat, tetapi sekarang ditemui semula.’ Lalu perjamuan itu dimulakan.

²⁵Sementara itu anaknya yang sulung di ladang. Dalam perjalanan pulang, apabila dekat rumah, dia mendengar muzik dan tari-tarian. ²⁶Dia memanggil salah seorang hambanya lalu bertanya, ‘Apakah yang sedang berlaku?’ ²⁷Hamba itu menjawab, ‘Adik tuan sudah kembali! Bapa tuan menyembelih anak lembu yang gemuk, kerana bapa tuan sudah mendapat anaknya kembali dalam keadaan selamat.’

²⁸Anak sulung itu begitu marah sehingga dia tidak mahu masuk ke rumah. Lalu bapanya keluar dan memujuk dia. ²⁹Tetapi dia berkata kepada bapanya, ‘Lihatlah, bertahun-tahun saya bekerja seperti seorang hamba untuk ayah. Tidak pernah saya membantah ayah. Tetapi apakah balasan ayah? Tidak seekor kambing^m pun disembelih, supaya saya boleh bersukaria dengan kawan-kawan saya! ³⁰Tetapi anak ayah ini telah memboroskan segala harta ayah dengan pelacur, dan apabila dia kembali ayah menyembelih anak lembu yang gemuk untuknya!’ ³¹Bapanya menjawab, ‘Anakku, kamu sentiasa di sini dengan ayah. Segala yang ayah miliki juga milikmu. ³²Patutlah kita adakan perjamuan dan bersukacita, kerana adikmu sudah mati, tetapi sekarang hidup pula; dulu dia sesat, tetapi sekarang sudah ditemui semula.’”



Teropong

ⁱ Bahagian yang diterima oleh anak lelaki yang lebih muda adalah satu per tiga kerana mengikut Hukum Taurat, anak lelaki sulung akan mendapat dua pertiga daripada warisan harta (Ul 21:17). Seorang ayah Yahudi mungkin membahagikan warisan tersebut tetapi dia akan tetap mendapat pendapatannya sehingga dia mati. Untuk memberikan anak lelaki yang lebih muda bahagian warisannya sewaktu diminta adalah sesuatu yang di luar daripada kebiasaan.

^j Ini adalah kejatuhan maruah mutlak bagi seorang Yahudi. Bukan sahaja pekerjaan memberikan makanan kepada babi adalah memalukan, tetapi babi juga dianggap sebagai binatang yang ‘kotor’.

^k ‘Jubah terbaik’, ‘cincin’ dan ‘kasut’ adalah tanda kedudukan dan penerimaan. Jubah yang dipakai adalah jubah istiadat bagi tetamu kehormat. Cincin menandakan kewibawaan dan kuasa manakala kasut tidak akan dipakai oleh seorang hamba (hamba selalunya berkaki ayam).

^l ‘Anak lembu yang gemuk’ ataupun ‘terbaik’ atau ‘digemukkan’, seperti yang diterjemahkan oleh versi lain, adalah anak lembu yang disimpan untuk perayaan istimewa.

^m Ini adalah makanan yang lebih murah daripada anak lembu yang gemuk.



Daripada ketiga-tiga watak di dalam perumpamaan ini, watak yang mana satukah menyerupai anda – ayah, anak lelaki sulung ataupun yang lebih muda? Mengapa?

Apakah yang Allah ingin katakan kepada anda melalui perumpamaan ini?

**I. Perumpamaan Pengurus yang Licik (ay. 1-13)**

16 Yesus berkata kepada pengikut-pengikut-Nya,^a “Ada seorang kaya mempunyai seorang pekerja yang mengurus harta bendanya. Orang kaya itu diberitahu bahawa pengurus^b itu memboroskan wang majikannya. ²Lalu orang kaya itu memanggil pengurusnya dan berkata, ‘Apakah yang aku dengar tentang dirimu? Serahkan kira-kiramu yang lengkap bagi semua hartaku, kerana mulai sekarang kamu berhenti menjadi pengurus.’ ³Pengurus itu berfikir, ‘Apakah harus aku lakukan?’^c Aku akan diberhentikan kerja. Aku tidak kuat mencangkul dan aku malu meminta sedekah. ⁴Aku tahu akan apa yang harus aku lakukan,^d supaya apabila aku diberhentikan kerja, aku mempunyai banyak kawan yang mahu menyambut aku ke rumah mereka.’ ⁵Lalu dia memanggil semua orang yang berhutang kepada majikannya. Dia bertanya kepada orang yang pertama, ‘Berapakah hutangmu kepada majikanku?’ ⁶Orang itu menjawab, ‘Seratus buah tempayan minyak zaitun.’ Pengurus itu berkata kepadanya, ‘Inilah kira-kiramu; duduklah dan tulislah lima puluh.’^e ⁷Kemudian dia berkata kepada orang yang kedua, ‘Berapakah hutangmu?’ Orang itu menjawab, ‘Seribu pikul gandum.’^f Pengurus itu berkata

kepadanya, ‘Inilah kira-kiramu; tulislah lapan ratus.’

⁸ Majikan pengurus itu memuji kecerdikan pengurus yang tidak jujur ini, kerana orang dunia ini lebih bijak mengurus urusan mereka daripada orang yang hidup dalam terang.^g”

⁹Yesus berkata lagi, “Dengarlah! Gunakanlah kekayaan dunia ini untuk mendapat sahabat, supaya apabila kekayaan dunia^h ini lenyap, kamu akan disambut ke dalam tempat kediaman yang abadi. ¹⁰Sesiapa yang setia dalam perkara kecil, akan setia juga dalam perkara besar. Tetapi sesiapa yang tidak jujur dalam perkara kecil, tidak akan jujur dalam perkara besar. ¹¹Jika kamu tidak menggunakan kekayaan duniaⁱ ini dengan setia, bagaimanakah kamu dapat menggunakan kekayaan sejati^k dengan baik? ¹²Jika kamu tidak setia kepada milik orang lain, siapakah mahu memberi kamu apa yang menjadi milik kamu?

¹³Tidak ada seorang hamba dapat melayani dua orang tuan. Dia akan membenci yang seorang dan mengasihi yang lain, atau dia akan setia kepada yang seorang dan menghina yang lain. Demikianlah kamu tidak dapat bekerja untuk Allah dan untuk kekayaan/ jua.”

**Teropong**

^a Kemungkinan besar merujuk kepada murid-murid Yesus secara umum (*rujuk 6:17; 10:1*)

^b Di dalam konteks Roma, pengurus harta adalah seorang hamba ataupun lelaki bebas yang diberi hak mengurus harta benda tuannya. Dia menguruskan semua hal ehwal perniagaan tuannya. Pengurus sedemikian mempunyai status sosial tertentu.

^c Baginya, kehilangan kedudukan sebagai pengurus mungkin bermaksud hilangnya status sosial. Ini menyebabkan satu-satunya pilihan yang dapat difikirkan adalah untuk menjadi buruh kasar ataupun meminta sedekah.

^d Pengurus tersebut tidak mempunyai sebarang penyesalan ataupun keraguan di dalam menggunakan kedudukannya untuk kepentingan diri, walaupun ini bermaksud untuk menipu tuannya. Oleh kerana sedia maklum yang dia akan kehilangan pekerjaannya, pengurus tersebut merancang masa depannya dengan mengurangkan jumlah hutang para pemiutang kepada tuannya supaya pemiutang merasa terhutang kepadanya.

^e Tidak ada kata sepakat daripada para penafsir sama ada tindakan yang dilakukan oleh pengurus tersebut adalah tidak jujur ataupun sebaliknya. Mereka tidak pasti sama ada dia memberikan harta benda tuannya ataupun sekadar membatalkan bunga bayaran yang tidak sepatutnya dikenakan oleh tuannya.

Salah satu tafsiran adalah pengurus tersebut mengurangkan

jumlah hutang oleh itu tuannya akan kehilangan bahagian yang dipinjamkannya.

Tafsiran lain pula mencadangkan bahawa pengurus tersebut mungkin telah mengenakan bayaran yang berlebihan kepada peminjam untuk mencari jalan di dalam Hukum Taurat yang mengharamkan bayaran bunga untuk dikenakan sesama orang Yahudi. Untuk mengurangkan hutang, pengurus tersebut mungkin telah mengembalikan jumlah asal dan tidak menyebabkan kerugian kepada tuannya. Ini akan memuaskah hati tuannya dan juga memenangkan hati para peminjam pada masa yang sama. Walau bagaimanapun, pengurus tersebut adalah sangat licik untuk menggunakan pelbagai cara dalam merancang bagi kesejahteraannya sendiri.

^f Jumlah yang dinyatakan adalah tidak diketahui (hasil dari lebih kurang 100 ekar tanah) tetapi ia lebih besar daripada jumlah gandum yang terlibat. Oleh kerana ia melibatkan hutang, si peminjam wang tersebut diandaikan agak kaya. Dengan menurunkan jumlah hutang dengan penuh belas kasihan, pengurus tersebut telah memberikan bantuan yang signifikan kepada mereka. Oleh itu, menurut peraturan sosial pada waktu itu, si peminjam wang kini harus mengembalikan kebaikan yang diterima dengan mengalukan pengurus itu ke rumahnya.

^g Ini merujuk kepada umat Allah.

^{h, i} Perkataan ini datang daripada bahasa Aramia ‘*mammon*’ yang bermaksud wang ataupun kekayaan secara umum.



II. Ajaran-Ajaran Yesus (ay. 14-18)

¹⁴Orang Farisi mendengar segala yang dikatakan oleh Yesus. Lalu mereka mencemuh Yesus kerana mereka suka akan wang. ¹⁵Yesus berkata kepada mereka, “Kamulah orang yang berpura-pura benar di hadapan manusia, tetapi Allah mengetahui isi hati kamu. Apa yang dianggap berharga oleh manusia, dibenci oleh Allah.

¹⁶Sebenarnya Taurat Musa^m dan ajaran nabi-nabiⁿ berlaku hanya sehingga masa Yohanes

Pembaptis. Selepas itu, Berita Baik tentang bagaimana Allah memerintah diberitakan dan orang berasak-asak hendak menikmatinya.^p ¹⁷Tetapi lebih mudah bagi langit dan bumi ini lenyap daripada satu titik^q pun dalam Taurat ditiadakan.

¹⁸Sesiapa yang menceraikan isterinya lalu berkahwin dengan wanita lain, berzina.^r Demikian juga lelaki yang berkahwin dengan wanita yang telah diceraikan, berzina juga.”

ⁱ Umat Allah harus menjadi bijak di dalam menggunakan pemberian Allah untuk membantu mereka yang memerlukan. Mereka yang menerima bantuan akan menunjukkan rasa bersyukur kepada insan yang telah membantu mereka untuk masuk ke syurga. Dengan cara ini, kekayaan dunia dapat digunakan dengan bijak untuk kebaikan abadi.

^k Kekayaan sebenar merujuk kepada semua perkara abadi yang Allah telah berikan kepada kita.

^L Perkataan ini diterjemahkan daripada perkataan ‘mammon’ (*rujuk nota di atas*) yang sama seperti di ayat 9 dan 11. Ia juga boleh dimaksudkan sebagai kekayaan dunia.



Mari Fikir Sejenak

Bagaimanakah anda melihat wang dan harta benda anda? Adakah mereka lebih penting daripada Allah?

Bagaimanakah anda boleh menggunakan wang untuk memberkati orang lain?



Teropong

^m “Hukum Musa” merujuk kepada lima kitab terawal di dalam Perjanjian Lama, iaitu dari kitab Kejadian sehingga Ulangan.

ⁿ Istilah gabungan ‘Taurat Musa dan ajaran nabi-nabi’ merujuk kepada keseluruhan Perjanjian Lama.

^o Pelayanan Yohanes Pembaptis yang menyediakan jalan untuk kedatangan Yesus Penyelamat adalah garis pemisah di antara perjanjian Allah yang lama dan baru. Pelayanan Yesus adalah permulaan bagi era perjanjian Allah yang baru manakala Perjanjian Lama adalah era untuk perjanjian Allah yang lama.

^p Terdapat beberapa variasi terjemahan untuk perkara ini tetapi ia mungkin merujuk kepada semangat yang ditunjukkan orang ramai terhadap Injil. Orang ramai berasak-asak untuk mendengar Yesus dan menerima pesanan-Nya.

^q Ini adalah rujukan terhadap ‘titik’ kecil yang terdapat di dalam huruf tulisan Ibrani. Apa yang dimaksudkan oleh Yesus adalah Hukum Taurat akan dipenuhi sehingga perincian yang sangat kecil. Yesus meyakinkan para pendengar-Nya bahawa Dia bukan datang untuk menghapuskan Hukum Taurat, tetapi untuk menggenapi setiap perincian yang ada padanya. Ia adalah cara orang Farisi dan guru Taurat mentafsir Hukum Taurat yang membawa kritikan terhadap-Nya.

^r Yesus mengesahkan kesinambungan bagi kewibawaan Hukum Taurat dengan berkata perzinahan tetap melanggar hukum dan adalah dosa.

**III. Perumpamaan Orang Kaya dan Lazarus (ay. 19-31)**

¹⁹“Ada seorang kaya; pakaiannya mahal-mahal^s dan hidupnya mewah setiap hari.” ²⁰Ada pula seorang miskin bernama Lazarus.^u Tubuhnya penuh dengan kudis yang bernanah. Lazarus biasa dibawa ke hadapan pintu rumah orang kaya itu. ²¹Dia berharap dapat mengisi perut dengan sisa-sisa yang dibuang dari meja orang kaya itu. Kadang-kadang anjing datang menjilat kudisnya. ²²Orang miskin itu meninggal lalu dibawa oleh malaikat ke sisi Abraham^v di syurga. Orang kaya itu pun meninggal dan dikebumikan. ²³Di alam maut^w dia sangat menderita. Apabila dia memandang ke atas, dia nampak Abraham jauh di sana dengan Lazarus di sisinya. ²⁴“Bapa Abraham,” seru orang kaya itu, “kasihanilah saya. Suruhlah Lazarus mencelupkan jarinya ke dalam air dan membasahkan lidah saya, kerana saya sengsara di dalam api ini!” ²⁵Tetapi Abraham menjawab, “Ingatlah, anaku, seumur hidupmu kamu sudah mendapat segala yang baik, sedangkan Lazarus mendapat segala yang buruk. Tetapi sekarang Lazarus seronok di sini,

sebaliknya kamu menderita sengsara. ²⁶Selain itu, ada pula jurang yang dalam^x di antara kamu dan kami, sehingga orang dari sini tidak dapat ke sana dan orang dari sana tidak dapat ke mari!” ²⁷“Jika demikian, Bapa Abraham,” kata orang kaya itu, “saya memohon supaya bapa menyuruh Lazarus pergi ke rumah ayah saya. ²⁸Saya mempunyai lima orang saudara. Biarlah Lazarus pergi memberikan amaran kepada mereka, supaya setidak-tidaknya mereka tidak akan datang ke tempat penderitaan ini.” ²⁹Abraham berkata kepadanya, “Tidakkah mereka mempunyai Kitab Musa dan Kitab Nabi-Nabi^y yang memberikan amaran kepada mereka? Sepatutnya mereka mendengarkan amaran kitab-kitab itu!” ³⁰Tetapi orang kaya itu menjawab, “Hal itu tidak cukup, Bapa Abraham. Jika ada seorang bangkit daripada kematian lalu datang kepada mereka, tentu mereka akan bertaubat daripada dosa.” ³¹Tetapi Abraham berkata kepadanya, “Jika mereka tidak mendengarkan ajaran Musa dan nabi-nabi, mereka tidak akan percaya juga sekalipun ada orang bangkit daripada kematian.””

**Teropong**

^s Terjemahan lain mempunyai ayat ‘kain linen warna ungu yang berkualiti’. Hanya orang kaya sahaja yang mampu mewarnakan kain mereka kepada warna ungu. Memakai jubah putih (melambangkan status sosial yang tinggi) di bawah jubah ungu adalah tanda kekayaan yang melampau.

^t Seseengah terjemahan mempunyai perkataan ‘berpesta dengan mewah’, mencadangkan bahawa lelaki tersebut mengadakan pesta makan besar-besaran setiap hari. Dia digambarkan sebagai seorang yang sangat kaya.

^u Ini adalah satu-satunya perumpamaan di mana Yesus memberikan nama kepada watak dalam cerita-Nya.

^v Seseengah terjemahan mempunyai perkataan ‘dada Abraham’. Buku Talmud, iaitu buku penjelasan bagi Mishnah (*rujuk ‘Tradisi Pemimpin Agama’, ms 9*), mengatakan sisi ataupun dada Abraham sebagai rumah bagi orang salih. Ia adalah tempat penuh berkat yang akan dituju oleh orang salih apabila mereka meninggal dunia sambil menunggu Hari Penghakiman. Idea yang dimaksudkan adalah Lazarus sedang menikmati waktu penuh gembira bersama Abraham, bapa leluhur yang agung di dalam jaman syurgawi.

^w Terdapat dua perkataan yang diterjemahkan sebagai “neraka” di dalam Perjanjian Baru. Perkataan pertama adalah “Hades”. Ia digunakan untuk menterjemah perkataan ‘Sheol’ yang terdapat di dalam Perjanjian Lama. Sheol adalah tempat yang dituju oleh orang mati untuk menunggu penghakiman terakhir. Ia juga difahami sebagai tempat yang dituju oleh orang yang jahat, mereka yang mati di bawah kemurkaan Allah.

Perkataan kedua yang diterjemahkan sebagai ‘neraka’ di dalam bahasa Yunani adalah *Gehenna*. Ia adalah satu simbol kepada tempat untuk hukuman abadi. Hades dan Gehenna tidak pernah digunakan sebagai tempat untuk umat Allah di dalam Perjanjian Baru. Hades adalah antonim bagi tempat dan keadaan Lazarus yang dipenuhi berkat (*rujuk Bab 12, nota f*).

^x Gambaran ini digunakan untuk menunjukkan bahawa tidak ada peluang untuk menukar keadaan di alam maut nanti.

^y ‘Musa’ bermaksud hasil tulisan Musa, dan gabungan dengan ‘nabi-nabi’ merujuk kepada keseluruhan Perjanjian Lama. Oleh itu, orang kaya tersebut menderita bukan kerana kekayaannya tetapi kerana telah mengabaikan Firman Allah dan ajarannya. Sekiranya minda seseorang telah tertutup kepada Firman Allah, maka tidak ada bukti, mahupun kebangkitan orang mati yang mampu mengubah orang tersebut.

I. Yesus Mengajar tentang Pengampunan, Iman dan Tanggungjawab (ay. 1-10)

17 Yesus berkata kepada pengikut-pengikut-Nya, “Hal-hal yang menyebabkan orang berbuat dosa pasti ada, tetapi malanglah orang yang menyebabkan hal-hal itu berlaku! ²Lebih baik jika batu kisanan^a diikat pada lehernya, lalu dia dibuang ke dalam laut, daripada dia menyebabkan salah seorang yang lemah imannya^b berbuat dosa. ³Berwaspadalah! Jika saudara kamu berdosa, tegurlah^c dia. Jika dia bertaubat, ampunilah dia.

⁴Jika dia berdosa terhadap kamu tujuh kali^d dalam sehari dan tiap-tiap kali dia datang kepada kamu serta berkata, ‘Saya minta ampun,’ kamu harus mengampuninya.”

⁵Rasul-rasul Yesus berkata kepada Yesus, “Tuhan, teguhkanlah^e iman kami.”

⁶Tuhan menjawab, “Jika kamu mempunyai iman sebesar biji sawi, kamu dapat berkata kepada pokok ara^f ini, ‘Tercabutlah dan tertanamlah di laut.’ Pasti pokok itu akan menurut perintah kamu.”

⁷“Andaikan seorang daripada kamu mempunyai seorang hamba yang sedang membajak atau mengembalakan domba. Apabila hamba itu balik dari ladang, adakah kamu berkata kepadanya, ‘Marilah dan makanlah?’ ⁸Tentu tidak! Sebaliknya kamu akan berkata kepadanya, ‘Siapkanlah makananku. Kenakan pakaian yang bersih dan layanilah aku sementara aku makan dan minum, setelah itu barulah kamu makan.’ ⁹Seorang hamba tidak perlu dipuji apabila dia menurut perintah tuannya, bukan? ¹⁰Demikian juga kamu. Apabila kamu sudah melakukan segala yang diperintahkan, berkatalah, ‘Kami hanya hamba biasa; kami hanya melakukan kewajipan.’”



Teropong

^a Batu kisanan adalah sebiji batu berat yang digunakan untuk mengisar gandum. Yesus mengatakan bahawa kematian yang dahsyat adalah lebih baik daripada dihakimi oleh Allah kerana mengakibatkan ancaman secara rohani kepada ‘merek yang lemah’ (*rujuk nota di bawah*).

^b ‘Yang lemah’ mungkin merujuk kepada mereka yang masih muda ataupun baru di dalam iman. Ia juga mungkin merujuk kepada mereka yang tidak mempunyai tempat di dalam masyarakat: seperti golongan orang miskin, cacat, tempang, buta yang menjadi penerima kepada pelayanan Yesus.

^c Seorang murid mempunyai tanggungjawab untuk membantu dan memberikan amaran kepada rakan-rakan Kristian yang berbuat dosa supaya mereka tidak tinggal di dalam dosa dan mempunyai peluang untuk bertaubat. Ia juga bukan bermaksud untuk kita menjadi sangat kritikal kerana konteks ajaran ini adalah pengampunan. Ia bermaksud kita tidak seharusnya menjadi tidak peduli kepada dosa.

^d Ini tidak bermaksud tujuh kali secara harafiah tetapi kita harus berbesar hati untuk memberikan kemaafan tanpa had. Ini adalah reaksi yang baik bagi mereka yang telah menerima pengampunan.

^e Murid-murid Yesus mungkin berfikir bahawa pengampunan ini memerlukan lebih banyak iman daripada yang mereka miliki. Mereka menginginkan iman yang lebih besar untuk memenuhi piawai yang ditetapkan Yesus.

^f Pokok ara mampu membesar sehingga ketinggian 12 meter (35 kaki) dan ia sangat sukar untuk dicabut. Yesus mengatakan yang jumlah iman adalah tidak penting. Iman yang kecil sudah mampu untuk melakukan pekerjaan yang hebat jika mereka mempunyai iman yang benar serta mempercayai Allah akan menjawab iman tersebut.



Bukan mudah untuk memaafkan orang, terutama sekali mereka yang telah melukakan kita dengan buruk sekali. Tetapi Yesus meminta kita berbuat demikian.

Adakah insan yang sukar anda maafkan? Mintalah kepada Allah untuk mengingatkan kembali mereka yang masih belum anda maafkan dan senaraikan nama mereka.



Ambillah langkah untuk memberikan kemaafan. Mintalah bantuan daripada Allah jika anda sukar melakukannya.



II. Yesus Menyembuhkan Sepuluh Orang yang Berpenyakit Kulit (ay. 11-19)

¹¹Dalam perjalanan ke Yerusalem, Yesus melalui sempadan Samaria dan Galilea.⁹ ¹²Apabila Dia memasuki sebuah pekan, sepuluh orang berpenyakit kulit^h yang mengerikan datang menjumpai Dia. Mereka berdiri dari jauhⁱ ¹³dan berseru, “Yesus! Tuan! Kasihanilah kami!”

¹⁴Yesus melihat mereka lalu berkata, “Pergilah dan mintalah imam mengesahkanⁱ kesembuhan kamu.”

Dalam perjalanan ke sana mereka sembuh.

¹⁵Ketika seorang daripada mereka sedar bahawa dia sudah sembuh, dia berpatah balik sambil memuji Allah dengan suara yang kuat. ¹⁶Dia sujud di hadapan Yesus dan mengucapkan terima kasih kepada-Nya. Orang itu orang Samaria. ¹⁷Yesus berkata, “Bukankah sepuluh orang yang disembuhkan? Di manakah yang sembilan orang lagi? ¹⁸Mengapakah orang bangsa asing ini sahaja yang kembali untuk bersyukur kepada Allah?”^k ¹⁹Lalu Yesus berkata kepada orang itu, “Bangunlah dan pergilah; kamu sembuh kerana kamu percaya kepada-Ku.”



Teropong

^g Kampung ini terletak di antara Samaria dan Galilea. Oleh itu, terdapat penghidad kusta yang berbangsa kacukan Yahudi dan Samaria. Bangsa Yahudi dan Samaria selalunya tidak bergaul tetapi kesengsaraan yang dialami bersama para penghidad kusta menghancurkan tembok tersebut.

^h Rujuk Bab 5, nota g.

ⁱ Hukum Taurat menggesa penghidad penyakit kusta untuk menjauhkan diri daripada orang ramai. Akan tetapi, mereka berani untuk datang rapat dan berteriak meminta pertolongan kepada Yesus. Mereka tidak meminta penyembuhan secara khusus, tetapi untuk belas kasihan kerana Yesus mengasihani mereka.

^j Apabila Yesus melihat mereka, Dia tidak berkata bahawa mereka telah disembuhkan tetapi menyuruh mereka untuk berjumpa dengan imam. Ini adalah satu proses yang biasa diambil apabila seorang penghidad kusta pulih. Imam bertugas sebagai penilai kesihatan untuk mengesahkan bahawa mereka benar-benar sembuh (Imamat 14). Yesus menguji iman mereka untuk bertindak seakan-akan telah dipulihkan. Mereka patuh menurut perintah dan akhirnya menerima kesembuhan.

^k Orang Samaria – orang luar, dijangka untuk menjadi yang terakhir untuk berterima kasih kepada seorang penyembuh Yahudi. Tetapi Lukas mengatakan bahawa dia adalah orang pertama dan satu-satunya yang berterima kasih kepada Yesus. Sembilan yang lain sangat taksub dengan kegembiraan sendiri sehingga tidak terfikir untuk kembali berterima kasih kepada Yesus.

^l Frasa ini juga boleh dibaca sebagai ‘imanmu telah menyelamatkan kamu’. Yesus mungkin melihat hati yang benar terhadap Allah di dalam lelaki Samaria tersebut. Oleh itu Dia memberikan jaminan jiwanya juga sihat seperti tubuhnya. Pemulihan yang lengkap bermaksud jiwa yang selamat disertai dengan tubuh yang sihat.



Mari Fikir Sejenak

- Adakah anda ingat untuk berterima kasih dan memuji Allah setiap kali anda melihat Dia bekerja di dalam hidup anda?



Waktu Untuk Berdoa



Bilakah kali terakhir anda berterima kasih kepada Allah kerana melayan anda dengan baik? Luangkan sedikit masa untuk memikirkan perkara-perkara khusus yang telah dilakukan-Nya untuk anda dan berterima kasihlah untuknya.



Ayat Hafalan

Engkaulah Allahku, aku bersyukur kepada-Mu; aku akan mengagungkan Engkau. Bersyukurlah kepada TUHAN, kerana Dia baik, dan kasih-Nya kekal abadi.
(Mazmur 118:28-29)



III. Kedatangan Kerajaan Allah (ay. 20-37)

²⁰Beberapa orang Farisi bertanya kepada Yesus, “Bilakah Allah akan datang untuk memerintah?” Yesus menjawab, “Pemerintahan Allah tidak bermula dengan tanda-tanda yang dapat dilihat, ²¹sehingga orang dapat berkata, ‘Lihatlah di sini!’ atau ‘Lihatlah di sana!’; kerana Allah sudah mula memerintah antara” kamu.”

²²Setelah itu Yesus berkata kepada pengikut-pengikut-Nya,ⁿ “Masanya akan tiba apabila kamu berharap dapat melihat zaman Anak Manusia, tetapi kamu tidak dapat melihatnya. ²³Nanti orang akan berkata kepada kamu, ‘Lihat, di situ!’ atau, ‘Lihat, di sini!’ Jangan kamu keluar mencarinya.^o ²⁴Sebagaimana kilat memancar di langit lalu menerangi langit dari hujung ke hujung^p, demikian juga keadaan Anak Manusia pada masa itu. ²⁵Tetapi terlebih dahulu Dia mesti mengalami banyak penderitaan dan tidak diterima oleh orang zaman ini. ²⁶Seperti pada zaman Nabi Nuh^q dahulu, demikian juga halnya pada masa Anak Manusia kelak. ²⁷Orang makan dan minum; lelaki dan perempuan berkahwin sehingga pada hari Nabi Nuh masuk ke dalam bahtera. Lalu air bah datang dan membinasakan mereka semua. ²⁸Juga

seperti pada zaman Lot;^r orang makan minum, berjual beli, bercucuk tanam, dan membina rumah. ²⁹Tetapi pada hari Lot meninggalkan Sodom, api dan belerang turun dari langit dan membinasakan mereka semua. ³⁰Demikianlah keadaannya pada hari Anak Manusia menampakkan diri.

³¹Pada hari itu, orang yang di bumbung rumah, janganlah turun untuk mengambil barang di dalam rumah.^s Begitu juga orang yang di ladang, janganlah balik ke rumah.^t ³²Ingatlah akan apa yang sudah berlaku terhadap isteri^u Lot! ³³Sesiapa yang berusaha mempertahankan hidupnya akan kehilangan hidup yang sejati, tetapi sesiapa yang mengorbankan hidupnya akan menyelamatkannya.^v ³⁴Percayalah, pada malam itu dua orang sedang tidur di atas sebuah katil; seorang akan dibawa dan seorang lagi ditinggalkan. ³⁵Dua orang wanita sedang menggiling gandum; seorang akan dibawa dan seorang lagi ditinggalkan.^w

[³⁶Dua orang lelaki sedang di ladang; seorang akan dibawa dan seorang lagi ditinggalkan.]”

³⁷Pengikut-pengikut Yesus bertanya, “Di mana, ya Tuhan?” Yesus menjawab, “Di tempat ada bangkai, di situ ada burung pemakan bangkai.^x”



Teropong

^m Yesus mengatakan bahawa Kerajaan Allah tidak menyerupai mana-mana kerajaan yang diketahui oleh orang Farisi. Ia bersifat dalaman serta rohani dan bukannya fizikal dan luaran. Oleh itu kedatangannya tidak boleh dilihat dengan mata kasar. ‘Antara kamu’ tidak boleh ditafsir bahawa Kerajaan Allah wujud di dalam orang Farisi kerana mereka tidak mempercayai dakwaan Yesus tentang identiti-Nya. Padahal, Kerajaan Allah sudah ada bersama mereka, wujud di dalam peribadi dan pelayanan Yesus dan mereka tidak mampu mengenalnya.

ⁿ Kemudian Yesus mengatakan masa depan Kerajaan tersebut kepada murid-murid-Nya. Kedatangan semula Anak Manusia akan menjadi sangat nyata. Tetapi Dia harus diseksa dan ditolak terlebih dahulu.

^o Mereka tidak harus meninggalkan pekerjaan semata-mata untuk mengejar ramalan kedatangan Yesus yang kedua kali.

^p Yesus akan kembali secara tiba-tiba, tanpa jangkauan di hadapan umum. Semua orang akan melihat-Nya.

^q *Rujuk Kejadian 6:9.* Sebelum kedatangan semula Anak Manusia, kehidupan akan diteruskan dengan biasa. Orang ramai pada waktu nabi Nuh leka bukan dengan kegiatan berdosa, tetapi dengan kegiatan kehidupan seharian sehingga mereka tidak mempedulikan Nuh. Hasilnya mereka dihambur kemusnahan yang seharusnya boleh dielakkan.

^r Yesus memberikan amaran yang serupa dengan pengalaman Lot (*rujuk Kej 19:1*). Pada waktu itu, orang ramai leka dengan hal masing-masing dan tidak mempedulikan amaran untuk meninggalkan Sodom.

^s Sudah menjadi kebiasaan ramai untuk bersantai di atas bumbung rumah yang rata. Apabila akhir zaman tiba, mereka yang berehat di atas bumbung tidak seharusnya berfikir untuk kembali ke dalam rumah untuk menyelamatkan harta benda.

^t Kedatangan mengejut Anak Manusia langsung tidak memberikan peluang untuk seseorang mengumpulkan harta bendanya. Terdapat kegentingan di dalam memilih nilai-nilai abadi dan juga keprihatinan duniawi.

^u *Rujuk Kej 19:26.* Isteri Lot berada di dalam perjalanan untuk meninggalkan kota untuk mencari tempat berlindung. Akan tetapi, kerana keberatan untuk meninggalkan hidup lamanya, dia berpaling untuk melihat Sodom dan terperangkap di dalam kemusnahannya.

^v Kata-kata Yesus ini boleh didapati di dalam keempat-empat Injil. Ia diulang sebanyak dua kali di dalam dua daripada empat Injil-Injil tersebut. Inilah kata-kata Yesus yang paling diberikan penekanan.

^w Mereka yang sangat rapat (di rumah dan juga di tempat kerja) akan turut dipisahkan, seorang akan diambil untuk bersekutu dengan Allah dan yang seorang lagi dibiarkan untuk dihukum. Tidak kira betapa rapatnya dua orang di dalam hidup, mereka tidak dijamin untuk memiliki nasib abadi yang sama.

^x Kedatangan Anak Manusia akan dapat dilihat di semua tempat oleh setiap orang (ayat 22-24). Yesus menjelaskannya pertanyaan murid-murid-Nya dengan menggunakan perumpamaan, di mana sama seperti kemunculan burung pemakan bangkai menandakan adanya mayat, kehadiran-Nya pada waktu tersebut adalah sangat nyata.



I. Perumpamaan tentang Seorang Balu dan Seorang Hakim (ay. 1-8)

18 Kemudian Yesus menceritakan perumpamaan ini untuk mengajar pengikut-pengikut-Nya supaya sentiasa berdoa^a dan tidak putus asa. ²Yesus berkata, “Di sebuah kota ada seorang hakim yang tidak takut akan Allah dan tidak peduli akan sesiapa pun.^b ³Di kota itu juga ada seorang balu^c yang selalu datang kepada hakim itu untuk memohon supaya perkaranya dibela. ‘Tolonglah saya menghadapi lawan saya,’ kata balu itu. ⁴Sudah lama hakim itu tidak mahu menolong balu itu, tetapi akhirnya hakim itu berkata dalam hati,

‘Sungguhpun aku tidak takut akan Allah dan tidak peduli akan sesiapa pun, ⁵tetapi kerana balu ini terus mengganggu aku, biarlah aku membela perkaranya. Jika tidak, dia akan terus-menerus datang dan menyusahkan^d aku!’”

⁶Lalu Tuhan berkata, “Dengarlah apa yang dikatakan oleh hakim yang jahat itu! ⁷Tidakkah Allah akan membela umat-Nya yang berseru kepada-Nya siang malam?^e Adakah Dia akan berlambat-lambat untuk menolong mereka?^f ⁸Percayalah, Allah akan membela mereka dengan segera!^g Tetapi, adakah Anak Manusia akan menjumpai orang yang percaya kepada-Nya di bumi ini, apabila Dia datang?”^h



Teropong

^a Ajaran Yesus mengatasi ajaran orang-orang Yahudi. Mereka menghadkan bilangan doa dalam sehari agar tidak menyusahkan/membebankan Allah. Bilangan doa maksimum yang diterima adalah sebanyak tiga kali sehari.

^b Hakim tersebut tidak memperdulikan keperluan orang lain ataupun pandangan mereka terhadapnya.

^c Balu tersebut adalah simbol kepada ketidakupayaan. Dia merupakan seorang insan yang sangat terancam dan tidak berupaya kerana tidak memiliki keluarga untuk menanggungnya. Dia tidak mampu memberi rasuah ataupun mengupah seorang pembela untuk memberikan tekanan kepada hakim tersebut. Dia tidak memiliki apa-apa selain daripada kececalan diri dan juga keadilan yang menyebehalinya.

^d Maksud harafiah bagi frasa ‘menyusahkan aku’ adalah ‘menghitamkan mata’. Lukas menggunakan frasa yang dipinjam daripada gelanggang tinju ini untuk menggambarkan hakim tersebut ditolak ke penjuru dan dibelasah oleh seorang individu yang paling tidak penting di dalam masyarakat.

Yesus menekankan inisiatif dan kececalan yang mengagumkan seorang wanita yang dianggap tidak berdaya di dalam ketidak-adilan.

^e Jika seorang hakim yang tidak adil lagi berhati batu ke atas

rasa betul dan salah mampu dipaksa oleh kececalan untuk bertindak adil di dalam membantu seorang insan yang tidak berdaya, Allah yang adil pasti akan menjawab doa.

^f Allah tidak akan melengah-lengahkan bantuan terhadap umat pilihan-Nya jika mereka benar. Dia bukan seperti hakim yang tidak adil yang memerlukan desakan sehingga akhirnya letih sebelum mengalah.

^g Kita harus memahami bahawa semuanya selaras dengan waktu Allah di mana sehari adalah seperti seribu tahun dan seribu tahun adalah seperti sehari kepada-Nya (2 Pet 3:8). Jaminan Yesus adalah kita boleh yakin bahawa Allah akan mengambil tindakan dengan pantas di pihak kita walaupun kita tidak mengetahui waktu-Nya.

^h Yesus mungkin berkata-kata tentang kesetiaan dan iman yang berterusan di dalam doa.



Kebimbangan apakah yang anda tidak lagi doakan kerana Allah seakan-akan tidak menjawab anda?

Apa yang boleh anda pelajari daripada balu tersebut untuk membantu anda untuk tidak putus harapan berkenaan dengan doa yang sepertinya tidak dijawab?



II. Perumpamaan tentang Orang Farisi dan Pemungut Cukai (ay. 9-14)

⁹Yesus juga menceritakan perumpamaan ini kepada orang yang menghina orang lain, tetapi menganggap diri mereka baik. ¹⁰Yesus berkata, “Dua orang pergi ke Rumah Tuhan untuk berdoa.ⁱ Yang seorang orang Farisi dan yang seorang lagi pemungut cukai. ¹¹Orang Farisi itu berdiri sendirian^j dan berdoa,^k ‘Aku bersyukur kepada-Mu, ya Allah, kerana aku tidak seperti orang lain yang tamak, suka menipu atau berzina. Aku bersyukur kerana aku tidak seperti pemungut cukai ini. ¹²Aku berpuasa dua kali seminggu^l dan aku mempersembahkan sepersepuluh daripada segala pendapatanku.’^m ¹³Tetapi pemungut cukai itu berdiri agak jauh dan tidak berani menengadah ke langit. Dia menebah dadaⁿ kerana menyesal sambil berkata, ‘Ya Allah, kasihanilah hamba, orang berdosa ini!’” ¹⁴Yesus berkata kepada mereka, “Percayalah,

apabila mereka pulang ke rumah, pemungut cukailah yang diterima oleh Allah^o dan bukan orang Farisi itu. Setiap orang yang meninggikan diri akan direndahkan dan setiap orang yang merendahkan diri akan ditinggikan.”

III. Yesus Memberkati Anak-Anak (ay. 1-5-17)

¹⁵Beberapa orang membawa anak-anak kecil kepada Yesus supaya Yesus meletakkan tangan-Nya pada anak-anak itu dan memberkati mereka. Ketika pengikut Yesus nampak hal itu, mereka menegur^q orang di situ. ¹⁶Tetapi Yesus memanggil anak-anak itu lalu berkata, “Biarlah anak-anak datang kepada-Ku! Jangan larang mereka, kerana orang semacam inilah yang akan menikmati Pemerintahan Allah. ¹⁷Ingatlah! Orang yang tidak menyambut Pemerintahan Allah seperti seorang anak, tidak akan menikmati Pemerintahan-Nya.”



Teropong

ⁱ Jadual doa umum di dalam Rumah Tuhan diselaraskan dengan korban pagi dan petang. Pada masa yang sama, orang ramai boleh berkunjung ke Rumah Tuhan pada bila-bila masa untuk doa persendirian.

^j Postur biasa untuk berdoa adalah dengan berdiri. Orang Farisi tersebut menjauhkan dirinya daripada orang lain kerana beranggapan dia adalah lebih salih daripada mereka.

^k Doanya meluahkan inti bagi fahaman Farisi – mengasingkan diri dari yang lain (*rujuk ‘Orang Farisi’, ms 14*). Tindakan ini tidak salah kerana fahaman Farisi bermula untuk mengekalkan kesucian agama Yahudi daripada pengaruh Yunani. Akan tetapi, menjelang beberapa ketika, ia bertukar menjadi kebongkakan di kalangan orang Farisi.

^l Puasa tidak diarahkan di dalam Hukum Taurat kecuali pada Hari Penebusan. Mereka yang warak selalunya berpuasa lebih daripada yang diperlukan. Mereka berpuasa sebanyak dua kali seminggu, pada hari Isnin dan Khamis.

^m Hukum Taurat menghendaki Persepuluhan dilakukan ke atas beberapa jenis pendapatan tertentu sahaja. Orang Farisi berbangga kerana berbakti lebih daripada yang diperintahkan oleh Hukum Taurat dengan memberikan sepuluh peratus daripada semua hasil pendapatan. Oleh itu, dia melihat dirinya sebagai lebih salih daripada semua yang dirujuknya di dalam doanya.

ⁿ Adalah menjadi kebiasaan ramai untuk menengadah ke langit sewaktu berdoa. Akan tetapi, pemungut cukai tersebut berasa tidak layak untuk berbuat demikian. Dia

menebah dadanya sebagai tanda kepiluan. Dia tidak berani merayu untuk amalan baik tetapi belas kasihan Allah di dalam mengampunkan dosanya. Ini bertentangan dengan orang Farisi yang sangat membanggakan diri sehingga dia berterima kasih kepada Allah untuk kebaikan dirinya.

^o Allah mengampunkan dosanya dan hubungannya dengan Allah dipulihkan semula.



Teropong

^p Sewaktu kurun yang pertama, kanak-kanak terdedah kepada persekitaran yang buruk. Ini menyebabkan kadar kematian yang tinggi di kalangan mereka. Sentuhan Yesus mungkin memberikan rahmat ilahi dan juga penyembuhan ke atas mereka.

^q Kanak-kanak dipandang sebagai ‘golongan bukan dewasa’ seraya mempunyai nilai yang rendah sebagai manusia. Ditambah pula dengan kadar kematian yang tinggi, mereka kian dipandang sebagai tidak penting. ‘Anak kecil’ adalah istilah yang biasa digunakan untuk kanak-kanak dan hamba di rumah! Oleh itu, murid-murid Yesus mungkin berfikir bahawa Dia tidak seharusnya membuang masa terhadap golongan yang tidak penting ini.

^r Perbandingan tersebut menunjukkan kanak-kanak adalah lebih terbuka daripada orang dewasa. Kerajaan Allah dimiliki oleh mereka yang bersedia untuk menerima kerajaan tersebut sebagai pemberian Allah dengan sepenuh hati, seperti seorang kanak-kanak. Mereka sedar betapa tidak berdayanya mereka kerana kemasukan di dalam Kerajaan Allah adalah bukan dengan amalan baik seseorang tetapi melalui Kasih Kurnia Allah.

**IV. Pemimpin Yahudi yang Kaya (ay. 18-30)**

¹⁸Seorang pemimpin Yahudi bertanya kepada Yesus, “Ya Guru yang baik,¹ apakah yang harus saya lakukan supaya beroleh hidup sejati dan kekal?”

¹⁹Yesus bertanya kepadanya, “Mengapa kamu mengatakan Aku baik?² Tiada seorang pun yang baik kecuali Allah. ²⁰Kamu mengetahui hukum Allah: ‘Jangan berzina; jangan membunuh; jangan mencuri; jangan berikan kesaksian palsu dan hormatilah ibu bapamu.’”

²¹Orang itu menjawab, “Sejak muda³ saya menurut segala hukum⁴ itu.”

²²Apabila Yesus mendengar hal itu, Dia berkata kepadanya, “Masih ada satu perkara yang harus kamu lakukan: Juallah segala hartamu⁵ lalu dermakan wangnya kepada orang miskin, maka kamu akan beroleh harta di syurga.⁶ Kemudian ikutlah Aku.”

²³Tetapi apabila orang itu mendengar kata-kata Yesus, dia sedih kerana dia sangat kaya.⁷

²⁴Yesus melihat bahawa dia sedih. Oleh itu Dia berkata, “Alangkah susahya bagi seorang kaya menikmati Pemerintahan Allah! ²⁵Lebih mudah bagi seekor unta memasuki lubang jarum⁸ daripada seorang kaya menikmati Pemerintahan Allah.”

²⁶Orang yang mendengar kata-kata Yesus bertanya, “Jika demikian, siapa yang dapat diselamatkan?”⁹ ²⁷Yesus menjawab, “Apa yang mustahil bagi manusia, tidak mustahil bagi Allah!”¹⁰

²⁸Lalu Petrus berkata, “Lihatlah, kami sudah meninggalkan rumah tangga untuk mengikut Guru.”

²⁹“Betul!” kata Yesus. “Percayalah, sesiapa yang meninggalkan rumah, atau isteri, atau saudara, atau ibu bapa, atau anak-anak kerana mengabdikan diri kepada Allah, ³⁰akan mendapat ganjaran yang berlipat ganda pada masa ini, dan pada zaman yang akan datang¹¹ dia akan menerima hidup sejati dan kekal.”



Ada tidak mereka yang anda fikirkan tidak layak menerima masa ataupun kebaikan daripada anda?

Apakah yang Yesus akan katakan kepada anda berkenaan cara melayan mereka?



⁵ Terdapat terjemahan lain yang menggunakan istilah ‘pemerintah’. Istilah ini adalah sangat umum. Orang yang dimaksudkan mungkin datang daripada status sosial dan Rumah Ibadat yang tinggi.

⁷ Para rabbi tidak pernah dipanggil ‘baik’ kerana orang Yahudi mengkhaskan sifat tersebut untuk Allah. Dia mungkin mencuba untuk memuji Yesus, dan menyebabkan Yesus berdepan dengannya menggunakan soalan tersebut.

¹¹ Yesus tidak menafikan kebaikan-Nya tetapi memaksa lelaki tersebut untuk mengenali bahawa harapannya bergantung dengan sepenuhnya kepada Allah.

¹² Kelima-lima hukum yang dituturkan oleh Yesus berkaitan dengan kekeluargaan dan hubungan bersama komuniti. Hukum-hukum tersebut melarang tindakan dan kelakuan yang salah terhadap sesama sendiri.

¹³ Seseengah terjemahan mempunyai tambahan ‘sejak dari kecil’. Ini mungkin bermaksud sejak dari umur 13 tahun, apabila kanak-kanak lelaki Yahudi dianggap sebagai orang dewasa dan bertanggungjawab ke atas diri sendiri untuk

memikul peranan mematuhi hukum-hukum Allah.

¹⁴ Lelaki tersebut berkata-kata dengan jujur kerana baginya mematuhi Hukum Taurat adalah berkenaan dengan tindakan luaran.

¹⁵ Tidak ada indikasi bahawa perintah Yesus terhadap lelaki tersebut ditujukan kepada semua orang Kristian. Akan tetapi, masalah utama lelaki tersebut adalah kekayaannya (*rujuk ayat 23*). Oleh itu, penyelesaian Yesus untuk lelaki tersebut adalah untuk menghapuskan kekayaannya.

¹⁶ Ini mungkin merujuk kepada kurnia hidup yang kekal, sebuah harta karun yang tidak boleh diperoleh dengan penafian diri ataupun dengan memberikan kekayaan diri kepada orang lain melainkan hanya dengan mengikuti Yesus. Dengan menghapuskan kekayaannya, dia telah menghapuskan rintangan yang menghalangnya daripada mempercayai Yesus.

¹⁷ Keputusan tragik yang dipilih oleh lelaki tersebut untuk berpaling menunjukkan yang dia lebih menyayangi harta benda daripada hidup yang kekal.

¹⁸ Ini adalah sebuah ungkapan untuk menunjukkan satu situasi yang mustahil. Unta adalah haiwan terbesar di tanah Palestin. Oleh itu, idea untuk memasukkan haiwan terbesar melalui ruang yang paling kecil melambangkan perkara yang tidak boleh dilakukan oleh manusia.

¹⁹ Sudah menjadi kepercayaan ramai bahawa kekayaan adalah satu tanda berkat daripada Allah. Mereka kemudian bertanya jika orang kaya tidak boleh diselamatkan, apakah harapan yang ada untuk golongan yang tidak diberkati oleh Allah.

²⁰ Jawapan Yesus menjelaskan bahawa keselamatan adalah pekerjaan Allah. Sebarang cubaan untuk memasuki Kerajaan Allah berdasarkan pencapaian ataupun kecemerlangan sendiri adalah sia-sia. Ini kerana, tidak ada sesiapa pun yang boleh diselamatkan tanpa kasih kurnia Allah.



V. Kali Ketiga Yesus Berkata tentang Penderitaan dan Kematian-Nya (ay. 31-34)

³¹Yesus memanggil dua belas orang pengikut-Nya, lalu berkata kepada mereka, "Dengarlah! Kita sekarang menuju ke Yerusalem. Di sana segala yang ditulis oleh nabi-nabi tentang Anak Manusia^f akan berlaku. ³²Dia akan diserahkan kepada orang bukan Yahudi^g lalu mereka akan mempermainkan, menghina, dan meludahi Dia. ³³Mereka akan menyesah dan membunuh Dia; tetapi pada hari ketiga, Dia akan bangkit semula."

³⁴Semuanya itu tidak difahami sedikit pun oleh pengikut Yesus. Makna ucapan itu dirahsiakan^h daripada mereka. Mereka tidak mengetahui apa yang dimaksudkan oleh Yesus.

VI. Yesus Menyembuhkan Pengemis Buta (ay. 35-43)

³⁵Yesus hampir tiba di Yerikho.ⁱ Di situ ada seorang buta yang sedang duduk di pinggir jalan

meminta sedekah. ³⁶Apabila orang buta^j itu mendengar orang ramai lalu di situ, dia bertanya, "Apa sedang berlaku?"

³⁷Mereka memberitahu dia, "Yesus, orang Nasaret itu, lalu."

³⁸Segera dia berseru, "Yesus, Anak Daud!^k Kasihanilah saya!"

³⁹Semua orang yang di hadapan memarahi dia dan menyuruh dia diam. Tetapi dia berseru lebih kuat lagi, "Anak Daud, kasihanilah saya!"

⁴⁰Yesus berhenti dan menyuruh orang membawa orang buta itu kepada-Nya. Apabila dia tiba, Yesus bertanya kepadanya, ⁴¹"Apakah yang kamu mahu Aku lakukan utukmu?" Orang buta itu menjawab, "Tuan,^l saya ingin melihat semula."

⁴²Yesus berkata kepadanya, "Jika demikian, lihatlah! Kerana kamu percaya kepada-Ku, kamu sembuh." ⁴³Seketika itu juga dia dapat melihat, lalu dia mengikut Yesus, sambil memuliakan Allah. Apabila orang ramai nampak hal itu, mereka memuji Allah.

^e Kedua-dua istilah 'masa ini' dan 'zaman yang akan datang' melambangkan keseluruhan masa daripada kejatuhan manusia sehingga peringkat akhir hidup abadi bersama Allah.

^f Ini juga dirujuk sebagai ramalan ketiga kematian Yesus walaupun jumlah sebenar adalah kurang daripada tiga. Ramalan pertama terdapat di 9:22 manakala ramalan kedua pula di 9:43-45.

^g Buat pertama kalinya Yesus mengatakan bahawa orang yang akan membunuhnya bukan berbangsa Yahudi.

^h Sikap murid-murid Yesus setakat ini menunjukkan bahawa mereka masih belum memahami nilai-nilai Kerajaan Syurga dengan sepenuhnya. Oleh yang demikian, mereka tidak memahami maksud penderitaan dan kematian Yesus di dalam rancangan Allah.



Teropong

ⁱ Yerikho adalah sebuah kota purba yang terletak lebih kurang 24 km (15 batu) arah timur laut daripada Yerusalem (*rujuk Bab 10, nota p*). Pada zaman Yesus, kota Yerikho yang ditulis di dalam Perjanjian Lama telah dibiarkan. Akan tetapi, Herodes Agung telah membina sebuah kota baru di selatan kota yang lama.

^j Di dalam Injil Markus, peminta sedekah tersebut bernama Bartimeus (Markus 10:46).

^k Ini adalah sebuah panggilan Mesianik. Sebagai keturunan Daud yang dinanti-nantikan, Yesus harus mendirikan semula takhta Daud, penebus Israel daripada musuhnya dan memerintah selamanya.

^l Terdapat banyak terjemahan yang mempunyai perkataan 'Tuhan'.



Apakah perkara di dalam hati yang anda benar-benar harapkan Tuhan akan lakukan untuk anda?

Tuhan, saya benar-benar mahukan....



Berikan keinginan hati anda kepada Allah dan percayalah bahawa Dia akan memberikan yang terbaik untuk anda.

**I. Yesus dan Zakheus (ay. 1-10)**

19 Yesus meneruskan perjalanan-Nya ke Yerikho dan melalui kota itu. ²Di situ ada seorang ketua pemungut cukai^a yang kaya; namanya Zakheus.^b ³Dia ingin melihat Yesus, tetapi kerana orang terlalu banyak, lagi pula dia pendek, dia tidak dapat melihat Yesus. ⁴Dia lari mendahului orang ramai, lalu memanjat sebatang pokok ara,^c supaya dia dapat melihat Yesus yang akan lalu di situ. ⁵Apabila Yesus tiba di situ, Dia memandang ke atas lalu berkata kepada Zakheus, "Zakheus, turunklah segera! Hari ini Aku mesti menumpang di rumahmu."^d

⁶Zakheus turun dengan segera dan menyambut Yesus dengan kegembiraan. ⁷Semua orang yang menyaksikan hal itu mula bersungut-sungut. Mereka berkata, "Orang ini menumpang di rumah seorang berdosa!"

⁸Zakheus berdiri dan berkata kepada Yesus, "Guru, saya akan mendermakan separuh daripada harta saya kepada orang miskin. Sesiapa sahaja yang

pernah saya tipu, akan saya bayar kembali empat kali ganda!"^e

⁹Yesus berkata kepadanya, "Pada hari ini Allah telah menyelamatkan kamu dan keluargamu, kerana kamu juga keturunan Abraham."^f ¹⁰Anak Manusia datang untuk mencari^g dan menyelamatkan orang yang sesat."

II. Perumpamaan tentang Mata Wang Emas (ay. 11-27)

¹¹Sementara orang masih mendengar Yesus berkata-kata, Yesus menceritakan perumpamaan berikut. Pada waktu itu Dia hampir tiba di Yerusalem^h dan orang ramai menyangka bahawa Allah segera akan memerintah di bumi.ⁱ ¹²Oleh itu Yesus berkata kepada mereka, "Seorang bangsawan pergi ke negeri yang jauh untuk dilantik menjadi raja,^j dan kemudian dia akan kembali. ¹³Tetapi sebelum dia berangkat, dia memanggil sepuluh orang hambanya lalu memberikan sekeping wang emas^k kepada setiap orang. Dia berkata, 'Berniagalalah^l dengan wang ini semasa aku

**Teropong**

^a Panggilan 'ketua pemungut cukai' tidak terdapat di tempat lain. Oleh itu, maksud sebenarnya adalah tidak diketahui. Ia boleh bermaksud bahawa Zakheus memiliki status yang lebih tinggi daripada pemungut cukai yang lain di daerahnya. Kawasan ini sedang melalui kemahsyuran pada waktu tersebut. Disebabkan itulah kekayaan Zakheus tidak menjadi kejutan. Dia juga mungkin menikmati kuasa dan keistimewaan di kalangan dunia Yunani-Roma. Akan tetapi dia sangat dibenci dan tidak disukai di kalangan orang Yahudi.

^b Maksud nama 'Zakheus' di dalam Ibrani adalah 'suci' ataupun 'salih'.

^c Pokok ini sangat kukuh dan mempunyai ketinggian sehingga 9–12 meter (30–40 kaki). Ia agak mudah dipanjat kerana mempunyai cabang-cabang pendek dan dipenuhi dengan ranting-ranting yang mampu menanggung berat badan manusia.

^d Keinginan Zakheus untuk berjumpa dengan Yesus diatasi dengan kebenaran bahawa Yesus ingin berjumpa dengan-nya! Tetapi Yesus bukan ingin sekadar berjumpa dengan Zakheus malah ingin dan harus bermalam di rumahnya.

^e Hukum Taurat menghendaki hanya jumlah asal ditambah dengan satu perlima jumlah tersebut (Im 6:1-5; Bil 5:5-7). Zakheus dengan rela bersetuju untuk membayar semula lebih daripada yang sepatutnya, menunjukkan bahawa dia benar-benar telah bertaubat.

^f Terjemahan-terjemahan lain mempunyai 'Anak Abraham'. Istilah 'Anak Abraham' bermaksud seorang Yahudi asli, pengikut iman Abraham, bukan hanya kuturunannya.

Yesus melihat Zakheus sedemikian walaupun masyarakat Yahudi memulaukan dia. Semua orang Yahudi boleh mendakwa dirinya sebagai anak Abraham, tetapi bukan semua orang Yahudi akan diselamatkan.

^g Yesus dan bukannya Zakheus yang mencari dan membuat perjanjian. Dia sememangnya tergolong di dalam orang sesat, tetapi Yesus tidak membiarkan dia di sana. Dia mencari Zakheus dan menyelamatkan dia. Ini adalah ringkasan penting tentang tujuan Yesus untuk membawa keselamatan dan juga Kerajaan Allah.

**Mari Fikir Sejenak**

Fikirkan betapa baiknya Allah kepada anda di dalam menyelamatkan anda daripada dosa. Dengan cara apakah diri anda telah berubah?

**Teropong**

^h Untuk beberapa ketika, Lukas menjelaskan perjalanan Yesus ke Yerusalem. Yerikho terletak lebih kurang 24 km (15 batu) dari Yerusalem dan perjalanan ini hampir selesai.

ⁱ Oleh kerana mereka semakin hampir dengan Yerusalem, murid-murid Yesus berfikir bahawa kemuncak akan menjelang. Mereka menjangkakan Yesus sebagai Mesias yang akan mendirikan kerajaan di dunia, mengalahkan semua musuh politik dan juga ketenteraan serta memerintah di dalam kuasa dan kegemilangan.



pergi.¹⁴ Tetapi penduduk negerinya membenci dia. Setelah dia berangkat, mereka mengirim utusan untuk mengatakan, 'Kami tidak mahu orang ini menjadi raja kami.'

¹⁵Orang bangsawan itu dilantik menjadi raja, lalu pulang ke negerinya. Dengan segera dia menyuruh semua hambanya yang sudah menerima wang emas supaya datang menghadap. Raja hendak mengetahui keuntungan yang diperoleh mereka.

¹⁶Hamba pertama datang dan berkata, 'Tuanku, patik berhasil mendapat sepuluh keping wang emas dengan sekeping wang yang tuanku berikan itu.'¹⁷ 'Bagus, kamu hamba yang baik! Oleh sebab kamu dapat dipercayai dalam perkara yang kecil, beta akan menjadikan kamu penguasa sepuluh buah kota.'

¹⁸Hamba kedua datang dan berkata, 'Tuanku, dengan sekeping wang emas yang tuanku berikan, patik berhasil mendapat lima keping wang emas.'¹⁹ Kepada hamba itu raja berkata, 'Beta akan menjadikan kamu penguasa lima buah kota.'²⁰ Hamba yang lain datang dan berkata, 'Tuanku, inilah wang emas tuanku. Patik telah menyimpannya di dalam sapu tangan. ²¹Patik

takut akan tuanku, kerana patik tahu bahawa tuanku seorang yang keras. Tuanku mengambil apa yang bukan milik tuanku, dan tuanku menuai di tempat yang tidak tuanku semai.'²² Raja itu berkata kepadanya, 'Hai hamba yang jahat! Beta akan menghukum kamu menurut kata-katamu sendiri. Kamu tahu bahawa beta seorang yang keras; beta mengambil apa yang bukan milik beta, dan menuai di tempat yang tidak beta semai. ²³Oleh itu kamu seharusnya menyimpan wang beta di bank supaya apabila beta kembali beta dapat menerima wang beta dengan faedahnya.'²⁴ Kemudian raja itu bertitah kepada mereka yang berdiri di situ, 'Ambillah wang emas itu daripadanya dan berikan kepada hamba yang mempunyai sepuluh keping.'²⁵ Mereka berkata kepada raja itu, 'Tuanku, dia mempunyai sepuluh keping!'²⁶ Raja itu menjawab, 'Ketahuilah, orang yang sudah mempunyai sesuatu, kepadanya akan diberikan lebih banyak lagi. Tetapi orang yang tidak mempunyai apa-apa, sedikit yang ada padanya akan diambil juga. ²⁷Sekarang bawa ke mari musuh beta yang tidak mahu beta menjadi raja mereka. Bunuhlah mereka semua di hadapan beta!''ⁿ

^j Keperluan untuk seseorang yang mempunyai kuasa dan kehormatan disebabkan hak kelahiran untuk berkunjung ke negara yang jauh untuk mengukuhkan pemerintahannya ke atas sebuah kawasan adalah tidak asing di dunia Roma. Roma adalah tempat di mana kuasa untuk memerintah diberikan kepada mereka yang akan berkhidmat sebagai raja dan gabenor.

Inilah yang dilakukan oleh Herodes Agung dan anak-anaknya. Mereka berkunjung ke Roma untuk dilantik menjadi raja ke atas orang Yahudi. Yudea diberikan kepada anaknya Arkhealus untuk menjadi raja. Dia memerintah dengan sangat buruk sehingga orang ramai membencinya dan menghantar seorang wakil ke Roma meminta untuk melucutkan raja tersebut. Dengan cara yang sama, Yesus akan berangkat tidak lama lagi dan akan kembali di masa hadapan sebagai raja.

^k Terdapat versi lain yang menterjemahkan perkataan ini sebagai 'mina' ataupun 'pound'. Mina adalah matawang Yunani yang bersamaan dengan 100 dinar, satu dinar (matawang Roma) bersamaan dengan gaji harian seorang pekerja buruh (*rujuk Bab 7, nota u*). Oleh itu, mereka diberikan sejumlah wang yang bersamaan dengan gaji untuk tiga hingga empat bulan.

^l Hamba-hamba selalunya diupah untuk berniaga di tempat majikan mereka. Mereka diberikan kebebasan untuk 'menggunakan wang untuk diniagakan' serta mendapatkan keuntungan.

^m Majikan tersebut tidak menerima ataupun menyangkal penilaian hamba itu terhadapnya. Malah, dia menggunakan kata-kata hamba itu tadi untuk menunjukkan bahawa hamba itu seharusnya bertindak dan melakukan sesuatu dengan wang tersebut jika dia benar-benar menggeruni tuannya.

ⁿ Hukuman terhadap mereka yang memberontak dan dengan aktif membangkang raja adalah lebih buruk daripada hamba yang lalai.



Yesus memanggil kita untuk hidup dengan setia sebagai murid-Nya sambil menunggu Dia untuk kembali semula.

Apakah bahagian hidup yang perlu anda ubah agar boleh menjadi murid Yesus yang lebih setia?

**III. Yesus Masuk ke Yerusalem (ay. 28-40)**

²⁸Setelah Yesus berkata demikian, Dia berjalan di hadapan mereka lalu menuju ke Yerusalem. ²⁹Apabila Yesus tiba dekat Betfage^a dan Betania^b di Bukit Zaitun,^c Dia menyuruh dua orang pengikut-Nya berjalan terlebih dahulu. ³⁰Dia berkata kepada mereka, "Pergilah ke pekan yang di hadapan itu. Apabila kamu tiba di situ, kamu akan mendapati seekor anak keldai^d yang tertambat. Haiwan itu belum pernah ditunggang orang. Lepaskanlah dan bawalah keldai itu ke mari. ³¹Jika orang bertanya, 'Mengapa kamu melepaskan keldai itu?' beritahu orang itu, 'Tuhan memerlukannya.'"

³²Kedua-dua orang pengikut itu pun pergi dan mendapati semuanya seperti yang dikatakan oleh Yesus.^e ³³Sedang mereka melepaskan anak keldai itu, pemiliknya berkata kepada mereka, "Mengapa kamu melepaskan keldai itu?"

³⁴Mereka menjawab, "Tuhan memerlukannya."

³⁵Lalu mereka membawa anak keldai itu kepada Yesus. Mereka menaruh jubah mereka pada punggung keldai itu lalu menolong Yesus naik ke atasnya. ³⁶Sementara Yesus lalu dengan menunggang^f keldai itu, orang ramai membentangkan jubah^g di jalan.

³⁷Apabila Yesus hampir sampai di Yerusalem, di

jalan yang menurun dari Bukit Zaitun, semua pengikut-Nya mula bersyukur kepada Allah dan memuji Allah dengan suara keras kerana semua mukjizat yang sudah disaksikan oleh mereka. ³⁸"Diberkatilah Dia yang datang dengan kuasa Tuhan!^h Sejahtera di syurga dan kemuliaan bagi Allah!"

³⁹Lalu beberapa orang Farisi antara orang ramai itu berkata kepada Yesus, "Guru,ⁱ suruhlah semua pengikut guru diam."

⁴⁰Yesus menjawab, "Percayalah, jika mereka diam, batu-batu ini akan mula berseru."

IV. Yesus Menangisi Yerusalem (ay. 41-44)

⁴¹Yesus semakin dekat Yerusalem dan apabila Dia melihat kota itu, Dia menangisinya. ⁴²Dia berkata, "Alangkah baiknya jika kamu mengetahui apa yang dapat mendatangkan kedamaian!^x Tetapi sekarang kamu tidak dapat melihatnya. ⁴³Masanya akan tiba apabila musuh mengelilingimu dengan sekatan.^y Mereka akan mengepung dan mengasak kamu dari segala arah. ⁴⁴Mereka akan memusnahkan kamu dan semua pendudukmu. Tidak seketul batu pun akan tertinggal pada tempatnya, kerana kamu tidak tahu masanya Allah datang menyelamatkan kamu!"^z

**Teropong**

^a Betfage adalah sebuah perkampungan di jalan utama menuju ke arah timur dari Yerusalem ke Yerikho yang terletak di Bukit Zaitun.

^b Betania adalah sebuah kampung lebih kurang 3 km (2 batu) ke arah tenggara dari Yerusalem di mana Maria, Marta dan Lazarus menetap (*rujuk 10:38*). Ia terletak di lereng timur Bukit Zaitun.

^c Bukit zaitun adalah sebuah permatang, terletak lebih kurang satu kilometer dari timur ke Yerusalem melintasi Lembah Yordan.

^d Ini adalah anak seekor keldai. Yesus memilih untuk memasuki Yerusalem dengan menaiki seekor keldai untuk mengumumkan bahawa dia adalah Anak Daud yang akan duduk di atas takhta seperti yang dinubuatkan oleh para nabi (*rujuk nota t*).

^e Ada sarjana yang berpendapat bahawa kejadian ini menunjukkan kebolehan kenabian Yesus, manakala ada juga pendapat yang mencadangkan bahawa persetujuan awal telah dilakukan oleh Yesus.

^f Setakat ini, Yesus telah melakukan perjalanan-Nya ke Yerusalem dengan berjalan kaki. Kini Dia menunggang seekor keldai untuk satu setengah kilometer (1 batu) yang terakhir mencadangkan bahawa ia adalah sebuah tindakan simbolik. Matius dan Yohanes memetik nubuat yang terdapat di dalam Zakharia 9:9. Nubuat tersebut menyebut

ketibaan raja Sion yang menunggang keldai. Seorang raja yang gemilang, penuh kemenangan namun rendah hati.

^h Sudah menjadi kebiasaan pada waktu itu untuk orang ramai membentangkan jubah mereka di atas permukaan jalan untuk menyambut seorang figura diraja.

ⁱ Tidak ada persoalan lagi bahawa orang ramai melihat kemasukan Yesus ke Yerusalem sebagai penggenapan nubuat nabi Zakharia dan menyambut Dia sebagai seorang raja.

^x 'Guru' adalah panggilan yang digunakan oleh orang ramai di luar daripada golongan murid-murid Yesus untuk merujuk kepada-Nya. Mereka masih belum mempunyai pengetahuan tentang ketuhanan-Nya. Permintaan mereka menunjukkan bahawa mereka berpendapat para murid Yesus berkelakuan menentang kehendak Allah.

**Teropong**

^x 'Kedamaian' ini merujuk kepada damai bersama Allah. Hubungan yang benar di antara Pencipta dan ciptaan-Nya adalah unsur yang sangat penting untuk kedamaian sebenar. Tetapi kedamaian inilah yang ditolak oleh orang-orang di Yerusalem. Sebagai hasilnya, mereka akan berhadapan dengan hukuman ilahi di dalam bentuk kemusnahan kota mereka.

^y *Sila rujuk 21:20*. Ramalan ini menjadi kenyataan apabila orang Roma menawan Yerusalem pada 70 M dengan



V. Yesus Membersihkan Rumah Tuhan (ay. 45-48)

⁴⁵Yesus masuk ke Rumah Tuhan dan mula mengusir semua pedagang^a di situ. ⁴⁶Yesus berkata, “Di dalam Alkitab tertulis bahawa Allah berfirman, ‘Rumah-Ku akan disebut rumah tempat berdoa.’^b Tetapi kamu menjadikannya tempat persembunyian perompak!”^c

⁴⁷Setiap hari Yesus mengajar di dalam Rumah Tuhan. Para ketua imam, guru Taurat, dan pemimpin^d bangsa Yahudi hendak membunuh dia. ⁴⁸Tetapi mereka tidak mendapat peluang, kerana orang ramai sentiasa mendengarkan Dia dan tidak mahu terlepas sepeatah kata pun.

I. Pertanyaan tentang Hak Yesus (ay. 1-8)

20 Pada suatu hari,^a Yesus mengajar dan menyampaikannya Berita Baik di dalam Rumah Tuhan. Para ketua imam,^b guru Taurat, dan pemimpin masyarakat

Yahudi datang ²dan berkata kepada Yesus, “Beritahulah kami, dengan hak siapa kamu melakukan perkara-perkara ini?^c Siapakah yang memberikan hak kepadamu untuk melakukannya?”

³Yesus menjawab, “Aku juga ingin bertanya^d kepada kamu. Katakanlah, ⁴dengan hak siapakah Yohanes membaptis orang? Dengan hak Allah atau manusia?”

⁵Mereka mula membincangkan soalan itu, “Apakah yang akan kita katakan? Jika kita menjawab, ‘Dengan hak Allah,’ Dia akan berkata, ‘Mengapa kamu tidak percaya kepada Yohanes?’ ⁶Tetapi jika kita berkata, ‘Dengan hak manusia,’ semua orang akan merejam kita, kerana mereka percaya bahawa Yohanes seorang nabi.” ⁷Lalu mereka menjawab, “Kami tidak tahu.”

⁸Yesus berkata kepada mereka, “Jika demikian Aku pun tidak mahu memberitahu kamu dengan hak siapa Aku melakukan perkara-perkara ini.”

menggunakan sekatan-sekatan bagi mengepung kota tersebut.

² Kunjungan ilahi ini datang di dalam seorang manusia, Yesus Kristus tetapi mereka enggan untuk menerima-Nya. Kini mereka harus hidup berhadapan dengan hukuman Allah dan inilah sebabnya mengapa Yesus menangis.

^a Ada sesetengah yang menukar wang (hanya matawang Yunani sahaja yang diterima untuk persembahan di dalam Rumah Tuhan, matawang lain harus ditukar terlebih dahulu), malah ada juga yang menjual haiwan untuk dikorbankan. Mereka berniaga di ruang bukan Yahudi, satu-satunya kawasan di dalam Rumah Tuhan yang boleh digunakan oleh orang bukan Yahudi untuk berdoa.

^b Ayat ini dipetik dari Yesaya 56:7. Rumah Tuhan sepatutnya digunakan sebagai tempat untuk berdoa dan bukan untuk melakukan perniagaan yang mungkin mengambil kesempatan terhadap orang miskin.

^c Dipetik daripada Yer 7:11

^d Setiap kumpulan yang berikut: ketua imam, guru Taurat, dan pemimpin bangsa Yahudi adalah wakil kepada Majlis Agama. Oleh itu, golongan yang ingin membunuh Yesus adalah barisan kepimpinan orang Yahudi.



Teropong

^a Bersama dengan kisah yang terdapat di dalam Injil Markus, kejadian yang dicatatkan di dalam 20:1-21:36 mungkin mengambil tempat pada hari Selasa di dalam Minggu Penderitaan. ‘Suatu hari’ yang dimaksudkan mungkin hari yang menyusuli kisah penyucian Rumah Tuhan (Isnin) yang juga menyusuli hari kemasukan Yesus

ke Yerusalem (Ahad).

^b Ketiga-tiga golongan ini; ketua imam, guru Taurat dan pemimpin bangsa Yahudi, membentuk Majlis Agama. Oleh itu, kedatangan mereka mungkin kelihatan seperti siasatan rasmi daripada Majlis Agama ke atas kegiatan Yesus sejak akhir-akhir ini yang menyinggung mereka. Golongan ini mempunyai kuasa yang sah untuk memeriksa dakwaan setiap rabbi ataupun guru yang baru. Setiap rabbi mempunyai sijil ataupun diploma yang selalunya diberikan oleh rabbi terkemuka.

^c ‘Perkara-perkara ini’ mungkin merujuk kepada tindakan menyucikan Rumah Tuhan di dalam 19:45-46. Tindakan Yesus bukan sahaja memansuhkan kewibawaan para pemimpin Yahudi tetapi juga menjejaskan pendapatan mereka. Mereka mungkin mencari jalan untuk memburukkan Yesus di khalayak ramai ataupun menimbulkan kesangsian terhadap-Nya sebagai ancaman kepada kerajaan Roma.

^d Ini adalah bentuk dialog yang lazim di antara para rabbi di mana sebuah pertanyaan akan dijawab menggunakan sebuah soalan lain untuk menangkap si penyual akan ketidak konsistennya. Kontroversi di sini adalah perkara biasa yang dilontarkan kepada Yesus oleh para lawan-Nya. Kita boleh mendapati betapa berseterunya mereka terhadap Yesus dan ajaran-Nya.

Soalan Yesus mencadangkan bahawa kewibawaan-Nya, sama seperti baprisan Yohanes, datang daripada Allah. Selepas itu, Dia mengenakan beban bukti ke atas musuh-Nya. Dia memberikan dua pilihan kepada mereka: bahawa baprisan Yohanes diilhamkan oleh Allah ataupun ciptaan manusia. Dengan menolak untuk menjawab, mereka meletakkan diri mereka di dalam kedudukan yang janggal.

**II. Perumpamaan tentang Penyewa yang Jahat (ay. 9-19)**

⁹Yesus menceritakan perumpamaan^e ini kepada orang ramai. “Ada seorang yang menanam ladang anggur, lalu menyewakannya kepada beberapa orang. Setelah itu dia pergi ke negeri lain dan tinggal lama di sana. ¹⁰Apabila tiba masanya untuk mengumpulkan buah anggur, pemilik ladang itu mengutus hambanya kepada penyewa-penyewa ladang itu untuk menerima hasil bahagiannya.^f Tetapi para penyewa ladang memukul hamba itu dan menyuruh dia pulang dengan tangan kosong. ¹¹Pemilik ladang itu mengutus seorang lagi hambanya. Tetapi para penyewa ladang itu juga memukul hamba ini, mempermalukan dia, lalu menyuruh dia pulang dengan tangan kosong. ¹²Kemudian pemilik ladang itu mengutus hamba ketiga. Penyewa-penyewa ladang itu juga mencederakan hamba ini dan membuang dia ke luar ladang itu. ¹³Pemilik ladang itu berkata, ‘Apakah yang harus aku lakukan? Aku akan mengutus anakk yang aku kasihi. Tentu mereka akan menghormati dia!’ ¹⁴Tetapi apabila para penyewa ladang itu nampak dia, mereka bercakap sesama sendiri, ‘Ini dia anak

pemilik ladang. Mari kita bunuh dia, supaya kita dapat hartanya.’ ¹⁵Oleh itu mereka membuang dia ke luar ladang^h lalu membunuh dia.”

Lalu Yesus bertanya, “Apakah yang akan dilakukan oleh pemilik ladang itu terhadap para penyewa ladang anggur itu? ¹⁶Dia akan datang dan membunuh semua penyewa ladang itu, lalu menyerahkan ladang itu kepada penyewa-penyewa lain.” Apabila orang di situ mendengar hal itu, mereka berkata, “Janganlah perkara ini berlaku!” ⁱ

¹⁷Yesus memandang mereka lalu bertanya, “Jika demikian, apakah makna ayat Alkitab ini?”

‘Batu^k yang dibuang oleh pembina bangunan telah menjadi batu yang paling utama.’

¹⁸Semua orang yang jatuh pada batu itu akan hancur; dan sesiapa yang ditimpa batu itu akan tergilas menjadi debu.^l”

¹⁹Semua guru Taurat dan ketua imam di situ cuba menangkap Yesus pada saat itu juga, kerana mereka tahu bahawa perumpamaan itu ditujukan kepada mereka. Tetapi mereka takut akan orang ramai.^m

**Teropong**

^e Keengganan para pemimpin untuk menerima kewibawaan Yesus membuat-Nya menceritakan perumpamaan tersebut. Perumpamaan ini bukan sahaja mengesahkan kewibawaan Yesus tetapi turut menunding kepada kematian dan penebusan-Nya oleh Allah. Perumpamaan ini lebih bersifat kiasan (sebuah kiasan adalah kisah di mana watak, perkara dan kejadian yang diceritakan mempunyai maksud tersirat) jika dibandingkan dengan perumpamaan Yesus yang lain. Ini kerana watak-watak dan simbol yang digunakan oleh Yesus di dalam perumpamaan-Nya yang lain mewakili individu nyata.

Watak pemilik ladang anggur mewakili Allah; anak lelaki, Yesus; ladang anggur, umat Israel; penyewa ladang, pemimpin-pemimpin agama; hamba-hamba, nabi-nabi Allah. Orang Yahudi mungkin boleh mengenal pasti Israel sebagai ladang anggur kerana terdapat banyak rujukan kepada Israel sebagai ladang anggur Allah di dalam Perjanjian Lama.

^f Selalunya sebuah perjanjian akan dilakukan di mana pemilik ladang akan menerima sejumlah hasil tuaian yang tetap. Dia menjangkakan untuk menerima bahagiannya apabila waktu yang ditetapkan telah tiba.

^g Mereka mungkin berfikir bahawa pemilik ladang telah meninggal dan kini anaknya datang untuk mengambil bahagian milik ayahnya ataupun dia telah mewarisi keseluruhan ladang tersebut. Para penyewa selalunya mengambil hak milik tanah yang disewa apabila pemilik asal telah meninggal dunia. Pada waktu tersebut, hak milik

tanah masih belum jelas. Sesiapa sahaja yang telah mengusahakan tanah lebih daripada tiga tahun boleh menganandakan hak milik sekiranya tanah tersebut tidak dituntut oleh orang lain.

^h Dengan membunuh anak lelaki pemilik tanah di atas ladang tersebut, tanah itu kini menjadi tidak suci kerana dicemari oleh mayat. Ini menjadikan hasil tuaian menjadi lebih sukar untuk dijual.

ⁱ Ulasan yang diberikan mungkin meluahkan kengerian terhadap reaksi pemilik tanah berikutan kejadian tersebut. Akan tetapi, orang ramai mungkin sedia maklum bahawa cerita tersebut ditujukan kepada para pemimpin Yahudi.

^j Yesus menunjukkan Firman Allah kepada mereka kerana apa yang telah ditulis harus menjadi kenyataan. Dia memberitahu mereka bahawa jika kemusnahan yang dikatakannya tidak menjadi kenyataan, apakah penjelasan mereka untuk Maz 118:22?

^k Versi-versi lain menterjemahkan ‘batu’ sebagai ‘batu tupuk’. Ia bermaksud ‘kepala penjuru’. Batu ini mungkin merujuk kepada sebuah batu besar yang digunakan di penjuru asas binaan untuk menentukan posisi dua belah dinding yang akan membentuk keseluruhan bangunan tersebut. Ataupun ia adalah sebuah batu yang diletakkan di atas dinding untuk menyambung dan menyempurnakan bangunan tersebut.

Di dalam Mazmur 118, rujukan ini mungkin adalah seorang raja (di mana kemenangannya telah dirayakan) tetapi dia dipandang rendah oleh raja-raja lain yang datang menjajah kerajaannya.

III. Pertanyaan tentang Pembayaran Cukai (ay. 20-26)

²⁰Oleh itu mereka menunggu peluang yang baik. Mereka menyuap beberapa orang supaya berpura-pura, dan mengutus mereka untuk memerangkap Yesus dengan pertanyaan. Dengan demikian mereka dapat menyerahkan Yesus kepada kekuasaan gabenor.^o

²¹Lalu beberapa orang itu berkata kepada Yesus, "Guru, kami tahu bahawa apa yang guru katakan dan ajarkan itu benar. Kami tahu bahawa guru tidak memandang kedudukan orang, tetapi guru mengajar kehendak Allah bagi manusia dengan terus terang."²²Katakanlah, menurut Taurat bolehkah kita membayar

cukai^o kepada Kaisar Roma?"

²³Yesus mengetahui muslihat mereka. Dia berkata, ²⁴"Tunjukkan sekeping mata wang^p kepada-Ku. Gambar dan nama siapakah ini?" "Kaisar!" jawab mereka.

²⁵Oleh itu Yesus berkata, "Baiklah, jika demikian, berikan apa yang menjadi milik Kaisar kepada Kaisar^q dan berikan apa yang menjadi milik Allah kepada Allah."

²⁶Mereka tidak dapat mencari kesalahan Yesus di hadapan orang ramai. Mereka diam sahaja kerana hairan mendengar jawapan-Nya.

^l Gambaran yang digunakan kini berubah. Tumpuan bukan lagi terhadap nilai yang diletakkan ke atas batu tersebut tetapi kuasa kehancurannya ke atas darah dan daging. Seperti tembikar yang pecah apabila dipukul dengan batu, seperti hancurnya seseorang yang dihempap batu, demikianlah takdir mereka yang menolak Yesus sebagai Mesias.

^m Mereka takut untuk membatu-apikan suatu rusuhan kerana itu akan membawa kepada campur tangan orang Roma. Jika ia terjadi, mereka akan kehilangan keistimewaan yang mereka miliki. Bukan itu yang mereka mahu terjadi.



Teropong

ⁿ Oleh kerana takut untuk mengambil tindakan, para pemimpin Yahudi berharap untuk menggunakan kenyataan dari mulut Yesus sendiri supaya ada alasan bagi dengan pegawai-pegawai Roma mengambil tindakan terhadap Yesus, serta mengalihkan Dia daripada berhubung dengan orang ramai.

^o Orang Yahudi dikenakan cukai yang tinggi oleh Kerajaan Roma. Mereka terpaksa membayar cukai yang berlainan sehingga mencecah sebanyak satu per tiga daripada jumlah keseluruhan pendapatan. Soalan berkenaan dengan cukai kelihatan menjanjikan untuk memaksa Yesus memberikan jawapan yang akan memerangkap-Nya kemudian. Jawapan Yesus mungkin membawa masalah kepada orang Roma yang menghendaki cukai supaya dibayar ataupun dengan rakyat Yahudi yang tidak mahu berbuat demikian. Soalan tersebut bertujuan untuk mengasingkan Yesus daripada mereka yang menyokong-Nya ataupun memerangkap Yesus agar dikendalikan oleh orang Roma.

^p Wang yang dimaksudkan adalah syiling dinar. Wajah Kaisar Tiberius diukir di permukaan syiling dan permukaan yang satu lagi ditulis dengan ukiran di dalam bahasa Latin 'Kaisar Tiberius Augustus, anak kepada Augustus yang ilahi'. Syiling tersebut dikeluarkan oleh

Kaisar dan digunakan untuk membayar cukai kepadanya.

^q Di sini Yesus menjelaskan sebuah prinsip dan bukannya kompromi. Setiap rakyat harus memberikan apa yang dikehendaki oleh kerajaan. Ia adalah tanggungjawab setiap warga negara dan tidak bercanggah dengan hukum Allah.



Meskipun kita adalah warga Kerajaan Allah, Yesus berkata bahawa kita harus mentaati kerajaan di negara yang kita diami. Ini turut bermaksud kuasa di atas anda melainkan ia bertentangan dengan hukum Allah.

Pertimbangkan peraturan-peraturan sekolah anda. Apakah peraturan sekolah yang tidak anda patuhi?

Adakah wajar bagi anda untuk melanggar peraturan-peraturan tersebut?



Setiap orang harus taat kepada pemerintah, kerana pemerintah mendapat kekuasaan daripada Allah. Pemerintah yang ada sekarang pun ditetapkan oleh Allah.
(Roma 13:1)



IV. Pertanyaan tentang Kebangkitan daripada Kematian (ay. 27-40)

²⁷Beberapa orang Saduki^r datang kepada Yesus. (Mereka berpendapat bahawa orang mati tidak akan bangkit semula.) Mereka bertanya kepada Yesus, ²⁸“Guru, Musa memberi kita hukum berikut: ‘Jika seorang lelaki meninggal tanpa mempunyai anak,^s maka saudara lelakinya mesti berkahwin dengan balunya supaya orang yang sudah meninggal itu mendapat keturunan.’ ²⁹Dahulu ada tujuh orang adik-beradik. Yang sulung berkahwin tetapi meninggal tanpa mempunyai anak. ³⁰Lalu saudara kedua berkahwin dengan balu itu tetapi dia pun meninggal tanpa mempunyai anak. ³¹Hal yang sama berlaku kepada saudara ketiga dan seterusnya sehingga saudara ketujuh. Mereka semua meninggal tanpa mempunyai anak. ³²Akhirnya balu itu meninggal. ³³Pada hari kebangkitan orang mati, isteri siapakah

wanita itu? Tujuh orang adik-beradik itu sudah berkahwin dengan dia.”

³⁴Yesus menjawab, “Lelaki dan perempuan yang hidup sekarang ini berkahwin. ³⁵Tetapi lelaki dan perempuan yang layak dibangkitkan daripada kematian dan hidup pada zaman yang akan datang tidak berkahwin.^t ³⁶Mereka akan menjadi seperti malaikat; mereka tidak mati lagi. Mereka menjadi anak-anak Allah, kerana mereka sudah dibangkitkan daripada kematian. ³⁷Musa menjelaskan bahawa orang mati akan dibangkitkan. Tulisannya tentang belukar yang bernyala menyatakan Tuhan sebagai ‘Allah yang disembah oleh Abraham, Ishak, dan Yakub.’ ³⁸Hal ini bererti bahawa Allah itu Allah orang hidup, bukan Allah orang mati, kerana Allah menganggap mereka semua hidup.”

³⁹Beberapa orang guru Taurat berkata, “Sungguh baik jawapan^u guru.” ⁴⁰Mereka tidak lagi berani menanyakan apa-apa kepada Yesus.



Teropong

^r Orang Saduki disebut untuk kali pertama di sini. Adalah tidak mengejutkan kerana mereka hanya berpengaruh di Yerusalem. Mereka adalah golongan bangsawan yang berfikiran secara politik. Mereka sanggup untuk bekerjasama dengan orang-orang Roma. Inilah sebabnya mengapa mereka mampu mengekalkan kedudukan keistimewaan mereka. Orang Saduki mengawal imam-imam besar pada waktu itu, serta memegang kerusi majoriti di dalam Majlis Agama. Mereka tidak mempercayai kebangkitan ataupun hidup selepas kematian serta menolak amalan lisan golongan Farisi (rujuk ‘Orang Saduki’, ms. 15).

^s Yesus akan memetik *Pentateuch*, iaitu 5 kitab pertama dalam Perjanjian Lama (rujuk ‘Kitab Suci dan Tradisi’ ms. 9) apabila berdebat dengan orang Saduki. Ini kerana mereka hanya menerima kewibawaan kelima-lima kitab Perjanjian Lama ini. Amalan ini merujuk kepada hukum *levirat* (diambil daripada perkataan Latin *levir* yang bermaksud ‘abang/adik ipar’) di mana jika seorang lelaki meninggal dunia tanpa seorang anak lelaki, saudara lelakinya harus mengahwini balu yang ditinggalkan dan memenuhi kewajibannya sebagai adik/abang ipar (Ul 25:5-6). Anak pertama yang dilahirkan oleh wanita tersebut akan mengambil nama si mati tadi supaya namanya akan diteruskan di dalam keturunan keluarga. Hukum ini juga dicipta untuk melindungi hak-hak seorang balu.

^t Para penyual Yesus gagal menyedari bahawa hidup yang akan datang adalah tidak sama dengan hidup pada waktu ini. Orang Yahudi mempercayai kebangkitan adalah sama dengan hidup sekarang selain daripada musuh-musuh mereka dikalahkan dan kenikmatan digandakan. Yesus menolak kepercayaan ini dan menjelaskan hidup di syurga adalah berbeza daripada sebarang benda di bumi. Dia

mengatakan tiga perkara: (i) perkahwinan tidak lagi boleh dipakai ke atas mereka (ii) mereka tidak akan mengalami kematian (iii) mereka akan menyerupai malaikat dan menjadi anak-anak Allah.

^u Orang Saduki adalah golongan yang tidak terkenal. Oleh itu, ramai orang yang gembira melihat mereka kalah di dalam debat bersama Yesus.



Sangat mudah bagi kita mencari alasan untuk tidak melakukan perkara yang wajar dan baik untuk kita.

- Apakah alasan-alasan yang anda berikan kepada diri anda dan juga orang lain untuk mengelak daripada melakukan perkara yang sepatutnya anda lakukan?

V. Pertanyaan tentang Hak Penyelamat (ay. 41-44)

⁴¹Yesus bertanya kepada mereka, “Bagaimana-kah orang dapat mengatakan bahawa Penyelamat yang diutus oleh Allah itu keturunan Daud? ⁴²Daud berkata di dalam Kitab Mazmur,^v

“Tuhan berfirman kepada Tuhanku:”

Duduklah di sebelah kanan-Ku,
⁴³ sehingga Aku menakluki musuh-Mu
ke bawah kaki-Mu.^v

⁴⁴Jika Daud memanggil Dia ‘Tuhan’, bagaimana mungkin Penyelamat yang diutus oleh Allah itu keturunan Daud?”

VI. Amaran supaya Berhati-hati dengan Guru Taurat (ay. 45-47)

⁴⁵Sementara semua orang mendengarkan kata-kata-Nya, Yesus berkata kepada pengikut-pengikut-Nya, ⁴⁶“Berhati-hatilah dengan guru Taurat. Mereka suka berjalan-jalan dengan memakai jubah panjang,^x dan suka dihormati orang di pasar.^y Mereka memilih tempat terbaik^z di dalam rumah ibadat dan di majlis jamuan. ⁴⁷Mereka memperdaya balu dan merampas rumah^a mereka, kemudian berpura-pura berdoa dengan berpanjangan!^b Mereka akan menerima hukuman yang amat berat!”



Teropong

^v Dipetik daripada Mazmur 110:1.

^w Yesus sedang menjelaskan salah faham orang ramai tentang Mesias. Mereka yang menggunakan panggilan ‘Anak Daud’ memahami Mesias sebagai seorang individu yang akan mengalahkan musuh-musuh Israel dan mendirikan Kerajaan Daud yang baru. Mereka menganggap Anak Daud ataupun keturunan Daud menyerupai perwatakan dan pencapaian Raja Daud. Yesus menginginkan mereka untuk memahami bahawa Mesias bukanlah seperti keturunan Daud yang difikirkan mereka. Dia adalah Tuhan kepada semuanya, lebih agung daripada sekadar seorang lagi Daud. Jika Dia hanya sekadar seorang daripada keturunan Daud, mengapakah Daud, raja yang gemilang memanggilnya ‘Tuhan’?



Teropong

^x Guru-guru Taurat memakai jubah putih yang panjang lagi berbumbai dan hampir menyentuh permukaan tanah. Mereka gemar berlegar-legar memakai pakaian tersebut.

^y Kata salam untuk orang ramai dan tempat duduk khas di dalam Rumah Ibadat dan keramaian adalah tanda kepentingan kedudukan yang sangat dikejar-kejar oleh guru-guru Taurat.

^z Tempat ini merujuk kepada bangku di hadapan ‘tabut’ di mana skrol kudus disimpan. Mereka yang duduk di tempat tersebut boleh dilihat oleh semua orang yang berada di Rumah Ibadat.

^a Guru-guru Taurat dilarang daripada menerima bayaran untuk mengajar. Mereka harus memastikan ilmu pengetahuan boleh didapati ramai tanpa dikenakan bayaran. Tetapi orang ramai tidak dihalang daripada memberikan hadiah kepada mereka dan tindakan ini disanjung tinggi. Akan tetapi, terdapat sesetengah guru

Taurat yang mendorong balu-balu yang mudah terpengaruh untuk memberikan hadiah lebih daripada kemampuan diri mereka. Golongan balu dianggap sebagai golongan yang tidak berdaya kerana mereka tidak mempunyai pelindung lelaki, malah miskin dari segi kewangan.

^b Satu lagi tentangan Yesus terhadap guru-guru Taurat adalah mereka gemar berdoa panjang yang bukan berasal dari hati. Doa sedemikian memberikan tanggapan bahawa mereka adalah golongan yang sangat beragama di mata orang tetapi hanya berpura-pura di mata Allah.



Mari Fikir Sejenak

Bandingkan hidup anda dengan guru-guru Taurat seperti yang dijelaskan di sini.

Adakah anda menjalani kehidupan Kristian hanya semata-mata untuk mengagumkan orang dan menerima pujian mereka?

Apakah yang Allah mungkin katakana kepada anda tentang sikap tersebut?

**I. Persembahan Seorang Balu yang Miskin (ay. 1-4)**

21 Yesus melihat di sekeliling-Nya dan nampak orang kaya memasukkan wang ke dalam peti persembahan^a di Rumah Tuhan. ²Dia juga melihat seorang balu yang sangat miskin^b memasukkan dua keping mata wang tembaga.^c ³Yesus berkata, “Ketahuilah, balu ini memberikan persembahan yang lebih besar nilainya daripada semua orang lain. ⁴Orang lain memberikan persembahan daripada kelebihan kekayaan mereka. Tetapi balu ini, walaupun sangat miskin, mendermakan semua nafkahnya.”

II. Tanda-Tanda Akhir Zaman (ay. 5-38)

⁵Beberapa orang sedang bercakap tentang Rumah Tuhan. Mereka berkata betapa indahnya Rumah Tuhan yang dihias dengan batu yang indah-indah, serta semua barang^d yang dipersembahkan kepada Allah. Lalu Yesus berkata kepada mereka, ⁶ “Akan tiba masanya apabila semua yang kamu lihat ini akan dirobohkan. Tidak ada satu batu pun akan tinggal tersusun pada tempatnya!”^e

⁷Mereka bertanya kepada Yesus, “Guru, bilakah perkara ini akan berlaku?^f Apakah tanda-tanda yang menunjukkan bahawa masanya sudah tiba?”

⁸Yesus berkata, “Berjaga-jagalah supaya kamu tidak tertipu. Orang akan datang dengan nama-Ku dan berkata, ‘Akulah dia!’^g dan ‘Masanya sudah tiba!’ Jangan ikut mereka. ⁹Jangan takut apabila kamu mendengar berita tentang peperangan dan pembentakan. Semua perkara ini mesti berlaku terlebih dahulu, tetapi hal ini tidak bererti bahawa akhir zaman sudah tiba.^h”

¹⁰Yesus berkata lagi, “Bangsa yang satu akan berperang melawan bangsa yang lain dan kerajaan yang satu akan menyerang kerajaan yang lain. ¹¹Di pelbagai tempat akan berlaku gempa bumi yang dahsyat, kebuluran, dan wabak. Akan berlaku juga pelbagai perkara yang menakutkan dan luar biasa di langit. ¹²Tetapi sebelum segala perkara ini berlaku, kamu akan ditangkap dan dianiaya. Kamu akan dibawa ke rumah ibadatⁱ untuk diadili, lalu dipenjarakan. Kamu akan dihadapkan kepada raja dan penguasa kerana kamu pengikut-Ku. ¹³Inilah peluang kamu untuk

**Teropong**

^a Peti persembahan adalah nama yang diberikan kepada satu bahagian di dalam ruang wanita di dalam Rumah Tuhan (*rujuk ‘Rumah Tuhan’, ms. 10*). Terdapat 13 buah kotak yang berbentuk terompot untuk menerima sumbangan mereka yang berbakti di sana. Setiap kotak akan diukir dengan penjelasan kegunaan setiap sumbangan.

^b Cara para balu mendapatkan pendapatan pada waktu itu adalah sangat terhad. Oleh itu balu yang miskin adalah golongan yang termiskin di dalam masyarakat.

^c Syiling ini dipanggil sebagai lepton. Ia adalah matawang terkecil Yahudi (*rujuk Bab 12, nota w*). Nilainya sangat rendah sehingga tidak mencecah satu sen. Ada sarjana yang mengatakan bahawa jumlah pemberian mestilah tidak kurang daripada dua lepton, dan sejumlah itu sahaja yang dimiliki oleh balu tersebut.

**Mari Fikir Sejenak**

Watak mana satukah yang menyerupai anda – orang kaya yang memberikan saki baki pendapatan kepada Allah, ataupun balu yang memberikan semua wang yang dimilikinya?

Apakah yang anda boleh pelajari tentang diri anda?

Ingatlah bahawa jumlah yang anda berikan kepada Allah adalah tidak penting. Allah memandang hati di sebalik pemberian tersebut.

**Teropong**

^d Kajian arkeologi menunjukkan Rumah Tuhan sebagai sebuah bangunan yang sangat indah. Sebuah batu yang terletak di penjuru barat daya bangunan tersebut berukuran lebih kurang 11 meter (36 kaki) panjang. Barang-barang yang dimaksudkan adalah perhiasan seperti gugusan anggur setinggi manusia yang diberikan oleh Herodes.

^e Ramalan ini menjadi kenyataan pada tahun 70 M apabila tentera Roma menyerang Yerusalem dan memusnahkan Rumah Tuhan.

^f Versi lain menterjemahkan ini sebagai ‘apakah tandanya’. Yesus tidak memberikan sebarang tanda tetapi mengingatkan para pengikut-Nya supaya tidak disesatkan oleh semua kekhuru-haraan yang akan terjadi kelak.

^g Walaupun ‘dia’ tidak dikhususkan oleh Yesus, Dia mungkin merujuk kepada Mesias.

^h Perkara ini merujuk kepada pengakhiran zaman. Semua kejadian yang disenaraikan di ayat 8-18 adalah keadaan yang terjadi setiap masa, bukan hanya pengakhiran zaman.

ⁱ Rumah Ibadat juga digunakan sebagai sekolah, dan pusat pentadbiran selain daripada kegiatan ibadah. Ia adalah pusat kehidupan dan pentadbiran hukum-hukum orang Yahudi.

^j Ini bukan merujuk kepada keselamatan fizikal tetapi penyelamatan.

^k Yesus menjelaskan bahawa Dia merujuk kepada kehancuran Yerusalem dan bukannya pengakhiran zaman.



menghabarkan Berita Baik. ¹⁴Bertekadlah bahawa kamu tidak akan khuatir tentang bagaimana kamu harus membela diri. ¹⁵Aku akan memberikan kata-kata dan kebijaksanaan kepada kamu, sehingga tiada seorang musuh pun dapat melawan atau menafikan kata-kata kamu. ¹⁶Kamu akan dihianati oleh ibu bapa, saudara, sanak keluarga, dan sahabat kamu. Mereka akan membunuh beberapa orang antara kamu. ¹⁷Semua orang akan membenci kamu kerana Aku, ¹⁸tetapi sehelai rambut pun di kepala kamu tidak akan hilang. ¹⁹Hendaklah kamu teguh hati! Dengan jalan ini kamu akan mendapat hidup sejati.ⁱ”

²⁰“Apabila kamu nampak Yerusalem dikepung tentera,^k kamu akan tahu bahawa kota itu segera akan dimusnahkan. ²¹Pada waktu itu orang di Yudea mesti lari ke pergunungan; orang yang di dalam kota mesti meninggalkan kota, dan orang yang di luar kota jangan masuk ke dalam kota.^l ²²Tulah yang harus kamu lakukan kerana masa itu ‘Hari Hukuman’, apabila semua yang telah tertulis di dalam Alkitab^m berlaku. ²³Alangkah dahsyatnya masa itu bagi wanita yang mengandung dan ibu yang menyusui bayi! Negeri ini akan mengalami kesusahannya yang besar dan Tuhan akan menghukum bangsaⁿ ini. ²⁴Ada orang yang akan dibunuh dengan pedang, ada lagi orang yang akan dibawa sebagai tawanan ke negeri orang, dan bangsa yang tidak mengenal Allah akan menginjak-injak Yerusalem sehingga habis masa yang ditetapkan^o oleh Tuhan untuk mereka.”

²⁵“Kelak tanda-tanda yang luar biasa akan kelihatan pada matahari, bulan, dan bintang. Semua negeri di seluruh bumi akan putus asa dan takut

menghadapi deru dan gelora laut. ²⁶Orang akan pengsan kerana ketakutan sementara menantikan apa yang akan berlaku di seluruh bumi, kerana kuasa di angkasa lepas ditarik daripada peredarannya. ²⁷Barulah Anak Manusia akan kelihatan^p datang dikelilingi awan dengan kekuasaan dan kemuliaan yang besar. ²⁸Apabila perkara-perkara itu mula berlaku, bangkitlah dan dongaklah^q ke langit, kerana sekejap lagi kamu akan diselamatkan.”

²⁹Lalu Yesus menceritakan perumpamaan ini kepada mereka. Dia berkata, “Lihatlah pokok ara dan semua pokok yang lain. ³⁰Apabila kamu nampak pokok mula berdaun, kamu tahu bahawa musim panas sudah dekat. ³¹Demikian juga apabila kamu nampak perkara-perkara ini berlaku, kamu tahu bahawa Allah akan segera memerintah.

³²Ingatlah! Segala perkara ini akan berlaku sebelum orang yang hidup^r sekarang ini mati semuanya. ³³Langit dan bumi akan lenyap, tetapi firman-Ku kekal selama-lamanya.”

³⁴“Berjaga-jagalah! Janganlah kamu asyik berpesta dan minum minuman keras atau khuatir akan kehidupan kamu, sehingga kamu tidak bersedia apabila Hari itu^s datang dengan tiba-tiba. ³⁵Hari itu akan datang seperti perangkap bagi semua orang di bumi. ³⁶Berjaga-jagalah dan berdoalah sentiasa supaya kamu mempunyai kekuatan untuk mengatasi semua perkara yang akan berlaku, lalu kamu dapat menghadap Anak Manusia.”

³⁷Setiap hari Yesus mengajar di Rumah Tuhan dan pada petang hari Dia pergi bermalam di Bukit Zaitun. ³⁸Tiap-tiap pagi semua orang datang ke Rumah Tuhan untuk mendengar ajaran Yesus.

^l Apabila angkatan tentera mengepung sebuah kota, adalah wajar untuk mencari perlindungan di dalam tembok kota. Akan tetapi, Yesus mengarahkan para pengikut-Nya untuk melarikan diri ke kawasan pergunungan kerana kota tersebut telah ditakdirkan untuk musnah.

^m Kemusnahan yang bakal menimpa Yerusalem bukan kebetulan tetapi hukuman ke atas mereka.

ⁿ Yosefus, seorang sejarawan Yahudi, mencatatkan terdapat lebih kurang 97,000 orang ditawan di sepanjang perang tersebut dan 1.1 juta lagi dibunuh sewaktu penjajahan Yerusalem. Meskipun jumlah tersebut mungkin ditokok-tambah sedikit, adalah jelas bahawa jumlah kehilangan nyawa yang terjadi adalah sangat mengerikan.

^o Ini mungkin merujuk kepada Allah membenarkan orang bukan Yahudi untuk memenuhi rancangan-Nya sehingga waktu-Nya untuk mereka berakhir.

^p Ini merujuk kepada kedatangan Yesus yang kedua kali. Selalunya ramalan-ramalan yang terdapat di dalam ajaran Yesus merujuk kepada pengakhiran zaman dan pada masa yang sama menjelaskan kehancuran yang bakal menimpa Yerusalem.

^q Apabila tanda-tanda yang mengelirukan mula berlaku, pengikut-pengikut Yesus tidak seharusnya patah semangat. Mereka harus memandang ke hadapan dengan gembira dan percaya kerana pembebasan mereka akan tiba.

^r Terdapat banyak versi yang menterjemahkan perkataan ini sebagai ‘generasi ini’, dan bukannya ‘mereka yang hidup sekarang’. Jika rujukan yang dibuat adalah berkenaan dengan kemusnahan Yerusalem yang akan terjadi 40 tahun selepas Yesus mengatakan perkara ini, maka ‘generasi’ yang dimaksudkan adalah mereka yang hidup pada waktu tersebut.

Jika rujukan tersebut adalah berkenaan dengan kedatangan Yesus untuk kali yang kedua, maka ‘generasi’ yang dimaksudkan adalah orang Yahudi sebagai bangsa yang dijanjikan untuk kekal wujud sehingga akhir nanti. Ia juga mungkin merujuk kepada generasi yang masih hidup sewaktu kejadian tersebut mengambil tempat.

^s Perkara ini merujuk kepada kedatangan Yesus untuk kali yang kedua.

**I. Yudas Bersetuju Mengkhianati Yesus (ay. 1-6)**

22 Perayaan Roti Tidak Beragi yang disebut Paska^a sudah dekat. ²Para ketua imam^b dan guru Taurat sedang mencari jalan untuk membunuh Yesus dengan diam-diam, kerana mereka takut akan orang ramai.

³Kemudian Iblis memasuki Yudas^c yang disebut Iskariot, seorang daripada dua belas orang pengikut Yesus. ⁴Lalu Yudas pergi berunding dengan para ketua imam dan ketua pengawal Rumah Tuhan^d tentang bagaimana dia boleh menyerahkan Yesus kepada mereka. ⁵Mereka gembira dan bersetuju memberikan wang^e kepadanya. ⁶Yudas pun bersetuju dan mula mencari peluang untuk menyerahkan Yesus kepada mereka tanpa diketahui oleh orang ramai.

II. Perjamuan Terakhir (ay. 3-38)

⁷Semasa Perayaan Roti Tidak Beragi, tibalah harinya domba disembelih^f untuk jamuan Paska. ⁸Yesus menyuruh Petrus dan Yohanes,^g “Pergilah sediakan jamuan Paska^h untuk kita.”

⁹Mereka bertanya, “Di manakah Guru mahu kami menyiapkannya?”

¹⁰Yesus berkata, “Apabila kamu masuk ke bandar, kamu akan berjumpa dengan seorang lelaki yang menjunjung buyung air.ⁱ Ikutilah dia ke rumah yang dimasukinya, ¹¹lalu berkatalah kepada pemilik rumah itu, ‘Guru bertanya,’ di manakah bilik tempat Dia dan pengikut-pengikut-Nya akan makan jamuan Paska?’ ¹²Tuan rumah itu akan menunjukkan sebuah bilik besar di tingkat atas yang lengkap dengan

**Teropong**

^a Paska merujuk kepada jamuan yang bermula dari tengah malam hari ke 14 di bulan yang pertama, bulan Nisan (Im 23:5-6). Pada hari yang ke 15, Pesta Roti Tidak Beragi pun bermula. Umat Yahudi akan memakan roti yang tidak dicampurkan dengan yis ataupun ragi selama seminggu. Di zaman Perjanjian Baru, kedua-dua perayaan ini dipisahkan tetapi masih boleh dirujuk dengan nama yang sama.

Paska merayakan penyelamatan Allah membebaskan umat Israel dari Mesir, manakala Pesta Roti Tidak Beragi memperingati bagaimana orang Israel memakan roti yang tidak beragi sebelum hari pembebasan daripada Mesir.

^b Di dalam keempat-empat Injil, orang Farisi adalah musuh utama Yesus di sepanjang pelayanan-Nya tetapi kumpulan imam agung mengambil alih peranan tersebut di akhirnya. Mereka adalah golongan yang memegang kuasa politik. Akan tetapi, kuasa mereka adalah terhad. Di sini, para imam agung berhadapan dengan rasa takut agar tidak mencetuskan rusuhan kerana orang ramai menyokong Yesus.

^c Lukas menunjukkan bahawa bukan rancangan manusia sahaja yang bermain pada waktu ini. Iblis telah menunggu lama untuk masa yang sesuai (Luk 4:13) untuk bertindak dan rancangan Yudas untuk mengkhianati Yesus selari dengan rancangan Iblis. Walaupun Yudas dipengaruhi oleh Iblis, dia juga bertindak mengikuti kebebasannya sendiri kerana tamak akan wang.

^d Askar-askar Roma tidak dibenarkan untuk memasuki kawasan Rumah Tuhan. Oleh yang demikian, mereka mempunyai askar-askar Yahudi sendiri yang selalunya dipilih daripada golongan suku Lewi. Mereka dipanggil sebagai pengawal Rumah Tuhan.

^e Harga yang dibayar berjumlah 30 keping syiling perak, bersamaan dengan 120 dinar (gaji seorang pekerja untuk empat bulan). Jumlah ini juga adalah harga untuk seorang hamba biasa (Kel 21:32).

**Teropong**

^f Kambing biri-biri harus dikorbankan pada hari ke 14 bulan Nisan di antara pukul 2.30 hingga 5.30 petang di halaman untuk para imam. Ia berlaku pada hari Khamis Minggu Penderitaan.

^g Seperti Yudas, Petrus dan Yohanes adalah sebahagian daripada keduabelas orang rasul. Petrus dan Yohanes memilih untuk mematuhi dan melayani Yesus manakala Yudas memilih untuk menjadi ejen Iblis dan mengkhianati Yesus demi wang. Petrus dan Yohanes menjadi pemimpin kepada keduabelas rasul manakala Yudas menggantung diri (Mat 27:5).

^h Persiapan yang dilakukan melibatkan pembelian seekor kambing biri-biri yang tidak mempunyai kecacatan dan beberapa bahan lain yang wajib. Penjualan dilakukan di Rumah Tuhan. Ia kemudian disalai dan bilik untuk jamuan tersebut juga harus disediakan.

ⁱ Adalah ganjil untuk seorang lelaki menjunjung buyung air kerana biasanya ia adalah tugas seorang wanita.

^j ‘Guru bertanya’ mungkin menunjukkan bahawa tuan rumah tersebut adalah salah seorang pengikut yang telah dikenali oleh Yesus.

^k Bilik yang dimaksudkan selalunya berada di tingkat dua di bawah bumbung rumah yang rata dan boleh dimasuki dari laluan tangga di tepi rumah. Ia mungkin dilengkapi dengan sofa yang diperlukan untuk bersandar dan juga peralatan untuk menjamu makanan.

^l Seperti persiapan untuk kemasukan Yesus ke Yerusalem (19:28-34), ini mungkin menunjukkan kebolehan Yesus untuk mengetahui masa hadapan ataupun Dia telah menyusunnya sedemikian sebelum ini. Yesus mungkin telah melakukan persetujuan dengan lelaki tersebut untuk memastikan jamuan Paska tidak terganggu. Oleh kerana Yesus tidak memaklumkan di mana Dia akan menyambut Paska



segala perabotnya.^k Siapkanlah segala-galanya di situ.”

¹³Mereka pergi dan mendapati semuanya seperti yang dikatakan oleh Yesus,^l lalu mereka menyediakan jamuan Paska.

¹⁴Apabila tiba waktunya untuk makan jamuan Paska, Yesus makan bersama dengan rasul-rasul itu. ¹⁵Dia berkata kepada mereka, “Aku ingin sekali makan jamuan Paska ini bersama-sama kamu sebelum kematian-Ku! ¹⁶ Percayalah, Aku tidak akan memakannya lagi sehingga makna perjamuan ini dinyatakan di Dunia Baru Allah.”^m

¹⁷Setelah itu Yesus mengambil sebuah cawan berisi wain.ⁿ Dia mengucap syukur kepada Allah, lalu berkata, “Ambillah cawan ini, dan bahagikanlah antara kamu sendiri. ¹⁸Ketahuilah, mulai sekarang Aku tidak akan minum wain ini lagi sehingga Allah memerintah dengan sepenuhnya.”

¹⁹Kemudian Yesus mengambil roti.^o Setelah Dia mengucap syukur kepada Allah, Dia membahagi roti itu lalu memberikannya kepada mereka sambil berkata, “Inilah tubuh-Ku, yang diberikan untuk kamu.^p Buatlah demikian untuk mengenang Aku.”^q ²⁰Begitu

juga setelah makan, Dia memberikan cawan itu kepada mereka sambil berkata, “Cawan wain ini perjanjian Allah yang baru, yang disahkan dengan darah-Ku, darah yang dicurahkan untuk kamu.”

²¹Tetapi lihatlah! Orang yang mengkhianati Aku ada di sini bersama-sama Aku! ²²Anak Manusia akan mati sebagaimana yang telah ditetapkan oleh Allah; tetapi malanglah orang yang mengkhianati Dia!”^s

²³Lalu mereka mula bertanya sesama sendiri, siapa antara mereka yang akan melakukan perkara itu.

²⁴Pengikut-pengikut Yesus bertengkar tentang siapa antara mereka yang harus dianggap terbesar.

²⁵Yesus berkata kepada mereka, “Raja bangsa yang tidak mengenal Allah menindas rakyat; para penguasanya disebut ‘Pelindung Rakyat’.^t ²⁶Tetapi tidak demikian halnya dengan kamu. Sebaliknya, orang yang terbesar antara kamu mesti menjadi seperti yang terkecil^u dan pemimpin mesti menjadi seperti hamba. ²⁷Siapakah yang lebih mulia, orang yang duduk makan atau orang yang melayani dia? Tentu orang yang duduk makan. Tetapi Aku ada antara kamu sebagai orang yang melayan. ²⁸Kamu

terlebih dahulu, Yudas tidak mampu melaporkan lokasi tersebut kepada musuh Yesus yang mungkin akan datang mengganggu masa penting Yesus bersama para murid-Nya.

^m Ini adalah kali terakhir Yesus menyambut Paska bersama dengan para murid-Nya sebelum Dia dikorbankan sebagai ‘Domba Paska’ yang sempurna, dan menggenapi korban tersebut untuk selama-lamanya. Dia tidak akan menjamu jamuan Paska sehinggalah perayaan jamuan di syurga apabila rancangan Allah melalui kematian-Nya disempurnakan.

ⁿ Empat cawan wain akan diminum pada masa yang berlainan sewaktu menyambut Paska. Cawan yang dimaksudkan adalah tidak jelas, ia mungkin merujuk kepada cawan pertama ataupun kedua.

Sebelum cawan kedua diminum, anak lelaki bongsu di dalam sebuah keluarga akan bertanya mengapakah malam tersebut berlainan daripada yang lain dan mengapakah roti tidak beragi dimakan. Kemudian ketua keluarga akan menjawab dengan menceritakan kisah pembebasan umat Israel dari Mesir serta mentafsirkan jamuan tersebut sebagai amalan untuk mengingati dan bersyukur kepada Allah kerana membebaskan umat-Nya.

^o Apabila cawan yang kedua diminum, ketua keluarga akan mengambil roti tanpa ragi, memberkati dan membahagikannya kepada orang lain. Ini diikuti dengan memakan hidangan itu sendiri.

^p ‘Memberikan tubuh’ adalah gambaran untuk memberikan nyawa (di dalam perang) demi orang lain. Ia menunjukkan kepada kematian Yesus untuk keselamatan manusia.

^q Seperti Paska sebagai peringatan dan pengisytiharan kepada

penyelamatan Allah untuk Israel dari ikatan perhambaan di Mesir, perintah Yesus di sini turut menjadi peringatan dan pengisytiharan untuk penyelamatan daripada ikatan dosa yang dilakukan oleh-Nya bagi mereka di kayu salib.

^r ‘Darah dicurahkan untuk kamu’ menggambarkan kematian yang kejam. Perjanjian baru yang Allah lakukan bersama umat-Nya akan berlandaskan pengampunan dosa melalui kematian Yesus dan pencurahan darah-Nya di kayu salib. Ia tidak lagi berlandaskan hukum tetapi kasih kurnia, kerana hukum Allah kini ditulis di dalam hati kita (Yer 31:31-34) melalui hadirat Roh Kudus di dalam hidup kita.

^s Yesus menjelaskan bahawa kematian-Nya adalah sebahagian daripada rancangan Allah tetapi ini bukan bermaksud bahawa si pengkhianat tidak bersalah kerana dia sendiri memilih untuk berbuat demikian. Luahan Yesus di sini bukan dipenuhi dendam tetapi bersedih atas kesan-kesan daripada tindakan Yudas.

^t Terjemahan lain mempunyai perkataan ‘penyumbang-penyumbang’. Adalah amalan lazim di dalam empayar Roma bagi orang kaya untuk tidak membayar cukai tetapi menyumbang wang dan masa mereka untuk membantu bandar-bandar dan pekan-pekan. Oleh itu, mereka dikenali sebagai penyumbang-penyumbang dan dilihat sebagai individu-individu paling layak untuk dihormati di dalam masyarakat.

^u Di dalam dunia purba, umur diterima umum sebagai sumber keistimewaan dan kehormatan. Mereka tidak mencari kehormatan kerana umur tetapi untuk berpuas hati di dalam menjadi yang paling rendah, seperti orang muda.



telah bersama-sama Aku dalam segala kesusahan-Ku. ²⁹Sebagaimana Bapa-Ku telah memberikan hak kepada-Ku untuk memerintah, Aku juga akan memberikan hak itu kepada kamu. ³⁰Kamu akan makan minum dengan Aku dan memerintah bersama-sama Aku pada waktu Aku menjadi raja. Kamu akan duduk di atas takhta untuk memerintah dua belas suku Israel.”

³¹“Simon, Simon, dengarlah! Iblis telah mendapat kebenaran untuk menguji kamu semua,^y seperti peladang memisahkan gandum daripada sekam. ³²Tetapi Aku telah berdoa untukmu^w supaya imanmu tidak goyah. Apabila engkau balik kepada-Ku, engkau mesti menguatkan saudara-saudaramu.”

³³Petrus menjawab, “Ya Tuhan, aku bersedia dipenjarakan dan mati bersama-sama Tuhan!”

³⁴Yesus berkata, “Ketahuilah, Petrus, sebelum ayam berkokok hari ini, tiga kali engkau akan berkata

engkau tidak mengenal Aku.”

³⁵Kemudian Yesus bertanya kepada pengikut-pengikut-Nya, “Apabila Aku mengutus kamu dahulu dengan tidak membawa dompet, beg, atau kasut, adakah kamu kekurangan apa-apa?”^x

“Tidak!” jawab mereka.

³⁶“Tetapi sekarang,” kata Yesus, “orang yang mempunyai dompet atau beg, mesti membawanya; dan orang yang tidak mempunyai pedang, mesti menjual jubah untuk membeli pedang.”^y ³⁷Ketahuilah, ayat Alkitab ini mesti berlaku kepada diri-Ku: ‘Dia dianggap sebagai penjahat’^z. Apa yang tertulis tentang diri-Ku sedang berlaku sekarang ini.”

³⁸Semua pengikut-Nya berkata, “Tuhan, lihatlah, di sini ada dua bilah pedang. “Yesus menjawab, “Cukuplah!”^a

^v Iblis langsung tidak mempunyai sebarang hak. Dia mungkin meminta, tetapi Allah yang berkuasa. Oleh itu, setiap cubaan dan ujian yang menimpa umat Allah adalah yang dibenarkan oleh-Nya. Kebanyakan terjemahan mempunyai ‘Iblis telah meminta untuk menyaring engkau seperti gandum’. Metafora ini menggambarkan ujian berat yang akan menimpa murid-murid Yesus, terutamanya Simon.

^w Setelah berjaya menyerang Yudas, Iblis kini ingin menyerang rasul-rasul yang lain. Satu-satunya sebab mengapa Petrus terselamat dan berpaling semula kepada Yesus adalah kerana Yesus mendoakannya. Petrus akan mengalami ‘kegagalan sementara’ tetapi dia akan kembali semula. Oleh kerana dia telah melalui ujian yang berat, dia mampu untuk menguatkan saudaranya yang lain.

^x Yesus membezakan dengan apa yang akan terjadi sebelum ini. Sewaktu Dia mengutus mereka untuk berkhotbah, sumber yang dimiliki adalah terhad tetapi mereka mengalami berkat Allah dan hospitaliti di sepanjang perjalanan. Kini keadaannya akan berlainan.

^y Sehingga kini, murid-murid Yesus telah bergantung kepada hospitaliti daripada orang lain tetapi di masa akan datang, tentangan akan menyebabkan mereka menanggung diri sendiri. Mereka tidak lagi boleh bergantung kepada sambutan mesra tetapi harus menyiapkan diri untuk menghadapi tentangan dan keganasan. Perkataan ‘pedang’ yang digunakan di sini bukan bermaksud secara harafiah kerana kita sedia maklum bahawa Yesus menentang keganasan (*rujuk ayat 49-51*). Pedang digunakan di dalam Alkitab sebagai metafora untuk tentangan. Oleh itu, Yesus mengingatkan mereka untuk bersedia akan keganasan yang akan dihadapi.

^z Ayat ini dipetik dari Yesaya 53:12. Versi lain menterjemahkannya sebagai ‘dia tergolong sebagai penjahat’. Yesus memberitahu murid-murid-Nya bahawa kata-kata Yesaya akan dipenuhi di dalam Dia. Di dalam kematian-Nya

untuk manusia sejagat, dia akan dianggap sebagai salah seorang daripada pelaku dosa. Dia akan ditangkap sebagai seorang penjenayah. Amaran-Nya kepada mereka adalah sebagai pengikut-Nya, mereka harus menjangkakan nasib yang serupa serta menyiapkan diri untuk menghadapi tentangan dan penolakan.

^a Murid-murid Yesus menunjukkan yang mereka telah salah fahami ‘pedang’ yang dimaksudkan-Nya dan mendapatkan dua bilah pedang. Kata-kata Yesus ‘cukuplah’ adalah luahan geram dan bukan satu persetujuan. Ia adalah cara-Nya untuk menghentikan subjek perbincangan para murid yang telah jauh menyimpang.



Tiada sesiapa yang ingin menjadi ‘tidak penting’ ataupun hamba kepada orang lain. Kita semua mahu menjadi orang penting dan disanjung ramai.

Bagaimanakah anda boleh menjadi lebih rendah diri dan memiliki hati hamba terhadap orang lain.

Apakah sikap-sikap yang menghalang anda daripada membesar di dalam bahagian-bahagian tersebut?

Bawalah sikap-sikap tersebut kepada Allah dan mintalah Dia untuk membantu anda menguruskannya.



III. Yesus Berdoa di Bukit Zaitun (ay. 39-46)

³⁹Yesus meninggalkan kota itu. Seperti biasa Dia pergi ke Bukit Zaitun^b dan pengikut-pengikut-Nya menyertai Dia. ⁴⁰Apabila Yesus tiba di situ, Dia berkata kepada mereka, "Berdoalah agar kamu tidak berdosa ketika menghadapi cubaan."^c

⁴¹Kemudian Dia pergi lebih jauh dari tempat mereka, kira-kira sejauh lemparan batu. ⁴²Dia berlutut^d dan berdoa, "Ya Bapa, jika boleh jauhkanlah cawan penderitaan^e ini daripada-Ku. Tetapi janganlah turut kehendak-Ku, melainkan kehendak-Mu berlaku-

lah."⁴³Malaikat^f dari syurga datang kepada-Nya dan menguatkan Dia. ⁴⁴Kerana berat penderitaannya, Yesus semakin tekun berdoa, sehingga peluh-Nya seperti darah^g menitik ke tanah.

⁴⁵Selepas berdoa, Yesus balik kepada pengikut-pengikut-Nya. Dia mendapati mereka tidur kerana penat dan terlalu sedih. ⁴⁶Yesus berkata kepada mereka, "Mengapa kamu tidur? Bangunlah! Berdoalah supaya kamu tidak berdosa ketika menghadapi cubaan."^h



Teropong

^b Di dalam injil tulisan Matius dan Markus, mereka mengenal pasti tempat ini sebagai Getsemani manakala Yohanes pula mengatakannya sebagai Bukit Zaitun. Tempat tersebut mungkin terletak di kawasan cerun rendah Bukit Zaitun (*rujuk Bab 19, nota q*). Menurut Lukas, ia adalah tempat yang sering dilawat oleh Yesus tetapi ia tidak disebut sebagai sebuah taman.

^c Yesus mungkin merujuk kepada cubaan-cubaan dahsyat yang akan dilalui oleh murid-murid-Nya untuk menguji iman mereka.

^d Yesus bukan sahaja meminta murid-murid-Nya untuk berdoa dalam waktu cubaan dahsyat, Dia juga turut berdoa. Postur doa yang lazim adalah dengan berdiri sambil memandang ke langit. Dengan berlutut, ini menunjukkan Yesus bukan sahaja menjadi taat di dalam doa kepada Allah, tetapi ia adalah satu detik dan emosi yang genting.

^e 'Cawan penderitaan' sering digunakan di dalam Perjanjian Lama sebagai metafora untuk murka ataupun penghakiman Allah ke atas dosa dan pemberontakan manusia. Di sini, ia merujuk kepada 'cawan' kematian dan murka Allah. Ia adalah hukuman ilahi untuk dosa yang diambil oleh Yesus daripada tangan Bapa-Nya di dalam menggenapi misi-Nya. Yesus sedia maklum azab kematian dahsyat yang akan dilalui-Nya jika Dia menerima rancangan Allah, tetapi Dia tetap berdoa agar kehendak Allah tetap dilaksanakan. Apa yang ditakuti oleh Yesus bukanlah kematian, tetapi kematian sebagai seorang yang mengambil dosa manusia sejagat ke atas diri-Nya.

^f Respon Allah kepada doa Yesus bukanlah dengan mengalihkannya cawan penderitaan tetapi untuk memberikan kekuatan kepada-Nya untuk menempuhi melalui bantuan malaikat. Setelah dikuatkan, Yesus berdoa dengan lebih bersungguh-sungguh. Dia sangat asyik dengan pertempuran-Nya sehingga berpeluh. Pertempuran tersebut adalah di antara tentangan Iblis terhadap kehendak Allah, tetapi kehendak Allah akan menang di akhirnya.

^g Ini mungkin gumpalan peluh yang banyak sehingga menitik seperti darah. Ia juga mungkin merujuk kepada keadaan yang dipanggil sebagai hematisidrosis, di mana darah dan peluh bercampur disebabkan tekanan, sensitiviti dan perasaan takut yang melampau.

^h Yesus, di dalam belas kasihan-Nya tidak memarahi murid-murid-Nya kerana tertidur dan gagal untuk berdoa. Malah, Dia menggesa mereka sekali lagi untuk mendoakan diri sendiri.



Apakah perkara-perkara sukar yang anda hadapi sebagai orang Kristian?

Apakah reaksi anda terhadap semua situasi-situasi sukar tersebut?

Apakah yang boleh anda pelajari daripada Yesus sewaktu Dia berhadapan dengan penderitaan terbesar dalam hidup-Nya?



Ketahuiilah bahawa Yesus memahami perasaan mengalami keadaan yang sukar kerana Dia telah melaluinya.

Ketahuiilah bahawa Dia mendoakan anda, seperti Dia mendoakan Petrus agar mampu melalui detik ujiannya.

Oleh itu, teguhlah dan terus mara ke hadapan!



**IV. Yesus Ditangkap (ay. 47-53)**

⁴⁷Sementara Yesus masih berkata-kata, datanglah sekumpulan orang.ⁱ Mereka dipimpin oleh Yudas, seorang daripada dua belas orang pengikut Yesus. Yudas mendekati Yesus untuk menciumⁱ Dia. ⁴⁸Tetapi Yesus berkata kepadanya, “Yudas, adakah dengan ciuman, kamu mengkhianati Anak Manusia?”

⁴⁹Apabila pengikut Yesus yang di situ nampak apa yang akan berlaku, mereka berkata, “Tuhan, biarlah kami menyerang dengan pedang!” ⁵⁰Seorang antara mereka memukul hambaⁱ Imam Agung serta mengerat telinga kanannya.

⁵¹Yesus berkata, “Sudahlah!” Lalu Dia menjamah telinga orang itu dan menyembuhkannya.ⁱ

⁵²Setelah itu Yesus berkata kepada semua ketua imam, ketua pengawal Rumah Tuhan, dan pemimpin^m masyarakat Yahudi yang datang ke situ untuk menangkap Dia, “Adakah Aku ini penjahat, sehingga kamu mesti datang dengan membawa pedang dan belantan untuk menangkap Aku? ⁵³Tiap-tiap hari Aku bersama-sama kamu di Rumah Tuhan, tetapi kamu tidak menangkap Aku. Tetapi inilah masanya kamu bertindak,ⁿ kerana kuasa kegelapan sedang memerintah.^o”

V. Yesus Dibicarakan (ay. 54-71)

⁵⁴Mereka menangkap Yesus dan membawa Dia ke rumah Imam Agung.^p Petrus mengikut dari jauh. ⁵⁵Api unggun telah dinyalakan di tengah-tengah halaman rumah^q itu dan Petrus pergi duduk dengan orang lain yang duduk di sekelilingnya. ⁵⁶Apabila salah seorang hamba wanita nampak Petrus duduk dekat api unggun, dia mengamati Petrus lalu berkata, “Orang ini juga bersama-sama Yesus!”

⁵⁷Tetapi Petrus menafikannya, “Aku tidak mengenal orang itu!”

⁵⁸Sejurus kemudian, seorang lagi nampak Petrus dan berkata, “Kamu juga seorang daripada mereka!” Tetapi Petrus menjawab, “Bukan!”

⁵⁹Kira-kira sejam kemudian, seorang lain berulang kali berkata, “Pasti orang ini pengikut Yesus, kerana dia juga orang Galilea!”^r

⁶⁰Tetapi Petrus menjawab, “Aku tidak faham apa yang kamu katakan!” Seketika itu juga, sedang Petrus berkata-kata, ayam berkokok.

⁶¹Tuhan pun berpaling dan memandang Petrus.^s Petrus teringat akan apa yang dikatakan oleh Tuhan kepadanya, “Sebelum ayam berkokok hari ini, tiga kali

**Teropong**

ⁱ Lukas mengenal pasti identiti orang ramai ini di dalam ayat 52 sebagai ketua imam, ketua pengawal Rumah Tuhan, dan pemimpin masyarakat. Mereka datang dengan pedang dan kayu pemukul sebagai persediaan jika terdapat tentangan di dalam cubaan mereka untuk menangkap Yesus.

^j Ciuman bukanlah cara menyampaikan salam yang asing apabila kaum lelaki bertemu. Ia menunjukkan persahabatan dan keakraban. Tetapi di sini, Yudas telah menukarkan ciuman tersebut sebagai satu ciuman pengkhianatan. Di dalam Injil Matius dan Markus, kita diberitahu bahawa Yudas telah mengaturkan bahawa ciumannya adalah petanda untuk mengenal pasti Yesus. Ia menjadi tidak penting kerana Yesus memperkenalkan diri-Nya (*rujuk Yoh 18:5*) tetapi Yudas tetap juga melaksanakan rancangannya.

^k Nama hamba imam agung tersebut adalah Malkhus. Identiti si penyerang adalah Petrus (*rujuk Yoh 18:10*).

^l Yesus membetulkan kesilapan yang dilakukan oleh para pengikut-Nya. Tindakan yang dilakukan oleh mereka adalah bercanggah dengan ajaran-Nya.

^m Menurut Injil-injil yang lain, terdapat dua golongan yang turut hadir pada waktu tersebut – guru-guru Taurat, dan askar Roma.

ⁿ Waktu tersebut adalah waktu yang ditentukan untuk musuh Yesus menangkap-Nya, waktu untuk kuasa

kegelapan (kuasa kejahatan) berusaha untuk mengalahkan rancangan Allah.

^o Kegelapan adalah simbol kepada kuasa Iblis. Yesus melihat kuasa Rumah Tuhan dan juga Majlis Agama sebagai alat yang digunakan oleh Iblis.

**Teropong**

^p Rumah yang dimaksudkan mungkin milik Hanas, mertua kepada Kayafas Imam Agung (*rujuk Bab 3 nota e*). Perjumpaan ini mungkin adalah perbincangan ataupun pemeriksaan rasmi terhadap Yesus di hadapan imam agung dan juga beberapa ahli Majlis Agama.

^q Unggun api di halaman rumah adalah satu kemestian kerana waktu malam musim bunga adalah sangat sejuk di Yerusalem. Petrus adalah satu-satunya murid yang mengikut Yesus dari belakang.

^r Cabaran ketiga adalah lebih serius. Lelaki tersebut berkeras untuk mengatakan dakwaannya adalah benar dengan membuktikan bahawa Petrus datang dari Galilea seperti Yesus. Ini menunjukkan mungkin loghat Galilea Petrus menjadi bukti kepada dakwaannya. Lelaki ini adalah bau-bau bacang kepada Malkhus, hamba kepada imam agung (*rujuk Yoh 18:26*).

^s Kita tidak diberitahu lokasi kedudukan Yesus pada ketika ini. Dia mungkin berada di sebuah bilik sambil melihat kawasan halaman rumah ataupun sedang diiring melalui kawasan tersebut meninggalkan rumah Hanas ke Majlis

engkau akan berkata engkau tidak mengenal Aku.”
⁶²Petrus keluar dari situ lalu menangis tersepu-tersepu.

⁶³Semua orang yang mengawal Yesus^l mempermainkan dan memukul Dia. ⁶⁴Mereka menutupi matanya lalu bertanya kepada-Nya, “Tekalah, siapakah yang memukul kamu?” ⁶⁵Banyak lagi hinaan lain yang dilemparkan oleh mereka kepada Yesus.

⁶⁶Pada pagi hari,^u para pemimpin masyarakat Yahudi, ketua imam, dan guru Taurat bermesyuarat,^v lalu Yesus dibawa ke hadapan Majlis Agama. ⁶⁷Mereka berkata, “Katakanlah, benarkah kamu ini Penyelamat yang diutus oleh Allah?” Yesus menjawab, “Jika Aku memberitahu kamu, kamu pun tidak mahu percaya.

⁶⁸Jika Aku bertanya apa-apa, kamu tidak mahu menjawab. ⁶⁹Tetapi mulai sekarang, Anak Manusia akan duduk di sebelah kanan Allah Yang Maha Kuasa.^w”

⁷⁰Mereka semua bertanya, “Adakah kamu ini Anak Allah?” Yesus menjawab, “Begitulah yang kamu katakan.” ⁷¹Mereka berkata, “Kita tidak perlu saksi lagi! Kita telah mendengar apa yang dikatakannya!”^x

I. Yesus di Hadapan Pilatus (ay. 1-5)

23 Semua anggota^a majlis bangkit, lalu membawa Yesus ke hadapan Pilatus.^b ²Di situ mereka mula menuduh Dia^c dan berkata, “Kami dapati orang ini menyesatkan rakyat. Dia menghasut orang ramai supaya tidak membayar cukai kepada Kaisar dan dia mengaku diri sebagai Kristus, seorang raja.^d”

³Pilatus bertanya kepada Yesus, “Betulkah kamu raja orang Yahudi?” Yesus menjawab, “Begitulah yang tuan katakan.”^e

⁴Kemudian Pilatus berkata kepada para ketua imam dan orang ramai, “Aku tidak mendapati kesalahan apa-apa pun sehingga orang ini patut dihukum.”

⁵Tetapi mereka berulang kali berkata, “Dengan ajarannya, orang ini menghasut orang di seluruh Yudea supaya memberontak; dia memulakannya di Galilea dan sekarang sudah sampai di sini pula.”

II. Yesus di Hadapan Herodes (ay. 6-12)

⁶Ketika mendengar hal itu, Pilatus bertanya,

Agama. Walau apapun, Dia berada di sebuah tempat di mana Dia boleh melihat Petrus. Yesus melihat Petrus dan ini menyebabkan Petrus teringat nubuat Yesus tentang dirinya.

^l Yesus diserahkan kepada sekumpulan askar untuk mengawal-Nya sehingga sesi formal Majlis Agama pada waktu siang bermula. Mereka mengambil peluang tersebut untuk mengejek dan mempermainkan tawanan mereka.

^u Perbicaraan yang sah hanya boleh dilakukan pada waktu siang apabila kesemua Majlis Agama hadir untuk menjatuhkan hukuman maut.

^v Ini adalah penggenapan untuk nubuat yang dilakukan oleh Yesus di dalam Luk 9:22.

^w ‘Tangan kanan’ adalah posisi kehormat dan duduk pula adalah posisi untuk berehat. Kerajaan penyelamatan-Nya sudah selesai, Yesus kemudian akan memiliki tempat kehormat tertinggi. Kemuliaan-Nya akan menebus dan membuktikan identiti sebenar Yesus.

^x Reaksi terhadap jawapan Yesus menunjukkan bahawa Dia telah menjawab dengan tegas. Tindakan untuk mendakwa diri sebagai Mesias dan Anak Allah adalah kata-kata kufur melainkan dakwaan tersebut adalah benar. Dosa mengkufuri Allah bukan sahaja melibatkan mencaci (memburuk-burukan) nama Allah tetapi juga sebarang cemuhan ke atas keagungan dan kewibawaan-Nya. Dakwaan Yesus untuk menjadi Anak Allah serta mempunyai keagungan dan kewibawaan yang hanya dimiliki oleh Allah dianggap sebagai kata-kata kufur. Menurut Hukum Musa, hukumannya adalah hukuman mati.



Teropong

^a Kumpulan ini merujuk kepada Majlis Agama yang telah berjumpa pada awal pagi tersebut.

^b Pontius Pilatus adalah gabenor Roma di daerah Yudea dari tahun 26 sehingga 36 M (*rujuk 'Pontius Pilatus', ms. 8*). Ibu pejabatnya terletak di Kaisarea tetapi dia berada di Yerusalem sewaktu Paska dirayakan untuk mengelakkan masalah daripada timbul. Ini kerana orang Yahudi dari pelbagai tempat akan kembali berkumpul untuk merayakan perayaan ini.

Hak Majlis Agama untuk menjatuhkan hukuman terberat iaitu hukuman maut, telah dilucutkan oleh kerajaan Roma. Oleh itu, Yesus harus diserahkan kepada Pilatus untuk dibunuh. Perbicaraan mengambil tempat di sebuah istana megah yang dibina oleh Herodes Agung, tempat tinggal rasmi Pilatus.

^c Pemimpin-pemimpin Yahudi mahu Yesus dibunuh tetapi mereka tidak mempunyai kuasa tersebut. Ini kerana hanya gabenor yang berhak untuk menjatuhkan hukuman mati. Ini adalah untuk mengelakkan orang Yahudi daripada sembarangan menjatuhkan hukuman bunuh terhadap penyokong-penyokong Roma. Dari sudut pandangan orang Yahudi, jenayah Yesus adalah satu tindakan mengkufuri Allah tetapi ia bukanlah sesuatu yang setimpal dengan hukuman mati di mata orang Roma. Oleh itu, pemimpin-pemimpin Yahudi terpaksa membuat fitnah yang akan kelihatan serius bagi orang Roma.

^d Mereka membuat tiga tuduhan ke atas Yesus. Akan tetapi, hanya tuduhan kedua dan ketiga yang kelihatan serius



“Adakah orang ini orang Galilea?”⁷ Apabila Pilatus mengetahui bahawa Yesus berasal dari daerah yang diperintah oleh Herodes,^f dia menyuruh orang menghantar Yesus kepada Herodes. Ketika itu, Herodes juga di Yerusalem. ⁸Herodes sangat gembira ketika nampak Yesus, kerana sudah lama⁹ dia mendengar perihal Yesus dan ingin melihat dia. Herodes berharap dapat menyaksikan Yesus melakukan mukjizat. ⁹Oleh itu Herodes mengajukan banyak pertanyaan kepada Yesus, tetapi Yesus tidak menjawab sepeatah pun. ¹⁰Semua ketua imam dan guru Taurat yang di situ maju ke hadapan dan mendakwa Yesus dengan berbagai-bagai tuduhan yang berat. ¹¹Herodes dan askar-askarnya mempermainkan serta menghina^h Yesus. Mereka mengenakan jubahⁱ yang indah pada Yesus, lalu mengembalikan Yesus kepada Pilatus. ¹²Mulai hari itu Herodes dan Pilatus bersahabat;^j dahulunya mereka bermusuhan.

untuk dipertimbangkan oleh Pilatus. Perkataan ‘Kristus’ digunakan untuk memperlihatkan Yesus sebagai seorang aktivis politik dan juga ancaman kepada kerajaan Roma.

^e Yesus mengesahkan bahawa Dia adalah seorang raja tetapi kemudian menjelaskan (*rujuk Yoh 18:33-38*) bahawa kerajaan-Nya bukan seperti kerajaan di dunia.



Teropong

^f Ini adalah Herodes Antipas, anak kepada Herodes Agung. Dia adalah raja di kawasan Galilea dan Perea. Ibu pejabatnya terletak di Tiberias, Laut Galilea. Tetapi, seperti Pilatus, dia Herodes juga berada di Yerusalem sewaktu Paska. Dia mungkin berada di sana dengan harapan untuk memenangi hati orang-orang Yahudi.

Walaupun Herodes dan Pilatus saling berseteru (*rujuk ayat 12*), Pilatus tidak ingin mengendalikan kes ini dan menyerahkan Yesus kepada Herodes.

^g Herodes sudah lama risau akan identiti sebenar Yesus (3:7-9). Dia juga pernah merancang untuk membunuh-Nya dahulu (13:31) walaupun mereka tidak pernah bertemu.

^h Herodes pasti berasa tertekan sewaktu memeriksa Yesus kerana dia tidak mendapat sebarang jawapan untuk soalnya ataupun melihat keajaiban daripada Yesus. Yesus tidak pernah menolak mereka yang ikhlas bertanya, tetapi Herodes sememangnya mempunyai minat yang lain ke atas identiti sebenar Yesus.

ⁱ Kata sifat yang digunakan mencadangkan bahawa jubah tersebut ‘bersinar’ ataupun ‘berkilau’. Ini adalah sebuah cubaan untuk mengejek dakwaan Yesus sebagai raja orang Yahudi.

^j Mereka menjadi rakan dari segi gabungan kuasa menentang Yesus.

III. Yesus Dijatuhkan Hukuman Mati (ay. 13-25)

¹³Pilatus mengumpulkan^k para ketua imam, pemimpin, dan orang ramai. ¹⁴Dia berkata kepada mereka, “Kamu membawa orang ini kepadaku dan berkata bahawa dia menyesatkan rakyat. Aku sudah menyoyal dia di sini di hadapan kamu, dan tidak mendapati kesalahan apa-apa pun sebagaimana yang kamu tuduhkan kepadanya. ¹⁵Herodes pun berpendapat demikian, kerana dia menghantar Yesus kembali kepada kami. Orang ini tidak melakukan sesuatu pun sehingga dia patut dijatuhkan hukuman mati.

¹⁶Oleh itu aku menyuruh orang mencambuk dia, lalu membebaskannya.”^l [¹⁷Pada tiap-tiap perayaan Paska, Pilatus harus membebaskan seorang tawanan untuk rakyat.] ¹⁸Semua orang di situ berseru, “Bunuhlah dia! Bebaskan Barabas^m untuk kami!”ⁿ ¹⁹(Barabas dipenjarakan kerana terbabit dalam pemberontakan yang berlaku di kota dan kerana pembunuhan.)



Teropong

^k Pilatus memanggil imam-imam agung, para pemimpin dan juga orang ramai menunjukkan bahawa dia telah bersedia untuk membuat satu pengisytiharaan umum.

^l Keempat-empat injil dengan jelas mengatakan bahawa Pilatus teragak-agak untuk menjatuhkan hukuman mati kepada Yesus kerana dia mendapati Yesus tidak bersalah. Oleh itu, dia mencuba untuk memujuk orang Yahudi dengan mencambuk Yesus walaupun Dia tidak disabit dengan apa-apa kesalahan. Hukuman mencambuk, walaupun tidak digunakan untuk membunuh, boleh membawa maut. Di dalam undang-undang Roma, ‘pukulan ringan’ ini kadang-kadang disertakan dengan amaran daripada hakim supaya si tertuduh akan lebih berhati-hati di masa hadapan.

^m Nama ‘Barabas’ bermaksud ‘anak Abba’. Pilatus menawarkan mereka pilihan di antara Yesus dan seorang penjenayah yang sangat kejam.

ⁿ Ini mungkin disebabkan oleh manipulasi daripada imam-imam agung dan juga pemimpin Yahudi ke atas orang ramai untuk memihak kepada mereka. Pengikut Barabas juga mungkin turut hadir pada waktu itu dan mereka mengambil peluang untuk membebaskan dia.

^o Penyaliban adalah cara menjalankan hukuman mati yang sangat kejam dan zalim. Ia dikhususkan oleh Kerajaan Roma untuk mereka yang menentang penjajahan Roma.

Mangsa selalunya disebat terlebih dahulu dan dipaksa untuk memikul kayu alang lintang sendiri ke kawasan pelaksanaan hukuman. Di situ, mereka akan dipaku ataupun diikat kepada salib, pokok ataupun tiang tanpa seurat benang. Kawasan pelaksanaan hukuman selalunya terletak di persimpangan jalan utama dan terdedah kepada

²⁰Pilatus hendak membebaskan Yesus. Oleh itu Pilatus berseru lagi kepada orang ramai. ²¹Tetapi mereka berseru, “Salibkan dia! Salibkan dia!”^o

²²Lalu untuk kali ketiga Pilatus berkata kepada mereka, “Tetapi apakah kesalahannya? Aku tidak mendapati kesalahan apa-apa pun pada orang ini sehingga dia patut dijatuhkan hukuman mati! Aku akan menyuruh orang mencambuk dia, kemudian membebaskannya.” ²³Tetapi mereka terus-menerus berseru dengan sekuat tenaga bahawa Yesus harus disalibkan, dan akhirnya mereka berjaya. ²⁴Pilatus menjatuhkan hukuman mati kepada Yesus sesuai dengan kehendak orang ramai. ²⁵Kemudian Pilatus membebaskan orang yang dikehendaki mereka, orang yang dipenjarakan kerana terbabit dalam pemberontakan dan pembunuhan. Setelah itu Pilatus menyerahkan Yesus kepada mereka untuk diperlakukan dengan sesuka hati.^p

semua jenis hukuman dan cemuhan. Oleh kerana mangsa tidak kehilangan darah secara keterlaluan, dan organ-organ badan masih selamat, mereka akan mati secara perlahan-lahan. Kadang-kadang maut hanya datang setelah beberapa hari kemudian apabila tubuh mengalami kejutan ataupun lemas.

Mayat si mangsa selalunya dibiarkan untuk mereput atau pun menjadi makanan burung pemangsa sebagai peringatan kepada orang ramai akan nasib mereka yang berani memberontak terhadap kuasa Roma.

^p Laporan yang ditulis oleh Lukas disingkatkan. Menurut Injil Yohanes, kita mendapati Pilatus telah menyerahkan Yesus kepada askar-askar untuk dicambuk sebelum menjatuhkan hukuman ke atas-Nya (*rujuk Yoh 19:1-5*). Yesus kini dihantar untuk disalibkan.



- Pernahkah anda memilih untuk tidak melakukan perkara yang benar meskipun anda menyedarinya kerana takut akan pandangan orang lain terhadap diri anda?



Ingatlah bahawa Allah adalah sumber kebijaksanaan dan kekuasaan. Anda boleh meminta-Nya untuk memberi kebijaksanaan dan keberanian bagi anda bertindak dengan adil dan penuh belas kasihan.



IV. Yesus Disalibkan (ay. 26-49)

²⁶Askar-askar itu membawa Yesus pergi, lalu di tengah jalan mereka berjumpa dengan seorang bernama Simon,^q yang berasal dari Kirene.^r Dia sedang memasuki kota. Askar-askar itu menangkap dia, lalu memaksa dia memikul salib^s Yesus dan berjalan di belakang Yesus.

²⁷Banyak orang mengikut Yesus dan antara mereka ada beberapa orang wanita yang menagisi dan meratapi Yesus. ²⁸Yesus berpaling kepada mereka dan berkata, “Wanita-wanita Yerusalem, janganlah tangisi Aku. Tangisilah diri kamu sendiri dan anak-anak’ kamu. ²⁹Masanya akan tiba apabila orang berkata, ‘Alangkah bertuahnya wanita yang tidak pernah mengandung, yang tidak pernah melahirkan dan menyusukan bayi!’ ³⁰Itulah masanya apabila orang akan berkata kepada gunung,



^q Simon mungkin merupakan seorang Yahudi yang berada di Yerusalem untuk menyambut Paska.

^r Kirene merupakan sebuah bandar yang penting di Libya, Afrika Utara. Terdapat sebilangan besar penduduk Yahudi di sana.

^s Mereka yang dijatuhkan hukuman salib selalunya dipaksa untuk memikul sebatang kayu alang lintang seberat 14 hingga 18 kg ke tempat penyaliban. Kayu ini ialah kayu yang akan menjadi tempat tangan si mangsa dipaku ataupun diikat. Yesus mengangkat kayu tersebut (*rujuk Yoh 19:17*) tetapi terpaksa dibantu oleh Simon kerana telah dilemahkan oleh hukuman cambuk yang diterima-Nya sebelum ini.

^t Yesus berfikir untuk mereka dan bukan diri-Nya sendiri. Dia menginginkan pertaubatan dan bukan simpati dari mereka kerana Dia berfikir dengan belas kasihan akan kehancuran yang akan menimpa kota tersebut dan juga penghuninya. Yesus mengarahkan wanita tersebut untuk melihat jauh ke hadapan daripada keadaan yang sedang terjadi serta menagisi kota tersebut atas dosanya.

Dia sedang memberikan amaran kepada mereka tentang kemusnahan Yerusalem oleh orang Roma yang akan terjadi di masa yang akan datang (40 tahun kemudian pada tahun 70 M). Mereka dan anak-cucu mereka akan menderita dengan dahsyat pada waktu itu. Ia sangat dahsyat sehingga anak-cucu mereka tidak dianggap sebagai berkat, walaupun orang Yahudi memandang cahaya mata sebagai berkat daripada Allah.

^u Mereka akan mencari kebebasan melalui maut daripada terus bertahan melalui penderitaan dan penghakiman.

^v Ini adalah sebuah perumpamaan. Terdapat beberapa



'Timpalah kami!'^u dan kepada bukit, 'Sembunyikanlah kami!' ³¹Jika demikian yang dilakukan mereka terhadap kayu yang masih hijau, apa pula yang akan dilakukan mereka terhadap kayu yang kering?^v

³²Ada pula dua orang penjahat yang akan disalibkan bersama-sama Yesus. ³³Apabila tiba di tempat yang disebut "Tengkorak,"^w mereka menyalibkan Yesus dan kedua-dua orang penjahat itu — seorang di sebelah kanan Yesus dan seorang lagi di sebelah kiri-Nya. ³⁴Yesus berkata, "Ya Bapa, ampunilah mereka! Mereka tidak mengetahui apa yang dilakukan oleh mereka." Pakaian^x Yesus dibahagi-bahagikan antara mereka sendiri dengan membuang undi.

³⁵Semua orang yang berdiri di situ memandang sahaja, tetapi para pemimpin orang Yahudi mengejek Dia dengan berkata, "Dia telah menyelamatkan orang lain. Jika dia benar-benar Penyelamat yang dipilih oleh Allah, biarlah dia menyelamatkan dirinya sendiri!"

³⁶Askar-askar juga mengejek dia. Mereka mendekati

Yesus lalu memberikan wain masam^y kepada-Nya. ³⁷Mereka berkata, "Jika kamu raja orang Yahudi, selamatkanlah dirimu sendiri!"

³⁸Pada sebelah atas kayu salib Yesus, tertulis kata-kata: "Inilah Raja Orang Yahudi."^z

³⁹Salah seorang penjahat yang disalibkan di situ menghina Yesus. Dia berkata, "Bukankah kamu Penyelamat yang diutus oleh Allah? Selamatkanlah dirimu sendiri dan juga kami!"

⁴⁰Tetapi penjahat yang seorang lagi menegur dia dan berkata, "Tidakkah kamu takut akan Allah? Kita semua sudah dihukum mati. ⁴¹Hukuman kita berdua memang setimpal dengan perbuatan kita, tetapi orang ini tidak bersalah!" ⁴²Lalu dia berkata kepada Yesus, "Ya Yesus, ingatlah akan saya, apabila Tuan menjadi Raja!"

⁴³Yesus berkata kepadanya, "Percayalah, pada hari ini kamu akan bersama-sama Aku di Firdaus."^a

⁴⁴Kira-kira pukul dua belas tengah hari,^b matahari tidak bersinar dan seluruh negeri itu diliputi

tafsiran untuk pernyataan ini. Tafsiran pertama adalah jika mereka melayani Mesias dengan sedemikian rupa apabila 'kayu masih hijau', bagaimanakah keadaannya nanti apabila Dia diambil daripada mereka dan mereka terpaksa menderita kerana penolakan mereka di dalam detik yang gersang? Tafsiran kedua adalah Yesus sedang memberikan amaran tentang penghakiman di masa hadapan yang lebih buruk daripada kemusnahan kota ke atas mereka yang menolak diri-Nya.

^w Perkataan Latin untuk istilah ini adalah *calvaria*, asal bagi 'Kalvari'. Ia mungkin dinamakan sempena dengan bentuk bukit ataupun unjuran batu-bata di mana penyaliban dilakukan.

^x Mereka yang dijatuhkan hukuman salib akan ditelanjangan dan sebarang benda yang dimiliki oleh mereka pada waktu tersebut akan diambil oleh pegawai yang menjalankan hukuman. 'Membuang undi untuk pakaian Yesus' ialah terjemahan yang lazim dipakai dan secara tidak langsung, askar-askar tersebut menggenapi nubuat di dalam Maz 22:18.

^y Ini adalah wain cuka, satu minuman asam yang dibawa oleh askar-askar waktu itu. Yesus enggan menerima minuman pelali yang sepatutnya membantu Dia mengurangkan rasa sakit (Mrk 15:23). Akan tetapi Dia kemudian diberikan cuka masam untuk menghilangkan dahaga (Yoh 19:28-30). Para askar terus mencemuh Yesus dengan memberikan Dia wain yang murah itu.

^z Sebuah ukiran untuk menunjukkan jenayah yang dilakukan oleh si tertuduh akan dipamerkan bagi mengelakkan kelakuan yang sama diulangi. Yesus dianggap ingin merampas takhta dan menjadi ancaman kepada Kaisar Roma. Ia mungkin balasan Pilatus terhadap

pemimpin Yahudi yang telah mendesaknya untuk mengadili Yesus. Dia menulis tuduhan Yesus berdasarkan dakwaan mereka terhadap-Nya.

^a Istilah ini datang daripada perkataan Parsi yang bermaksud 'taman'. Ia dipinjam oleh bahasa Yunani untuk menggambarkan sebuah tempat yang cantik dan menyeronokkan. Ia digunakan untuk merujuk kepada Taman Eden (Kej 2:8-10) dan juga tempat indah selepas kematian sewaktu menunggu hari kebangkitan (2 Kor 12:2-4; Why 2:7).

^b Terjemahan lain menggunakan cara Yahudi menghitung masa dan mempunyai istilah 'jam ke-enam'. Hari Yahudi bermula dari matahari terbit (lebih kurang pukul enam pagi) dan berakhir pada matahari terbenam (lebih kurang pukul enam petang). Hari dikira mengikut 12 jam sewaktu matahari kelihatan. Oleh itu, satu jam bersamaan dengan satu per duabelas daripada waktu siang. Selang masa satu jam adalah berlainan di sepanjang tahun, akan tetapi, jam keenam kekal pada waktu tengah hari, iaitu pukul 12 tengah hari. Yesus disalibkan pada jam yang ketiga, iaitu lebih kurang pukul 9 pagi (Mrk 15:25).

^c Terjemahan yang lain menggunakan 'jam kesembilan'.

^d Tirai ini adalah pemisah kepada 'Tempat Maha Kudus' daripada Tempat Kudus di dalam Rumah Tuhan (*Rujuk 'Rumah Tuhan', ms. 10*). Ia adalah simbol kepada kesucian Allah. Tirai yang dikoyakkan menunjukkan Yesus telah membuka jalan langsung kepada Allah.

^e Kata-kata terakhir Yesus dipetik dari Mazmur 31:5 di mana si pemazmur mempercayai dirinya kepada penjagaan Allah sambil mempercayai Allah akan menyelamatkan dia dari musuhnya. Yesus menunjukkan

kegelapan sehingga pukul tiga petang.^c ⁴⁵Pada waktu itu tirai yang tergantung di dalam Rumah Tuhan koyak menjadi dua helai.^d ⁴⁶Lalu Yesus berseru dengan suara lantang, “Ya Bapa, Aku serahkan diri-Ku ke dalam tangan-Mu!”^e Setelah berkata demikian, Dia pun meninggal.

⁴⁷Ketua askar^f nampak apa yang telah berlaku. Dia memuji Allah dan berkata, “Memang Dia tidak bersalah!”^g ⁴⁸Apabila semua orang yang berkumpul di situ melihat apa yang telah berlaku, mereka semua pulang ke rumah sambil menebah dada^h kerana menyesal. ⁴⁹Semua sahabat Yesus, termasuk wanita-wanita yang telah mengikut Yesus dari Galilea, berdiri dari jauh dan menyaksikan semua perkara itu.

iman kepada Bapa-Nya dan mempercayai Diri-Nya ke tangan-Nya.

^f Terjemahan lain menggunakan istilah ‘kepala pasukan’. Dia mungkin penyelia bagi pelaksanaan hukuman tersebut.

^g Seseengah tejemahan menggunakan perkataan ‘salih’ dan bukannya ‘tidak bersalah’. Oleh itu, ayat ini mungkin bermaksud ‘orang ini tidak bersalah’ ataupun ‘orang ini adalah Orang Benar’. Penulis Injil Matius dan Markus mencatatkan kata-kata kepala pasukan tersebut sebagai ‘memang benar orang ini Anak (ataupun anak) Allah’. Kedua-dua istilah ‘Anak Allah’ dan ‘Orang Benar’ mempunyai maksud yang serupa. Begitu juga dengan ‘anak Allah’ dan ‘orang yang benar’.

Maksud yang digunakan oleh kepala pasukan tersebut adalah tidak jelas. Namun demikian, adalah jelas bahawa dia menyedari tangan Allah bekerja di dalam Yesus dan tuduhan yang dijatuhkan ke atas-Nya oleh kepimpinan Yahudi adalah tidak benar.

^h Ini adalah tanda azab, hiba, ataupun sedih ke atas dosa.



Bayangkan anda berada di sana ketika Yesus disalibkan. Pilih salah seorang watak yang ada pada ketika itu: wanita-wanita, penjenayah, askar dsbnya., dan bayangkan diri anda di tempat mereka yang sedang memandangi Yesus di kayu salib.

Apakah fikiran ataupun emosi yang bermain di minda anda?

Mengapakah anda bereaksi sedemikian?

V. Yesus Dikuburkan (ay. 50-56)

⁵⁰Ada seorang bernama Yusuf;ⁱ dia berasal dari kota Arimatea di negeri Yudea. Dia seorang baik yang dihormati orang. Dia sedang menantikan masanya Allah mula memerintah. Meskipun dia anggota Majlis Agama,^j dia tidak bersetuju dengan keputusan dan tindakan Majlis itu. ⁵¹(23:50) ⁵²Dia menghadap Pilatus dan meminta jenazah Yesus. ⁵³Dia menurunkan jenazah Yesus^k dari salib, lalu membalutnya dengan kain linen. Setelah itu dia meletakkan jenazah Yesus di dalam kubur yang dipahat pada sebuah bukit batu.^l Kubur itu belum pernah digunakan. ⁵⁴Hari itu hari Jumaat^m dan hari Sabat hampir bermula.



Teropong

ⁱ Arimatea adalah sebuah kampung di kawasan bukit kira-kira 32 km (20 batu) barat daya dari Yerusalem. Tetapi oleh kerana Yusuf mempunyai sebuah kubur berdekatan dengan Yerusalem, dia dikatakan telah meninggalkan kampung halamannya untuk berpindah ke ibu kota. Menurut daripada huraian yang dibuat oleh Lukas, Yusuf mungkin salah seorang daripada pengikut Yesus ataupun dia telah mempercayai-Nya.

^j Golongan yang dimaksudkan adalah Majlis Agama. Oleh kerana undi untuk menentang Yesus dibuat dengan sebulat suara (Luk 22:70; Mrk 14:64b), kemungkinan besar Yusuf tidak berada di sana ketika keputusan diambil.

^k Mayat seorang penjenayah selalunya dibiarkan begitu sahaja dan tidak dikuburkan. Jika tidak, ia akan diletakkan di tempat terhina tanah milik orang miskin. Sanak saudara terdekat, seperti ibu si mati mungkin akan meminta kebenaran untuk mendapatkan mayat tersebut. Akan tetapi, Yusuf menunjukkan tindakan yang berani dengan meminta jenazah Yesus memandangkan dia adalah ahli kepada Majlis Agama. Bukan sahaja dia menguburkan jenazah Yesus, malah dia turut membungkusnya dengan kain linen, mengurapinya dengan ramuan dan minyak wangi dan memberikan penghormatan dengan menguburkannya di kubur yang baru. Perkara ini tidak mungkin dilakukan kepada penjenayah yang dijatuhkan hukuman mati.

^l Kubur selalunya dikorek dari lereng bukit yang berbatu. Oleh kerana harga yang mahal, ia selalunya digunakan lebih dari sekali. Akan tetapi, Yesus dimasukkan di dalam sebuah kubur baru yang tidak pernah digunakan.

^m Seseengah terjemahan mempunyai perkataan ‘Hari Persiapan’, merujuk kepada hari Jumaat sebelum Sabat. Ini adalah hari di mana persiapan dilakukan untuk menyambut Sabat.



⁵⁵Wanita-wanitaⁿ dari Galilea yang datang dengan Yesus, mengikuti Yusuf. Mereka nampak kubur itu dan melihat bagaimana jenazah Yesus diletakkan di dalamnya. ⁵⁶Setelah itu mereka pulang, lalu menyediakan ramuan dan minyak wangi^o untuk jenazah Yesus. Pada hari Sabat mereka berhenti bekerja untuk mentaati perintah Taurat.

ⁿ Oleh kerana para wanita tersebut telah melihat lokasi pengebumian Yesus, mereka tidak mungkin akan tersilap mengunjungi kubur yang lain seperti yang dicadangkan beberapa pihak.

^o Selalunya, persiapan untuk pengebumian melibatkan pembersihan, pengurapan minyak dan juga membungkus jenazah. Iklim panas di kawasan Palestin mendesak upacara pengebumian yang singkat. Ramuan dan minyak wangi digunakan bukan untuk mengawet jenazah tetapi untuk menghapuskan bau busuk pereputan mayat. Kain yang panjang dan jumlah ramuan yang sangat banyak akan digunakan untuk menyediakan jenazah bagi pengebumian. Mur dan kemenyan seberat 75 pound (34 kg), sesetengah terjemahan mengatakan 100 pound, telah digunakan pada petang pertama kematian Yesus (*rujuk Yoh 19:39*).

Oleh kerana hari Sabat hampir menjelang, jenazah Yesus terpaksa dimasukkan di dalam kubur. Para wanita tersebut ingin membeli lebih banyak rempah untuk mengurapi tubuh Tuhan mereka. Oleh itu, mereka kembali untuk menyediakan apa yang mereka mahu dengan tujuan untuk datang kembali selepas Sabat berakhir untuk melakukan pengurapan.



Mari Fikir Sejenak

Pernahkah anda kecewa dengan Allah kerana Dia tidak memberikan apa yang anda inginkan?

Apakah teladan yang boleh anda pelajari daripada apa yang dilakukan oleh para wanita ini untuk Yesus, walaupun mereka mungkin merasa hampa kerana berpendapat Yesus tidak lagi mampu memberikan bantuan?

I. Kebangkitan Yesus (ay. 1-12)

24 Pada hari Ahad,^a ketika hari masih subuh, wanita-wanita itu pergi ke kubur dan membawa ramuan yang sudah disediakan oleh mereka.^b Mereka mendapati batu penutup pintu kubur sudah digulingkan.^c Lalu mereka masuk ke dalam kubur itu, tetapi tidak mendapati jenazah Tuhan Yesus.^d



Teropong

^a Versi-versi lain menterjemahkannya sebagai 'pada hari pertama minggu itu'. Hari Sabat adalah hari ketujuh dan jatuh pada hari Sabtu. Oleh itu, hari pertama adalah hari Ahad. Keempat-empat Injil menandakan bahawa hari pertama adalah hari Kebangkitan. Hari ini kemudian dijadikan sebagai hari ibadah Kristian.

^b Bagi pengiraan masa Yahudi, hari Ahad bermula ketika matahari terbenam pada hari Sabat (Sabtu). Selepas itu barulah aktiviti membeli rempah boleh dilakukan dan mereka bersedia untuk berangkat awal pagi keesokan harinya.

Hari masih gelap ketika mereka ke kubur Yesus (Yoh 20:1) dan apabila mereka tiba di sana, ia masih subuh (*rujuk Mrk 16:2*).

^c Pintu masuk kubur selalunya ditutup untuk mengelakkan jenazah daripada diganggu oleh haiwan ataupun pihak yang tidak bertanggungjawab. Batu penutup yang digunakan berbentuk cakera yang sangat besar. Ia diselitkan di dalam sebuah alur yang dikorek di hadapan lubang kubur. Pintu masuk tersebut boleh ditutup dengan mudah, ia hanya perlu digolekkan ke dalam alur. Akan tetapi, setelah ia ditutup, batu penutup tersebut adalah sangat sukar untuk dibuka (*rujuk Mrk 16:3*).

Tambahan lagi, batu penutup ini telah dikedapkan oleh pihak berkuasa Roma (*rujuk Mat 27:62-66*).

^d Dengan menggunakan frasa 'Tuhan Yesus', Lukas memberikan isyarat tentang apa yang akan diketahui oleh murid-murid Yesus setelah menyedari kesignifikan identiti Yesus yang sebenarnya.



⁴Sementara mereka berdiri di situ dan kehairanan memikirkan hal ini, tiba-tiba dua orang lelaki yang mengenakan pakaian yang berkilau-kilauan^e berdiri di sisi mereka. ⁵Kerana ketakutan, wanita-wanita itu bersujud. Lalu kedua-dua orang itu berkata kepada mereka, “Mengapakah kamu mencari orang hidup antara orang mati? ⁶Dia tidak ada di sini; Dia sudah bangkit! Ingatlah akan apa yang telah dikatakan-Nya kepada kamu sewaktu Dia di Galilea: ⁷Anak Manusia mesti diserahkan kepada orang berdosa, lalu disalibkan, dan bangkit pada hari ketiga.”

⁸Barulah semua wanita itu ingat akan kata-kata Yesus. ⁹Setelah mereka balik dari kubur itu, mereka memberitahukan segala perkara itu kepada sebelas orang rasul dan semua pengikut yang lain.^f ¹⁰Kumpulan wanita itu terdiri daripada Maria Magdalena,^g Yohana, dan Maria ibu Yakobus. Bersama dengan wanita-wanita lain, mereka memberitahukan perkara itu kepada rasul-rasul. ¹¹Tetapi rasul-rasul itu menyangka wanita-wanita itu mengatakan yang bukan-bukan. Mereka tidak percaya akan cerita itu. ¹²Tetapi Petrus bangun lalu lari ke kubur. Dia membongkok, lalu menengok ke dalam dan nampak hanya kain kafan^h di situ. Dia pulang ke rumah dengan kehairanan kerana memikirkan apa yang telah berlaku.

II. Perjalanan ke Emaus (ay. 13-49)

¹³Pada hari itu juga, dua orang daripada pengikut Yesusⁱ sedang pergi ke pekan bernama Emaus, kira-kira sebelas kilometer jauhnya dari Yerusalem. ¹⁴Mereka berbincang tentang peristiwa yang sudah berlaku. ¹⁵Sedang mereka bercakap dan bertukar pendapat, Yesus datang menghampiri mereka dan berjalan bersama-sama mereka. ¹⁶Mereka nampak Yesus, tetapi entah bagaimana mereka tidak mengenali Dia. ¹⁷Yesus berkata kepada mereka, “Apakah yang kamu percakapkan dalam perjalanan kamu ini?”

Mereka berhenti dengan muka yang sedih. ¹⁸Lalu seorang daripada mereka yang bernama Kleopas bertanya kepada Yesus, “Adakah tuan satu-satunya orang di Yerusalem yang tidak mengetahui apa yang telah berlaku akhir-akhir ini?”

¹⁹“Apakah yang telah berlaku?” tanya Yesus. “Perkara-perkara yang berlaku kepada Yesus, orang Nasaret itu,” jawab mereka. “Dia seorang nabi.^k Di sisi Allah dan pada pandangan semua orang, Dia berkuasa kerana kata-kata-Nya mahupun perbuatan-Nya. ²⁰Para ketua imam dan penguasa bangsa kita menyerahkan Dia supaya dihukum mati, lalu mereka menyalibkan Dia! ²¹Kami berharap bahawa Dialah

^e Lukas mengenal pasti identiti dua orang lelaki ini sebagai malaikat di ayat ke 23 dan juga di dalam huraian mereka berkenaan pakaian mereka yang bersinar.

^f ‘Yang lain’ merujuk kepada murid-murid Yesus yang kebanyakannya datang dari Galilea.

^g Maria Magdalena berasal daripada Magdala (*rujuk* 8:2). Dia bukan Maria dari Betania, saudari Lazarus (Yoh 11:1). Dia disebut terlebih dahulu daripada semua wanita yang berkunjung ke kubur dan merupakan orang pertama melihat Yesus yang telah bangkit (Yoh 20:13-18).

^h Kain ini adalah kain linen yang disebut di dalam 23:53 untuk membungkus jenazah Yesus. Kain tersebut masih ada di sana tetapi tubuh Yesus sudah hilang.



Teropong

ⁱ Mereka bukan salah seorang daripada sebelas rasul. Mereka adalah pengikut Yesus yang datang ke Yerusalem untuk merayakan Paska. Salah seorang daripada mereka bernama Kleopas (ayat 18).

^j Seseengah terjemahan mempunyai frasa ‘ada sesuatu yang menghalangi mata mereka’. Implikasi yang ada menunjukkan Allah telah menghalang mereka daripada mengenali Yesus. Sudah menjadi rancangan-Nya untuk mereka mengenali Yesus di kemudian nanti (ayat 31).

^k Mereka menghormati Yesus sebagai nabi tetapi selepas kematian-Nya mereka mungkin teragak-agak untuk memanggil Dia sebagai Mesias.



yang akan membebaskan Israel! Lagi pula hari ini hari ketiga¹ sejak kejadian itu. ²²Beberapa orang wanita daripada golongan kami memeranjatkan kami. Pada waktu fajar mereka pergi ke kubur, ²³tetapi tidak mendapati jenazah Yesus. Lalu mereka kembali dan berkata bahawa mereka nampak malaikat-malaikat yang memberitahukan bahawa Yesus hidup. ²⁴Beberapa orang di kalangan kami pergi ke kubur dan mendapati keadaannya seperti apa yang dikatakan oleh wanita-wanita itu, tetapi mereka tidak nampak Yesus.”

²⁵Lalu Yesus berkata kepada mereka, “Alangkah bodohnya kamu! Alangkah lambatnya kamu mempercayai semua yang dikatakan oleh nabi-nabi! ²⁶Bukankah Penyelamat yang diutus oleh Allah harus mengalami penderitaan itu bagi mencapai kemuliaan-Nya?” ²⁷Kemudian Yesus menerangkan apa yang tertulis tentang diri-Nya di dalam seluruh Alkitab kepada mereka, mulai dari Kitab-Kitab Musa dan tulisan para nabi.”

²⁸Mereka hampir tiba di pekan yang dituju. Yesus kelihatannya seolah-olah hendak meneruskan perjalanan. ²⁹Tetapi mereka menjemput Dia bermalam. Mereka berkata, “Tinggallah dengan kami. Hari hampir malam, lagi pun sudah mulai gelap.” Oleh

itu Yesus masuk ke rumah untuk bermalam dengan mereka. ³⁰Dia makan bersama-sama mereka. Kemudian Dia mengambil roti, mengucap syukur kepada Allah, lalu membahagi roti itu, dan memberikannya kepada mereka. ³¹Maka sedarlah^o mereka bahawa orang itu Yesus. Tetapi Yesus lenyap daripada pandangan mereka. ³²Mereka bercakap sesama sendiri, “Tidakkah hati kita berasa seperti meluap, ketika Dia berkata-kata kepada kita di tengah jalan dan menerangkan isi Alkitab kepada kita?”

³³Mereka terus bangkit lalu balik ke Yerusalem. Di situ mereka mendapati sebelas orang rasul sedang berkumpul dengan pengikut yang lain. ³⁴Mereka berkata, “Memang benar Tuhan sudah bangkit! Dia sudah menampakkan diri kepada Simon!”

³⁵Lalu kedua-dua orang pengikut itu menerangkan apa yang berlaku di tengah jalan dan bagaimana mereka mengenali Tuhan pada masa Dia membahagi roti.

³⁶Sedang mereka bercerita tentang perkara itu, tiba-tiba Yesus berdiri di tengah-tengah^o mereka dan berkata, “Sejahteralah^p kamu!”

³⁷Mereka terkejut dan ketakutan, kerana menyangka mereka nampak hantu.^q ³⁸Tetapi Yesus

¹ Mereka mungkin teringat nubuat Yesus bahawa Dia akan bangkit semula pada hari ketiga. Akan tetapi, mereka masih tidak mampu memahami maksud penderitaan dan kematian Yesus.

^m ‘Kitab-Kitab Musa dan tulisan para nabi’ adalah merujuk kepada keseluruhan Perjanjian Lama.

ⁿ Adalah tidak jelas apakah penyebab mereka mampu mengenali Yesus. Ia mungkin disebabkan aksi-Nya ketika membahagi roti (ayat 35) ataupun bekas luka paku di tangan-Nya. Penjelasan yang lebih baik adalah detik tersebut adalah waktu Allah untuk menunjukkan kepada mereka bahawa lelaki tersebut adalah Anak-Nya. Bandingkan ini dengan ayat 16 ketika mereka dihalang daripada mengenali Yesus.

^o Menurut Injil Yohanes, Yesus dikatakan masuk ke dalam rumah walaupun pintu telah dikunci. Tubuh Yesus yang telah dibangkitkan semula tidak lagi terikat kepada had-had fizikal. Ini jelas dilihat melalui kemunculan dan keghaiban-Nya secara tiba-tiba. Tubuh yang baru ini adalah tubuh fizikal kerana boleh disentuh oleh mereka tetapi ia juga sangat berbeza. Inilah tubuh kebangkitan yang telah dimulihkan.

^p Ini adalah kata salam Yahudi yang lazim. ‘Sejahtera’ datang daripada perkataan Ibrani *Shalom*.

^q Kemunculan Yesus yang mengejutkan pasti memeranjatkan walaupun mereka baru sahaja bercakap-cakap tentang Dia. Tambahan lagi, Dia muncul secara mengejut meskipun pintu telah dikunci. Mereka menganggap Yesus sebagai hantu kerana masih belum faham bahawa Dia telah bangkit semula.



berkata kepada mereka, “Mengapa kamu takut? Mengapa hati kamu ragu-ragu? ³⁹Lihatlah tangan-Ku dan kaki-Ku. Inilah Aku! Jamahlah Aku, maka kamu akan tahu bahawa Aku bukan hantu kerana hantu tidak mempunyai daging atau tulang, sedangkan Aku mempunyainya.”

⁴⁰Yesus berkata demikian sambil menunjukkan tangan dan kaki-Nya kepada mereka. ⁴¹Mereka masih tidak dapat percaya, kerana terlalu gembira dan hairan. Yesus bertanya kepada mereka, “Adakah kamu mempunyai makanan di sini?”^s ⁴²Mereka memberikan sepotong ikan yang sudah dimasak kepada-Nya. ⁴³Yesus mengambil ikan itu dan makan di hadapan mereka.

⁴⁴Kemudian Dia berkata kepada mereka, “Inilah perkara-perkara yang telah Aku beritahu kamu

tatkala Aku masih bersama-sama kamu: Setiap perkara yang tertulis tentang diri-Ku di dalam Taurat Musa, Kitab Nabi-Nabi dan Mazmur^t mesti berlaku.”

⁴⁵Kemudian Yesus membuka fikiran^u mereka supaya memahami maksud Alkitab. ⁴⁶Yesus berkata kepada mereka, “Sudah tertulis bahawa Penyelamat yang diutus oleh Allah mesti mengalami penderitaan dan mesti bangkit daripada kematian pada hari ketiga. ⁴⁷Demi nama-Nya, perkhabaran bahawa manusia mesti bertaubat daripada dosa dan bahawa Allah akan mengampunkan dosa, mesti diisytiharkan kepada semua bangsa mulai dari Yerusalem. ⁴⁸Kamulah saksi semua perkara ini. ⁴⁹Aku akan mengirim apa yang telah dijanjikan^v oleh Bapa kepada kamu. Tetapi kamu mesti menunggu di kota ini sehingga kuasa daripada Allah turun kepada kamu.”

^r Yesus memanggil mereka untuk melihat dan menyentuh bahagian yang ditembusi oleh paku demi meyakinkan mereka bahawa Dia nyata dan bukannya hantu.

^s Permintaan-Nya untuk mendapatkan makanan membuktikan bahawa Dia benar-benar hidup dan tubuh-Nya nyata secara fizikal.

^t ‘Taurat Musa, Kitab Nabi-Nabi dan Mazmur’ adalah tiga bahagian di dalam Alkitab Ibrani. Yesus menunjukkan di sini bahawa tidak ada sebahagian pun daripada Firman Allah yang tidak memberikan kesaksian akan-Nya.

^u Dengan menjelaskan Firman Allah, Dia membantu mereka untuk memahami bahawa Kitab Suci menghalu kepada seorang Mesias yang akan menderita dan bangkit kembali. Dia juga menunjukkan kepada mereka bahawa Dia adalah Mesias tersebut.

^v Yesus merujuk kepada Roh Allah sebagai janji ‘kuasa daripada Allah’. Kedatangan-Nya menjadi kenyataan di dalam Kis 2:4. Murid-murid Yesus tidak seharusnya memikul tanggungjawab menyebarkan Injil dengan sendirian. Mereka harus menunggu Roh Kudus yang akan menjadi sumber kuasa untuk mereka.



Mari Fikir Sejenak

- Senaraikan perkara-perkara yang Yesus telah lakukan untuk anda.



Suatu Pegangan Hidup

Ketika Yesus memanggil kita untuk menjadi saksi-Nya, Dia hanya sekadar memanggil kita untuk mengongsikan perkara yang telah dilakukan-Nya di dalam hidup kita.



- Ambil senarai yang telah anda tulis di atas dan kongsikannya dengan beberapa orang rakan di minggu yang akan datang. Mintalah Roh Kudus untuk menguatkan anda ketika anda mengongsikan perkara tersebut dengan rakan-rakan anda.



III. Yesus Diangkat ke Syurga (ay. 50-53)

⁵⁰Kemudian Yesus membawa mereka ke luar kota sehingga ke Betania.^w Di situ Dia mengangkat tangan-Nya lalu memberkati^x mereka. ⁵¹Sementara Yesus memberkati mereka, Dia terangkat ke syurga,^y

lalu meninggalkan mereka. ⁵²Mereka sujud menyembah Dia, lalu balik ke Yerusalem dengan penuh kegembiraan. ⁵³Mereka sentiasa di Rumah Tuhan^a dan memuji Allah.



Teropong

^w Betania adalah tempat di mana Yesus memulakan perjalanan masuk ke Yerusalem dengan penuh kegembiraan dan kemeriahan. Oleh itu, adalah amat berpatutan bagi-Nya untuk diangkat ke syurga dari tempat tersebut.

^x Berkat terakhir Yesus untuk murid-murid-Nya sangat menyerupai kelakuan seorang imam. Sebagai Mesias yang telah dibangkitkan, Yesus mempunyai kewibawaan untuk memberkati umat-Nya dan memberikan jaminan bahawa Dia akan memberikan pertolongan syurgawi.

^y Perkara ini menandakan pemergian Yesus yang terakhir dari bumi dan juga status-Nya sebagai Anak Allah yang telah dimuliakan. Kemuliaan dan kuasa agung Yesus menjadi nyata kepada pengikut-pengikut-Nya. Kini mereka mempunyai bukti kukuh yang tidak boleh disangkal bahawa penghinaan di kayu salib adalah sebahagian daripada rancangan Allah untuk Anak-Nya. Kini setelah menyempurnakan rancangan Allah, Dia kembali ke syurga untuk bersama dengan Bapa-Nya.

^z Penyembahan yang dilakukan menunjukkan kini murid-murid Yesus telah mengenali identiti sebenar Yesus, Anak Allah yang ilahi.

^a Selang beberapa ketika selepas pengangkatan Yesus, mereka masih bertemu di Rumah Tuhan (*rujuk Kis 2:46*) di mana terdapat banyak bilik yang boleh digunakan untuk perjumpaan dilakukan.



Waktu Untuk Berdoa



Akhirnya, murid-murid Yesus mengenali identiti sebenar Yesus dan respon mereka adalah untuk menyembah Dia.

Anda kini telah tiba di penghujung pembelajaran tentang Injil Lukas dan respon anda seharusnya menyerupai mereka.

Yesus adalah Tuhan dan Penyelamat Anda. Dia kini telah ditinggikan di dalam hadirat Allah di syurga. Ambil sedikit masa untuk memuji dan menyembah Dia.



Senarai Rujukan

- Alexander, David and Pat, eds. *The Lion Handbook to the Bible* (England: Lion Publishing, 1973)
- Barclay, William. *The Gospel of Luke* (Philadelphia: the Westminster Press, 1956)
- Bromiley, Geoffrey W., et. al., eds. *The International Standard Bible Encyclopedia* (Grand Rapids : Eerdmans, 1988)
- Douglas, J.D. et. al., eds. *New Bible Dictionary* (Leicester: Intervarsity-Press, 1982)
- Geldenhuis, Norval. *Commentary on The Gospel of Luke. The New International Commentary on the New Testament* (Grand Rapids : Eerdmans, 1975)
- Gooding, David. *According to Luke*. (Grand Rapids: Eerdmans, 1987)
- Green Joel B. *The New International Commentary On The New Testament* (Grand Rapids : Eerdmans, 1997)
- Gundry, Robert H. *A Survey of the New Testament* (Carlisle: The Paternoster Press, 1994)
- Marshall, F. *The Gospel According to Luke* (Chandos Place: George Gill & Sons, 1952)
- Marshall Howard I. *Commentary on Luke. New International Greek Testament Commentary* (Grand Rapids: Eerdmans, 1987)
- NIV Bible Commentary* (Grand Rapids: Zondervan)
- NIV Bible Dictionary* (Grand Rapids: Zondervan)
- Punton, Anne. *The World Jesus Knew* (Crowborough: Olive Press 1996)
- Tasker, R.V.G., ed. *The Gospel According to St. Luke. Tyndale New Testament Commentaries* (Grand Rapids: Eerdmans, 1980)
- The Greek-English New Testament* (Washington: the Iversen-Norman Associates, 1975)
- The NIV Study Bible* Kenneth Barker, gen. ed. (Grand Rapids: Zondervan, 1985)
- Wilcock, Michael. *The Message of Luke. The Bible Speak Today* (Leicester: Inter-varsity Press, 1979)
-

